



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL

# JURNAL PERPADUAN 2026

VOLUME 1

**Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional**  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



**Reka Bentuk Kulit:**

Prof. Madya Dr. Ahmad Nasir Mohd Yusoff, JPKK, FEM, UPM

**Diterbitkan oleh:****Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Aras 7, Blok E2, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Putrajaya

Tel: 03-88837000

**Laman Sesawang:** <https://www.jpnin.gov.my>

**Jurnal Perpaduan Volume 1, 2026**

**Cetakan Pertama: Tahun 2026**

**eISSN :**

**Jurnal ini diterbitkan secara tahunan.**

**Hak Cipta Terpelihara.**

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian dari penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL

# JURNAL PERPADUAN 2026

VOLUME 1

**Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional**  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

**JAWATANKUASA PENERBITAN**  
**JURNAL PERPADUAN VOLUME 1, 2026**

**PENGERUSI**

Zulkifli Hashim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

**SETIAUSAHA**

Suraya Wen  
Pengarah  
Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional

**SIDANG EDITORIAL**

**Ketua Editor**

Profesor Dr. Ismi Arif Ismail

**Editor Eksekutif**

Profesor Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail  
Dr. Azlina Abdullah

**Editor**

Dr. Siti Nor Azhani Mohd Tohar  
Dr. Hayrol Azril M. Shaffril

**SEKRETARIAT**

Syahilawani Noordin  
Siti Soffiah Muhamad Taib

## **LEMBAGA PENASIHAT JURNAL PERPADUAN**

- 1. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin FASc**  
Felo Akademi Sains Malaysia  
Kursi UNESCO @ UKM (Komunikasi dan Kesepaduan Sosial);  
Pengarah Pengasas KITA
- 2. Profesor Dato' Dr. Sivamurugan Pandian**  
Profesor dalam bidang Sosiologi Politik / Sosiologi & Antropologi Sosial  
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia (USM)
- 3. Profesor Dr. Novel Lyndon**  
Profesor dalam Program Antropologi & Sosiologi Pusat Kajian  
Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 4. Profesor Dr. Haslinda Abdullah**  
Pengarah  
Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)
- 5. Profesor Madya Ts. Dr. Jessica Ong Hai Liaw**  
Pensyarah  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- 6. Dr. Masni Mat Dong**  
Pensyarah Kanan  
Department of Accountancy and Business  
Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology  
(TAR UMT)



BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.	i. Pendahuluan ii. Pengenalan iii. Matlamat dan skop iv. Maklumat penghantaran manuskrip v. Etika penerbitan vi. Manfaat penerbitan dalam Jurnal Perpaduan	8
2.	<b>Penilaian Instrumen Kajian Feelsafe JPNIN 2013 dalam Mengukur Persepsi Rasa Selamat Masyarakat</b> <i>Siti Soffiah Muhamad Taib</i>	13
3.	<b>Pengetahuan dan Persepsi Masyarakat Pelbagai Etnik terhadap Kedudukan Istimewa Orang Melayu dan Implikasi Hubungan Etnik di Malaysia</b> <i>Fairojibanu Zainal Abidin</i>	33
4.	<b>Hubungan Sosial Rentas Etnik: Peringkat Peribadi, Komuniti dan Institusi di Flat Taman Mewah, Kajang</b> <i>Wan Shazatul Aifa Wan Mohd Faisal, Azlina Abdullah</i>	58
5.	<b>Kesepaduan Nasional Penduduk Kawasan Rukun Tetangga di Malaysia</b> <i>Beh Sang How, Mohd Sobhi Ishak, Pue Giok Hun, Mansor Mohd Noor</i>	88
6.	<b>Struktur Sosial Masyarakat Kawasan Rukun Tetangga: Dinamika, Cabaran dan Strategi Memperkukuh Perpaduan di Malaysia</b> <i>Mohd Sobhi Ishak, Azizah Sarkowi, Mohd Mahadee Ismail, Shamsul Amri Baharuddin, Ahmad Zul Hakimi Hassim</i>	113
7.	<b>Tinjauan Literatur Sistemik (SLR) Kenyataan Berbau Kebencian di Malaysia</b> <i>Mohd Mahadee Ismail, Ku Hasnita Ku Samsu, Lee Yok Fee, Ratna Roshida Ab Razak, Mohd Sabri Md. Nor, Arfah Ab Majid, Zatul Himmah Adnan</i>	139



BIL	TAJUK	MUKA SURAT
8.	<b>Media Sosial sebagai Agen Pengukuhan Perpaduan: Analisis Kajian Lepas</b> <i>Jammaluddin Abdul Rahman, Intan Soliha Ibrahim</i>	170
9.	<b>Amalan Terbaik (Best Practices) Pemangkin Faktor Kesepaduan Sosial di Sabah dan Sarawak</b> <i>Suraya Sintang, Assis Kamu, Awang Azman Awang Pawi, Novel Lyndon, Lucy Sebli, Eko Prayitno Joko, Budi Anto Mohd. Tamring, Esther Jawing, Budi Anto Mohd. Billy Anak Valentine Jhir, Haru Rama Thever A/L Suppiah, Muhammad Ismail Aminuddin</i>	196
10.	<b>Analisis Jurang Kefahaman Masyarakat terhadap Pelaksanaan Dasar Sosial Malaysia: Suatu Penelitian Berasaskan Kajian Empirik Model al-Muwatanah</b> <i>Khairul Azhar Meerangani, Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Farhan Md Ariffin, Muhammad Safwan Harun, Sabariah Baharun, Hanim Salleh</i>	225
11.	<b>Integrasi Nasional Antara Sabah dan Semenanjung Malaysia dalam Konteks Federalisme</b> <i>Rina Abd Harun</i>	259
12.	<b>Panduan Penulisan Artikel Bagi Penerbitan Jurnal Perpaduan</b>	289
13.	<b>Maklumat korporat IKLIN</b>	298

*JURNAL PERPADUAN*    *VOLUME 1, 2026*

# ***PENDAHULUAN***

## PENDAHULUAN

### PENGENALAN JURNAL

Jurnal Perpaduan ialah sebuah jurnal ilmiah dwibahasa yang memberi tumpuan kepada penerbitan karya akademik berkualiti tinggi berkaitan isu, dasar dan amalan perpaduan dalam masyarakat majmuk. Jurnal ini menjadi wadah penting bagi penyelidik, pembuat dasar dan pengamal untuk berkongsi dapatan penyelidikan, analisis dasar serta wacana konseptual yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan nasional dan keharmonian sosial.

Dengan mengambil kira konteks Malaysia sebagai sebuah negara berbilang etnik, agama dan budaya, jurnal ini turut memperluas perbincangan ke peringkat serantau khususnya ASEAN, bagi membolehkan perbandingan, pembelajaran bersama dan perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan kepelbagaian dan pembinaan kohesi sosial. Jurnal ini menyokong aspirasi pembangunan negara dan selari dengan agenda Malaysia MADANI, keadilan sosial serta pembangunan masyarakat inklusif.

### MATLAMAT DAN SKOP

#### *Matlamat*

Jurnal Perpaduan bertujuan untuk:

1. Menyediakan platform ilmiah yang berwibawa bagi penerbitan penyelidikan dan wacana akademik berkaitan perpaduan nasional dan kohesi sosial.
2. Menyumbang kepada pembentukan dasar awam berasaskan bukti dalam bidang perpaduan, integrasi sosial dan keharmonian masyarakat.
3. Menggalakkan dialog antara akademik, pembuat dasar dan pengamal dalam memperkukuh perpaduan dalam masyarakat majmuk di Malaysia dan rantau ASEAN.
4. Memperkaya literatur tempatan dan serantau yang relevan dengan cabaran semasa dan masa hadapan berkaitan perpaduan.

## Skop

Jurnal ini menerima sumbangan yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, bidang berikut:

1. Konsep, teori dan kerangka perpaduan nasional dan kohesi sosial.
2. Perpaduan Nasional dan Pembinaan Negara Bangsa
3. Rukun Negara sebagai asas ideologi kebangsaan dalam konteks perpaduan
4. Hubungan etnik, agama dan budaya dalam masyarakat majmuk.
5. Konflik sosial, ekstremisme, polarisasi, prejudis, stereotaip dan diskriminasi
6. Dasar awam, tadbir urus dan institusi berkaitan perpaduan.
7. Federalisme, autonomi wilayah dan kesannya terhadap perpaduan
8. Politik, Demokrasi dan Kesepaduan Sosial
9. Pendidikan, sosialisasi, belia dan pembinaan identiti nasional
10. Keselamatan Insan, Keselamatan Sosial dan Ketahanan Nasional
11. Peranan Rukun Tetangga, komuniti, masyarakat sivil dan kepimpinan akar umbi
12. Media, komunikasi, teknologi digital, kecerdasan buatan (AI) dan naratif perpaduan
13. Analisis perbandingan perpaduan dalam konteks Malaysia dan antarabangsa
14. Inisiatif dan amalan terbaik yang selari dengan agenda Malaysia MADANI dan pembangunan mampan

## MAKLUMAT PENGHANTARAN MANUSKRIP

Jurnal Perpaduan menerima sumbangan manuskrip dalam bentuk:

1. Artikel Penyelidikan (Research Articles)
2. Artikel Ulasan (Review Articles)
3. Artikel Dasar / Polisi (Policy Papers)
4. Kajian Kes, Wacana Ilmiah dan Refleksi Akademik

Ciri-ciri utama penyerahan manuskrip:

1. Manuskrip boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
2. Semua manuskrip mesti merupakan karya asli dan tidak sedang dipertimbangkan untuk penerbitan di jurnal lain.
3. Setiap manuskrip akan melalui proses penilaian tertutup.
4. Jurnal ini menggalakkan penulisan yang berasaskan metodologi yang mantap, analisis kritikal serta sumbangan jelas kepada teori, dasar atau amalan.
5. Garis panduan penulisan terperinci, format rujukan dan templat manuskrip akan disediakan di laman web jurnal.

## ETIKA PENERBITAN

Jurnal Perpaduan komited untuk mengekalkan standard etika penerbitan yang tinggi dan mematuhi amalan terbaik antarabangsa selaras dengan prinsip *Committee on Publication Ethics* (COPE).

### Prinsip etika utama termasuk:

1. Keaslian karya dan larangan plagiarisme dalam apa jua bentuk.
2. Pendedahan konflik kepentingan oleh penulis, editor dan penilai.
3. Ketelusan dalam proses penilaian tertutup.
4. Pengendalian aduan, pembedahan dan penarikan balik artikel secara beretika dan profesional.
5. Hormat terhadap prinsip penyelidikan beretika, termasuk perlindungan peserta kajian dan data.

Sidang Editorial bertanggungjawab memastikan semua keputusan penerbitan dibuat secara adil, bebas dan berasaskan merit akademik.

## MANFAAT PENERBITAN DALAM JURNAL PERPADUAN

Jurnal Perpaduan menawarkan platform penerbitan yang strategik dan berimpak tinggi kepada penyelidik, pembuat dasar dan pengamal yang terlibat dalam kajian berkaitan perpaduan dan kohesi sosial.

## Sebab utama menerbitkan dalam jurnal ini:

### 1. ***Fokus Tematik yang Jelas dan Relevan***

Jurnal ini memberi tumpuan khusus kepada isu perpaduan, integrasi sosial dan keharmonian masyarakat, menjadikannya medium yang tepat untuk penyelidikan yang berasaskan konteks masyarakat majmuk, khususnya di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

### 2. ***Penghubung antara Akademik, Dasar dan Amalan***

Selain artikel penyelidikan, jurnal ini menerima artikel dasar dan kertas konsep, membolehkan dapatan akademik diterjemahkan kepada implikasi polisi dan amalan lapangan yang bermakna.

### 3. ***Konteks Serantau dengan Relevan Global***

Penekanan terhadap Malaysia dan peringkat antarabangsa membolehkan analisis perbandingan dan perkongsian amalan terbaik yang relevan dengan cabaran global berkaitan kohesi sosial, kepelbagaian dan tadbir urus masyarakat majmuk.

### 4. ***Selari dengan Agenda Nasional dan Serantau***

Jurnal ini menyokong aspirasi Malaysia MADANI, pembangunan inklusif dan keharmonian sosial, serta inisiatif serantau dan antarabangsa dalam mempromosikan keamanan dan kestabilan sosial.

### 5. ***Proses Penilaian Tertutup yang Telus dan Berkualiti***

Semua manuskrip dinilai melalui proses tertutup yang ketat bagi memastikan kualiti akademik, integriti penyelidikan dan sumbangan ilmiah yang signifikan.

### 6. ***Penerbitan Dwibahasa***

Penerimaan manuskrip dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris memperluas capaian pembaca tempatan dan antarabangsa, serta mengangkat wacana ilmiah dalam bahasa kebangsaan ke peringkat global.

### 7. ***Komitmen ke Arah Pengindeksan Kebangsaan dan Antarabangsa***

Jurnal ini dibangunkan mengikut piawaian penerbitan antarabangsa dan disusun secara strategik untuk memenuhi keperluan pengindeksan seperti MyJurnal, MySitasi, Scopus dan Web of Science (WoS) sekali gus meningkatkan keterlihatan dan impak sitasi penulis.

***PENILAIAN INSTRUMEN  
KAJIAN FEELSAFE JPNIN  
2013 DALAM MENGUKUR  
PERSEPSI RASA SELAMAT  
MASYARAKAT***

***PENULIS:***

**SITI SOFFIAH MUHAMAD TAIB**

# PENILAIAN INSTRUMEN KAJIAN *FEELSAFE* JPNIN 2013 DALAM MENGUKUR PERSEPSI RASA SELAMAT MASYARAKAT

**SITI SOFFIAH MUHAMAD TAIB**

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara  
dan Integrasi Nasional  
soffiah.taib@perpaduan.gov.my

## ABSTRAK

Perasaan selamat bagi individu dan komuniti yang merujuk kepada keadaan bebas daripada ancaman yang melibatkan keselamatan nyawa, keluarga, jiran tetangga dan harta benda adalah berkait rapat dengan kesejahteraan dan kualiti hidup. Di Malaysia, kajian tentang rasa selamat masyarakat dalam kawasan Skim Rondaan Sukarela (SRS) telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bermula tahun 2013. Berasaskan hujah Teori Hierarki Keperluan Maslow bahawa keselamatan individu adalah berada di tahap kedua keperluan penting dalam kehidupan individu, maka penilaian instrumen Kajian Persepsi Rasa Selamat (*Feelsafe*) JPNIN 2013 dijalankan bagi memastikan keberkesanan rondaan komuniti yang dilaksanakan. Makalah ini bertujuan membincangkan proses penilaian semula instrumen kajian *Feelsafe* JPNIN 2013 khususnya penelitian terhadap pembangunan item soal selidik yang dapat mengukur keberkesanan rondaan SRS terhadap tahap rasa selamat masyarakat. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual melibatkan enam orang pegawai perpaduan yang terlibat dalam Kajian *Feelsafe* JPNIN di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat tiga tema utama yang penting dalam menambah baik instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN 2013 iaitu: (1) latar belakang informan yang lengkap, (2) situasi penempatan dan (3) persetujuan informan untuk mengaplikasi model kajian *Feelsafe* dari negara lain. Implikasinya penilaian semula ini memberi panduan kepada JPNIN untuk melaksanakan Kajian *Feelsafe* yang lebih empirikal dan memberi impak yang lebih komprehensif kepada masyarakat.

Kata kunci: Persepsi rasa selamat, Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela (SRS), Keselamatan, Instrumen Kajian

## ABSTRACT

*The feeling of safety for individuals and communities, referring to the condition of being free from threats related to the safety of life, family, neighbours and property, is closely linked to well-being and quality of life. In Malaysia, the Feelsafe study within the Volunteer Patrol Scheme (SRS) has been conducted by the Department of National Unity and Integration (JPNIN) since 2013. Based on Maslow's Hierarchy of Needs Theory, which positions individual safety as the second most important need in a person's life, Thus, the assessment on the instrument of Feelsafe JPNIN 2013 was carried out to assess the effectiveness of community patrols. This paper aims to discuss the reassessment process of the Feelsafe JPNIN 2013 study instrument, particularly focusing on the development of survey items that can measure*

*the effectiveness of community patrols based on the community's sense of safety. The study was conducted using a qualitative approach through interviews involving six JPNIN officers who were involved in the Feelsafe JPNIN study in the Northern Zone of Peninsular Malaysia. The results of the study revealed three main themes that are important for improving the Feelsafe JPNIN 2013 instrument: (1) a comprehensive background of the informants, (2) residential context, and (3) the informants' agreement to apply the Feelsafe study model from other countries. The implication of this reassessment is to provide guidance to JPNIN for conducting a more empirical Feelsafe study with a more comprehensive impact on the community.*

**Keywords:** *Feelsafe perception, Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela (SRS), Safety, Research instrument*

## PENGENALAN

Perasaan selamat bagi individu dan komuniti sangat berkait rapat dengan kesejahteraan serta kualiti hidup masyarakat. Persepsi rasa selamat merujuk kepada keadaan bebas daripada ancaman yang melibatkan keselamatan nyawa, keluarga, jiran tetangga dan harta benda seperti tempat tinggal dan kenderaan (Norwahidah & Lyndon, 2016). Tiga aspek utama yang mempengaruhi rasa selamat individu ialah:

1. Aspek individu seperti jantina, usia, etnik, agama, pemilikan rumah dan tahap pendidikan;
2. Aspek fizikal merangkumi reka bentuk kejuruan, kualiti perumahan, kemudahan dan kadar jenayah; dan
3. Aspek sosial yang melibatkan hubungan kejuruan, rasa kepunyaan, penglibatan komuniti dan kualiti hidup bermasyarakat

Dalam konteks Malaysia, usaha untuk memastikan keselamatan komuniti diterajui melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang berperanan sebagai Organisasi Berasaskan Komuniti. KRT ditubuhkan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751] dan diselia oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Menurut Seksyen 8 Akta 751, Anggota Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (AJKRT) bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang menggalakkan semangat kejuruan dan perpaduan, memantau isu konflik, menjalankan program keselamatan, menyediakan pengantaraan dalam perselisihan, serta melaksanakan arahan Ketua Pengarah JPNIN.

Antara inisiatif utama di bawah KRT ialah penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang berperanan menjalankan rondaan keselamatan dalam komuniti secara sukarela. Berdasarkan Seksyen 18(1) Akta 751, anggota SRS ditugaskan meronda di kawasan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah JPNIN mengikut keperluan dan jadual ditetapkan. Pelaksanaan ini disokong melalui dasar seperti Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Kementerian Dalam Negeri serta Program Bandar Selamat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang memberi keutamaan kepada penglibatan komuniti dalam membanteras jenayah tempatan (Norwahidah & Lyndon, 2016).

Namun begitu, isu jenayah di kawasan perumahan masih menjadi cabaran besar. Rasidah dan Aldrin (2008) melaporkan bahawa kes pecah rumah pada waktu siang meningkat daripada 8,253 kes (2006) kepada 9,159 kes (2007), manakala pada waktu malam meningkat daripada 19,060 kepada 24,440 kes dalam tempoh yang sama. Sebagai tindak balas, Kerajaan Malaysia telah meluluskan peluasan SRS pada tahun 2004, dengan sasaran penubuhan 300 skim baharu setiap tahun. Pada tahun penubuhannya, sebanyak 228 skim telah dilancarkan dan menjelang September 2017, jumlah tersebut meningkat kepada 5,004 skim di seluruh negara (JPNIN, 2017).

Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan SRS ini, JPNIN telah membangunkan instrumen Kajian Persepsi Rasa Selamat (Feelsafe) pada tahun 2013. Kajian ini menjadi salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, dengan sasaran 60% penduduk di kawasan rondaan SRS merasai perasaan selamat dalam komuniti mereka. Kajian ini dijalankan secara berkala dua kali setahun, namun atas sebab-sebab tertentu ia telah dihentikan sementara pada tahun 2021 untuk penambahbaikan instrumen (JPNIN, 2013).

Walaupun kajian ini penting sebagai penanda aras bagi menilai keberkesanan rondaan komuniti, penilaian menyeluruh terhadap instrumen Kajian Feelsafe JPNIN 2013 ini masih belum pernah dijalankan. Menurut Ham (2015), penilaian program sosial merupakan satu mekanisme penting untuk menilai keberkesanan pelaksanaan, pencapaian objektif dan penambahbaikan sistem penyampaian.


Justeru itu, sebuah penyelidikan bertajuk Penilaian Instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN 2013 dalam Mengukur Persepsi Rasa Selamat Masyarakat telah dijalankan pada tahun 2018 untuk menilai semula instrumen kajian ini agar ia dapat ditambah baik secara empirikal dan memberikan gambaran yang lebih tepat dan komprehensif terhadap persepsi rasa selamat masyarakat di kawasan SRS.

## SOROTAN LITERATUR

### Keputusan Keselamatan berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow

Penilaian semula terhadap Kajian Persepsi Rasa Selamat oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) adalah penting untuk memastikan pelaksanaannya kekal relevan dengan kesejahteraan masyarakat semasa. Antara asas justifikasi kajian ini adalah berkait rapat dengan Teori Hierarki Keperluan Maslow yang menekankan keselamatan sebagai salah satu keperluan asas manusia.

Abraham Maslow (1908–1970) menyatakan, manusia mempunyai keperluan asas yang perlu dipenuhi untuk mencapai kepuasan dalam diri mereka sendiri. Terdapat lima (5) tahap keperluan yang perlu dipenuhi mengikut peringkat (Shadiya et al., 2015).



**Rajah 1: Peringkat Keperluan Berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (Masri et al, 2018)**

Berdasarkan teori ini, keperluan keselamatan merupakan keperluan kedua terpenting yang perlu dipenuhi dalam diri individu. Kegagalan untuk memenuhi keperluan ini akan menyebabkan individu tertentu tidak dapat memenuhi potensi diri dan kesempurnaan seterusnya mempengaruhi kesejahteraan psikologi individu tersebut. Menurut Maslow, faktor keselamatan perlu dipenuhi sehingga 70% untuk mencapai kepuasan melalui tiga perkara iaitu keselamatan individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan. Dari segi keselamatan individu, perasaan takut terhadap jenayah telah menjadi masalah sosial yang serius yang membawa kepada reaksi sosial. Manakala dari segi keselamatan harta benda, kes jenayah melibatkan harta benda masih mengalami peningkatan kadar walaupun Program Bandar Selamat telah dilaksanakan (Azita Ali et al., 2015).

Shepherdson (2014) menyatakan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi persepsi rasa selamat dan ketakutan terhadap jenayah antaranya adalah:

**1. Gender:**

Wanita mempunyai ketakutan yang lebih tinggi terhadap jenayah kerana risau menjadi mangsa seksual dan keganasan oleh pasangan.

**2. Umur:**

Warga tua lebih takut untuk berada di rumah keseorangan manakala warga muda takut berada di tempat awam kerana suka mendedahkan diri sendiri dengan risiko.

**3. Status sosio ekonomi:**

Kemiskinan menyebabkan persepsi rasa selamat yang rendah kerana terpaksa mendiami kawasan perumahan yang berisiko, sesak dan dihuni oleh kejiwaan yang tidak selamat. Ia juga berkaitan dengan kemiskinan yang disebabkan kehilangan pekerjaan, hutang dan pajak gadai.

**4. Pengalaman:**

Pengalaman menjadi mangsa jenayah akan meningkatkan perasaan tidak selamat seperti mangsa rompakan, mangsa keganasan dan mangsa ugutan.

**5. Etnik:**

Masyarakat dari etnik minoriti mempunyai persepsi rasa selamat yang rendah terutama apabila mendiami kawasan atau negara yang mementingkan perkauman.

**6. Media:**

Pendedahan berita keganasan atau jenayah yang dilihat melalui media menyebabkan persepsi rasa selamat yang rendah.

**7. Faktor Kejiranan:**

Jiran yang tenang dan mempunyai kehidupan sosial yang baik akan meningkatkan persepsi rasa selamat berbanding jiran yang selalu membuat kerosakan seperti vandalisma, pergaduhan sesama ahli keluarga dan mabuk. Keadaan kawasan kejiranan juga mempengaruhi seperti kurang pencahayaan dan persekitaran yang kotor.

**8. Kurang Kesepaduan Kejiranan:**

Semangat kejiranan yang kurang akan merendahkan tahap persepsi rasa selamat masyarakat. Kurang interaksi, tidak mengenali jiran, tiada aktiviti kejiranan dan mementingkan diri sendiri adalah penyebab kepada persepsi rasa selamat yang kurang.

**9. Lokasi Spesifik:**

Masyarakat akan merasa kurang selamat apabila berada di lokasi yang dikenalpasti tidak selamat seperti di dalam pengangkutan awam atau di kawasan yang dikenalpasti kawasan jenayah atau pelacuran dan penagihan dadah.

### **Garis Panduan Pengendalian Kajian Persepsi Rasa Selamat JPNIN Tahun 2013**

Kajian Persepsi Rasa Selamat merupakan penanda aras dan alat pengukuran perkhidmatan SRS di kawasan komuniti. Pelaksanaan kajian ini dikendalikan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di Peringkat Negeri dan Daerah bermula 24 Jun 2013 (JPNIN, 2013). Kajian Feelsafe JPNIN mempunyai objektif untuk:

1. Menilai tahap rasa selamat komuniti dalam kawasan Skim Rondaan Sukarela.
2. Menilai tahap sokongan komuniti terhadap Skim Rondaan Sukarela.
3. Menilai tahap keaktifan Skim Rondaan Sukarela.

Kajian *Feelsafe* JPNIN menggunakan Borang Soal Selidik Rukun Tetangga (RT) untuk mendapatkan data. Terdapat empat (4) item yang digunakan bagi mengukur persepsi rasa selamat penduduk yang merangkumi perkara berikut:

1. Keterlibatan penduduk dalam rondaan SRS
2. pelaksanaan aktiviti pencegahan jenayah oleh SRS dalam kawasan komuniti,
3. Keberkesanan aktiviti KRT dan SRS kepada kesejahteraan komuniti
4. Persepsi rasa selamat.

Kajian ini dilaksanakan dua (2) kali setahun dengan tujuan untuk menilai SRS secara berkala dan berterusan. Ia menggunakan kaedah kuantitatif iaitu pengedaran Borang Soal Selidik Rukun Tetangga dan dianalisis menggunakan format *Software Package Used for Statistical Analysis (SPSS)* (JPNIN Nasional, 2013). Borang Soal Selidik Rukun Tetangga ini telah dibina oleh Bahagian Dasar dan Perancangan JPNIN dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU).

Kutipan data dilaksanakan oleh pegawai JPNIN peringkat daerah dengan hasil kutipan sekurang-kurangnya 50 borang soal selidik bagi setiap SRS. Penganalisan borang dilaksanakan oleh penyelaras kajian di peringkat JPNIN daerah sebelum dihantar ke peringkat JPNIN negeri. Kemudian penyelaras kajian di peringkat negeri akan menggabungkan hasil kajian setiap daerah untuk mendapatkan hasil analisis peringkat JPNIN negeri. Hasil keputusan analisis kajian *Feelsafe* adalah dikira dengan melihat purata jumlah jawapan informan seperti berikut:

1. KPI **tercapai** apabila hasil analisis mencapai 2.4 hingga 4 iaitu 60% hingga 100% penduduk di kawasan SRS merasa selamat.
2. KPI **tidak tercapai** apabila hasil analisis adalah 0 hingga 2.3 iaitu 0% hingga 59.9% penduduk di kawasan SRS merasa selamat.

### **Kepentingan Penilaian Semula Keberkesanan Kajian Persepsi Rasa Selamat JPNIN**

Kaedah penilaian program diguna pakai bergantung kepada tahap pelaksanaan program tersebut sama ada belum bermula, sedang bermula, telah dilaksanakan dan hampir tamat. Menurut Rossi, Lipsey dan Freeman (2004), penilaian program adalah aplikasi sistematik terhadap kaedah saintifik untuk menilai reka bentuk, pelaksanaan, penambahbaikan dan hasil sesuatu program. Misi dan tujuan Penilaian Program dalam kerja sosial adalah untuk

menyediakan maklumat bagi penambahbaikan program sosial (Mizrahi dan David, 2008).

Berdasarkan *National Association of Social Workers* (2017), salah satu tanggungjawab etika pekerja sosial adalah pekerja sosial harus memantau dan menilai dasar, pelaksanaan program dan amalan intervensi yang digunakan. Ini bagi memastikan dasar dan program yang dilaksanakan sentiasa menepati matlamat dan objektif yang telah ditentukan.

Kajian ini adalah penting kerana ia merupakan penilaian pertama terhadap Kajian Feelsafe JPNIN 2013 dan permulaan kepada kajian yang lebih meluas pada masa akan datang. Dapatan penilaian semula ini akan memberikan panduan kepada JPNIN dalam menggubal instrumen kajian yang lebih inklusif untuk menilai persepsi rasa selamat dengan lebih tepat seterusnya menjadi rujukan penting kepada agensi kerajaan dan pihak berkepentingan dalam menilai keberkesanan Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN). JPNIN akan dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memastikan setiap lapisan masyarakat dapat hidup dalam suasana yang aman, harmoni dan sejahtera penggubalan inisiatif baharu yang lebih berpaksikan data dan keperluan sebenar komuniti.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana penyelidik menjalankan pengumpulan data melalui kaedah temu bual secara berstruktur melibatkan enam orang Pegawai JPNIN di Zon Utara Semenanjung Malaysia yang juga merupakan penyelaras bagi Kajian *Feelsafe*. Kaedah pensampelan bertujuan diaplikasikan dengan mengambil kira kriteria informan seperti berikut:

1. Pegawai Perpaduan yang telah bertugas sebagai penyelaras Kajian *Feelsafe* selama tiga tahun di daerah masing-masing.
2. Pegawai Perpaduan yang telah mendapat latihan dan kursus dalam melaksanakan kutipan data Kajian *Feelsafe* ini lebih dari dua kali.
3. Pegawai Perpaduan yang bertugas melaksanakan analisis data Kajian *Feelsafe* selama tiga tahun.

Kaedah analisis yang diguna pakai dalam kajian ini adalah analisis tematik yang dilaksanakan oleh penyelidik secara konvensional. Analisis tematik adalah satu kaedah yang sistematik dalam mengenal pasti, menyusun dan melihat secara mendalam untuk mendapatkan corak makna (tema) merentasi satu set data. Menurut Thomas dan Harden (2007), analisis tematik adalah satu proses yang boleh digunakan di dalam kaedah kualitatif untuk mengenal pasti tema. Kaedah ini membenarkan penyelidik untuk melihat dan memahami makna terhadap pengalaman kolektif yang dikongsi oleh informan.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil temu bual informan, penyelidik telah mengenal pasti beberapa tema yang wujud dalam menyediakan instrumen Kajian Persepsi Rasa Selamat yang berkesan seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Instrumen Kajian Persepsi Rasa Selamat yang Berkesan**

Bil	Perkara	Perincian	Frekuensi	Peratus
1.	Latar belakang informan kajian yang terperinci	Jenis kediaman dan kawasan penempatan	5	83%
		Pendidikan, pendapatan dan pekerjaan	5	83%
2.	Situasi dalam Penempatan	Tahap permuafakatan penduduk, konflik, punca tidak selamat dan penagihan dadah	5	83%
3.	Persetujuan informan dalam mengaplikasi Model-Model Kajian Feelsafe dari negara lain	<i>Rotorua Perceptions of Safety Survey 2014</i>	6	100%
		<i>Community Indicators Victoria Survey</i>	2	33%
		<i>Community Perception of Brownsville 2010</i>	2	33%

### 1. Latar Belakang Informan yang Terperinci

Dapatan kajian mendapati bahawa untuk mendapatkan penilaian rasa selamat yang berkesan, maklumat latar belakang informan perlulah terperinci antaranya adalah jenis pekerjaan, jenis kediaman, tahap pendidikan, jumlah pendapatan dan nama penempatan.

Berdasarkan Jadual 1, lima (5) informan mencadangkan bahawa jenis kediaman dan kawasan penempatan perlu dimasukkan dalam instrumen Kajian *Feel/safe* JPNIN untuk mendapatkan penilaian rasa selamat yang lebih berkesan. Informan A menyatakan jenis kediaman seperti banglo, rumah teres dan flat dapat mencerminkan perbezaan tahap rasa selamat dalam kalangan penduduk, yang berkemungkinan besar dipengaruhi oleh faktor kepadatan populasi serta tahap tekanan harian yang dialami. Sementara itu, informan B dan C turut menyatakan bahawa latar belakang pendidikan dan jenis pekerjaan seseorang turut memberi kesan signifikan terhadap pembentukan persepsi rasa selamat dalam persekitaran tempat tinggal mereka.

Hal ini kerana individu yang memiliki tahap pendidikan yang lebih tinggi lazimnya mempunyai akses kepada maklumat keselamatan, kefahaman tentang hak sebagai warganegara, serta kemahiran membuat keputusan yang lebih berasaskan rasional. Ini secara tidak langsung meningkatkan keyakinan dan keupayaan mereka untuk menilai tahap risiko serta mengambil langkah berjaga-jaga yang bersesuaian.

Dalam masa yang sama, jenis pekerjaan juga memainkan peranan penting, kerana pekerjaan yang stabil dan berpendapatan tetap boleh mengurangkan tekanan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan psikososial seseorang. Individu yang bekerja dalam sektor profesional atau pengurusan mungkin lebih cenderung tinggal di kawasan yang dilengkapi ciri keselamatan fizikal yang lebih baik seperti pengawasan CCTV atau rondaan keselamatan, sekali gus menyumbang kepada persepsi rasa selamat yang lebih tinggi berbanding mereka yang tinggal di kawasan berisiko tinggi akibat keterbatasan pilihan perumahan.

Informan turut menyatakan bahawa kategori kawasan penempatan, seperti perkampungan dan kawasan setinggan amat penting untuk memahami corak rasa selamat penduduk. Maklumat ini juga boleh membantu balai polis setempat dalam meningkatkan tahap rasa selamat masyarakat dalam kawasan di bawah penyeliaan mereka.

Selain dari maklumat latar belakang dan status KRT dan SRS, dapatan kajian menunjukkan bahawa situasi penempatan juga merupakan satu perkara yang perlu dimasukkan dalam kajian untuk mendapatkan penilaian rasa selamat yang berkesan. Antara situasi penempatan yang dicadangkan oleh informan adalah seperti tahap permuafakatan

penduduk, konflik, punca rasa tidak selamat dan masalah penagihan dadah.

## 2. Situasi dalam Penempatan

Berdasarkan Jadual 1, lima (5) orang informan mencadangkan agar situasi dalam penempatan dijadikan sebagai salah satu komponen penting dalam instrumen Kajian Persepsi Rasa Selamat. Antara elemen yang dicadangkan ialah tahap permuafakatan penduduk, konflik dalam komuniti, punca rasa tidak selamat serta isu penagihan dadah di kawasan tersebut. Menurut informan, faktor-faktor ini mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan persepsi rasa selamat dalam kalangan penduduk. Permuafakatan dalam kalangan komuniti, semangat kejiiran dan kerjasama sosial mampu mewujudkan persekitaran yang harmoni dan selamat serta berfungsi sebagai benteng awal dalam mencegah jenayah dan masalah sosial.

Menurut informan juga, ketiadaan lampu jalan, kejadian pecah rumah, vandalisme serta kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang turut menyumbang kepada rasa tidak selamat dalam kalangan penduduk. Persepsi terhadap tahap keselamatan tidak semestinya hanya berasaskan statistik jenayah, tetapi turut dipengaruhi oleh pengalaman peribadi dan maklumat daripada media sosial serta komuniti setempat.

Manakala, konflik dalam komuniti seperti perselisihan antara penduduk, masalah kejiiran atau ketegangan antara kaum dan agama boleh menjejaskan rasa aman dan meningkatkan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Konflik yang tidak ditangani dengan baik boleh mencetuskan ketegangan yang berpanjangan dan mencipta persepsi bahawa sesuatu kawasan itu tidak lagi selamat untuk didiami, terutamanya apabila ia melibatkan unsur diskriminasi atau keganasan.

Isu penagihan dadah pula merupakan indikator sosial yang kritikal kerana ia bukan sahaja menjejaskan individu, malah berisiko mencetuskan gelombang jenayah kecil hingga jenayah berat dalam komuniti seperti kecurian, keganasan rumah tangga dan pengedaran bahan terlarang. Kewujudan penagih atau aktiviti berkaitan dadah di kawasan kejiiran sering kali dikaitkan secara langsung dengan rasa tidak selamat, terutamanya apabila tiada tindakan proaktif diambil oleh pihak berwajib atau komuniti sendiri.

Informan turut mencadangkan supaya instrumen Kajian *Feelsafe* menyediakan ruang untuk mendapatkan maklumat tentang lokasi utama penagihan dadah atau kegiatan jenayah dan jumlah penagih yang disyaki serta lokasi jenayah di dalam kawasan komuniti. Ini bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil langkah yang berkesan untuk menangani dan membanteras penyalahgunaan dadah dan jenayah dalam kawasan komuniti.

Informan turut memaklumkan bahawa kewujudan Rukun Tetangga (RT) dan status kewujudan Skim Rondaan Sukarela (SRS) adalah maklumat penting yang perlu dimasukkan dalam instrumen Kajian *Feelsafe* bagi mendapatkan penilaian rasa selamat yang berkesan. Maklumat status RT dan SRS bertujuan untuk melihat perbezaan rasa selamat penduduk antara kawasan yang mempunyai KRT/ SRS dengan kawasan yang tidak mempunyai KRT/SRS. Begitu juga dengan keaktifan KRT/SRS yang akan memberikan satu gambaran tentang keberkesanan pelaksanaan aktiviti KRT dan SRS. Ini kerana, berdasarkan maklumat informan, jelas kelihatan perbezaan antara kawasan yang menubuhkan RT dan SRS dari segi kesejahteraan dan keselamatan kawasan tersebut.

### **3. Persetujuan Informan dalam Mengaplikasi Model-Model Kajian *Feelsafe* dari Negara Lain**

Bagi mendapatkan instrumen yang lengkap dan boleh menilai persepsi rasa selamat secara inklusif, penyelidik telah mengedarkan instrumen *Rotorua Perceptions of Safety Survey 2014* dan *General Social Survey 2006 Victoria* supaya informan boleh membuat perbandingan antara instrumen yang telah diedarkan dengan instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN 2013. Berdasarkan jadual 1, keenam-enam informan memilih *Rotorua Perceptions of Safety Survey 2014* sebagai model terbaik untuk dijadikan rujukan dalam menambah baik instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN kerana lebih tepat dan terperinci. Manakala *General Social Survey 2006 Victoria* dan *Community Perception of Brownsville 2010* juga turut menjadi pilihan dua orang informan.

Informan memaklumkan bahawa *Rotorua Perceptions of Safety Survey 2014* adalah contoh terbaik untuk menilai persepsi rasa selamat kerana ia menitikberatkan pelbagai perkara keselamatan yang merangkumi persepsi rasa selamat secara keseluruhan ketika berada di pusat perniagaan, di kawasan kejiranan, di kawasan meletak kereta, ketakutan

terhadap pemabuk dan penagih dadah serta kesedaran penduduk untuk melakukan inisiatif untuk mengurangkan jenayah. Informan turut menyatakan bahawa item yang diletakkan di bawah bahagian keselamatan di kawasan kejiranan sangat bersesuaian diaplikasikan oleh Kajian *Feelsafe* JPNIN.

Walau bagaimanapun, menurut dua informan, terdapat item-item di dalam *Community Indicators Victoria Survey 2007* dan *Community Perception of Brownsville 2010* yang boleh diaplikasikan dalam Kajian *Feelsafe* JPNIN seperti berikut:

**Jadual 2: Perbandingan Instrumen Model-Model Kajian Feelsafe dari Negara Lain**

Bil	Indikator	Item yang Boleh Diaplikasikan
1.	<i>Rotorua Perceptions of Safety Survey 2014</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menilai persepsi rasa selamat informan pada waktu siang dan malam</li> <li>ii. Menilai perasaan selamat informan ketika di rumah pada waktu siang dan malam</li> <li>iii. Menilai perasaan selamat informan ketika berada di kawasan kejiranan pada waktu siang dan malam</li> <li>iv. Punca rasa tidak selamat</li> <li>v. Tindakan informan dalam mengurangkan perasaan tidak selamat</li> </ul>
2.	<i>Community Indicators Victoria Survey 2007</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kejadian jenayah atau kekerasan yang dialami informan secara peribadi sepanjang berada dalam kawasan kejiranan.</li> <li>ii. Penyertaan aktiviti secara sukarela oleh informan dan organisasi yang disertai serta tempoh penyertaan</li> </ul>

Bil	Indikator	Item yang Boleh Diaplikasikan
3.	<i>Community Perception of Brownsville 2010</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sebanyak 18 isu jenayah disenaraikan dalam instrumen kajian bagi membolehkan informan membuat penandaan terhadap kejadian yang berlaku dalam komuniti setempat.</li> <li>ii. Sebanyak 21 isu berkaitan masalah remaja dalam kawasan komuniti setempat disenaraikan untuk dijawab oleh informan.</li> <li>iii. Sebanyak 4 soalan disenaraikan berkaitan masalah kanak-kanak dalam kawasan komuniti.</li> <li>iv. Kejadian konflik di kawasan komuniti.</li> <li>v. Perasaan selamat dalam kawasan komuniti meliputi kawasan rumah, jalan dan taman.</li> </ul>

## PERBINCANGAN

### Instrumen Kajian *Feelsafe* yang Berkesan

Dapatan menunjukkan bahawa, penilaian rasa selamat yang berkesan memerlukan instrumen yang lengkap iaitu maklumat latar belakang informan, seperti pendidikan, jenis kediaman dan pekerjaan. Maklumat ini membantu memahami variasi rasa selamat antara jenis kediaman, yang mungkin dipengaruhi oleh kepadatan dan tekanan penduduk. Menurut Ziersch et al. (2007), persekitaran fizikal secara langsung mempengaruhi rasa selamat penduduk. Faktor struktur penduduk, seperti kadar pengangguran, kemiskinan dan taburan pendapatan, juga berkaitan dengan kejadian jenayah di kawasan kediaman (Ziersch et al., 2007). Siti Rasidah dan Aldrin (2008) menyatakan bahawa golongan berpendapatan tinggi lebih mampu memiliki sistem keselamatan berbanding mereka yang berpendapatan rendah.

Kewujudan dan keaktifan KRT serta SRS di kawasan kediaman memberi kesan positif terhadap persekitaran dan rasa selamat penduduk. Sepertimana dapatan Ahmad Zaharuddin dan Nur Syafiqah (2014) yang menyatakan tahap keaktifan Rukun Tetangga mencerminkan tahap kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut.

Penilaian rasa selamat yang berkesan perlu merangkumi item yang mampu menilai tahap konflik, penagihan dadah dan punca rasa tidak selamat. Menurut dapatan, konflik di kawasan kediaman dapat diatasi dengan lebih awal jika dimasukkan dalam Kajian *Feelsafe* JPNIN, sekali gus membantu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional memantau keharmonian masyarakat melalui Indeks Ketegangan Masyarakat.

Item mengenai tahap muafakat penduduk akan membantu JPNIN memahami hubungan antara muafakat masyarakat dan rasa selamat. Kerjasama antara jiran tetangga akan membantu menyelesaikan masalah yang wujud dalam kejiranan. Menurut Siti Rasidah dan Aldrin (2008) kekurangan hubungan yang baik sesama jiran akan membuatkan penduduk merasa tiada sokongan dan meningkatkan kebimbangan terhadap jenayah.

Bagi menambah baik instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN ini, penulis menjadikan model-model kajian yang mempunyai matlamat dan objektif yang sama untuk diadaptasikan sebagai instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN. Peersman (2014) menyatakan bahawa penggunaan instrumen kajian standard adalah lebih baik kerana instrumen tersebut telah diuji dalam situasi sebenar. Penambahbaikan hanya perlu dilakukan dengan menyesuaikan instrumen kepada konteks tempatan. Berdasarkan dapatan kajian, berikut merupakan asas pembinaan instrumen bagi Kajian *Feelsafe* JPNIN berdasarkan model-model kajian.

Hasil dapatan temu bual daripada informan, penyelidik telah membina kerangka bagi menambah baik instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN 2013. Penyelidik telah mengembangkan instrumen berdasarkan objektif sedia ada yang telah ditetapkan dalam Kajian *Feelsafe* JPNIN 2013 iaitu:

1. Menilai tahap rasa selamat komuniti dalam kawasan Skim Rondaan Sukarela.
2. Menilai tahap sokongan komuniti terhadap Skim Rondaan Sukarela.
3. Menilai tahap keaktifan Skim Rondaan Sukarela.

Cadangan kerangka instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN yang baharu adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 3: Cadangan Kerangka bagi Pembinaan Instrumen Kajian *Feelsafe* JPNIN Baharu**

Bil	Perkara	Perincian	Rumusan item
1.	Latar Belakang Informan	Maklumat yang lengkap	Jenis kediaman dan Kawasan penempatan Pendidikan, pendapatan dan pekerjaan Tahap permuafakatan penduduk, konflik, punca tidak selamat dan penagihan dadah
2.	Keberkesanan aktiviti RT dan SRS	Berdasarkan Borang Soal Selidik Kajian Keberkesanan Komunikasi Kepemimpinan Rukun Tetangga Memberi Kepuasan Serta Komitmen dalam Membentuk Perhubungan dan Perpaduan Masyarakat oleh Syd Abdul Rahman bin Syd Zin, Rosli Mohamed, Jamaludin Mustaffa, Mohd Hilmi Hamzah tahun 2010.	Mendapatkan pandangan informan terhadap kekerapan pelaksanaan aktiviti dan impaknya terhadap perpaduan, nilai kewarganegaraan, pengurangan konflik, pengurangan jenayah dan peningkatan rasa selamat.
3.	Komitmen Informan Terhadap Aktiviti RT dan SRS	Berdasarkan item dalam kajian <i>Volunteering for Charity: Pride, Respect and the Commitment of Volunteers</i> oleh Edwin J. Boezeman dan Naomi Ellemers tahun 2007	Mendapatkan pandangan informan mengenai tanggungjawab mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti KRT dan SRS demi kebajikan masyarakat dan keselamatan penduduk di kawasan kediaman.

Bil	Perkara	Perincian	Rumusan item
4.	Persepsi Rasa Selamat Penduduk	Berdasarkan item dalam kajian <i>Rotorua Perceptions of Safety Survey 2014</i> , <i>Community Indicators Victoria Survey 2007</i> dan <i>Community Perception of Brownsville 2010</i>	Mendapatkan pandangan informan mengenai tahap rasa selamat mereka pada waktu malam dan siang apabila berada di dalam rumah dan dalam kawasan kejiranan.  Di samping itu, status konflik dan aktiviti penagihan dadah serta lokasi jenayah turut perlu dimasukkan sebagai item.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, dicadangkan agar suatu instrumen soal selidik yang baharu dibangunkan bagi memperkukuh pelaksanaan Kajian Persepsi Rasa Selamat sedia ada berdasarkan kerangka pembinaan instrumen di Jadual 3. Instrumen tersebut hendaklah merangkumi kepelbagaian latar belakang informan serta pengadaptasian elemen-elemen daripada model penilaian luar negara yang telah dikenal pasti oleh penyelidik. Pembinaan semula soal selidik ini dijangka dapat meningkatkan tahap ketepatan, kesahihan dan keberkesanan kajian ini seterusnya meningkatkan potensi kajian ini sebagai platform data strategik. Bukan sahaja menggalakkan penglibatan komuniti dalam menyuarakan pandangan berkenaan keselamatan persekitaran, malah turut menyediakan sumber maklumat yang bernilai kepada pihak berkuasa dalam melaksanakan intervensi yang lebih berfokus. Secara tidak langsung, ia mampu memberikan gambaran yang lebih jelas berhubung tahap keselamatan komuniti serta menyumbang kepada usaha meningkatkan keselamatan negara secara holistik dan berkesan.

## RUJUKAN

- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, & Nur Syafiqah Huda Mohd Rashidi. (2014). Penerimaan masyarakat terhadap aktiviti Rukun Tetangga mengikut jantina. *Jurnal Al-Hikmah*, 6(2), 110–127.
- Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751). (2012). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Azita Ali, Nor Hayatie Abdul Halim, Mohd Safie Idris, Muhammad Suhaimi Sulong, Khairunesa Isa, Sarebah Warman, & Ahmad Esa. (2015). Tahap keselamatan kediaman perumahan flat Taman Cendana: Satu kajian. Dalam *Prosiding Antarabangsa Kelestarian Insan Kali Ke-2*. Seremban, Malaysia.
- Beyer, B. K. (1995). How to conduct a formative evaluation. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Boezeman, E. J., & Ellemers, N. (2007). Volunteering for charity: Pride, respect, and commitment of volunteers. *Journal of Applied Psychology*, 92(3), 771–785.
- Ham, S. H. (2015). Social program evaluation and interpretation: A literature review. <https://www.researchgate.net/publication/265225331>
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2013). Garis panduan pengendalian persepsi rasa selamat (Feelsafe) Skim Rondaan Sukarela. Putrajaya.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2017). Statistik Skim Rondaan Sukarela. <https://www.perpaduan.gov.my/ms/komuniti/skim-rondaan-sukarela>
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Government transformation programme: The roadmap*. Putrajaya.
- Masri, R., Ahmad, A., & Abd Rani, R. (2018). Teori Maslow dalam konteks memenuhi keperluan asas pekerja dan peranannya dalam meningkatkan prestasi organisasi: Kajian dan perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 1–27.
- Mizrahi, T., & Davis, L. E. (2008). *Encyclopedia of social work* (20th ed.). New York: Oxford University Press.
- Norwahidah Zinalibidin, & Novel Lyndon. (2016). Makna rasa selamat komuniti Malaysia dalam Program Skim Rondaan Sukarela: Kajian kes KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 22–32.
- Olsen, C., & Marie, D. (2004). *Cross-sectional study design and data analysis*. New York: College Entrance Examination Board.
- Peersman, G. (2014). *Data collection and analysis methods in impact evaluation* (Methodological Brief No. 10). UNICEF. [https://www.unicef-irc.org/publications/pdf/brief\\_10\\_data\\_collection\\_analysis\\_eng.pdf](https://www.unicef-irc.org/publications/pdf/brief_10_data_collection_analysis_eng.pdf)
- Rossi, P. H., Lipsey, M. W., & Freeman, H. E. (2004). *Evaluation: A systematic approach* (7th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Rotorua District Council. (2014). *Rotorua district perception of safety survey*.

<http://www.rotorualakescouncil.nz>

- Shadiya Mohamed Saleh Baqutayan, Aini Suzana Ariffin & Fauziah Raji. (2015). Describing the need for affordable, livable, sustainable housing based on Maslow's theory of need. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(3), 353–357.
- Shepherdson, P. (2014). Perceptions of safety and fear of crime research report. <http://www.auburn.nsw.gov.au>
- Siti Rasidah Md Sakip, & Aldrin Abdullah. (2008). Bimbang terhadap jenayah menjejaskan kualiti kehidupan manusia sejagat. Dalam *Seminar Penyelidikan Siswazah Alam Bina*. Universiti Teknologi MARA Perak.
- Syd Abdul Rahman Syd Zin, Rosli Mohamed, Jamaludin Mustaffa, & Mohd Hilmi Hamzah. (2010, April 5–6). Keberkesanan komunikasi kepemimpinan Rukun Tetangga dalam membentuk perpaduan masyarakat. Dalam *International Conference of Communication Dynamic (ICCD)*, Melaka.
- Thomas, J., & Harden, A. (2007). Methods for thematic synthesis of qualitative research in systematic reviews. [https://eprints.ncrm.ac.uk/468/1/1007\\_JTAHthematic\\_synthesis.pdf](https://eprints.ncrm.ac.uk/468/1/1007_JTAHthematic_synthesis.pdf)
- Ziersch, A., Putland, C., Palmer, C., MacDougall, C., & Baum, F. (2007). Neighbourhood life, social capital, and perceptions of safety in the Western suburbs of Adelaide. *Australian Journal of Social Issues*, 42(4), 549–562.

***PENGETAHUAN DAN  
PERSEPSI MASYARAKAT  
PELBAGAI ETNIK  
TERHADAP KEDUDUKAN  
ISTIMEWA ORANG MELAYU  
DAN IMPLIKASI HUBUNGAN  
ETNIK DI MALAYSIA***

***PENULIS:***

**FAIROJIBANU ZAINAL ABIDIN**

# PENGETAHUAN DAN PERSEPSI MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK TERHADAP KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU DAN IMPLIKASI HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA

**FAIROJIBANU ZAINAL ABIDIN**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
fairojibanu@perpaduan.gov.my

## ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang bercirikan masyarakat pelbagai etnik, bahasa, agama dan budaya. Di samping itu, mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan serta mengadakan pilihan raya umum setiap lima tahun. Kepelbagaian masyarakat merupakan cabaran dalam memastikan kelestarian keharmonian terutama mengenai kedudukan istimewa orang Melayu. Justeru itu, pengetahuan dan pemahaman tentang perlembagaan, terutamanya mengenai kedudukan orang Melayu adalah penting untuk mencapai komuniti yang harmoni dan bersatu padu. Artikel ini membincangkan tentang pengetahuan dan penerimaan masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya, membincangkan persepsi masyarakat tentang implikasi peruntukan tersebut terhadap hubungan etnik. Kajian dijalankan ke atas 400 orang responden yang dipilih secara rawak mudah di Lembah Klang dan terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India melalui pengumpulan data menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan dan penerimaan responden terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan adalah sederhana. Beberapa cadangan dikemukakan dalam mengurangkan konflik dan pertikaian antara etnik yang berlaku dalam masyarakat. Malah, cadangan terhadap usaha berterusan dalam memperkukuhkan pendidikan dan penyebaran maklumat mengenai sejarah dan peruntukan perlembagaan, serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai. Kepelbagaian dalam masyarakat seharusnya tidak dianggap sebagai halangan untuk mencapai perpaduan, tetapi kekuatan yang harus diraikan seiring dengan falsafah 'Perpaduan dalam Kepelbagaian' yang diterima di Malaysia.

**Kata kunci:** Perlembagaan Persekutuan, Hubungan Etnik, Orang Melayu, Pengetahuan dan Penerimaan, Malaysia.

## ABSTRACT

*Malaysia is a country characterized by a multiethnic, multilingual, multireligious and multicultural society. Furthermore, it practices a parliamentary democracy and constitutional monarchy system and holds general elections every five years. The diversity of its society poses challenges in maintaining sustainable harmony, particularly concerning the special position of the Malays. Therefore, the knowledge and understanding of the constitution, especially regarding the status and provisions related to the Malays, are essential to achieving a harmonious and united community. This article discusses the public's knowledge*

*and acceptance of the constitutional provisions related to the Malays as enshrined in the Federal Constitution. It further examines public perceptions of the implications of these provisions on inter-ethnic relations. The study was conducted on 400 respondents selected through simple random sampling in the Klang Valley, comprising Malay, Chinese and Indian ethnic groups. Data was collected using a structured questionnaire. The findings revealed that the respondents' level of knowledge and acceptance regarding the Malay provisions in the Federal Constitution was moderate. Several recommendations are proposed to reduce inter-ethnic conflicts and disputes within society. Moreover, the article highlights the need for continuous efforts to strengthen education and the dissemination of information on the history and provisions of the Constitution, as well as to enhance awareness of the importance of unity and harmony in a diverse society. Diversity within society should not be viewed as an obstacle to unity but rather as a strength to be celebrated in line with the national philosophy of "Unity in Diversity" embraced in Malaysia.*

**Keywords:** *Federal Constitution, Ethnic Relations, Malays, Knowledge and Acceptance, Malaysia*

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik, bahasa, agama dan budaya. Daripada segi pemerintahan, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan serta mengadakan pilihan raya umum setiap lima tahun. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2025), anggaran jumlah penduduk semasa Malaysia adalah 34.2 juta orang. Daripada jumlah tersebut, 30.9 juta (90.1%) penduduk warganegara, manakala 3.4 juta (9.9%) adalah penduduk bukan warganegara. Daripada segi pecahan penduduk mengikut kumpulan etnik, 70.5% adalah penduduk bumiputera, 22.2% penduduk Cina, 6.5% penduduk India dan 0.8% adalah terdiri daripada penduduk lain-lain kumpulan etnik. Etnik Melayu merupakan kumpulan etnik utama di Semenanjung Malaysia, manakala etnik Iban merupakan kumpulan majoriti di Sarawak dan Kadazan Dusun di Sabah.

Kepelbagaian masyarakat Malaysia merupakan cabaran dalam memastikan kelestarian keharmonian terutama mengenai kedudukan istimewa orang Melayu. Justeru, pengetahuan dan pemahaman tentang perlembagaan, terutamanya mengenai kedudukan orang Melayu adalah penting untuk mencapai komuniti yang harmoni dan bersatu padu. Isu hubungan etnik masih wujud walaupun Malaysia telah lebih 60 tahun merdeka. Menurut Ting Chew Peh (1987), integrasi masyarakat tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat dan perpaduan antara kaum itu merupakan perkara yang

kompleks. Menurut Nazri (2011), kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan sering menjadi bahan perbincangan dan pertikaian. Syed Husin Ali (2008) pula menganggap isu hubungan etnik adalah sensitif dan boleh membawa kepada konflik jika tidak dikawal dengan baik.

Pada tahun 2019, Sultan Selangor dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir telah menitahkan tentang pentingnya memelihara hubungan antara kaum dan mengelakkan perbalahan politik yang memecahbelahkan. Namun sebelum itu, Bahagian Pengurusan Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada tahun 2014 menunjukkan wujudnya ketidakselesaan dalam komuniti yang boleh menggugat keharmonian. Peningkatan Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) juga mencerminkan suasana yang kurang selesa. Zaid (2009) pula mencadangkan bahawa untuk memahami perpaduan nasional, perlu dilihat daripada perspektif yang lebih luas, termasuk visi bersama, toleransi dan kesefahaman antara kaum.

Selain itu, terdapat juga faktor seperti agama, etnik, perbezaan kelas dan politik yang memisahkan rakyat Malaysia. Analisis JPNIN menunjukkan bahawa walaupun keharmonian relatif baik, wujud ketegangan yang boleh menjejaskan interaksi antara etnik. Ismail (2007) dan Zainal (2003) menekankan bahawa perpecahan etnik disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk perbezaan ekonomi dan kegagalan sistem pendidikan dalam memupuk perpaduan. Sehubungan itu, pemahaman tentang perlembagaan dan kontrak sosial adalah penting untuk memastikan kelestarian keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Artikel ini membincangkan tentang pengetahuan dan penerimaan masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu yang terkandung dalam Perlembagaan. Seterusnya, membincangkan persepsi masyarakat tentang implikasi peruntukan tersebut terhadap hubungan etnik. Data yang dipersembahkan dalam artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian tesis sarjana penulis.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Definisi dan Konsep Perlembagaan**

Konsep perlembagaan daripada aspek fungsi dalam pemerintahan negara telah dibahas oleh pelbagai tokoh. Abdul Aziz (2001), Mohd. Salleh (1984) dan Dicey (1959) menyatakan bahawa perlembagaan merupakan dokumen yang mengandungi undang-undang tertinggi negara, dan undang-undang

lain tidak boleh bercanggah dengan undang-undang perlembagaan dan akan dibatalkan jika bercanggah. Nazri (2014) juga menganggap perlembagaan sebagai sumber undang-undang tertinggi dalam negara yang melibatkan kontrak sosial yang dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan yang dikenali sebagai Tiang Seri Perlembagaan, melibatkan isu agama Islam, kedudukan istimewa orang Melayu dan penggunaan bahasa Melayu.

Manakala Hashim (1983) berpendapat bahawa perlembagaan berfungsi bukan sahaja untuk memastikan peraturan pentadbiran negara tetapi juga mencerminkan budaya negara yang terdiri daripada pelbagai etnik. Kesimpulannya, perlembagaan ialah rujukan utama pentadbiran negara. Perlembagaan boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu perlembagaan bertulis dan tidak bertulis. Perlembagaan bertulis ialah dokumen yang dikumpulkan dan disusun, manakala perlembagaan tidak bertulis merangkumi prinsip-prinsip yang tidak terkumpul dalam satu dokumen seperti akta parlimen, keputusan mahkamah dan konvensyen.

### **Definisi Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan**

Definisi Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 160(2) menyatakan bahawa seseorang itu dianggap sebagai Melayu jika mereka beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengikuti adat istiadat Melayu dan lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada hari Merdeka adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura atau ia adalah keturunan seseorang tersebut.

Definisi ini tidak mensyaratkan asal usul keturunan sebagai kriteria utama yang bermaksud seseorang yang bukan berketurunan Melayu namun jika memenuhi syarat-syarat tersebut dianggap sebagai Melayu. Namun, terdapat juga variasi dalam definisi Melayu di beberapa buah negeri seperti Kedah dan Perlis yang menerima keturunan Arab sebagai Melayu sementara negeri-negeri lain lebih menekankan kemampuan berbahasa Melayu dan beragama Islam.

### **Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan**

Beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan keistimewaan kepada orang Melayu adalah:

**Jadual 1: Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan keistimewaan Orang Melayu**

Peruntukan	Ayat peruntukan
<b>Perkara 153</b>	Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memastikan keistimewaan orang Melayu seperti penetapan kuota dalam perkhidmatan awam, pendidikan dan sektor ekonomi tertentu.
<b>Perkara 89</b>	Mengenai Tanah Rizab Melayu yang menetapkan tanah tertentu hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu.
<b>Perkara 90</b>	Memberikan pengecualian terhadap undang-undang tanah adat tertentu di Negeri Sembilan dan Melaka serta undang-undang pemilikan tanah Melayu di Terengganu.
<b>Perkara 8(5)(f)</b>	Menetapkan bahawa hanya orang Melayu sahaja yang boleh menjadi anggota Rejimen Askar Melayu Diraja manakala angkatan bersenjata lain terbuka untuk semua kaum.
<b>Jadual Ketiga Belas</b>	Memastikan representasi yang adil dalam pengundian, terutama di kawasan luar bandar.

### **Implikasi Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Isu Kesamarataan, Diskriminasi Perlindungan dan Perkara 153**

Dalam konteks penggubalan perlembagaan semangat kompromi dan penyesuaian antara etnik adalah penting untuk memastikan kestabilan negara. Peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk mengurangkan jurang ekonomi antara Melayu dan bukan Melayu serta mempromosikan kesetaraan dalam sektor-sektor utama seperti perkhidmatan awam, ekonomi dan pendidikan. Walau bagaimanapun, orang Melayu masih menghadapi kesenjangan dalam hal ekonomi dan pendidikan berbanding dengan etnik lain. Jabatan Perangkaan Malaysia (2016) telah merekodkan daripada segi darjah kemiskinan mengikut etnik ketua isi rumah dan strata Malaysia bagi tahun 2014 dan 2016 bahawa majoriti Bumiputera yang berada dalam kemiskinan secara relatifnya adalah lebih tinggi berbanding etnik lain. Statistik menunjukkan bahawa orang Melayu masih memiliki tingkat

kemiskinan yang lebih tinggi dan pemilikan kekayaan yang lebih rendah berbanding dengan etnik Cina dan India di Malaysia. Hal ini menekankan perlunya pemahaman jelas kepada semua akan peri pentingnya peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan orang Melayu tidak tertinggal dalam arus pembangunan negara.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia menekankan kesamarataan dengan menyediakan perlindungan yang sama kepada semua orang tanpa mengira agama, kaum atau jantina. Menurut Teori Dicey yang disebut oleh Kamal Halili (1990) prinsip kedaulatan undang-undang menggariskan bahawa semua rakyat harus mendapat layanan yang sama di sisi undang-undang. Namun konsep ini dianggap sukar diterapkan dalam konteks negara yang baru merdeka dan majmuk seperti Malaysia yang memerlukan pendekatan diskriminasi perlindungan untuk menangani isu-isu sosial dan ekonomi.

Diskriminasi perlindungan di Malaysia bertujuan untuk memastikan keadilan sosial dengan menyediakan bantuan khas kepada kumpulan etnik yang memerlukan seperti orang Melayu dan bumiputera. Walaupun memberi keistimewaan kepada etnik tertentu, ia tidak bermaksud menindas atau mengabaikan etnik lain. Tujuannya adalah untuk membolehkan mereka yang tertinggal dalam arus pembangunan negara dapat turut bersaing dengan etnik lain. Perkara ini disokong oleh Nazri (2018) yang menyatakan bahawa bagi sebuah negara yang bersifat majmuk adalah lumrah bagi sesebuah negara majmuk untuk menyediakan peruntukan khas dalam urusan pentadbiran utama negara serta mengiktiraf pelaksanaan diskriminasi perlindungan ini.

Perkara 153 yang memberikan kedudukan istimewa kepada orang Melayu dalam bidang pendidikan dan ekonomi sering diperdebatkan. Walaupun ada peningkatan dalam pencapaian ekonomi dan pendidikan orang Melayu, mereka masih jauh ketinggalan berbanding etnik bukan Melayu. Statistik menunjukkan bahawa peratusan pemilikan bangunan komersial oleh orang Melayu serta penyertaan mereka dalam sektor profesional dan pendidikan tinggi masih rendah berbanding etnik lain. Jadual 2 di bawah jelas menunjukkan bahawa penyertaan orang Melayu dalam memegang jawatan profesional dan teknikal secara relatifnya berada jauh di belakang. Lee (2006) menyatakan bahawa berdasarkan data kerajaan mendapati Perkara 153 telah membolehkan orang Melayu keluar dari kepompong keadaan yang miskin dan meningkatkan kebolehan yang ada dalam domain ekonomi dan pendidikan.

Jadual 2 : Peratusan Golongan Profesional Mengikut Kaum yang Berdaftar

Profesion	2000			2005		
	Bumi	Cina	India	Bumi	Cina	India
<b>Akauntan</b>	17.1	76.2	5.6	20.8	73.6	4.4
<b>Arkitek</b>	42.1	56.2	1.5	45.3	53.1	1.4
<b>Doktor</b>	36.8	31.0	29.7	36.7	29.9	26.6
<b>Doktor Gigi</b>	35.2	42.4	20.5	44.4	35.3	18.4
<b>Doktor Veterinar</b>	41.7	27.7	27.4	39.0	32.2	24.8
<b>Jurutera</b>	42.6	51.1	5.2	46.0	47.6	5.4
<b>Juru Ukur</b>	45.1	49.6	3.4	48.2	47.0	5.4
<b>Peguam</b>	32.3	40.1	26.8	38.0	37.1	24.1
<b>Jumlah</b>	<b>35.5</b>	<b>51.2</b>	<b>1.0</b>	<b>38.8</b>	<b>48.7</b>	<b>10.6</b>

Sumber: Diubahsuai dari Rancangan Malaysia Kesembilan 2006

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa Perkara 153 lebih banyak membantu golongan Melayu yang sudah berada dalam kedudukan yang selesa sementara majoriti orang Melayu terutama yang berada dalam sektor pertanian dan perikanan masih ketinggalan. Kesimpulannya walaupun Perkara 153 bertujuan untuk membantu orang Melayu pelaksanaannya tidak sepenuhnya berkesan dalam mengangkat keseluruhan masyarakat Melayu, terutama daripada segi ekonomi.

### Kajian Lepas Mengenai Melayu dalam Perlembagaan

Kajian mengenai perlembagaan boleh dibahagikan kepada dua pendekatan, iaitu sejarah dan politik serta perundangan. Kajian berkaitan sejarah dan politik serta perundangan sebelum ini adalah merujuk kepada dokumen penulisan kedudukan orang Melayu dalam perlembagaan. Antara kajian yang telah didokumentasikan daripada aspek sejarah dan politik perjuangan dan keistimewaan orang Melayu dan peranan kaum Cina adalah penulisan Ratnam (1969), Heng (1988) dan Ramlah (2004).

Manakala antara penulisan kajian daripada aspek perundangan berkaitan pembentukan Perlembagaan Persekutuan, evolusi pembentukan Malaysia dan prosedur pembuatan undang-undang yang didokumentasikan adalah daripada Hickling (1960), Mohamed Suffian (1972), Abdul Aziz (2013), Mohd. Salleh (1984), Hashim (1974), Mohamed Suffian (1987) dan Ahmad (1999). Secara keseluruhan, kajian-kajian ini merujuk kepada dokumen dan penulisan mengenai kedudukan orang Melayu dalam Perlembagaan, namun tidak mengkaji persepsi masyarakat Melayu, Cina dan India. Justeru kajian yang melibatkan 400 responden dari pelbagai etnik dapat memberikan pandangan yang lebih rasional dan luas berdasarkan pengetahuan dan pengalaman kehidupan mereka dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian bertujuan untuk merangka, mentafsir dan menstrukturkan penyelidikan dalam menyelesaikan masalah kajian. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif mengenai persepsi masyarakat yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India. Kaedah yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang mengukur pemboleh ubah kajian berdasarkan huraian statistik. Menurut Tuckman (1999) dan Wiersma (1995), kaedah melalui borang soal selidik adalah berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Mohd. Majid Konting (1990) pula menyatakan bahawa bentuk deskriptif sesuai untuk melihat suasana yang berlaku dalam masyarakat.

Kajian yang dijalankan melibatkan pengumpulan data di lapangan melalui edaran soal selidik secara rawak kepada responden. Persoalan kajian meliputi pengetahuan, kefahaman, penerimaan dan persepsi masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Skop kajian melibatkan masyarakat pelbagai etnik, iaitu Melayu, Cina dan India di Lembah Klang seramai 400 orang responden. Lokasi kajian dipilih kerana kawasan ini mempunyai komposisi penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik yang besar dalam negara. Kajian dijalankan di kawasan Lembah Klang, Selangor. Pemilihan kawasan ini adalah kerana ia menggambarkan komposisi penduduk Malaysia amnya dan Negeri Selangor khususnya yang terdiri daripada pelbagai etnik. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) Negeri Selangor terdiri daripada 5.46 juta orang penduduk dengan komposisi etnik Bumiputera 57.1%, Cina 28.6% dan India 13.5%. Kawasan ini juga menyumbang kepada paras urbanisasi yang tinggi di negeri Selangor

dan mencerminkan masyarakat yang menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan.

Kajian ini memfokus kepada tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan etnik Melayu, Cina dan India terhadap hak istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan serta persepsi masyarakat terhadap peruntukan tersebut. Kajian yang dijalankan dapat memberikan gambaran persepsi masyarakat etnik Melayu, Cina dan India secara langsung dan seterusnya membantu mencadangkan penyelesaian kepada penemuan yang didapati. Populasi kajian melibatkan masyarakat etnik Melayu, Cina dan India di sekitar Lembah Klang, Selangor. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kaedah pensampelan berkelompok. Saiz sampel kajian adalah 400 orang responden dengan nisbah mengikut etnik Melayu, Cina dan India iaitu 5:3:2. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan 1970). Instrumen kajian yang digunakan dalam proses pengumpulan data ialah borang soal selidik. Semua soalan adalah berbentuk positif dan berasaskan skala Likert. Item-item dalam soal selidik dibina berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian. Soal selidik terdiri daripada empat bahagian yang terdiri daripada 78 soalan:

**i. Bahagian A:**

Demografi responden yang mengandungi tujuh soalan mengenai jantina, etnik, agama, kelulusan akademik tertinggi, aliran pendidikan sekolah rendah, aliran pendidikan sekolah menengah dan pekerjaan sekarang.

**ii. Bahagian B:**

Mengukur pengetahuan masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan menggunakan skala *Likert*.

**iii. Bahagian C:**

Mengukur tahap pemahaman masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan secara umum menggunakan skala *Likert*.

**iv. Bahagian D:**

Mengukur sejauh mana masyarakat menerima peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan secara umum menggunakan skala *Likert*.

Soal selidik kajian telah disahkan oleh pakar dalam pembinaan soal selidik dan diadaptasi daripada instrumen yang telah dibina dan disahkan oleh pakar dalam bidang perlembagaan dan hubungan etnik. Data kajian dikumpulkan menerusi dua sumber, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada soal selidik yang diberikan kepada responden melalui kaedah pensampelan rawak. Data sekunder diperoleh daripada kajian kepustakaan termasuk buku, seminar, jurnal, akhbar dan majalah, yang membantu meningkatkan kefahaman teori dan konsep kajian. Kemudian, data yang diperoleh dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 21 menerusi min, sisihan piawai, ujian khi-kuasa dua dan tabulasi rentas.

Menurut Mohd Majid Konting (1990) penganalisan data berstatistik yang menggunakan SPSS versi 21 dapat menghasilkan pengiraan dan maklumat yang tepat serta bebas daripada ralat. Statistik deskriptif bertujuan menerangkan latar belakang responden serta menilai tahap pengetahuan, pemahaman, penerimaan dan persepsi responden terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Interpretasi skor min digunakan untuk membincangkan dapatan kajian secara deskriptif.

**Jadual 3: Interpretasi Skor Min**

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

**Sumber: Nazri 2011**

Ujian Khi kuasa dua digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan, kefahaman, penerimaan dan persepsi masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan dengan etnik, agama, kelulusan akademik tertinggi, aliran pendidikan sekolah rendah, aliran pendidikan sekolah menengah dan pekerjaan sekarang.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang Responden

Sebanyak 400 orang responden terdiri daripada 52.5% orang lelaki dan 47.5% orang perempuan. Komposisi etnik ialah 50% Melayu, 30% Cina dan 20% India. Dari segi agama 50.2% beragama Islam diikuti oleh Buddha, Hindu dan Kristian. Majoriti responden berpendidikan sehingga SPM 44% dan kebanyakannya bersekolah di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan. Majoriti pekerjaan responden adalah bekerja di sektor swasta 45%.

### Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Penerimaan Masyarakat Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan majoriti masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu berada pada tahap sederhana. Sebanyak 53.0% mempunyai tahap pengetahuan sederhana, 56.3% kefahaman sederhana dan 45.3% penerimaan sederhana.

**Jadual 4: 15 Perkara berkaitan Keistimewaan Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan yang dianalisa**

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	Perkara 8(5) (f)	Kemasukan ke dalam perkhidmatan Rejimen Askar Melayu Diraja hanya diperuntukkan kepada orang Melayu sahaja.
2.	Perkara 89	Tanah rizab Melayu.
3.	Perkara 90	Tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka dan tanah pegangan orang Melayu di Terengganu.
4.	Perkara 150(6A)	Dengan jelas menyatakan berkenaan dengan melindungi kedudukan istimewa orang Melayu walaupun dalam keadaan darurat.

Bil.	Perkara	Keterangan
5.	Perkara 153	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan juga melindungi hak kaum lain.</li> <li>ii. Keistimewaan kepada orang Melayu iaitu suatu kadar perizaban dalam biasiswa, bantuan dan keistimewaan pelajaran dan latihan atau kemudahan khas.</li> <li>iii. Yang di-Pertuan Agong tidak boleh mengganggu atau menarik keistimewaan kaum lain untuk diberi kepada kaum Melayu</li> <li>iv. Pindaan berkaitan hak istimewa orang Melayu hanya boleh dipinda dengan undi majoriti lebih dua pertiga setiap Dewan Parlimen dan perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-raja Melayu.</li> <li>v. Jawatan orang Melayu dalam perkhidmatan awam.</li> </ul>
6.	Perkara 160	Mentakrifkan orang Melayu adalah beragama Islam, mengamalkan budaya Melayu dan lazimnya berbahasa Melayu.
7.	Jadual Ketiga Belas	Memastikan representasi yang adil dalam pengundian, terutama di kawasan luar bandar.
8.	Kontrak Sosial	Merupakan persetujuan bersama oleh semua kaum di Malaysia sebelum kemerdekaan. Ia memastikan hak majoriti dan minoriti diambil kira untuk mencapai integrasi nasional dan perpaduan dalam masyarakat Malaysia.

Terdapat kekurangan pengetahuan dan kefahaman yang signifikan tentang peruntukan yang lebih spesifik seperti Perkara 90 (tanah adat), Jadual Ketiga belas (jumlah pengundi) dan Perkara 150(6A) (perlindungan kedudukan istimewa dalam keadaan darurat). Responden menunjukkan kefahaman yang sederhana tentang bagaimana peruntukan ini berfungsi dalam konteks melindungi hak orang Melayu dan keseimbangan hak kaum lain. Kekurangan

dalam pengetahuan dan kefahaman mendalam tentang isu-isu tertentu menimbulkan ketidakpuasan atau kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Kesederhanaan dalam penerimaan mungkin mencerminkan keperluan untuk pendidikan yang lebih mendalam mengenai peruntukan ini untuk menghindari polemik dan meningkatkan keharmonian etnik di Malaysia.

Tahap penerimaan masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan yang menunjukkan tahap penerimaan rendah mencerminkan penerimaan yang kurang memuaskan oleh masyarakat terhadap Perkara 90, Perkara 153, Perkara 8(5)(f), Perkara 160, Perkara 89, Perkara 150(6A) dan Semangat Kontrak Sosial.

### **Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Penerimaan Masyarakat Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Berdasarkan Etnik**

Analisis tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan masyarakat berdasarkan etnik menunjukkan perbezaan yang signifikan antara etnik Melayu, Cina dan India. Item yang kurang diketahui, difahami dan diterima oleh masyarakat adalah item yang dikategorikan sebagai item sensitif, iaitu jika nilai min kurang dari 3.68 iaitu berada di tahap sederhana dan rendah. Nilai min dikategorikan kepada tiga, iaitu paras rendah (nilai min: 1.00-2.33), paras sederhana (nilai min: 2.34-3.67) dan paras tinggi (nilai min: 3.68-5.00). Min item soalan yang melebihi 3.68 tidak dibincangkan kerana berada di tahap tinggi dan tidak menimbulkan persoalan kerana diterima dengan baik oleh masyarakat.

#### **a. Etnik Melayu**

Bagi etnik Melayu, data yang menunjukkan tahap pengetahuan yang sederhana adalah terhadap :

- i. Perkara 90.
- ii. Jadual Ketiga Belas.
- iii. Yang di-Pertuan Agong tidak boleh mengganggu atau menarik keistimewaan kaum lain untuk diberi kepada kaum Melayu.
- iv. Perkara 153: Kadar perizaban permit dan lesen untuk berniaga.
- v. Perkara 153: Bantuan Pelajaran.
- vi. Perkara 150(6A).
- vii. Perkara 153: Jawatan dalam sektor awam.

- viii. Pindaan berkaitan kedudukan keistimewaan orang Melayu.
- ix. Kontrak sosial.

Bagi tahap kefahaman etnik Melayu yang menunjukkan tahap sederhana adalah:

- i. Jadual Ketiga belas.
- ii. Yang di-Pertuan Agong tidak boleh mengganggu atau menarik keistimewaan kaum lain untuk diberi kepada kaum Melayu.
- iii. Perkara 90.

Analisis mendapati bagi etnik Melayu, item tahap sederhana yang ada di ketiga-tiga tahap adalah berkaitan dengan Jadual Ketiga belas dan item keistimewaan kaum lain yang tidak boleh ditarik dan diberi kepada kaum Melayu oleh Yang di-Pertuan Agong.

## **b. Etnik cina**

Bagi etnik Cina, tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan juga menunjukkan nilai min di bawah 3.68 untuk majoriti item. Data menunjukkan:

- i. Tahap Pengetahuan: 14 daripada 15 item berada di bawah nilai min 3.68, dengan banyak item berada di paras rendah seperti Perkara 90 dan Perkara 150(6A).
- ii. Tahap Kefahaman: 14 daripada 15 item juga berada di bawah nilai min 3.68, termasuk Perkara 150(6A) dan Jadual Ketiga belas.
- iii. Tahap Penerimaan: 14 daripada 15 item menunjukkan tahap penerimaan sederhana, dengan item utama termasuk Perkara 160 dan Perkara 8(5)(f).

Hasil analisis menunjukkan bahawa etnik Cina mempunyai lebih banyak item yang kurang diketahui, difahami dan diterima, berbanding dengan etnik Melayu. Data ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penerimaan terhadap peruntukan perlembagaan, terutamanya dalam kalangan etnik yang kurang menerima item-item tertentu.

### c. Etnik India

Data menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan etnik India terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan berada pada paras sederhana. Ini berlaku kerana min bagi semua item berkaitan adalah di bawah 3.68 yang menandakan keperluan untuk memperbaiki pengetahuan dan kefahaman mereka mengenai isu ini.

Secara keseluruhan, dapatan kajian mengikut demografi menunjukkan bahawa majoriti etnik Melayu menunjukkan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan yang lebih baik berbanding etnik Cina dan India. Ini mungkin disebabkan oleh penglibatan langsung mereka dengan peruntukan tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Analisis juga menunjukkan bahawa terdapat jurang pengetahuan dan kefahaman yang perlu diatasi untuk meningkatkan penerimaan terhadap peruntukan orang Melayu dalam kalangan etnik Cina dan India. Usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman melalui pendidikan dan pendedahan yang lebih luas adalah penting untuk memperbaiki integrasi dan keharmonian antara etnik di Malaysia.

### Persepsi Masyarakat Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan

Di bawah tajuk ini, perkara yang ingin dicapai adalah untuk mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Dapatan analisis menunjukkan majoriti responden iaitu 66.3% bersetuju bahawa kedudukan orang Melayu dalam Perlembagaan adalah lebih baik berbanding orang bukan Melayu. Manakala daripada aspek penggunaan kuota dalam dasar dan program pembangunan negara, dapatan menunjukkan majoriti responden, iaitu 56.0%, berpendapat, kuota ini sepatutnya diperluas kepada etnik lain. Manakala daripada aspek kedudukan istimewa orang Melayu mengeratkan perpaduan etnik, walaupun majoriti responden, iaitu 53.3% bersetuju tetapi daripada segi demografi khusus mendapati majoriti etnik Cina 63.3% dan etnik India 38.8% kurang bersetuju dengan pernyataan ini. Responden yang bekerja di sektor swasta juga menunjukkan ketidaksetujuan yang lebih tinggi.

Analisis juga menunjukkan majoriti 54.5% yang menyatakan bahawa kerajaan mengambil kira kedudukan istimewa ini dalam dasar-dasarnya. Walau

bagaimanapun daripada aspek pelbagai sudut demografi menunjukkan bahawa etnik Cina, India, responden yang berkelulusan Ijazah Sarjana dan responden daripada latar belakang Sekolah Jenis Kebangsaan lebih cenderung untuk menyatakan tidak setuju.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 54.8% orang responden percaya keistimewaan ini telah memperbaiki kedudukan orang Melayu dengan 60.3% menyatakan bahawa orang Melayu secara keseluruhan mendapat manfaat daripada kedudukan istimewa tersebut. Walaupun begitu ada pandangan yang menyatakan tidak selesa dengan penggunaan kuota untuk etnik Melayu sahaja, namun 54.3% orang responden masih menyokong keistimewaan ini dalam dasar-dasar kerajaan. Begitu juga dengan persepsi institusi beraja mampu menjamin kedudukan orang Melayu mempunyai majoriti responden yang bersetuju iaitu sebanyak 60.3%.

Analisis juga mendapati kurang 50% responden bersetuju terhadap cadangan untuk mengehadkan pelaksanaan kuota. Sebaliknya majoriti besar responden bersetuju bahawa perlembagaan menjamin hak semua kaum di Malaysia 70.8%, memberi peluang yang sama kepada rakyat untuk mencapai kejayaan 74.8% dan bahawa pengetahuan tentang sejarah penggubalan perlembagaan seperti kontrak sosial adalah penting 76.5%. Ini menunjukkan terdapat kesepakatan dalam usaha mengekalkan keharmonian negara dengan majoriti responden bersetuju terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan secara keseluruhan.

Secara keseluruhan, majoriti masyarakat Melayu dan beragama Islam cenderung menyokong peruntukan ini manakala masyarakat bukan Melayu dan bukan Islam lebih cenderung mempunyai persepsi yang berbeza. Oleh itu, perlu ada usaha berterusan dalam memperkukuhkan pendidikan dan penyebaran maklumat mengenai sejarah dan peruntukan perlembagaan, serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai.

### **Implikasi Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Terhadap Hubungan Etnik Di Malaysia Mengikut Persepsi Masyarakat**

Implikasi peruntukan bagi orang Melayu dalam Perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia dipecahkan kepada empat persoalan kajian:

- i. Implikasi peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan secara keseluruhan terhadap hubungan etnik mengikut demografi.
- ii. Penerimaan masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu sebagaimana yang dipersetujui oleh pemimpin terdahulu sewaktu menggubal perlembagaan mengikut persepsi masyarakat.
- iii. Persepsi bahawa peruntukan orang Melayu hanya dibangkitkan oleh segelintir masyarakat dan dibesar-besarkan oleh media massa.
- iv. Punca peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan sentiasa menjadi konflik dalam masyarakat mengikut persepsi masyarakat.

### **Persepsi Terhadap Implikasi Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan Terhadap Hubungan Etnik**

Kajian ini mengandungi beberapa pernyataan yang diajukan untuk menilai kewujudan implikasi peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia. Majoriti masyarakat bersetuju bahawa:

- i. 55.3% responden bersetuju bahawa kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai penstabil politik.

Walaupun majoriti keseluruhan responden bersetuju bahawa kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai penstabil politik, terdapat perbezaan pandangan yang ketara merentas beberapa demografi. Khususnya etnik Cina, penganut agama Buddha dan Kristian, serta individu dengan kelulusan akademik yang lebih tinggi dan latar belakang pendidikan sekolah jenis kebangsaan cenderung kurang setuju. Ini mencerminkan kompleksiti persepsi masyarakat terhadap peranan peruntukan tersebut dalam konteks kestabilan politik.

- ii. 53.5% responden bersetuju bahawa kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai pemupuk perpaduan.

Meskipun majoriti keseluruhan responden bersetuju bahawa kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai pemupuk perpaduan, terdapat perbezaan pandangan yang jelas merentas demografi tertentu yang terdiri daripada etnik Cina, penganut agama Buddha dan Kristian, serta individu dengan kelulusan akademik yang lebih tinggi dan latar belakang pendidikan sekolah jenis kebangsaan menunjukkan tahap kurang setuju yang lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa persepsi

mengenai peranan peruntukan tersebut dalam memupuk perpaduan adalah kompleks dan dipengaruhi oleh latar belakang demografi.

- iii. 55.5 % responden bersetuju bahawa kedudukan istimewa orang Melayu merupakan salah satu pencorak hubungan etnik di Malaysia.

Secara keseluruhannya, majoriti responden daripada etnik Melayu, responden beragama Islam, serta mereka yang mendapat pendidikan daripada aliran sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan bersetuju bahawa kedudukan istimewa orang Melayu memainkan peranan dalam membentuk hubungan etnik. Namun terdapat kelompok demografi yang menunjukkan tahap ketidaksetujuan yang signifikan seperti responden daripada etnik Cina, agama Buddha dan Kristian, serta mereka yang memiliki kelulusan ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan aliran jenis kebangsaan. Ketidaksetujuan ini mungkin timbul daripada perbezaan pandangan politik dan sosial, serta perpecahan dalam kalangan orang Melayu sendiri yang mencetuskan ketidakpercayaan dalam kalangan etnik dan demografi lain terhadap peranan kedudukan istimewa orang Melayu.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa 53.3% orang responden bersetuju bahawa kedudukan istimewa Orang Melayu dalam perlembagaan merupakan sebahagian daripada kontrak sosial yang dipersetujui ketika itu dan 50.2% juga bersetuju bahawa kontrak sosial tersebut masih relevan pada masa kini. Walaupun majoriti responden bersetuju dengan persetujuan pemimpin terdahulu berhubung dengan kontrak sosial terdapat juga responden daripada demografi etnik Cina, penganut agama Buddha, penganut agama Kristian, responden yang mempunyai ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana serta responden daripada aliran pendidikan sekolah jenis kebangsaan cina kurang setuju. Ini menunjukkan ada unsur ketidakselesaian yang masih wujud dengan keputusan kontrak sosial ini yang boleh mencetuskan pertikaian berhubung kontrak sosial dalam masyarakat kita hari ini. Pemahaman kontrak sosial ini sangat penting yang menjadi asas perpaduan dalam sesebuah negara. Perkara ini turut ditekankan oleh Nazri *et al.* (2013) yang menyatakan kontrak sosial telah menjadi asas yang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Reid dalam menggubal perlembagaan sehingga Perlembagaan Persekutuan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Malah dalam konteks memastikan keharmonian

antara kaum dan etnik, didapati kedua-dua pihak iaitu orang Melayu dan bukan Melayu mendapat manfaat melalui perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu penerapan dan pemahaman terhadap intipati kontrak sosial hendaklah disemai dan dipupuk di setiap jiwa masyarakat kita yang terdiri daripada pelbagai etnik.

### **Peranan Media Massa dalam Mempengaruhi Persepsi Masyarakat terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan**

Dapatan menunjukkan bahawa 71.8% orang responden bersetuju bahawa media massa ialah faktor utama yang menimbulkan isu-isu berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan. Malah 55.0% orang responden juga merasakan bahawa pandangan mereka terhadap kedudukan istimewa orang Melayu dipengaruhi secara signifikan oleh media massa. Persepsi bahawa kedudukan istimewa orang Melayu adalah salah satu isu yang sering dibangkitkan dalam pilihan raya juga disokong oleh 57.5% responden.

Hasil analisis keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa isu peruntukan orang Melayu hanya dibangkitkan oleh segelintir ahli masyarakat dan diperbesar oleh media massa. Jika isu ini tidak dibangkitkan dan tidak diperbesar oleh media, ia mungkin tidak akan mempengaruhi masyarakat atau menggugat keharmonian. Pandangan ini selari dengan pendapat Tan Sri Lee Lam Thye menerusi Utusan Malaysia (2019, Januari 10) yang menyatakan bahawa isu perkauman dan keagamaan sering kali dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu. Oleh itu, media massa perlu mengambil tanggungjawab untuk memberikan penjelasan yang terperinci dan mengawal konflik dalam masyarakat.

### **Punca yang Menyebabkan Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Sentiasa Menjadi Konflik dalam Masyarakat mengikut Persepsi Masyarakat**

Berikut merupakan punca yang menyebabkan peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan menjadi isu yang sentiasa dibangkitkan dan menimbulkan konflik dalam masyarakat. Kajian ini menganalisis tiga pernyataan utama iaitu:

**i. Sistem pendidikan negara berperanan menerapkan kefahaman tentang kontrak sosial**

Majoriti responden bersetuju bahawa sistem pendidikan negara berperanan dalam menerapkan kefahaman tentang kontrak sosial namun terdapat variasi yang ketara berdasarkan demografi. Responden daripada kalangan etnik Cina, penganut agama Buddha dan Kristian, mereka yang berkelulusan ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana, serta mereka yang bersekolah di aliran jenis kebangsaan dan bekerja sendiri, menunjukkan kecenderungan kurang setuju dengan pandangan ini. Hal ini mungkin berpunca daripada kekurangan penjelasan rasional dalam sistem pendidikan mengenai peruntukan perlembagaan seperti yang disarankan oleh Ramlah (2013).

**ii. Semangat tolak ansur dan persefahaman dalam isu kedudukan istimewa orang Melayu semakin baik**

Walaupun majoriti responden menunjukkan persefahaman dan tolak ansur semakin baik, terdapat juga aspek demografi yang menunjukkan majoriti tidak bersetuju, iaitu daripada etnik Cina, responden daripada agama Buddha, Kristian, aliran pendidikan sekolah jenis kebangsaan dan yang bekerja dalam sektor swasta. Ini mencerminkan isu kedudukan istimewa orang Melayu masih menjadi elemen yang menyumbang kepada konflik dalam masyarakat. Ini seiring dengan titah Raja Dr. Nazrin Shah (2008, April 20) menerusi Utusan Malaysia bahawa kecenderungan rakyat dalam negara ini yang semakin hilang sifat tolak ansur sehingga menyebabkan wujud pemisahan masyarakat mengikut etnik dan agama di mana wujud kumpulan yang tidak senang hati terhadap layanan istimewa terhadap orang Melayu yang memang tidak boleh dipersoalkan.

**iii. Semangat Perlembagaan kini difahami dan dihayati oleh rakyat Malaysia**

Majoriti besar dari semua demografi bersetuju bahawa semangat perlembagaan kini difahami dan dihayati oleh rakyat Malaysia. Ini menunjukkan perkembangan positif dalam pemahaman dan penghayatan terhadap Perlembagaan Persekutuan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan berada pada tahap sederhana. Dapatan juga menunjukkan variasi dalam kefahaman dan penerimaan terutamanya dalam kalangan etnik Cina dan India. Manakala daripada aspek persepsi walaupun majoriti mempunyai persepsi positif, terdapat juga persepsi kurang setuju dan tidak setuju yang kebanyakannya adalah daripada etnik Cina, India, serta penganut agama Buddha, agama Kristian dan bekas aliran pendidikan Sekolah Kebangsaan Jenis Cina yang menunjukkan ketidakpuasan terhadap beberapa aspek peruntukan tersebut. Persepsi kurang setuju dan tidak setuju ini perlu diambil perhatian kerana ini merupakan antara elemen yang menjadi percikan punca kekeliruan serta polemik ketegangan dalam masyarakat. Malah jurang integrasi antara etnik juga akan meningkat disebabkan kurangnya pengetahuan, pemahaman dan penerimaan berkaitan dengan peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan.

Dapatan kajian juga menuntut sistem pendidikan negara memainkan peranan dalam menerapkan kefahaman tentang kontrak sosial. Ini kerana terdapat persepsi ketidaksetujuan daripada beberapa faktor demografi yang menunjukkan bahawa kontrak sosial adalah sejarah dan telah lebih 60 tahun kita mencapai kemerdekaan dan tidak lagi sesuai dengan keperluan negara hari ini. Justeru, modul dan kaedah penyampaian berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah khususnya perlu dilihat semula dalam meningkatkan kefahaman dan penerimaan terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan.

Pemeriksaan pelaksanaan program penerapan Rukun Negara hendaklah terus dipergiatkan melalui Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Pelaksanaan aktiviti melalui KRN dan SRN akan mengukuhkan interaksi antara pelbagai etnik yang seterusnya mengurangkan jurang persepsi antara satu sama lain. Malah dasar penempatan penginapan pelbagai etnik di asrama dan kolej juga merupakan antara pendekatan mengukuhkan penerimaan dan persefahaman antara etnik.

Selain itu, dari aspek pemeraksanaan pengukuhan interaksi dalam komuniti pihak berwajib seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah memastikan penyediaan kediaman tidak mengikut pola etnik dan

hendaklah terdiri daripada pelbagai etnik dan penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam setiap kawasan perumahan. Penubuhan KRT akan membantu memastikan pelaksanaan aktiviti pemupukan dan ekosistem perpaduan yang sihat dalam komuniti. Agensi dan Badan Bukan Kerajaan juga hendaklah terus mengukuhkan program pemekaan Rukun Negara serta sesi dialog bagi pengukuhan konsep faham, hormat dan terima terhadap kepelbagaian etnik dan peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan di semua peringkat lapisan masyarakat.

Malah pihak media juga hendaklah fokus kepada aspirasi keharmonian negara dan menghindari daripada mensensasikan isu-isu ketegangan. Sebaliknya hendaklah lebih bertanggungjawab dalam menyampaikan mesej kepada rakyat dalam memastikan kestabilan politik dan interaksi sosial yang lebih harmoni. Media massa hendaklah menjadi sebahagian entiti yang berperanan sebagai penstabil politik serta membantu pencapaian pelaksanaan keadilan sosial dalam dasar kerajaan. Masyarakat Malaysia hendaklah mempunyai pemikiran yang sihat dan jelas berkaitan dengan peruntukan dan kepelbagaian dalam negara. Prinsip penerimaan terhadap kepelbagaian etnik, agama dan budaya adalah asas kelangsungan keharmonian dan kemakmuran negara. Kepelbagaian ini bukanlah halangan, tetapi kekuatan yang harus diraikan. Ini seiring dengan falsafah 'Perpaduan dalam Kepelbagaian' yang diterima di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari (2001). *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari (2013). *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim (1999). *Inti Pati Perlembagaan Malaysia. Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pengurusan Perpaduan (2014). *Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional*. Putrajaya.
- Dacey, A.V. (1959). *The Laws of the Constitution* (10th ed.). London: Macmillan
- Hashim Yeop A. Sani (1974). *Bagaimana Undang-Undang Kita Diperbuat*. Dewan Bahasa & Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hashim Yeop Sani (1983). *Perlembagaan Kita*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd.
- Heng Pek Koon (1988). *Chinese Politics in Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.

- Hickling, R. H. (1960). *An Introduction to the Federal Constitution*. Kuala Lumpur: Government Printer
- Ismail Adnan (2007). *Kontrak Sosial Masyarakat Majmuk*. Johor Bahru: Majlis Kebudayaan Negeri Johor.
- Kamal Halili Hassan (1990). *Konsep Diskriminasi Perlindungan Dalam Perlembagaan Malaysia*. Bangi: Fakulti Undang-undang, UKM.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*, 30(3), 607-610.
- Lee Hock Guan (2006). Globalisation and ethnic integration in Malaysian education. In Saw Swee Hock & K. Kesavapany (Eds.). *Malaysia: Recent Trends and Challenges* (pp. 230-259). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Lee Lam Thye (2019, Januari 10). Waspada dieksploitasi api perkauman. *Utusan Malaysia*.
- Mohamed Suffian Hashim (1972). *An Introduction To The Constitution Of Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan
- Mohamed Suffian Hashim (1987). *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Abas (1984). *Sejarah Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nazri Muslim (2011). *Islam dan Orang Melayu Menurut Perlembagaan Dalam Konteks Hubungan Etnik Di Malaysia: Kajian Ke Atas Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Tesis Dr. Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nazri Muslim, Jamsari Alias, Wan Zulkifli Wan Hassan, Azizi Umar & Nasaruddin Yunos (2013). Analisis Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan dalam Konteks Hubungan Etnik. *Jurnal Melayu*, 11, 63-78.
- Nazri Muslim (2014). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raja Nazrin Shah (2008, April 20). Kestabilan minda Melayu penting. *Utusan Malaysia*.
- Ramlah Adam (2004). *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam (2013). *Buku Teks Sejarah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratnam, K.J. (1969). *Communalism and the Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Second Ed. New York: John Wiley & Sons.
- Ting Chew Peh (1987). *Hubungan Ras dan Etnik*. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.
- Tuckman, B. W. (1999). *Conducting Educational Research*. Fort Worth: Harcourt

Brace College Publishers.

Wiersma, W. (1995). *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston Allyn and Bacon.

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir (2019, Januari 14). Ingat cogan kata Jata Negara. *Metro*.

Zaid Ahmad (2009). Satu Tinjauan Terhadap Keadaan Nasional Hari Ini. *Prosiding Seminar "Memapankan Perpaduan Negara" (Sustaining National Unity)*, 19-20. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.

Zainal Kling (2003). Kesedaran Nilai Budaya Nasional: Alternatif Polarisasi Etnik. Dalam Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A.Aziz, Abdul Rahman Embong,

Mohamed Yusoff Ismail & Kamarudin M. Said (Pnyt). *Membina Bangsa Malaysia: Kebudayaan dan Nilai* (hlm. 400-401). Jilid 3. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara, 2003.

***HUBUNGAN SOSIAL RENTAS  
ETNIK: PERINGKAT PERIBADI,  
KOMUNITI DAN INSTITUSI DI  
FLAT TAMAN MEWAH, KAJANG***

***PENULIS:***

**WAN SHAZATUL AIFA WAN MOHD FAISAL,  
AZLINA ABDULLAH**

# HUBUNGAN SOSIAL RENTAS ETNIK: PERINGKAT PERIBADI, KOMUNITI DAN INSTITUSI DI FLAT TAMAN MEWAH, KAJANG

WAN SHAZATUL AIFA<sup>1</sup>, AZLINA ABDULLAH<sup>2</sup>

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia  
Penulis Penghubung: [wanshazatul@perpaduan.gov.my](mailto:wanshazatul@perpaduan.gov.my)

## ABSTRAK

Malaysia dengan kepelbagaian etnik, agama, budaya dan bahasa sering dilihat berisiko mewujudkan hubungan etnik yang rapuh dan mudah mencetuskan konflik. Namun, pelbagai kajian menegaskan bahawa negara ini berjaya mengekalkan kerukunan sosial serta mencapai pembangunan yang positif. Artikel ini membincangkan tahap hubungan sosial komuniti pelbagai etnik di Flat Taman Mewah Indah, Kajang. Kajian tinjauan kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik yang direka berdasarkan kajian terdahulu, dengan 100 responden dipilih melalui pensampelan rawak mudah. Teori Pilihan Rasional digunakan sebagai kerangka analisis untuk mengenal pasti pola hubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi, komuniti dan institusi. Analisis deskriptif menunjukkan hubungan sosial rentas etnik telah terbina dalam kalangan penduduk pelbagai etnik di kawasan kajian. Skor hubungan sosial di peringkat peribadi (min = 3.60, SP = 0.604) dan komuniti (min = 3.65, SP = 0.572) menggambarkan tahap hubungan yang baik. Dapatan menunjukkan etnik Melayu dan Cina lebih terbuka dalam menjalin hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti yang melibatkan aspek kebudayaan, ekonomi dan keselamatan. Sementara itu, etnik India dan Bumiputera Sabah lebih menonjol dari segi keterbukaan sosial dan agama, khususnya dalam aspek kehidupan yang harmoni serta kebebasan melaksanakan aktiviti keagamaan. Kesimpulannya, hubungan sosial rentas etnik di Flat Taman Mewah Indah wujud dalam pelbagai bentuk dan memperlihatkan interaksi positif walaupun berlatarbelakangkan kepelbagaian budaya.

**Kata kunci:** Hubungan etnik, komuniti pelbagai etnik, Teori Pilihan Rasional, hubungan sosial.

## ABSTRACT

*Malaysia, with its ethnic, religious, cultural, and linguistic diversity, is often perceived as being at risk of fragile interethnic relations and potential conflicts. However, various studies emphasize that the country has successfully maintained social harmony and achieved positive development. This article discusses the level of interethnic social relations in the multi-ethnic community of Taman Mewah Indah Flats, Kajang. This quantitative survey study utilized a questionnaire designed based on previous research, with 100 respondents selected through simple random sampling. The Rational Choice Theory was used as an analytical framework to identify patterns of interethnic social relations at the personal, community, and institutional levels. Descriptive analysis shows that interethnic social relations have developed among*

*the diverse ethnic residents in the study area. The social relations scores at the personal (mean = 3.60, SD = 0.604) and community (mean = 3.65, SD = 0.572) levels indicate a good level of relationship. The findings show that the Malay and Chinese ethnic groups are more open to forming interethnic social relationships at the community level, involving aspects of culture, economy, and security. Meanwhile, the Indian and Indigenous Sabah ethnic groups are more prominent in social and religious openness, especially in aspects of harmonious living and the freedom to practice religious activities. In conclusion, interethnic social relations at Taman Mewah Indah Flats exist in various forms and display positive interactions, despite the cultural diversity.*

**Keywords:** *ethnic relations, multi-ethnic community, Rational Choice Theory, social relations*

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang etnik yang terdiri daripada Melayu, Cina, India serta ratusan etnik minoriti lain. Masyarakat berbilang budaya ini terbentuk hasil faktor sejarah, khususnya penghijrahan buruh asing dan dasar kolonial British yang telah memisahkan masyarakat mengikut fungsi ekonomi. Situasi ini melahirkan corak masyarakat majmuk yang kaya dengan kepelbagaian bahasa, agama dan budaya (Furnivall, 1956; Hazri, 2002). Walaupun dasar negara selepas merdeka menekankan integrasi tanpa menghapuskan identiti etnik, realiti hubungan etnik kekal dinamik dan adakalanya bersifat rapuh.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak-hak tertentu kepada orang Melayu dan Bumiputera, di samping menjamin kebebasan agama dan budaya untuk semua etnik. Walau bagaimanapun, realiti hubungan etnik sering dilihat dinamik, kadangkala diselangi salah faham, ketegangan dan konflik. Sejarah pascamerdeka memperlihatkan wujudnya konflik etnik yang signifikan, seperti peristiwa 13 Mei 1969, Kampung Rawa 1998 dan Kampung Medan 2001. Walaupun konflik tersebut tidak menular ke seluruh negara, kejadian ini mencerminkan adanya potensi ketegangan yang berkait dengan isu ekonomi, politik dan sosial. Hal ini menunjukkan hubungan etnik di Malaysia sering terdedah kepada salah faham dan prasangka, terutamanya di kawasan bandar berpendapatan rendah (Mansor, Abdul Rahman & Mohamad Ainuddin, 2006; Mansor, 2010).

Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2018 mendapati tahap perpaduan masyarakat masih belum tercapai sepenuhnya meskipun negara telah merdeka lebih 60 tahun. Malaysia kini berada pada tahap kesepaduan, iaitu proses ke arah perpaduan tetapi masih dibatasi oleh perbezaan dalaman

etnik yang mempengaruhi isu sosial dan ekonomi. Walaupun begitu, Indeks Keamanan Global 2019 meletakkan Malaysia di tangga ke-16 dunia, menunjukkan bahawa kepelbagaian etnik masih dapat diuruskan secara relatif harmoni (Shamsul AB, 2008; Shamsul AB, 2012; Sinar Harian, 2019; 2020).

Berdasarkan latar belakang ini, timbul persoalan bagaimana hubungan sosial rentas etnik dapat diperkukuh dalam konteks kehidupan seharian. Keupayaan membina toleransi, penerimaan dan interaksi sosial dalam komuniti berbilang etnik menjadi prasyarat penting ke arah perpaduan nasional. Oleh itu, kajian di kawasan perumahan bandar seperti Flat Taman Mewah Indah, Kajang, adalah signifikan untuk meneliti pola hubungan sosial peringkat peribadi, komuniti dan institusi.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian hubungan etnik di Malaysia sering dikaitkan dengan pembentukan masyarakat majmuk hasil daripada sejarah kolonial British dan penghijrahan buruh asing. Masyarakat majmuk ini ditandai dengan kewujudan pelbagai kumpulan etnik yang berbeza dari segi budaya, agama dan bahasa, tetapi hidup bersama dalam satu sistem politik (Furnivall, 1956; Hazri, 2002). Walaupun dasar negara selepas merdeka menekankan integrasi melalui Perlembagaan Persekutuan, hubungan etnik di Malaysia tetap bersifat dinamik dan kompleks, kerana dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi dan sejarah pemisahan etnik (Mansor, Abdul Rahman & Mohamad Ainuddin, 2006).

Sejarah pascamerdeka memperlihatkan hanya beberapa konflik etnik yang signifikan seperti peristiwa 13 Mei 1969, Kampung Rawa 1998 dan Kampung Medan 2001. Walaupun konflik ini terhad kepada kawasan tertentu, ia menimbulkan kesedaran tentang perlunya pendekatan lebih efektif dalam menguruskan hubungan etnik. Shamsul AB (2008, 2012) menegaskan bahawa hubungan etnik di Malaysia berlegar dalam kerangka kesepaduan iaitu proses ke arah perpaduan tetapi belum mencapai tahap sepenuhnya. Pandangan ini disokong oleh Indeks Perpaduan Nasional (2018) yang menunjukkan masyarakat masih berhadapan cabaran dalam membina perpaduan meskipun tahap keamanan negara berada di kedudukan tinggi dalam Indeks Keamanan Global 2019 (Sinar Harian, 2019; 2020).

Kajian terkini pula memberi gambaran bahawa persepsi masyarakat terhadap kepelbagaian etnik semakin berkembang. Projek SAMA (2024) misalnya mendapati 76% rakyat Malaysia Barat menekankan kepentingan menghormati Islam seiring dengan nilai multikulturalisme, menunjukkan majoriti menyokong wacana toleransi dan keseimbangan nilai dalam masyarakat pelbagai etnik. Dapatan ini selari dengan penelitian Shamsul AB (2012) bahawa penerimaan dan toleransi adalah kunci dalam menguruskan perbezaan budaya di Malaysia.

Selain itu, penyelidikan mengenai hubungan sosial rentas etnik turut memberi perhatian kepada golongan muda. Kajian di Pasir Gudang, Johor mendapati penyertaan belia dalam persatuan dan aktiviti kebajikan dapat mengurangkan prasangka etnik serta meningkatkan pemahaman rentas budaya (Mohd Fauzi et al., 2022). Dapatan ini menguatkan hujah bahawa interaksi sosial melalui platform komuniti memainkan peranan penting dalam menggalakkan integrasi etnik di peringkat akar umbi.

Dalam konteks pendidikan tinggi, integrasi pelajar pelbagai etnik di universiti menunjukkan bahawa akomodasi budaya, peluang interaksi dan pengiktirafan identiti budaya menjadi faktor utama dalam membina hubungan sosial yang lebih inklusif (Norhaslinda et al., 2022). Kajian seperti ini menekankan bahawa institusi formal berperanan besar dalam menyokong integrasi sosial antara etnik. Dalam masa yang sama, penyelidikan mengenai identiti kebangsaan mendapati masih terdapat kelompok masyarakat yang skeptikal terhadap konsep Malaysia sebagai masyarakat multietnik, terutamanya apabila isu budaya dan agama disentuh (Roslan et al., 2024).

Secara keseluruhannya, literatur terkini menunjukkan bahawa hubungan etnik di Malaysia bergerak ke arah integrasi dengan wujudnya sokongan majoriti terhadap toleransi dan keharmonian. Namun, wujud cabaran dalaman seperti prasangka etnik, jurang ekonomi dan sensitiviti budaya yang memerlukan pengurusan berterusan. Oleh itu, kajian mengenai pola hubungan sosial rentas etnik dalam komuniti berbilang budaya seperti di Flat Taman Mewah Indah adalah signifikan kerana ia menambah bukti empirikal tentang pembinaan hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan borang soal selidik sebagai instrumen utama. Lokasi kajian adalah Flat Taman Mewah Indah,

Kajang, Selangor, yang dipilih kerana mempunyai komposisi kepelbagaian etnik yang signifikan dan mewakili struktur masyarakat majmuk di Malaysia.

Populasi kajian adalah komuniti pelbagai etnik warganegara Malaysia yang menetap di Flat Taman Mewah Indah. Berdasarkan perbincangan bersama Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT), terdapat 152 Ketua Isi Rumah (KIR) warganegara Malaysia. Prosedur pensampelan kebarangkalian dengan kaedah pensampelan rawak mudah diaplikasikan kerana setiap KIR mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden (Chua, 2006).

Jumlah responden ditentukan berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970) yang menyarankan saiz sampel minimum seramai 108 responden bagi populasi 150 orang. Bagi memastikan keberkesanan kajian, sebanyak 110 set soal selidik diedarkan dan 100 daripadanya berjaya dikembalikan serta lengkap diisi. Jumlah ini melebihi kadar minimum 30% seperti dicadangkan oleh Sekaran (2003), sekali gus mencukupi untuk dianalisis secara statistik.

**Jadual 1 : Komposisi Ketua Isi Rumah Flat Taman Mewah Indah, Kajang**

Etnik	Blok A	Blok B	Jumlah
Melayu	39	45	84
Cina	14	14	28
India	15	11	26
Sabah/Sarawak	6	8	14
Bukan Warganegara	18	10	28
Jumlah KIR	92	88	180
<b>Jumlah KIR Warganegara</b>	<b>74</b>	<b>78</b>	<b>152</b>

Instrumen kajian dibangunkan melalui pendekatan adaptasi daripada soal selidik kajian lepas yang relevan dengan hubungan etnik di Malaysia, seperti kajian oleh Shamsul Amri (2012), Noor Sulastry (2020) dan Abdul Rahman Embong (2021). Instrumen yang digunakan terdiri daripada tujuh bahagian utama:

<b>Bahagian A :</b>	Maklumat Demografi Responden
<b>Bahagian B :</b>	Hubungan Sosial Rentas Etnik
<b>Bahagian C :</b>	Toleransi
<b>Bahagian D :</b>	Persepsi Terhadap Agama
<b>Bahagian E :</b>	Prejudis Terhadap Agama
<b>Bahagian F :</b>	Persatuan dan Kegiatan
<b>Bahagian G :</b>	Isu Utama Komuniti

Sebelum pengumpulan data sebenar, kajian rintis telah dijalankan melibatkan 30 orang responden di kawasan komuniti perumahan berbilang etnik yang berdekatan dengan lokasi kajian. Hasil kajian rintis digunakan untuk menilai kefahaman item soal selidik serta menguji kebolehpercayaan instrumen. Analisis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha keseluruhan ialah 0.872, yang dianggap mempunyai kebolehpercayaan tinggi (Nunnally & Bernstein, 1994). Kesahan kandungan instrumen pula disemak oleh dua orang pakar dalam bidang hubungan etnik bagi memastikan kesesuaian item dengan objektif kajian.

Sebanyak 110 set soal selidik diedarkan, manakala 100 set (91%) berjaya dikembalikan dengan lengkap. Borang yang tidak lengkap diisi (lebih 25% item kosong) digugurkan daripada analisis. Data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif melibatkan pengiraan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi mengenal pasti pola hubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi, komuniti dan institusi.

## KERANGKA KONSEPTUAL


Kerangka konseptual kajian ini dibentuk berdasarkan sorotan literatur dan kajian lepas. Dalam komuniti pelbagai etnik, hubungan sosial sering ditandai dengan pemisahan dan perbezaan dari segi nilai budaya, agama dan latar belakang yang boleh mempengaruhi tahap integrasi serta berpotensi mencetuskan ketegangan masyarakat.

Menurut Mansor, Abdul Rahman dan Mohamad Ainuddin (2006), konsep etnik mempunyai kaitan rapat dengan konsep ras dan bangsa. Ras dan bangsa menekankan perbezaan fizikal atau sifat biologi dalam kalangan manusia, manakala konsep etnik lebih menekankan amalan budaya yang hampir seragam dalam kelompok tertentu. Etnik disatukan oleh pengalaman

sejarah, sistem nilai, sikap dan tingkah laku. Faktor demografi seperti etnik, agama, umur, jantina, pendidikan, status pekerjaan, pendapatan dan status kediaman merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang sering dikaji dalam penyelidikan hubungan etnik kerana ia memberi impak kepada tahap toleransi dan pola hubungan sosial rentas etnik.

Dalam kajian ini, konsep hubungan sosial rentas etnik diukur pada tiga peringkat iaitu peringkat peribadi, komuniti dan institusi. Hubungan di peringkat peribadi meliputi interaksi harian seperti bertegur sapa, berbual, menolong, berkongsi aktiviti kebajikan, menziarahi, keluar makan bersama, serta sokongan dalam bentuk kewangan atau moral. Hubungan di peringkat komuniti pula melibatkan kehidupan bersama dalam satu kawasan, amalan beragama, aktiviti kebudayaan, penggunaan kemudahan awam, kegiatan ekonomi, politik dan usaha menangani jenayah serta masalah sosial. Manakala hubungan sosial rentas etnik di peringkat institusi menilai keahlian, penyertaan dan penglibatan individu dalam persatuan, organisasi atau institusi sosial (Khairol Anuar Kamri, 2014).

Berdasarkan itu, kerangka konseptual kajian ini dibangunkan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1 yang menggabungkan konsep toleransi dan hubungan sosial rentas etnik. Kerangka ini memberi gambaran tahap penerimaan nilai dan budaya dalam komuniti pelbagai etnik yang dipengaruhi oleh interaksi sosial merentas sempadan etnik.




**Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian**

Diadaptasi dari konsep toleransi oleh M. Hjerm et al. (2019) & konsep hubungan sosial rentas etnik oleh Putnam (1999) dan Varshney (2002)

## KERANGKA ANALISIS

Kerangka analisis kajian ini dirangka berdasarkan perbincangan tentang hubungan etnik yang bersifat dinamik. Ia mencadangkan beberapa faktor yang berpotensi memberi pengaruh kepada tahap hubungan sosial dalam kalangan komuniti pelbagai etnik. Dalam kajian ini, pemboleh ubah toleransi diukur melalui dimensi penerimaan, hormat dan penghargaan terhadap kepelbagaian. Sementara itu, pemboleh ubah hubungan sosial rentas etnik dianalisis melalui interaksi di tiga peringkat utama iaitu individu, komuniti dan institusi.

Kerangka ini juga menekankan perkaitan antara toleransi dengan hubungan sosial rentas etnik berasaskan Teori Pilihan Rasional, di mana keputusan individu atau kumpulan dalam menjalin hubungan sosial dipengaruhi oleh pertimbangan kos dan faedah. Dengan itu, instrumen soal selidik dibangunkan berdasarkan integrasi konsep toleransi dan hubungan sosial rentas etnik, disokong oleh teori yang menjelaskan pola interaksi tersebut.



**Rajah 2: Kerangka Analisis Kajian**

Mengadaptasi konsep toleransi oleh M. Hjerm et al. (2019) & konsep hubungan sosial rentas etnik oleh Putnam (1999) dan Varshney (2002)

## HASIL KAJIAN

Kajian ini telah mengenal pasti pola hubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi, komuniti dan institusi dalam komuniti pelbagai etnik. Penganalisan secara deskriptif memberi gambaran umum mengenai sampel kajian serta penganalisan berdasarkan objektif kajian. Analisis deskriptif yang melibatkan nilai min, sisihan piawai dan peratusan digunakan untuk menentukan profil demografi kajian responden terhadap hubungan sosial rentas etnik dan toleransi etnik dalam komuniti Flat Taman Mewah Indah, Kajang. Data yang dianalisis secara deskriptif dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah, graf dan carta pai. Tafsiran tahap skor bagi min ditentukan dalam tiga tahap iaitu min = 1.00 hingga min = 2.33 adalah rendah, min = 2.34 hingga min = 3.66 adalah sederhana, min = 3.67 hingga min = 5.00 adalah tinggi.

### Pola Hubungan Sosial Rentas Etnik

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pola hubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi, komuniti dan institusi. Analisis deskriptif digunakan bagi mendapatkan gambaran umum melalui nilai min, sisihan piawai dan peratusan. Secara keseluruhannya, skor min menunjukkan tahap hubungan sosial rentas etnik berada pada kategori sederhana hingga tinggi, bergantung kepada dimensi yang diuji.

### Peringkat Peribadi

Jadual 2 menunjukkan hubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi yang diukur melalui lapan item. Hasil analisis mendapati empat item berada pada tahap tinggi, manakala empat item lain pada tahap sederhana. Item dengan min tertinggi ialah “Menerima kawan-kawan berbeza etnik datang ke rumah” (min = 3.84, SP = 0.950), manakala item dengan min terendah ialah “Menderma wang untuk aktiviti kebajikan agama etnik lain” (min = 3.11, SP = 0.680). Secara keseluruhannya, tahap hubungan sosial peringkat peribadi dalam kalangan komuniti ini adalah sederhana (min = 3.60, SP = 0.604).

Jadual 2: Hubungan Sosial Rentas Etnik Peringkat Peribadi

No	Penyataan	STS	TS	Ses	S	SS	Min	SP
B8	Menerima kawan-kawan berbeza etnik datang ke rumah	0.0	4.0	42.0	20.0	34.0	3.84	.950
B6	Menziarah etnik lain yang dilanda musibah	0.0	3.0	41.0	25.0	31.0	3.84	.907
B5	Menjalanlan Aktiviti sosial bersama etnik lain	1.0	2.0	46.0	21.0	30.0	3.77	.941
B1	Menyapa dan berbual etnik lain	0.0	2.0	38.0	49.0	11.0	3.69	.692
B4	Berinteraksi di laman sosial dengan etnik lain	1.0	5.0	34.0	54.0	6.0	3.59	.726
B7	Keluar makan bersama etnik lain	0.0	3.0	44.0	50.0	3.0	3.53	.611
B3	Ikut serta aktiviti kebajikan etnik lain	0.0	6.0	48.0	43.0	3.0	3.43	.655
B2	Menderma wang untuk aktiviti kebajikan agama etnik lain.	2.0	9.0	68.0	18.0	3.0	3.11	.680
<b>Keseluruhan</b>							<b>3.60</b>	<b>.604</b>

Data kajian dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa hubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi terbina bagi responden Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah.

**Jadual 3: Hubungan Sosial Rentas Etnik Peringkat Peribadi mengikut Etnik**

No	Dimensi	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah
1	Menyapa dan berbual etnik lain	63.0	60.7	60.0	37.5
2	Menderma wang untuk aktiviti kebajikan agama etnik lain.	24.1	7.1	40.0	25.0
3	Ikut serta aktiviti kebajikan etnik lain	40.7	57.1	50.0	37.5
4	Berinteraksi di laman sosial dengan etnik lain	63.0	57.1	60.0	50.0
5	Menjalankan aktiviti sosial bersama etnik lain	50.0	57.1	40.0	50.0
6	Menziarahi etnik lain yang dilanda musibah	57.4	60.7	40.0	50.0
7	Keluar makan bersama etnik lain	53.7	60.7	30.0	50.0
8	Menerima kawan-kawan berbeza etnik datang ke rumah	57.4	57.1	30.0	50.0

Melayu mempunyai skor tertinggi pada item “*Berinteraksi di laman sosial dengan etnik lain*” (63.0%), Cina mencatat skor tertinggi pada item “*Keluar makan bersama etnik lain*” (60.7%) serta “*Menziarahi etnik lain yang dilanda musibah*” (60.7%). Manakala, India pula mencatat skor tertinggi pada item “*Menderma wang untuk aktiviti kebajikan agama etnik lain*” (40.0%) serta Bumiputera Sabah skor tertinggi pada item “*Berinteraksi di laman sosial dengan etnik lain*” dan “*Menjalankan aktiviti sosial bersama etnik lain*” (masing-masing 50.0%).

Secara ringkas, responden Melayu dan Cina lebih cenderung membina hubungan sosial berbentuk aktiviti sosial harian, manakala responden India lebih terbuka dalam aspek yang berkaitan dengan sumbangan agama.

Responden Bumiputera Sabah pula lebih menekankan interaksi sosial dalam komuniti.

Kesimpulannya, pola hubungan sosial peringkat peribadi menunjukkan keterbukaan komuniti untuk berinteraksi rentas etnik terutama dalam aktiviti sosial seharian, walaupun masih wujud perbezaan ketara dalam aspek berkaitan agama.

### Peringkat Komuniti

Jadual 4 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa lima item berada pada tahap tinggi manakala tiga item berada pada tahap sederhana. Item “Aktiviti ekonomi berjalan dengan baik” (B12) mencatatkan min tertinggi (min = 3.97, SP = 0.870), manakala item “Bebas melakukan aktiviti keagamaan” (B9) mencatatkan min terendah (min = 3.26, SP = 0.525). Secara keseluruhan, hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti berada pada tahap sederhana (min = 3.65, SP = 0.572).

**Jadual 4: Hubungan Sosial Rentas Etnik Peringkat Komuniti**

No	Penyataan	STS	TS	Ses	S	SS	Min	SP
<b>B12</b>	Aktiviti ekonomi berjalan dengan baik	0.0	0.0	39.0	25.0	36.0	3.97	.870
<b>B10</b>	Aktiviti kebudayaan berjalan dengan baik	0.0	2.0	36.0	29.0	33.0	3.93	.879
<b>B14</b>	Kejadian jenayah rendah dalam komuniti	3.0	1.0	44.0	19.0	33.0	3.78	1.021
<b>B15</b>	Tidak berlaku salah faham etnik	3.0	6.0	43.0	16.0	32.0	3.68	1.081
<b>B11</b>	Berkongsi kemudahan awam	0.0	0.0	40.0	53.0	7.0	3.67	.604

No	Penyataan	STS	TS	Ses	S	SS	Min	SP	
<b>B13</b>	Masalah sosial rendah dalam komuniti	0.0	2.0	46.0	51.0	1.0	3.51	.559	
<b>B16</b>	Kehidupan seharian baik	0.0	0.0	70.0	22.0	8.0	3.38	.632	
<b>B9</b>	Bebas melakukan aktiviti keagamaan	0.0	2.0	72.0	24.0	2.0	3.26	.525	
<b>Keseluruhan</b>								<b>3.65</b>	<b>.572</b>

Data kajian dalam Jadual 5 menunjukkan hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti mengikut etnik bagi responden Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah.

**Jadual 5: Hubungan Sosial Rentas Etnik Peringkat Komuniti mengikut Etnik**

No	Dimensi	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah
<b>9</b>	Bebas melakukan aktiviti keagamaan	25.9	14.3	50.0	37.5
<b>10</b>	Aktiviti kebudayaan berjalan dengan baik	63.0	64.3	60.0	50.0
<b>11</b>	Berkongsi kemudahan awam	63.0	57.1	50.0	62.5
<b>12</b>	Aktiviti ekonomi berjalan dengan baik	66.7	57.1	50.0	50.0
<b>13</b>	Masalah sosial rendah dalam komuniti	51.9	57.1	50.0	37.5
<b>14</b>	Kejadian jenayah rendah dalam komuniti	55.6	57.1	30.0	37.5
<b>15</b>	Tidak berlaku salah faham etnik	48.1	57.1	30.0	37.5
<b>16</b>	Kehidupan seharian baik	31.5	14.3	60.0	37.5

Berdasarkan analisis mengikut etnik dalam Jadual 5, setiap kumpulan menunjukkan kecenderungan yang berbeza. Responden Melayu lebih menonjol dalam aspek ekonomi dengan 66.7% bersetuju bahawa aktiviti ekonomi berjalan dengan baik. Responden Cina pula mencatatkan peratusan tertinggi bagi aktiviti kebudayaan berjalan dengan baik (64.3%) serta tidak berlaku salah faham etnik (57.1%). Responden India lebih menonjol dalam aspek sosial dan agama, khususnya bagi item kehidupan seharian baik (60.0%) dan bebas melakukan aktiviti keagamaan (50.0%). Sementara itu, responden Bumiputera Sabah paling tinggi dalam aspek perkongsian kemudahan awam (62.5%).

Secara umum, empat item utama iaitu aktiviti kebudayaan, ekonomi, perkongsian kemudahan awam dan tahap masalah sosial rendah menunjukkan persamaan jawapan positif merentasi etnik. Walau bagaimanapun, jurang wujud dalam isu berkaitan agama dan kehidupan seharian, di mana responden India lebih positif berbanding etnik lain. Sebaliknya, bagi isu keselamatan (kejadian jenayah rendah) dan salah faham etnik, responden Melayu dan Cina lebih dominan.

Hasil ini sejajar dengan dapatan Sheau (2006) yang menekankan pentingnya aktiviti kejuruan seperti gotong-royong dalam mengukuhkan kepercayaan dan interaksi merentas etnik. Begitu juga dengan Yahaya Ibrahim (1995) yang mendapati kerjasama serta amalan tolong-menolong dalam komuniti perumahan adalah asas kepada perpaduan.

Kesimpulannya, hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti terbina dengan baik, walaupun kecenderungan antara kumpulan etnik berbeza mengikut aspek tertentu. Etnik Melayu dan Cina lebih terbuka dalam aspek sosial, ekonomi dan keselamatan, manakala etnik India dan Bumiputera Sabah lebih positif dalam aspek sosial dan agama.

### Peringkat Institusi

Bahagian ini mengukur hubungan sosial rentas etnik di peringkat institusi kemasyarakatan berdasarkan ciri keahlian dan tahap penyertaan responden Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah dalam persatuan. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan majoriti responden tanpa mengira etnik mengakui bahawa organisasi kemasyarakatan yang bersifat sosial dan keagamaan adalah lebih bercirikan keahlian pelbagai etnik. Walaupun wujud sedikit jurang peratusan antara etnik, perbezaannya secara relatif adalah kecil.

**a. Ciri Keahlian**

Berdasarkan Jadual 6, hampir semua persatuan utama seperti Persatuan Belia/Wanita, Organisasi Ekonomi/Koperasi, PIBG, Organisasi Sukarela, Rukun Tetangga, Organisasi Sukan dan Parti Politik direkodkan dengan peratusan keahlian pelbagai etnik yang sangat tinggi (sekitar 87% responden Melayu dan 100% responden Cina, India dan Bumiputera Sabah). Hal ini menggambarkan kesediaan semua etnik untuk berinteraksi dan bekerjasama dalam organisasi bercorak sosial. Perbezaan ketara hanya dapat dilihat pada organisasi keagamaan/rumah ibadat, di mana peratusan responden Melayu yang menganggapnya bercirikan pelbagai etnik (59.5%) jauh lebih rendah berbanding responden Cina (83.3%), India (71.4%) dan Bumiputera Sabah (83.3%). Dapatan ini menunjukkan faktor agama masih menjadi sempadan sosial yang lebih jelas berbanding aspek sosial lain.

Secara ringkas, lapan daripada sembilan organisasi kemasyarakatan didapati bercirikan keahlian pelbagai etnik, manakala satu kategori lain-lain organisasi menunjukkan ciri bercampur (sesama etnik dan pelbagai etnik) bergantung kepada konteks. Ini menegaskan bahawa hubungan sosial rentas etnik di peringkat institusi lebih mudah terjalin dalam organisasi bercorak sosial, manakala organisasi keagamaan masih memperlihatkan garis pemisah yang lebih ketara.

**Jadual 6 : Ciri-Ciri Keahlian Persatuan mengikut Etnik**

Bil	Jenis Persatuan	Sesama Etnik (%)				Pelbagai Etnik (%)			
		Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah
1	Persatuan Belia/Wanita	12.2	-	-	-	87.8	100.0	100.0	100.0
2	Organisasi Ekonomi/Koperasi	19.4	-	-	-	80.6	100.0	100.0	100.0
3	Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)	6.1	-	-	-	93.9	100.0	100.0	100.0

Bil	Jenis Persatuan	Sesama Etnik (%)				Pelbagai Etnik (%)			
		Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sabah
5	Rukun Tetangga (RT)	13.0	-	-	-	87.0	100.0	100.0	100.0
6	Organisasi Sukan dan Rekreasi	11.8	-	-	-	88.2	100.0	100.0	100.0
7	Parti-parti Politik	7.5	-	-	-	92.5	100.0	100.0	100.0
8	Organisasi Keagamaan/ Rumah Ibadat	40.5	16.7	28.6	16.7	59.5	83.3	71.4	83.3
9	Lain-lain (nyatakan)	100.0	-	-	-	-	-	-	100.0

## b. Tahap Penyertaan

Berdasarkan Jadual 7, majoriti responden tanpa mengira etnik menunjukkan tahap penyertaan di peringkat penyokong sahaja atau sedar wujud tetapi tidak terlibat dalam organisasi kemasyarakatan, sama ada bercirikan sosial atau etnik. Penyertaan sangat aktif wujud, namun pada kadar yang rendah.

Secara khusus, lebih separuh responden pelbagai etnik terlibat sebagai penyokong sahaja dalam organisasi seperti Persatuan Belia/Wanita, Organisasi Ekonomi/Koperasi, Organisasi Sukan dan Rekreasi, Parti-parti Politik, serta Organisasi Keagamaan/Rumah Ibadat. Walaupun terdapat sedikit perbezaan antara etnik, jurang tersebut secara relatifnya adalah kecil.

Bagi penyertaan sangat aktif, responden Melayu lebih menonjol dalam organisasi keagamaan/rumah ibadat (43.2%), manakala responden Cina mencatatkan peratusan lebih tinggi dalam persatuan berbentuk pendidikan dan sosial, khususnya Persatuan Ibu Bapa dan Guru (64.7%), Organisasi Sukarela dan Kebajikan (88.2%) serta Organisasi

Sukan dan Rekreasi (83.3%). Responden India pula tidak begitu menonjol dalam kategori ini, namun mereka menunjukkan penglibatan yang tinggi sebagai penyokong dalam organisasi ekonomi/koperasi (80.0%) dan sukarela/kebajikan (80.0%).

Responden Bumiputera Sabah secara relatifnya lebih banyak berada di tahap sedar tetapi tidak terlibat, terutamanya dalam organisasi berbentuk komuniti seperti Rukun Tetangga (57.1%) dan organisasi keagamaan/rumah ibadat (50.0%). Corak ini memperlihatkan bahawa penglibatan mereka lebih cenderung bersifat pemerhatian berbanding penglibatan langsung.

Secara umum, lebih separuh responden tanpa mengira etnik cenderung menyertai di tahap anggota/penyokong sahaja, terutamanya dalam organisasi seperti Persatuan Belia/Wanita, Organisasi Ekonomi/Koperasi, Organisasi Sukan dan Rekreasi, Parti-parti Politik serta Organisasi Keagamaan/Rumah Ibadat. Dapatan ini sejajar dengan pandangan Varshney (2001) bahawa bentuk hubungan sosial etnik cenderung bergerak daripada interaksi tidak formal kepada penginstitutionan melalui organisasi kemasyarakatan. Walaupun jurang peratusan wujud antara etnik, perbezaan tersebut secara relatifnya kecil dan tidak menjejaskan pola umum tahap penyertaan merentas etnik.

Jadual 7 : Tahap Penyertaan Persatuan Mengikut Etnik


Bil	Jenis Persatuan	Tahap Penyertaan (%)																	
		Sangat Aktif			Anggota/ Penyokong sahaja			Sedar wujud tetapi tidak terlihat			Tiada kewujudan								
		M	C	I	BS	M	C	I	BS	M	C	I	BS	M	C	I	BS		
1	Persatuan Belia/ Wanita	6.1	-	-	-	63.3	62.5	37.5	62.5	28.6	37.5	62.5	37.5	2.0	-	-	-		
2	Organisasi Ekonomi/Koperasi	9.7	-	-	-	64.5	17.6	80.0	25.0	9.7	-	20.0	16.1	82.4	-	-	50.0		
3	Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)	18.2	64.7	-	25.0	51.5	-	50.0	-	27.3	5.9	50.0	3.0	29.4	-	-	50.0		
4	Organisasi Sukarela dan Kebajikan	32.3	88.2	20.0	25.0	51.6	5.9	80.0	25.0	16.1	5.9	-	-	-	-	-	-		
5	Rukun Tetangga (RT)	23.9	57.7	10.0	-	43.5	11.5	50.0	42.9	32.6	30.8	40.0	-	-	-	-	-		
6	Organisasi Sukan dan Rekreasi	29.4	83.3	-	16.7	50.0	5.6	60.0	33.3	17.6	11.1	40.0	2.9	-	-	-	16.7		
7	Parti-parti Politik	2.4	4.3	-	-	51.2	56.5	33.3	14.3	14.6	13.0	22.2	31.7	26.1	44.4	42.9	-		
8	Organisasi Keagamaan/ Rumah Ibadat	43.2	-	14.3	-	32.4	75.0	42.9	50.0	24.3	8.3	14.3	-	16.7	28.6	-	-		
9	Lain-lain (nyatakan)	-	-	-	-	-	-	-	-	100	-	-	-	-	-	-	100		

## ISU UTAMA KOMUNITI

Analisis ini adalah untuk mempersembahkan isu-isu utama komuniti yang telah dikemukakan oleh responden di Bahagian G soal selidik. Para responden telah mengemukakan secara bebas berkaitan isu-isu utama yang dihadapi oleh responden pada tiga peringkat iaitu di Flat Taman Mewah Indah, Kajang, di kawasan perumahan dan di peringkat negeri. Tujuan soalan ini dibangunkan adalah untuk meneroka isu-isu utama komuniti di pelbagai peringkat dan melihat perkaitannya dengan komuniti pelbagai etnik. Sebanyak 50% responden daripada jumlah keseluruhan responden telah memberi maklum balas mereka. Isu utama yang dikemukakan ini telah dikelompokkan kepada kebersihan, vandalisme, haiwan peliharaan, ketidakfungsian kemudahan awam, masalah tempat letak kereta, perkauman, bising, tiada kerjasama dan pendatang asing. Maklumat yang diperolehi dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk carta pai dan carta bar.


### a. Isu Utama Komuniti di Flat

Rajah 2 menunjukkan bilangan responden mengikut etnik yang telah memberi maklum balas tentang isu utama yang dihadapi di Flat Taman Mewah Indah, Kajang. Sebanyak 54% responden Melayu, 33 peratus responden Cina, 9% Bumiputera Sabah dan 4% responden India telah memberi maklum balas berkaitan isu utama yang di flat tersebut.



Rajah 2: Bilangan Responden yang Memberi Maklum Balas bagi Isu Utama di Flat

Antara isu utama di flat yang dinyatakan adalah seperti kebersihan, perkauman, haiwan peliharaan, ketidakfungsian kemudahan awam, bising dan tiada kerjasama. Pecahan etnik mengikut kategori isu di peringkat flat telah dianalisis dan dipersembahkan melalui carta bar berdasarkan Rajah 3 di bawah.




**Rajah 3: Pecahan Etnik mengikut Kategori Isu di Peringkat Flat**

Antara isu yang diutarakan oleh responden Melayu adalah 70% isu kebersihan dengan menyatakan “membuang sampah di kawasan flat”. 3% isu perkauman dengan menyatakan “ada segelintir penduduk yang sensitif untuk ke arah isu perkauman”. Manakala 10% isu haiwan peliharaan. Antara isu yang dinyatakan adalah “anjing berkeliaran”, kucing liar terlalu banyak dan “kucing berak tepi koridor”. Selanjutnya 3% isu ketidakfungsian kemudahan awam. Manakala 7% responden menyatakan isu bising dan 7% responden mengutarakan isu tiada kerjasama. Isu yang diutarakan oleh responden Cina adalah 89% isu kebersihan dengan menyatakan “membuang sampah di kawasan flat”. Manakala 11% isu bising dengan menyatakan “bising dalam kawasan flat”. Manakala Isu yang diutarakan oleh responden India adalah 50%

isu kebersihan dengan menyatakan “membuang sampah di kawasan flat”. Selanjutnya 50% isu ketidakfungsian kemudahan awam seperti “masalah lampu di kawasan flat”. Selanjutnya isu yang diutarakan oleh responden Bumiputera Sabah adalah 40% isu kebersihan dengan menyatakan “membuang sampah di kawasan flat”. Selanjutnya 40% isu ketidakfungsian kemudahan awam seperti “masalah lampu di kawasan flat”. Manakala 20% menyatakan isu perkauman dengan menyatakan “sering berbau colok”.


#### b. Isu Utama Komuniti di Kawasan Perumahan

Rajah 4 menunjukkan bilangan responden mengikut etnik yang telah memberi maklum balas tentang isu utama yang dihadapi di Flat Taman Mewah Indah, Kajang. Sebanyak 92% responden Melayu dan 8% Bumiputera Sabah telah memberi maklum balas berkaitan isu utama yang di kawasan perumahan.



**Rajah 4: Bilangan Responden yang Memberi Maklum Balas Bagi Isu Utama di Kawasan Perumahan**

Antara isu utama di kawasan perumahan yang dinyatakan adalah seperti kebersihan, vandalisme, haiwan peliharaan, ketidakfungsian kemudahan awam dan masalah tempat letak kereta. Pecahan etnik mengikut kategori isu di kawasan perumahan telah dianalisis dan dipersembahkan melalui carta bar berdasarkan Rajah 5 di bawah.




**Rajah 5 : Pecahan Etnik mengikut Kategori Isu di Kawasan Perumahan**

Antara isu yang diutarakan oleh responden Melayu adalah 9% isu kebersihan dengan menyatakan “kotor”. Manakala 9% adalah isu vandalisme dengan menyatakan “merosakkan kemudahan awam seperti taman permainan kanak-kanak” Manakala 27% isu haiwan peliharaan. Antara isu yang dinyatakan adalah “anjing berkeliaran”, kucing liar terlalu banyak dan “kucing berak tepi koridor”. Selanjutnya 36% isu ketidaktungfians kemudahan awam iaitu dengan menyatakan” lampu jalan kawasan taman tidak berfungsi”. Manakala 18% responden menyatakan masalah tempat letak kereta dengan menyatakan “kereta rosak diletakkan kawasan parking, lori-lori dan bas kilang diletakkan di kawasan parking menyebabkan penghuni tiada parking kereta”. Manakala 100% responden Bumiputera Sabah mengutarakan isu vandalisme iaitu “taman permainan tidak diselenggara”.

**c. Isu Utama Komuniti di Peringkat Negeri**


Rajah 6 menunjukkan bilangan responden mengikut etnik yang telah memberi maklum balas tentang isu utama yang dihadapi di Flat Taman Mewah Indah, Kajang. Sebanyak 75% responden Melayu dan 25%

Bumiputera Sabah telah memberi maklum balas berkaitan isu utama yang di peringkat negeri.



**Rajah 6: Bilangan Responden yang memberi Maklum Balas bagi Isu Utama di Peringkat Negeri**

Antara isu utama di peringkat negeri yang dinyatakan adalah seperti kebersihan, vandalisme, haiwan peliharaan, ketidakfungsian kemudahan awam dan masalah tempat letak kereta. Pecahan etnik mengikut kategori isu di peringkat negeri telah dianalisis dan dipersembahkan melalui carta bar berdasarkan Rajah 7 di bawah.



**Rajah 7: Pecahan Etnik Mengikut Kategori Isu di Peringkat Negeri**

Analisis menunjukkan 100% responden Melayu mengutarakan isu Pendatang Asing dengan menyatakan “masalah lambakan PATI”, “pendatang asing tanpa izin datang malaysia buat semak je, buat macam bapak dia orang punya negara”, pelambakan warga asing minta tolong hantar balik sebab dia orang boleh membahayakan orang Malaysia dari segi kesihatan” dan “warga asing makin ramai memonopoli sektor pekerjaan”. Manakala 100% responden Bumiputera Sabah mengutarakan isu Pendatang Asing dengan menyatakan “kebanjiran pendatang asing”.

Secara kesimpulannya 50% responden telah memberi maklum balas berkaitan isu-isu utama komuniti di peringkat flat, kawasan perumahan dan peringkat negeri. Tujuan maklumat ini dipohon adalah untuk melihat perkaitannya dengan hubungan etnik di dalam komuniti ini. Isu utama yang dikemukakan ini telah dikelompok kepada kebersihan, vandalisme, haiwan peliharaan, ketidakfungsian kemudahan awam, masalah tempat letak kereta, perkauman, bising, tiada kerjasama dan pendatang asing. Walau bagaimanapun terdapat dua maklum balas berunsurkan hubungan etnik yang diterima daripada etnik Melayu dan Bumiputera Sabah sahaja. Masalah yang diutarakan adalah di peringkat flat sahaja. 3% etnik Melayu mengutarakan isu perkauman dengan menyatakan “ada segelintir penduduk yang sensitif untuk ke arah isu perkauman”. Manakala 20% Bumiputera Sabah mengutarakan isu perkauman dengan menyatakan “sering berbau colok”. Hasil analisis bagi isu utama peringkat kawasan perumahan dan negeri tidak menunjukkan terdapat isu hubungan etnik dan hanya berkaitan isu kebersihan, vandalisme, haiwan peliharaan, ketidakfungsian kemudahan awam, masalah tempat letak kereta dan sebagainya. Walaupun isu berkaitan hubungan etnik adalah berada di tahap rendah, namun adalah penting bagi memberi pemahaman dan kesedaran kepada komuniti tentang isu-isu sensitif berkaitan nilai dan budaya antara etnik bagi mengelakkan sebarang salah faham antara etnik. Kebanyakan isu yang diutarakan adalah berkaitan kegagalan/kekangan tadbir urus flat, kawasan perumahan dan kerajaan untuk mengurus kebajikan mereka. Luahan kehidupan itu perlu ditangani segera agar ia tidak merebak sehingga mencetuskan pergaduhan etnik dan agama.

## PERBINCANGAN

Dapat disimpulkan bahawa, etnik Melayu dan Cina didapati sangat terbuka dalam menjalin hubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi apabila hubungan itu bersifat sosial tetapi akan mengelak apabila hubungan tersebut terkait dengan faktor agama. Manakala etnik India dan Bumiputera Sabah pula menunjukkan dapatan yang berbeza kerana didapati bahawa etnik ini sangat terbuka dalam menjalin hubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi yang bersifat sosial dan bersifat agama. Etnik Melayu, walaupun mereka juga sangat terbuka dalam menjalin perhubungan sosial rentas etnik di peringkat peribadi dengan etnik lain yang bersifat sosial tetapi mereka memilih untuk tidak melibatkan diri dengan etnik lain apabila hubungan itu melibatkan elemen agama.

Hasil kajian turut menunjukkan bahawa hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti sudah terbina dalam kalangan etnik Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah. Etnik Melayu dan Cina sangat terbuka dalam menjalin hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti apabila hubungan itu bersifat sosial yang meliputi kebudayaan, ekonomi dan keselamatan. Walau bagaimanapun, mereka cuba mengelak apabila hubungan tersebut berasaskan faktor agama. Manakala etnik India dan Bumiputera Sabah pula didapati berbeza dengan etnik Melayu dan Cina di mana mereka sangat terbuka dalam menjalin hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti yang bersifat sosial dan agama iaitu bersetuju dengan kehidupan yang baik dan bebas melakukan aktiviti keagamaan. Pola hubungan sosial rentas etnik di peringkat institusi yang diukur berdasarkan ciri keahlian menunjukkan majoriti responden tanpa mengira etnik mengakui bahawa organisasi kemasyarakatan yang bersifat sosial dan agama adalah lebih bercirikan pelbagai etnik.

Secara keseluruhannya perhubungan sosial rentas etnik di peringkat institusi yang diukur berdasarkan tahap penyertaan menunjukkan secara relatifnya etnik Melayu mempunyai tahap penyertaan sangat aktif yang lebih tinggi daripada etnik Cina, India dan Bumiputera Sabah dalam penyertaan Persatuan Belia/Wanita, Organisasi Ekonomi/Koperasi dan Organisasi Keagamaan/Rumah Ibadat. Hubungan sosial rentas etnik komuniti Flat Taman Mewah Indah adalah positif dan signifikan. Dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian oleh Hairol Anuar et al. (2020) bahawa hubungan sosial rentas etnik pada peringkat individu, komuniti dan institusi dalam kalangan 554 orang

merupakan komuniti peniaga dan penjaja pelbagai etnik yang mempunyai perkaitan secara langsung terhadap hubungan sosial rentas etnik adalah positif dan signifikan serta turut menjelaskan bahawa amalan rentas etnik pada peringkat akar umbi ini merupakan faktor yang begitu signifikan dalam pembentukan dan pengukuhan kesepaduan sosial di Malaysia serta suatu jaminan kestabilan negara yang berterusan. Berdasarkan dapatan analisis dalam kajian ini juga telah menyatakan ciri-ciri toleransi etnik dari sudut penerimaan, hormat dan penghargaan dalam komuniti pelbagai etnik. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap toleransi etnik dalam komuniti pelbagai etnik adalah berada pada tahap yang tinggi.

Seterusnya dapatan analisis tahap prejudis terhadap agama dalam hasil kajian ini menunjukkan bahawa komuniti pelbagai etnik dan agama di Flat Taman Mewah Indah memiliki tahap prejudis terhadap agama yang secara relatifnya rendah. Manakala hasil analisis bagi tahap persepsi terhadap agama dalam komuniti pelbagai etnik di Flat Taman Mewah Indah adalah rendah. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Witenberg (2000) menyatakan bahawa memahami prejudis dan toleransi adalah untuk mengurangkan diskriminasi dan ianya penting kerana masyarakat yang pelbagai terdapat perbezaan dalam budaya, warna kulit dan kepercayaan. Maka toleransi adalah diperlukan apabila terdapat perbezaan atau kepelbagaian dan memerlukan daya tahan pada tahap paling asas dan penerimaan yang terbaik. Kajian ini juga mengkaji sejauh manakah perbezaan tahap toleransi dari sudut penerimaan, hormat dan penghargaan dalam komuniti pelbagai etnik.

Dapatan analisis secara keseluruhannya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap toleransi dari sudut penerimaan, hormat dan penghargaan dalam komuniti pelbagai etnik di Flat Taman Mewah Indah. Dapatan kajian ini juga adalah selaras dengan dapatan kajian Mansor, Azlina dan Mohd Mahadee (2016) yang menyatakan bahawa toleransi etnik adalah positif kerana mereka sudah boleh memperakui, menghormati, menerima, berkongsi dan berbangga dengan perbezaan etnik ini. Banyak persamaan yang telah dikongsi sama oleh rakyat Malaysia umumnya dan perbezaan tidak memisahkan rakyat kerana perbezaan bahasa, budaya, agama dan tradisi itu sudah diperakui, diterima dan dihormati bersama. Sehubungan itu adalah penting bagi seluruh rakyat memahami perbezaan dan perkongsian aspek-aspek keetnikan yang wujud dalam masyarakat di negara ini.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, hubungan sosial rentas etnik dalam komuniti Flat Taman Mewah Indah sudah terbina dalam kalangan etnik Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah. Etnik Melayu dan Cina didapati sangat terbuka dalam menjalin hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti yang meliputi kebudayaan, ekonomi dan keselamatan. Walau bagaimanapun mereka cuba mengelak apabila hubungan tersebut terkait dengan faktor agama. Manakala etnik India dan Bumiputera Sabah pula didapati berbeza dengan etnik Melayu dan Cina di mana mereka sangat terbuka dalam menjalin hubungan sosial rentas etnik di peringkat komuniti yang bersifat sosial dan agama iaitu bersetuju dengan kehidupan yang baik dan bebas melakukan aktiviti keagamaan.

Kewujudan organisasi kemasyarakatan bersifat agama dan etnik ini yang mungkin dalam bentuk persatuan seperti persatuan perniagaan, persatuan profesional, kewujudan kelab seperti kelab membaca, filem dan sukan, kewujudan NGO, bentuk kesatuan seperti kesatuan pedagang, kewujudan parti politik dan lain-lain merupakan bentuk hubungan baru yang lebih formal dan mempunyai struktur yang tersusun. Kewujudan bentuk kontak yang sebegini semakin penting khususnya dalam komuniti bandar dan pinggir bandar yang mempunyai penduduk yang padat dan terdiri daripada pelbagai etnik.

Implikasi utama kajian ini adalah untuk memperkembangkan dan menambah ilmu pengetahuan hubungan etnik. Manakala kajian ini juga merupakan sebahagian sumbangan ilmiah kepada masyarakat umumnya juga kepada pihak kerajaan khususnya kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan pihak bukan kerajaan dalam pengendalian program pengurusan hubungan etnik. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan oleh pengkaji pada masa akan datang untuk tujuan penambahbaikan kepada kajian-kajian sedia ada.

Kajian ini mempunyai batasan tertentu dari segi skopnya yang terhad hanya melibatkan 100 responden komuniti Flat Taman Mewah Indah, Kajang sebagai responden kajian dan lokasi kajian juga terhad di Selangor. Kajian ini juga tidak representatif untuk semua etnik di Malaysia. Justeru itu untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan luas, dicadangkan supaya kajian yang lebih mendalam pada masa hadapan dijalankan dengan menilai pengaruh toleransi dalam hubungan etnik di kawasan perumahan yang meliputi kepelbagaian etnik yang lebih menyeluruh.

## RUJUKAN

- Department of Statistics Malaysia (DOSM). (2022). *Social Statistics Bulletin, Malaysia 2022*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia <https://www.dosm.gov.my>
- Furnivall, J.S. 1956. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. Cambridge University Press.
- Kementerian Perpaduan Negara. 2023. *Laporan Tahunan Kementerian Perpaduan Negara 2022*. Putrajaya: KPN. Diakses daripada <https://www.perpaduan.gov.my>
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). 2020. Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR): Definisi. Putrajaya: KPKT. Diakses daripada <https://www.kpkt.gov.my>
- Kementerian Perpaduan Negara. 2024. *Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030*. Putrajaya: KPN. Diakses daripada <https://www.perpaduan.gov.my>
- Khairul Anuar Kamri. (2022). *Cross-Ethnic Relations Through Association Participation Among Youth in Pasir Gudang, Johor*. *Journal of Techno-Social*, 12, 26
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Aziz & Mohamad Ainuddin, Iskandar. (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Pearson Prentice Hall.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. Pengukuhan Bangsa Malaysia dan Cabarannya. *Kertas Kerja Sidang Meja Bulat Majlis Belia Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2008. *Many Ethnicities, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2011a. *Kesepaduan Dalam Kepelbagaian : Perpaduan Di Malaysia Sebagai Work-In-Progress*. Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Unity in Diversity: The Malaysian Experience*. Institute of Ethnic Studies, UKM.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2021. Sekali Air Bah, Sekali Pantai Berubah : Evolusi Kefahaman Mengenai Perpaduan di Malaysia. *Akademika* 91(3): 201–215.
- Sinar Harian. (2020, 14 Januari). *Malaysia di tangga ke-16 negara paling aman: Mohamad Sabu*. Sinar Harian. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/65821/berita/nasional/malaysia-di-tangga-ke-16-negara-paling-aman-mohamad-sabu>
- Sinar Harian. (n.d.). Perpaduan kunci kekuatan negara. Sinar Harian. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/745893/berita/nasional/perpaduan-kunci-kekuatan-negara>
- Indeks Perpaduan Nasional (IPNas). (2018). *Laporan Kajian*. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Projek SAMA. (13 November 2024). *Public opinion survey on Ethnic Relations in West Malaysia 2024 (Q4)*. Projek SAMA. Diakses daripada <https://projeksama.org/2024/11/13/release-of-public-opinion-survey-on-ethnic-relations-in-west-malaysia-2024-q4>
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill.

- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30, 607–610.
- Sekaran, U. 2003. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. John Wiley & Sons.
- Nunnally, J.C. & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric Theory* (3rd ed.). McGraw- Hill.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2019). *Is Malaysia Begged to Differ from the Global 'Vista' Democracy?* Central European Journal of International and Security Studies, 13(4), 242–258.
- Putnam, R.D. (1999). *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community*. Simon & Schuster.
- Varshney, A. (2002). *Ethnic Conflict and Civic Life: Hindus and Muslims in India*. Yale University Press.
- Varshney, A. (2001). *Ethnic Conflict and Civil Society: India and Beyond*. World Politics, 53(3), 362–398.

***KESEPADUAN NASIONAL  
PENDUDUK KAWASAN  
RUKUN TETANGGA DI  
MALAYSIA***

***PENULIS:***

**BEH SANG HOW, MOHD SOBHI ISHAK,  
PUE GIOK HUN, MANSOR MOHD NOOR**

# KESEPADUAN NASIONAL PENDUDUK KAWASAN RUKUN TETANGGA DI MALAYSIA

BEH SANG HOW<sup>12</sup>, MOHD SOBHI ISHAK<sup>1</sup>, PUE GIOK HUN<sup>1</sup>,  
MANSOR MOHD NOOR<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

<sup>2</sup>Kementerian Perpaduan Negara

Penulis Penghubung: Mohd Sobhi Ishak (msobhi@ukm.edu.my)

## ABSTRAK

Malaysia adalah negara yang dibina berasaskan integrasi. Usaha untuk memupuk dan mengukuhkan hubungan antara etnik ke arah perpaduan yang diidamkan sentiasa ditekankan dalam agenda pembangunan negara bangsa Malaysia. Untuk itu, program Rukun Tetangga telah dilancarkan pada tahun 1975 sebagai satu usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan di peringkat akar umbi masyarakat. Setelah lebih empat dekad dibentuk, sejauh mana terbinanya kesepaduan nasional dalam kalangan penduduk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara? Satu kajian kuantitatif yang diadaptasikan daripada model Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2018 telah dijalankan ke atas 585 orang penduduk KRT di seluruh negara melalui kaedah pensampelan bertujuan. Ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menentukan perbezaan antara etnik bagi konstruk kesepaduan sosial dan etos bangsa yang berhubungan dalam membentuk kesepaduan nasional. Ujian regresi linear mudah diaplikasikan untuk menentukan hubungan antara etos bangsa dan kesepaduan sosial. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara etnik dalam beberapa dimensi kesepaduan sosial dan etos bangsa. Manakala etos bangsa dan kesepaduan sosial mempunyai hubungan yang signifikan dalam membentuk kesepaduan nasional dalam kalangan penduduk KRT. Dapat dirumuskan bahawa kedua-dua aspek kesepaduan sosial dan etos bangsa perlu digerakkan sederap dalam setiap langkah pihak kerajaan untuk memupuk perpaduan di peringkat akar umbi masyarakat, termasuklah menerusi program KRT yang meraikan kepelbagaian masyarakat multietnik Malaysia

**Kata kunci:** Kesepaduan nasional; Rukun Tetangga; hubungan antara etnik; masyarakat multietnik Malaysia

## ABSTRACT

*Malaysia is constructed based on integration. The efforts to foster and strengthen inter-ethnic relations towards unity are always emphasized in the nation-building development agenda in Malaysia. To this end, the Rukun Tetangga programme was launched in 1975 as a government effort to foster unity at the grassroots level of society. More than four decades after its inception, how developed is the national cohesion among the residents of Rukun Tetangga (KRT) areas nationwide? A quantitative study that was adapted from the National Unity Index (IPNas) 2018 model, was conducted on 585 KRT residents in Malaysia selected via purposive sampling method. One-way ANOVA tests were used to determine inter-ethnic differences for constructs of social cohesion and national ethos related in forming*

*national cohesion. Simple linear regression was applied to determine the relationship between national ethos and social cohesion. The findings of the study indicate that there are differences between ethnics groups in several dimensions of social cohesion and national ethos. Meanwhile, the national ethos and social cohesion have a significant relationship in forming national unity among the KRT population. It can be concluded that both aspects of social cohesion and the national ethos need to be included in the government's every move to foster unity at the grassroots level, including via the KRT program which celebrates ethnic diversity in Malaysian society.*

**Keywords:** *National unity; Rukun Tetangga; inter-ethnic relations; Malaysian multiethnic society*

## PENGENALAN

Sebagai sebuah negara yang dibina berasaskan integrasi, usaha untuk memupuk dan mengukuhkan hubungan antara etnik ke arah perpaduan yang diidamkan sentiasa ditekankan dalam agenda pembangunan negara bangsa Malaysia (JPNIN & KITA, 2019; Alatas, 1971). Usaha ini sememangnya mencabar memandangkan kepelbagaian etnik yang kompleks dalam masyarakat Malaysia. Pada tahun 2019, 32.7 juta orang penduduk Malaysia terdiri daripada 69.3 peratus kategori etnik Melayu, 22.8 peratus etnik Cina, 6.9 peratus etnik India dan 1.0 peratus etnik lain-lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Empat kategori ini seterusnya dapat diracikkan kepada kira-kira 70 kumpulan etnik dengan lebih 200 kumpulan sub-etnik, bahasa dan dialek di Malaysia (Shamsul, 2012).

Selain etnisiti, kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia juga dipengaruhi oleh sembilan defisit sosial yang lain iaitu agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, ideologi politik, ruang (bandar/desa) dan penggunaan media (JPNIN & KITA, 2019). Kepelbagaian ini diraikan menerusi Perlembagaan Persekutuan di mana semua rakyat Malaysia dijamin perlindungan dan kebebasan untuk mempelajari dan mengamalkan bahasa, budaya dan agama masing-masing, seiring dengan kedudukan istimewa ketamadunan anak watan sebagai acuan pembinaan negara bangsa (Alatas, 1971). Keadaan yang kelihatannya paradoks ini menjadikan kejayaan masyarakat multietnik Malaysia hidup bersama dalam keadaan aman dan makmur, sering dijadikan contoh oleh negara-negara lain (Shamsul, 2012).

Keamanan dan kemakmuran yang dikecapi hari ini bukanlah satu kejayaan yang datang bergolek tanpa usaha. Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, peristiwa 13 Mei 1969 dikatakan satu-satunya keganasan etnik

berskala besar dan signifikan dalam sejarah pascamerdeka di Malaysia. Sehubungan itu, peristiwa tersebut dijadikan asas penting bagi pelaksanaan pelbagai dasar, projek dan inisiatif kerajaan untuk memastikan keseimbangan sosioekonomi dan mengurangkan jurang dalam hubungan antara etnik di Malaysia. Antara usaha terawal melalui Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang ditubuhkan pada 17 Mei 1969 adalah dengan memperkenalkan ideologi kebangsaan iaitu Rukun Negara (Alatas, 1971) dan menubuhkan Majlis Perundangan Negara dan Jabatan Perpaduan Negara pada tahun 1970 (JPNIN, 2018).

Skim Rukun Tetangga pula dilancarkan pada 1975 dengan matlamat khusus untuk menjaga keselamatan dan memupuk perpaduan etnik di peringkat akar umbi masyarakat. Skim tersebut kini dikenali sebagai Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan masih diteruskan di seluruh negara. Selain daripada usaha-usaha yang bersifat proaktif ini, kerajaan juga mengambil pendekatan pencegahan dengan memantau keadaan hubungan antara etnik dalam masyarakat semasa. Buat pertama kalinya pada tahun 2018, kerajaan menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA-UKM) telah membangunkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), yakni satu indeks yang khusus untuk mengukur tahap perpaduan dalam kalangan ahli masyarakat di Malaysia (JPNIN & KITA, 2019).

Dalam tempoh 45 tahun penubuhannya, KRT telah berkembang dan berubah skopnya mengikut keperluan masyarakat dan situasi semasa. Sebagai contoh, konsep keselamatan di peringkat kawasan kejiranan yang menjadi fokus kepada KRT di awal penubuhannya pada tahun 1975, telah diubah kepada konsep kejiranan apabila keadaan menjadi semakin selamat, stabil dan bertambah baik dalam 1980-an.

Pada tahun 2001, berlakunya pindaan kepada fokus KRT kepada aspek pembangunan komuniti dan sekali lagi pada tahun 2010 untuk diselaraskan dengan Program Transformasi Kerajaan. Namun sepanjang perkembangan tersebut, KRT kekal dengan matlamat asalnya iaitu untuk menggalakkan hubungan antara etnik dan memupuk integrasi nasional dalam masyarakat multietnik Malaysia (Mohd Taib, 2009; Mahani, 2008; Alias, 2005; Rashid, 2004; Abd Hadi & Norwahidah, 2013). Matlamat ini direalisasikan melalui aktiviti-aktiviti KRT yang dapat dibahagikan kepada lima teras iaitu keselamatan, perpaduan, pendidikan, ekonomi dan sara hidup dan kualiti hidup (JPNIN, 2018).

Pada tahun 2021 pula, fungsi dan peranan KRT telah dialihkan kepada “peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti” (Kementerian Perpaduan Negara, 2021, p. 24) menerusi Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 yang dilancarkan pada bulan Februari 2021. Pelan Pemerkasaan ini dilaksanakan menerusi aktiviti-aktiviti komuniti yang terangkum dalam empat ‘Gerak Kerja KRT’ yang bertemakan kesejahteraan, keselamatan, kebersihan dan keindahan serta kesihatan komuniti (JPNIN, 2021). Berdasarkan kepada Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga (JPNIN, 2021), aktiviti atau program anjuran KRT boleh terdiri daripada pelbagai aspek kehidupan seperti perpaduan, keselamatan, ekonomi, pendidikan, alam sekitar, kebajikan dan khidmat komuniti, kesihatan, kesenian dan kebudayaan, agama, rekreasi dan sosial.

Konsensus umum para pengkaji bersetuju bahawa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bukan sahaja penting dalam menyumbang kepada peningkatan keselamatan, kestabilan dan kemakmuran kawasan kejiranan (Faris Isma et al., 2017; Norwahidah & Novel, 2016), tetapi ia juga menjadi lokasi yang ideal dan tunjang kepada pemupukan perpaduan yang optimum di peringkat akar umbi masyarakat (Mohd Syariefudin, Mohd Mahadee & Mansor, 2013; Budi Anto et al., 2020). Sungguhpun begitu, konsensus tersebut adalah terhasil daripada kajian-kajian lepas yang dijalankan di peringkat kawasan kejiranan, daerah atau negeri tertentu sahaja. Dalam konteks ini, kajian IPNas 2018 merupakan satu-satunya kajian terkini mengenai perpaduan yang menyeluruh dan melibatkan sebahagian besar KRT di seluruh negara.

Pasca kajian IPNas 2018, masyarakat multietnik Malaysia berhadapan dengan cabaran-cabaran baharu. Di peringkat dalaman negara, tahun 2019 telah digelar oleh Mustafa (2020) sebagai “...a chaotic year of party-political and electoral fatigue, social discontent, and economic slowdown...” (p. 100). Ini dapat dilihat daripada isu-isu yang tular dalam media sosial dalam tempoh 2018-2019 seperti ICERD, UEC, pendatang tanpa izin; percaturan parti politik, prestasi Kerajaan Persekutuan, perletakan jawatan Yang di-Pertuan Agong XV, tuduhan rasuah pemimpin negara dan isu 1MDB, persoalan ekonomi seperti peningkatan kos sara hidup dan kualiti hidup (Prashanta, 2018; Kartini & Suraiya, 2019; Lee, 2018; Ehmer & Kothari, 2020; Franck, 2019; Ufen, 2020; Mustafa, 2020). Mengambil kira keadaan seperti di atas, satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji sejauh mana terbinanya kesepaduan nasional dalam kalangan penduduk KRT di Malaysia pada pasca IPNas 2018.

## Kesepaduan Nasional

Walaupun perpaduan dalam masyarakat multietnik Malaysia telah menjadi matlamat penting dalam agenda pembangunan negara semenjak daripada Rancangan Malaysia Kedua (1970-1974) (Wan Zumaiza, Gill & Ismi 2016), istilah 'perpaduan' itu sendiri tidak dibincang dan didefinisikan dengan jelas dalam dokumen dan pelaksanaan oleh kerajaan. Menurut Shamsul (2014), apa yang lazim dilakukan oleh kerajaan untuk mencerminkan perpaduan di Malaysia ialah dengan menyerlahkan bentuk perpaduan yang ideal yang diidamkan iaitu 'perpaduan dalam kesatuan' (*unity in uniformity*).

Ini digambarkan melalui ucapan atau ungkapan yang bersifat patriotik seperti slogan '*Malaysia Truly Asia*' dan '1Malaysia', atau melalui representasi visual yang meraikan kepelbagaian, misalnya gambar masyarakat, sambutan perayaan, festival makanan dan sebagainya, yang sentiasa terdiri daripada wakil-wakil dan budaya-budaya etnik yang pelbagai. Representasi secara simplistik, abstrak dan subjektif sebegini dikenal pasti sebagai perpaduan dalam bentuk 'kefahaman awal' oleh Mohd Sobhi (2021). Menurut beliau, kefahaman sebegini berlaku dengan ketara dari tahun 1970-1974 apabila kerajaan mewujudkan pelbagai tindakan segera dalam menangani krisis dalam hubungan antara etnik pasca Tragedi 13 Mei 1969.

Selepas itu sehingga ke tahun 2013, fokus kerajaan kepada pembangunan ekonomi melalui Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang distruktur dalam Rancangan-Rancangan Malaysia setiap lima tahun kerana berpandangan bahawa pengurusan dan pembangunan ekonomi akan turut meningkatkan perpaduan rakyat. Walau bagaimanapun, hal ini telah menimbulkan satu cabaran analitikal utama bagi ramai penyelidik dan pembuat dasar di Malaysia untuk menghurai dan mengukur perpaduan dalam masyarakat. Dalam tahun 2013, idea perpaduan dalam bentuk 'kefahaman terkini' telah diperkenalkan melalui Majlis Konsultatif Perpaduan Negara di mana ia lebih berfokus dengan adanya matlamat, pelan tindakan terancang dan pencapaian yang boleh diukur (JPNIN & KITA, 2019; Mohd Sobhi, 2021).

Perpaduan dalam bentuk kefahaman terkini berasaskan kepada pemikiran Profesor Ulung Dr. Shamsul Amri Baharuddin (Shamsul & Anis, 2014) seterusnya membolehkan inti sari kata dasar 'padu' dibezakan kepada tiga bentuk pengertian iaitu 'perpaduan', 'kesepaduan' dan 'penyatupaduan' (Shamsul, 2014; Mohd Sobhi, 2021). Dalam konteks ilmu sosiologi, konsep 'perpaduan' (*unity*) merujuk kepada terbentuknya satu entiti daripada

penyatuan kumpulan-kumpulan etnik yang pelbagai secara bersatu-padu dan seragam. Dalam konteks pembinaan negara bangsa, perpaduan adalah satu abstraksi yang dibayangkan sebagai matlamat akhir kepada semua usaha membentuk satu bangsa Malaysia.

Sebagai satu sasaran yang ideal, 'perpaduan' hanya wujud dalam bentuk idea dan tidak dapat direalisasikan dalam realiti sebenar. Sebaliknya, apa yang dialami dalam kehidupan sosial ialah 'kesepaduan' (*cohesion*). Konsep ini didefinisikan sebagai tahap pencapaian perpaduan semasa yang boleh diukur berdasarkan pelbagai komponen. Manakala, usaha-usaha terancang yang dilakukan dalam proses untuk mengangkat 'kesepaduan' sehingga ke tahap tercapainya 'perpaduan' yang diidamkan adalah merujuk kepada konsep 'penyatupaduan' (*reconciliation*). Ini termasuklah melalui penyediaan 'tapak-tapak integrasi' dalam masyarakat seperti program Kawasan Rukun Tetangga.

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang dibangunkan pada tahun 2018 dan diterbitkan pada tahun 2019 hasil kerjasama antara JPNIN dengan pasukan perunding daripada Institut Kajian Etnik (KITA) merupakan satu kajian yang julung kalinya menggunakan tiga konsep teras 'perpaduan', 'kesepaduan' dan 'penyatupaduan'. Nilai indeks ini diukur berdasarkan nilai varian keseluruhan yang terkumpul dalam 'konstruk' yang merujuk kepada konsep sosial "...yang dioperasionalkan supaya boleh diukur..." (JPNIN & KITA, 2019, p. 6).

Model kajian IPNas 2018 terbina daripada pengukuran hubungkait tujuh konstruk, iaitu 'hubungan sosial rentas etnik' (HSRE), 'tahap keetnikan' (TK), 'batas etnik' (BE), 'tadbir urus dan pembangunan' (TU&P), 'etos bangsa' (EB), 'kesepaduan sosial' (KS) dan 'detik perpaduan' (DP) (JPNIN & KITA, 2019). Secara keseluruhannya, nilai IPNas bagi tahun 2018 didapati berada pada kadar 0.567 yang dianggap sederhana tinggi berdasarkan skala 0 hingga 1. Menurut Cohen (1990), skala indeks ini merupakan petunjuk yang sesuai bagi kajian tingkah laku manusia. Dalam indeks ini, nilai tersebut menunjukkan bahawa tahap perpaduan di Malaysia adalah stabil walaupun defisit sosial masih berterusan dan muncul sekali sekala (JPNIN & KITA, 2019).


Rajah 1 menunjukkan teras utama IPNas 2018 (JPNIN & KITA, 2019). Perpaduan diidamkan diukur menggunakan konstruk detik perpaduan. Kesepaduan dicapai adalah merujuk kepada pencapaian kesepaduan nasional yang menjadi tunjang perbincangan artikel ini yang terbina hasil pembentukan hubungan di antara konstruk etos bangsa dan kesepaduan

sosial. Inilah teras pengukuran yang ingin dicapai melalui IPNas iaitu mengukur perpaduan rakyat berdasarkan pencapaian tahap kesepaduan nasional. Penyatupaduan yang diusahakan adalah merupakan usaha penyatupaduan etnik berasaskan tiga konstruk etnik iaitu tahap keetnikian, batas etnik dan hubungan sosial rentas etnik. Ia disokong oleh tadbir urus kerajaan dan pembangunan sebagai tapak integrasi menggunakan formula tawar-menawar, perundingan dan mediasi.

Fokus perbincangan dalam artikel ini adalah terbatas kepada skop penelitian kesepaduan nasional dalam konteks etos bangsa dan kesepaduan sosial sahaja. Seperti yang digambarkan dalam Rajah 1, 'kesepaduan nasional' (*national cohesion*) merupakan satu konsep terbitan yang muncul apabila pemboleh ubah kesepaduan sosial berinteraksi dengan pemboleh ubah etos bangsa (Mansor, 2012). Dalam perkataan lain, walaupun keduanya merujuk kepada tahap kemajuan (progress) ke arah perpaduan yang diimpikan, kesepaduan sosial adalah subset kepada kesepaduan nasional.

Dalam kajian ini, kesepaduan sosial (*social cohesion*) merujuk kepada pemerihalan elemen-elemen sepunya yang wujud dalam masyarakat hasil daripada proses penyatupaduan yang diusahakan. Elemen-elemen sepunya yang dimaksudkan termasuklah rasa kekitaan, penyertaan, kesamarataan, pengiktirafan, legitimasi dan keterangkuman dalam kehidupan seharian.

Manakala, konsep etos bangsa merupakan ringkasan daripada perkataan 'etos nasional bangsa Malaysia' yang boleh difahami sebagai "ciri-ciri unik masyarakat setempat yang mengikat seseorang individu dengan individu yang lain dan yang mengikat individu dengan negara" (Mohd Mahadee, 2015, p. 383). Etos bangsa juga dapat diringkaskan sebagai merujuk kepada identiti warga negara atau jati diri kebangsaan yang dapat dikenal pasti melalui ciri-ciri seperti semangat patriotisme, taat setia dan cinta kepada negara. Dalam kajian ini, kesepaduan nasional merupakan gambaran pencapaian perpaduan yang terbina dalam diri setiap responden kajian sebagai manifestasi biografi perpaduan dalam diri mereka.



**Rajah 1: Teras Utama Indeks Perpaduan Nasional 2018**  
Sumber: JPNIN & KITA (2019)

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang sesuai untuk menyelidik dan menganalisis masyarakat dalam skop kawasan yang luas (Babbie, 2010). Ini penting memandangkan skop kajian ini adalah penduduk KRT di seluruh negara. Responden dipilih menggunakan kaedah purposive sampling daripada kalangan penduduk dalam kejuranan KRT yang terdiri daripada pelbagai etnik, latar belakang dari setiap negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia (Jadual 1). Proses kutipan data melalui borang soal selidik ini telah dilaksanakan pada awal bulan Disember 2019 hingga 31 Januari 2020. Pada pertengahan bulan Mac 2020, sebanyak 587 set borang soal selidik telah berjaya dikumpul kembali. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 585 set borang soal selidik yang lengkap diisi telah berjaya dikumpulkan untuk dianalisis ( $n = 585$ ) daripada 600 set borang soal selidik yang diedarkan di seluruh negara. Jumlah ini dianggap mencukupi berdasarkan garis panduan Krejcie dan Morgan (1970) yang mencadangkan saiz sampel minimum seramai 384 bagi populasi melebihi satu juta.

Manakala dua set borang soal selidik didapati tidak dijawab dengan lengkap oleh responden, maka dua set borang soal selidik tersebut dikira sebagai rosak dan telah ditolak. Didapati juga sebanyak 13 set borang soal selidik

telah hilang dan tidak dikembalikan. Ujian rintis telah dijalankan ke atas 30 responden untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dan kesemua konstruk melebihi nilai Cronbach's Alpha 0.70.

**Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Negeri (n = 585)**

Negeri	Responden	
	Bilangan	Peratus%
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	75	12.8
Sarawak	65	11.1
Sabah	59	10.1
Pulau Pinang	56	9.6
Negeri Sembilan	41	7.0
Selangor	40	6.8
Perak	35	6.0
Melaka	34	5.8
Kelantan	33	5.6
Pahang	33	5.6
Johor	26	4.4
Perlis	25	4.3
Kedah	23	3.9
Terengganu	20	3.4
Wilayah Persekutuan Labuan	10	1.7
Wilayah Persekutuan Putrajaya	10	1.7
<b>Jumlah</b>	<b>585</b>	<b>100.0</b>

Selain daripada latar belakang responden, pembinaan borang soal selidik turut mengambil kira data yang diperlukan untuk mengukur tujuh konstruk iaitu Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE), Tadbir Urus Kerajaan dan Pembangunan (TU&P), Kesepaduan Sosial (KS), Etos Bangsa (EB), Naratif Negara Bangsa (NNB), Literasi Politik (LP) dan Media Sosial (MS). Walau bagaimanapun, artikel ini memberikan tumpuan kepada dua konstruk sahaja iaitu Kesepaduan Sosial (KS) dan Etos Bangsa (EB).

Kesepaduan Sosial (KS) merupakan proses dan tindakan yang melibatkan komitmen dan keinginan untuk hidup bersama dalam suasana harmoni oleh kumpulan-kumpulan sosial yang berbeza etika dan peradabannya dengan cara membina jambatan kesepakatan sosial antara mereka (Jenson, 1998; Bernard, 1999; Mansor, 2012). Dalam kajian ini, elemen-elemen sepunya yang merentas garis etnik penduduk KRT dalam kehidupan seharian mereka seperti rasa kekitaan, keterangkuman, penyertaan, pengiktirafan, legitimasi dan kesamarataan. Konstruk KS ini diukur menggunakan 24 item soalan berdasarkan skala Likert 5 tahap (1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju).

Etos Bangsa (EB) merupakan kependekan dari konsep 'Etos Nasional Bangsa Malaysia' yang merujuk kepada pembentukan memori dan identiti kolektif yang menjadi acuan kepada pembentukan karakter nasional dalam kalangan anggota masyarakat. Etos Bangsa perlu mengambil kira bentuk hubungan etnik yang terjalin dalam masyarakat multi-etnik selama ini dan hubungan inilah yang menjadi penentu kepada proses pembinaan negara bangsa (Mansor, Abdul Rahman, & Mohamad Ainuddin, 2006). Dalam konteks Malaysia, Etos Bangsa terdiri daripada tujuh komponen iaitu rasa keterikatan bersama; rasa keterikatan emosi dengan negara yang tinggi; inginkan perkongsian masa depan yang baik; perkongsian nilai sepunya; kesetiaan; komitmen dan perkongsian sejarah (Mahathir, 1992; JPNIN & KITA, 2019). Pembentukan ciri kolektif nasional yang mengandungi semangat patriotisme, taat setia dan cinta kepada negara dalam amalan seharian penduduk KRT yang dikenal pasti melalui dimensi perkongsian sejarah, perasaan kekitaan, perkongsian nilai, perkongsian masa hadapan, kesetiaan, keterikatan emosi negara dan komitmen. Sebanyak 14 item soalan digunakan untuk mengukur konstruk Etos Bangsa berdasarkan skala likert 5 tahap (1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju).

Data yang dikumpulkan kemudiannya dimasukkan dan dianalisis melalui analisis statistik deskriptif menggunakan frekuensi dan peratus. Analisis statistik inferensi pula menggunakan ujian statistik ANOVA Sehalu untuk menentukan perbezaan signifikan antara etnik terhadap konstruk kajian dan analisis regresi linear mudah untuk menentukan hubungan antara etos bangsa dengan kesepaduan sosial.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang Responden

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah lelaki iaitu seramai 351 orang (60.5%) dan selebihnya adalah 231 orang wanita (39.5%). Etnik Melayu adalah kumpulan majoriti yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 242 orang (41.4%) dan diikuti oleh etnik Cina seramai 150 orang (25.6%), etnik India seramai 116 orang (19.8%) dan etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak seramai 77 orang (13.2%). Senario ini bertepatan dengan keadaan sebenar komposisi penduduk mengikut etnik di Malaysia masa kini di mana etnik Melayu merupakan majoriti penduduk dan diikuti dengan etnik Cina, etnik India dan lain-lain etnik (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019).

Dari segi komposisi agama pula, seramai 290 orang responden beragama Islam (49.6%), 136 orang responden beragama Buddha (23.2%), 105 orang responden beragama Hindu (17.9%), 52 orang responden beragama Kristian (8.9%); hanya seorang beragama Sikh (0.2%) dan seorang lagi beragama Baha'i (0.2%). Pengkaji mendapati bahawa seorang responden daripada kumpulan responden etnik Cina adalah beragama Islam dan tiga orang penduduk daripada kumpulan responden etnik India beragama Buddha.

Daripada jumlah keseluruhan responden tersebut, majoriti responden (70.9%) mempunyai tahap pendidikan peringkat Pendidikan Menengah iaitu di Sekolah Menengah Atas (SPM / STPM) dan Kolej atau Politeknik (Sijil atau Diploma). Daripada segi pekerjaan pula, 45.8% responden terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada kategori Pekerjaan Menengah seperti guru, teknikal, kerani, jurujual atau Peruncit. Manakala 68.2% responden berpendapatan RM3,000 dan ke bawah di kategori Pendapatan Rendah.

Rumusannya, dapatan data daripada taburan profil responden dalam kajian ini adalah agak seimbang yang mewakili relatif sosial sedia ada di masyarakat multietnik Malaysia. Jumlah responden yang diperolehi juga telah menggambarkan komposisi penduduk mengikut etnik di Malaysia iaitu majoriti penduduk adalah etnik Melayu dan diikuti dengan etnik Cina, etnik India dan etnik lain-lain.

## Kesepaduan Sosial (KS)

Terdapat perbezaan yang signifikan antara etnik Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak bagi setiap dimensi kesepaduan sosial iaitu rasa kekitaan ( $F(3,581) = 6.74$ ,  $p = .000$ , keterangkuman ( $F(3,581) = 2.91$ ,  $p = .000$ , penyertaan ( $F(3,581) = 5.51$ ,  $p = .001$ , pengiktirafan ( $F(3,581) = 7.65$ ,  $p = .000$  dan kesamaan ( $F(3,581) = 3.32$ ,  $p = .020$  seperti yang ditunjukkan oleh nilai ANOVA Sehalu. Walau bagaimanapun, dimensi legitimasi ( $F(3,581) = 1.42$ ,  $p = .235$  tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara etnik. Sungguhpun terdapat perbezaan antara etnik bagi dimensi-dimensi yang dinyatakan, namun impak daripada kesan perbezaan ini adalah kecil berdasarkan nilai eta kuasa dua ( $\eta^2$ ) yang diperolehi. Bagi dimensi keterangkuman dan kesamaan, nilai eta kuasa dua ( $\eta^2$ ) di bawah nilai petunjuk 0.2 menunjukkan kesan perbezaan ini tidak memberi impak langsung. Terdapat kecenderungan kesan perbezaan ini bergerak ke tahap sederhana (0.5) bagi dimensi pengiktirafan (0.38) dan penyertaan (0.28). Hal ini menunjukkan kedua-dua dimensi ini berupaya menggugat kesepaduan sosial dalam masyarakat. Dapatan ini selari dengan dapatan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2018 yang menunjukkan bahawa kesepaduan sosial adalah tinggi dalam kalangan masyarakat. Namun, ia direncatkan oleh tahap penyertaan politik dan NGO yang rendah dalam membina kesepaduan sosial dalam kalangan etnik Melayu dan India.

**Jadual 2: Min, Sisihan Piawai dan Analisis ANOVA Sehalu Dimensi-Dimensi Kesepaduan Sosial**

Dimensi	Melayu		Cina		India		Bumiputera Sabah		F(3,581)	p	$\eta^2$
	M	SP	M	SP	M	SP	M	SP			
<b>RK</b>	3.85	.53	3.88	.51	3.93	.47	4.14	.43	6.74**	.000	.033
<b>KT</b>	3.59	.67	3.44	.74	3.40	.79	3.60	.63	2.91**	.034	.014
<b>PY</b>	3.92	.59	3.97	.55	3.91	.49	4.19	.41	5.51**	.001	.028
<b>PI</b>	3.56	.59	3.69	.54	3.74	.58	3.89	.50	7.65**	.000	.038
<b>LG</b>	3.58	.53	3.62	.58	3.59	.56	3.72	.58	1.42	.235	.007
<b>KM</b>	3.78	.63	3.63	.61	3.74	.58	3.88	.59	3.32**	.020	.017

\*\*  $p < .05$ , M-Min, SP = Sisihan Piawai,  $\eta^2$  (kecil = 0.2, sederhana = 0.5, besar = 0.8), Bumi SS = Bumiputera Sabah dan Sarawak, RK=Rasa Kekitaan, KT=Keterangkuman, PY=Penyertaan, PI=Pengiktirafan, LG=Legitimasi, KM=Kesamaan

Berdasarkan dapatan ini, ujian post hoc Tukey dilaksanakan untuk mengetahui kumpulan etnik yang berbeza bagi setiap dimensi konstruk kesepaduan sosial. Bagi dimensi rasa kekitaan, etnik Melayu (-.289\*), Cina (-.257\*) dan India (-.209\*) didapati berbeza pandangan secara signifikan berbanding etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak pada tahap signifikan  $p < .05$ . Dapatan ini menunjukkan bahawa etnik Sabah dan Sarawak lebih tinggi rasa kekitaan mereka kerana ciri kepelbagaian asal-usul etnik masih dipertahankan, menyambut baik pelbagai program sosio-budaya yang diadakan, menunjukkan simpati kepada kenalan etnik dalam hal kematian dan menerima pembinaan taman perumahan berasaskan percampuran pelbagai etnik. Oleh sebab itulah, etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak didapati lebih akrab antara satu sama lain yang melambangkan kesepaduan sosial yang baik dalam diri mereka. Dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian Indeks Perpaduan Nasional 2018 (JPNIN & KITA, 2019) yang menunjukkan etnik Sabah dan Sarawak lebih tinggi rasa kekitaan mereka.

Bagi dimensi keterangkuman, kesemua etnik tidak berbeza pandangan secara signifikan antara satu sama lain pada tahap  $p < .05$ . Dapatan ini menunjukkan semua etnik menzahirkan pandangan yang sama bahawa kerajaan telah membuka ruang yang sama kepada semua etnik dalam bentuk peluang pekerjaan di sektor awam, peluang memiliki rumah, peluang pendidikan di institusi pengajian tinggi awam dan bantuan daripada pihak kerajaan kepada semua rakyat.

Bagi dimensi penyertaan iaitu penyertaan dalam hal berkaitan politik dan NGO, etnik India (-.281\*), Melayu (-.272\*) dan Cina (-.221\*) didapati berbeza pandangan secara signifikan berbanding etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak. Hal ini menunjukkan bahawa etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak mempunyai kecenderungan tinggi untuk mengundi mana-mana calon atau parti politik yang mereka gemari, bebas membincangkan hal politik, menyertai aktiviti persatuan dan badan kebajikan yang disertai pelbagai kaum dan bebas menyertai mana-mana NGO yang mereka mahu. Kesemua ini menjadi petunjuk penting kepada peningkatan kesepaduan sosial dalam masyarakat. Dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian Indeks Perpaduan Nasional 2018 (JPNIN & KITA, 2019) yang menunjukkan bahawa etnik Sabah dan

Sarawak lebih menunjukkan rasa kekitaan mereka secara konsisten dalam hal perjuangan politik dan penyertaan mereka dalam persatuan, badan kebajikan dan NGO.

Bagi dimensi pengiktirafan, etnik Melayu didapati berbeza pandangan secara signifikan berbanding etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak (-.330\*) dan India (-.182\*). Dapatan ini menunjukkan bahawa etnik Sabah dan Sarawak menyokong tinggi usaha pengiktirafan dengan cara menunjukkan penghargaan kepada rakyat yang berjasa, mengurus tadbir dan membangunkan negara dengan baik, mengiktiraf simbol-simbol agama lain dan menerima perbezaan pendapat antara etnik sebagai amalan sihat. Pengiktirafan ini akhirnya telah menyumbang kepada peningkatan kesepaduan sosial dalam diri mereka. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Indeks Perpaduan Nasional 2018 (JPNIN & KITA, 2019) yang menunjukkan bahawa etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak serta India melihat keperluan kepada elemen-elemen pengiktirafan ini sebagai petunjuk kepada peningkatan kesepaduan sosial.

Dalam konteks legitimasi, kesemua etnik tidak berbeza pandangan secara signifikan terhadap beberapa elemen yang dikemukakan. Mereka bersepatat bahawa janji dan manifesto ahli politik bukan satu ketetapan mutlak, wujud undang-undang berkaitan agama yang berbeza di negara ini yang perlu dihormati, perlunya berwaspada apabila menerima berita-berita kepincangan tadbir urus kerajaan dan NGO masih diberikan peluang yang terhad. Hal ini menunjukkan masyarakat mempunyai tahap kefahaman yang baik hingga akhirnya menjelaskan kepada pencapaian tahap kesepaduan sosial yang tinggi.

Analisis terhadap dimensi terakhir iaitu kesamaan mendapati kesemua etnik boleh menerima konsep kesamaan ini. Walau bagaimanapun, wujud perbezaan pandangan yang signifikan antara etnik Cina dan Bumiputera Sabah dan Sarawak (-.250\*). Berdasarkan analisis ini, etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak lebih merasakan bahawa pekerja asing telah merampas peluang pekerjaan rakyat tempatan, peluang pengajian tinggi kepada pelajar cemerlang, bantuan pihak berkuasa mudah diperolehi dan jurang kemiskinan antara etnik masih ketara. Hal inilah yang berkemungkinan menunjukkan perjuangan hak oleh etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak lebih tinggi berbanding etnik Cina dan etnik-etnik lain. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian Indeks Perpaduan Nasional 2018 (JPNIN & KITA, 2019) yang menunjukkan bahawa kesamaan adalah isu yang masih diperjuangkan di negara ini khususnya oleh etnik Sabah dan Sarawak.

**Jadual 3: Keputusan Ujian Post Hoc Tukey Konstruk Kesepaduan Sosial mengikut Etnik**

Dimensi	Etnik	Etnik	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Signifikan
Rasa Kekitaan	Melayu	Cina	-.030	.051	.936
	Cina	India	-.049	.062	.855
	India	Bumi SS	-.209*	.074	.024
	Melayu	India	-.080	.056	.492
	Cina	Bumi SS	-.257*	.070	.001
	Melayu	Bumi SS	-.289*	.065	.000
Keterangkuman	Melayu	Cina	.149	.074	.182
	Cina	India	.043	.088	.960
	India	Bumi SS	-.207	.104	.193
	Melayu	India	.192	.080	.078
	Cina	Bumi SS	-.163	-.164	.352
	Melayu	Bumi SS	-.015	-.015	.998
Penyertaan	Melayu	Cina	-.051	.056	.801
	Cina	India	.060	.067	.809
	India	Bumi SS	-.281*	.079	.002
	Melayu	India	.009	.061	.999
	Cina	Bumi SS	-.221*	.076	.018
	Melayu	Bumi SS	-.272*	.071	.001
Pengiktirafan	Melayu	Cina	-.130	.059	.119
	Cina	India	-.052	.069	.877
	India	Bumi SS	-.147	.083	.288
	Melayu	India	-.182*	.064	.022
	Cina	Bumi SS	-.199	.079	.058
	Melayu	Bumi SS	-.330*	.074	.000

Dimensi	Etnik	Etnik	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Signifikan
Legitimasi	Melayu	Cina	-.367	.058	.921
	Cina	India	.032	.069	.967
	India	Bumi SS	-.141	.082	.314
	Melayu	India	-.005	.063	1.00
	Cina	Bumi SS	-.108	.078	.505
	Melayu	Bumi SS	-.146	.073	.191
Kesamaan	Melayu	Cina	.151	.063	.081
	Cina	India	-.111	.075	.451
	India	Bumi SS	-.138	.089	.410
	Melayu	India	.039	.069	.939
	Cina	Bumi SS	-.250*	.085	.019
	Melayu	Bumi SS	-.099	.080	.601

Nota: Bumi SS = Bumiputera Sabah dan Sarawak

### Etos Bangsa (EB)

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara etnik bagi dimensi perkongsian sejarah ( $F(3,581) = 3.46$ ,  $p = .016$ , perasaan kekitaan ( $F(3,581) = 4.71$ ,  $p = .003$  dan kesetiaan ( $F(3,581) = 5.07$ ,  $p = .002$  dan komitmen ( $F(3,581) = 2.86$ ,  $p = .036$ , seperti yang ditunjukkan oleh nilai ANOVA Sehalu. Dimensi perkongsian masa depan ( $F(3,581) = 2.44$ ,  $p = .064$  dan keterikatan emosi negara ( $F(3,581) = 1.71$ ,  $p = .163$  tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara etnik. Sungguhpun terdapat perbezaan antara etnik bagi dimensi-dimensi yang dinyatakan, namun impak perbezaan ini adalah sangat kecil berdasarkan nilai eta kuasa dua ( $\eta^2$ ) sangat rendah daripada 0.2. Ketiga-tiga dimensi yang signifikan ini iaitu perkongsian sejarah, perasaan kekitaan, kesetiaan dan komitmen merupakan petunjuk penting kepada pencapaian nilai etos nasional bangsa Malaysia berasaskan identiti dan jati diri rakyat yang telah terbentuk sebagai biografi dalam diri masing-masing. Dapatan ini selari dengan dapatan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2018 yang menunjukkan bahawa kesepaduan sosial adalah tinggi dalam kalangan masyarakat. Namun, ia direncatkan oleh tahap penyertaan politik dan NGO yang rendah dalam membina kesepaduan sosial dalam kalangan etnik Melayu dan India.

**Jadual 4: Min, Sisihan Piawai dan Analisis ANOVA Sehalu Dimensi-Dimensi Etos Bangsa**

Dimensi	Melayu		Cina		India		Bumiputera Sabah		F(3,581)	p	$\eta^2$
	M	SP	M	SP	M	SP	M	SP			
Perkongsian Sejarah	3.78	.72	3.88	.64	3.91	.65	4.05	.61	3.46**	.016	.018
Perasaan Kekitaan	4.18	.70	4.10	.66	4.04	.68	4.39	.63	4.71**	.003	.024
Perkongsian Masa Depan	3.95	.78	3.80	.86	3.96	.74	4.08	.68	2.44	.064	.012
Kesetiaan	4.19	.72	4.07	.69	4.31	.61	4.42	.59	5.07*	.002	.003
Keterikatan Emosi Negara	4.24	.72	4.17	.71	4.27	.63	4.39	.65	1.71	.163	.001
Komitmen	4.18	.77	4.09	.69	4.25	.64	4.36	.59	2.86*	.036	.014

Nota:  $p < .05$ , M-Min, SP = Sisihan Piawai,  $\eta^2$  (kecil = 0.2, sederhana = 0.5, besar = 0.8), Bumi SS = Bumiputera Sabah dan Sarawak

Analisis terperinci menunjukkan bahawa hanya etnik Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak sahaja yang mempunyai pandangan yang berbeza di antara mereka mengenai konsep perkongsian sejarah (perbezaan min = -.269,  $p < 0.05$ ). Etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak lebih menekankan makna perkongsian sejarah berbanding etnik Melayu. Hal ini berkemungkinan berkaitan dengan tuntutan MA63 dan situasi politik semasa yang menunjukkan Sabah dan Sarawak mempunyai sejarah pembentukan etos nasional yang berbeza berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Perasaan kekitaan tidak berbeza di antara etnik Melayu, Cina dan India. Perbezaan yang signifikan dikesan di antara etnik India dan Bumiputera Sabah (perbezaan min = -.351\*,  $p < 0.05$ ) serta Cina dan Bumiputera Sabah dan Sarawak (perbezaan min = -.292\*,  $p < 0.05$ ). Hasil analisis ini menunjukkan etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak lebih tinggi perasaan kekitaan berbanding etnik India dan Cina. Hal ini dicerminkan oleh faktor kekuatan jiwa dan perasaan sebagai penduduk asal dalam wilayah alam Melayu ini. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara

semua etnik mengenai perkongsian masa depan. Dapatan ini menunjukkan bahawa semua etnik telah sependapat dan bersepakat mahukan negara Malaysia ini direncanakan sebagai tempat kediaman yang baik untuk semua.

Semua etnik tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam konteks kesetiaan yang membentuk etos bangsa ini kecuali perbezaan dikesan antara etnik Cina dan Bumiputera Sabah dan Sarawak (perbezaan min =  $-.349^*$ ,  $p < 0.05$ ). Etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak didapati menunjukkan kesetiaan yang lebih tinggi berbanding etnik Cina. Tiada perbezaan yang signifikan juga dikesan antara semua etnik mengenai keterikatan emosi negara. Hal ini menunjukkan bahawa, perasaan terhadap negara ini telah dapat dikongsi bersama dalam setiap perkara. Dalam konteks komitmen, etnik Cina didapati menunjukkan perbezaan yang signifikan berbanding etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak (perbezaan min =  $-.274^*$ ,  $p < 0.05$ ). Etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak menunjukkan komitmen yang lebih tinggi berbanding etnik Cina. Kesemua dapatan analisis post hoc Tukey ini menepati dapatan yang dinyatakan dalam Indeks Perpaduan Nasional 2018 yang menunjukkan etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak menunjukkan semangat integrasi nasional yang tinggi manakala etnik Cina didapati paling rendah memberi komitmen dan penyertaan dalam aktiviti pembinaan etos negara bangsa secara keseluruhan.

**Jadual 5: Keputusan Ujian Post Hoc Tukey Konstruk Etos Bangsa mengikut**

Dimensi	Etnik	Etnik	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Sig. $p < 0.05$
Perkongsian Sejarah	Melayu	Cina	-.103	.070	.453
	Cina	India	-.033	.083	.977
	India	Bumi SS	-.132	.099	.297
	Melayu	India	-.137	.076	.273
	Cina	Bumi SS	-.165	.094	.297
	Melayu	Bumi SS	-.269*	.088	.013*
Perasaan Kekitaan	Melayu	Cina	.085	.070	.620
	Cina	India	.058	.084	.900
	India	Bumi SS	-.351*	.099	.003
	Melayu	India	.143	.076	.242
	Cina	Bumi SS	-.292*	.095	.011
	Melayu	Bumi SS	-.208	.089	.089

Dimensi	Etnik	Etnik	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Sig. $p < 0.05$
<b>Perkongsian Masa Depan</b>	Melayu	Cina	.150	.081	.247
	Cina	India	-.161	.096	.338
	India	Bumi SS	-.117	.115	.738
	Melayu	India	-.011	.088	.999
	Cina	Bumi SS	-.278	.109	.054
	Melayu	Bumi SS	-.128	.102	.595
<b>Kesetiaan</b>	Melayu	Cina	.117	.073	.381
	Cina	India	-.237	.087	.033
	India	Bumi SS	-.112	.103	.701
	Melayu	India	-.120	.079	.429
	Cina	Bumi SS	-.349*	.099	.002
	Melayu	Bumi SS	-.232	.092	.058
<b>Keterikatan Emosi Negara</b>	Melayu	Cina	.064	.072	.809
	Cina	India	-.098	.086	.662
	India	Bumi SS	-.118	.102	.654
	Melayu	India	-.034	.078	.973
	Cina	Bumi SS	-.216	.097	.118
	Melayu	Bumi SS	-.152	.091	.338
<b>Komitmen</b>	Melayu	Cina	.092	.073	.590
	Cina	India	-.160	.087	.255
	India	Bumi SS	-.114	.103	.689
	Melayu	India	-.068	.079	-.273
	Cina	Bumi SS	-.274*	.098	.029
	Melayu	Bumi SS	-.182	.092	.197

Nota: Bumi SS = Bumiputera Sabah dan Sarawak

## Pembentukan Kesepaduan Nasional Berasaskan Hubungan Etos Bangsa (EB) ke atas Kesepaduan Sosial (KS)

Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara etos bangsa dan kesepaduan sosial ( $R^2 = 0.289$ ) iaitu berlaku peningkatan sebanyak 0.289 unit dalam kesepaduan sosial dengan meningkatnya 1 unit dalam etos bangsa. Hasilnya, kesepaduan nasional akan terbina dengan gabungan kedua-dua konstruk ini. Dapatan ini menepati hasil kajian pembangunan Indeks Perpaduan Nasional yang menunjukkan bahawa etos bangsa mempengaruhi kesepaduan sosial untuk membentuk kesepaduan nasional dalam masyarakat di negara kita.

**Jadual 6: Analisis Regresi Linear Mudah Hubungan Etos Bangsa Ke Atas Kesepaduan Sosial**

Pemboleh Ubah	B	$\beta$	t	p	Fit
(pemalar)	2.02		17.81	.000	
Etos Bangsa	.43	.54	15.38	.000	
					<b><math>R^2 = .289^*</math></b>

\*  $p < .05$

Kajian ini menunjukkan bahawa kesepaduan nasional telah terbina dengan baik dalam kalangan penduduk KRT di seluruh Malaysia. Walaupun hanya mengambil satu skop kecil sahaja iaitu kesepaduan nasional berasaskan etos bangsa dan kesepaduan sosial, kajian ini mampu menjelaskan pencapaian yang diinginkan. Umumnya, hampir semua dimensi konstruk kesepaduan sosial dan etos bangsa berbeza secara signifikan antara etnik, namun impaknya adalah kecil. Sungguhpun begitu, kesepaduan nasional adalah terbina dalam kalangan responden KRT walaupun mereka terdiri daripada latar belakang etnik yang berbeza-beza. Hubungan dan pengaruh etos bangsa terhadap kesepaduan sosial dalam membentuk kesepaduan nasional telah menguatkan kesan perkongsian nilai hidup bersama, persamaan pandangan hidup, hubungan horizontal yang merentas pelbagai identiti dalam kehidupan harian penduduk KRT yang dikaji. Proses ini telah membina mikro-solidariti sesama mereka berteraskan kesetiaan dan kecintaan kepada negara (Forrest & Kearns, 2001; Hyyppä, 2010; Putnam, 2000). Etos bangsa merupakan elemen penting dalam mengukuhkan kesepaduan sosial, dengan penggabungan etos bangsa dan kesepaduan sosial di Malaysia, integrasi

nasional menjadi lebih mantap sehingga rakyat mampu mengutamakan kepentingan negara mengatasi kepentingan diri.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan ke atas penduduk kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara, dapat dirumuskan bahawa tahap kesepaduan nasional dalam komuniti pelbagai etnik dipengaruhi secara langsung oleh interaksi antara dua konstruk utama, iaitu etos bangsa dan kesepaduan sosial. Kajian ini menunjukkan bahawa apabila nilai-nilai kebangsaan seperti rasa setia, semangat kekitaan dan tanggungjawab bersama dipupuk melalui aktiviti komuniti, hubungan sosial antara etnik menjadi lebih erat dan harmoni. Perbezaan skor antara kumpulan etnik dalam beberapa dimensi seperti penyertaan, pengiktirafan dan kekitaan wujud, namun ia tidak mengganggu keseluruhan pola kesepaduan yang telah terbina. Hal ini mencerminkan keberkesanan program KRT dalam menyatupadukan penduduk daripada latar belakang yang berbeza. Lebih menarik, hubungan yang signifikan antara etos bangsa dan kesepaduan sosial memperlihatkan bahawa kekuatan identiti kebangsaan mampu menjadi asas kepada keharmonian sosial di peringkat akar umbi.

Berpandukan dapatan ini, adalah disyorkan agar program KRT digerakkan secara lebih dinamik dengan memberi tumpuan kepada aktiviti yang merangsang semangat kebangsaan dan memperkukuh nilai bersama. Inisiatif seperti bengkel kepimpinan komuniti, dialog antara budaya, serta projek kerjasama rentas etnik boleh membantu memupuk interaksi yang lebih bermakna antara ahli masyarakat. Peranan pemimpin setempat dan jawatankuasa KRT juga wajar diperkasakan agar mereka dapat berfungsi sebagai penghubung yang berkesan antara rakyat dan dasar perpaduan negara. Selain itu, penyelidikan lanjutan boleh dijalankan untuk menilai bagaimana unsur-unsur seperti gaya komunikasi masyarakat, pengaruh media sosial dan pengalaman sejarah setempat membentuk persepsi kesepaduan. Kajian yang lebih bersifat longitudinal juga boleh membantu memahami bagaimana perubahan dalam konteks sosial dan politik mempengaruhi keberkesanan inisiatif perpaduan di peringkat komuniti.

Kajian ini bagaimanapun dijalankan dengan reka bentuk keratan lintang dan pemilihan responden secara bukan rawak, yang mungkin menghadkan generalisasi dapatan ke seluruh populasi. Namun begitu, ia tetap memberi gambaran yang bermakna terhadap realiti hubungan etnik di kawasan KRT.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa perpaduan nasional tidak hanya terbina melalui dasar di peringkat pusat, tetapi turut bergantung kepada kekuatan hubungan sosial di kejiranan dan komuniti tempatan. Justeru, pendekatan akar umbi seperti program KRT wajar terus disokong dan dikembangkan agar Malaysia kekal sebagai negara yang aman, bersatu dan saling menghormati dalam kepelbagaian.

## RUJUKAN

- Abd Hadi, M. S., & Norwahidah, Z. (2013). *Panduan pengurusan Rukun Tetangga*. JPNIN.
- Alatas, S. H. (1971). Rukunegara. *Pacific Community*, 2(1-4), 800-808.
- Alias, M. (2005). Managing Rukun Tetangga in a multiracial society. In K. Muhammad Kamarul & H. Zaharah (Eds.), *Readings on ethnic relations in a multicultural society: Promoting national unity and the practice of noble values* (pp. 115–120). Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Babbie, E. (2010). *The practice of social research* (12th ed.). Wadsworth Cengage Learning.
- Bernard, P. (1999). Social cohesion: A critique. Canadian Policy Research Network.
- Budi Anto, M. T., Mohd Sohaimi, E., & Mohd Azri, I. (2020). Hubungan kaum dalam kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Pantai Barat Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11), 147–158.
- Cohen, J. (1990). Things I have learned (so far). *American Psychologist*, 45(12), 1304–1312.
- Ehmer, E., & Kothari, A. (2020). Malaysia and the Rohingya: Media, migration, and politics. *Journal of Immigrant & Refugee Studies*. <https://doi.org/10.1080/15562948.2020.1821274>
- Ezhar, T., Yee, W., Fazilah, I., Azimi, H., Zainal, A. B., Wong, S. L., & Mansor, M. N. (2005). The relationship of exposure to news media with attachment to the national ethos. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 13(2), 187–198.
- Faris Isma, M. A. R., Muhamad Sayuti, H. Y., & Nizamuddin, A. (2017). The role of Neighbourhood Watch in reducing crimes in the community. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*, 52, 808-814.
- Forrest, R., & Kearns, A. (2001). Social cohesion, social capital and the neighbourhood. *Urban Studies*, 38(12), 2125–2143.
- Franck, A. K. (2019). The 'street politics' of migrant il/legality: navigating Malaysia's urban borderscape. *Asia Pacific Viewpoint*, 60(1), 14-23.
- Furnivall, J. S. (1948). *Colonial policy and practice: A comparative study of Burma and Netherlands India*. Cambridge University Press.
- Hyppä, M. T. (2010). *Healthy ties: Social capital, population health and survival*. Springer.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019, December 24). *Siaran akhbar Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2018*. <https://www.dosm.gov.my>

- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). (2018). *Laporan perpaduan tahunan 2018*. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). (2021). *Panduan pengurusan dan pentadbiran Rukun Tetangga*. Kementerian Perpaduan Negara.
- JPNIN & KITA, UKM. (2019). *Laporan akhir Indeks Perpaduan Nasional 2018*.
- Jenson, J. (1998). *Mapping social cohesion: The state of Canadian social cohesion*. Canadian Policy Research Network.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2021). *Pelan pemerkasaan kepimpinan komuniti Rukun Tetangga 2021-2030*. Kementerian Perpaduan Negara.
- Khairol, A. K. (2014). Impak etnisiti, tadbir urus dan etika kerja terhadap kesepaduan sosial Polis Diraja Malaysia (PDRM) (Tesis PhD). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee, J. C. H. (2018). Outrage in Malaysia: the politics of taking offence. *East Asia*, 35, 249-265.
- Mahani, A. B. (2008). Semangat kejiranan. Pustaka Buana.
- Mahathir, M. (1992, January 31). Bangsa Malaysia yang bersepadu menjelang tahun 2020. Teks Ucapan di Majlis Makan Malam anjuran Kelab Harvard Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mansor, M. N. (2012). *Kerencaman sosial dan penipisan batas etnik: kepelbagaian etnik dan perkongsian hidup bersama di Malaysia*. Penerbit UKM.
- Mansor, M. N., Abdul Rahman, A. A., & Mohamad Ainuddin, I. L. (2006). *Hubungan etnik di Malaysia*. Prentice Hall Pearson Malaysia.
- McLaughlin, T. (2005). The educative importance of ethos. *British Journal of Educational Studies*, 53(3), 306–325.
- Mohd Sobhi, I. (2021). Kajian defisit sosial di Malaysia. Kertas kerja pembentangan di Wawasan Kemakmuran Bersama: Mengurus Defisit Sosial di Malaysia.
- Mohd Mahadee, I. (2015). Sosialisasi politik, etos nasional dan negara-bangsa: kajian pendidikan sivik dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam kalangan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) (Tesis PhD). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Syarifudin, A., Mohd Mahadee, I., & Mansor, M. N. (2013). Kesepaduan sosial dan kejiranan di kawasan Rukun Tetangga. *Jurnal Kinabalu*, 19, 53-75.
- Mohd Taib, D. (2009). Keberkesanan program Rukun Tetangga dalam memupuk perpaduan dan integrasi nasional. *Jurnal Perpaduan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)*, 1(1), 33-48.
- Mustafa, I. (2020). Malaysia in 2019: enduring stability in a chaotic year. *Asian Survey*, 60(1), 100-108.
- Nor Hashimah, J., Shamsul, A. B., Mustafa, O. & Mansor, M. N. (2003). Pengasimilasian identiti nasional dan etos bangsa di kalangan rakyat Malaysia: Satu kajian sosio-budaya. Laporan Penyelidikan. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah, J., Shamsul, A. B., Mustafa, O. & Mansor, M. N. (2004). Identiti nasional dan etos bangsa. *Dewan Budaya* 26(8), 9-13.
- Norwahidah, Z., & Novel, L. (2016). Makna rasa selamat komuniti Malaysia dalam Program Skim Rondaan Sukarela: Kajian kes KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu,

- Sabah. *Geografia*, 12(5), 22-32.
- Oren, N. (2009). *The Israeli ethos of conflict 1967-2006*. George Mason University.
- Prashanta, W. (2018). *ICERD and old politics: new twists in post-election Malaysia?* Nanyang Technological University.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. Simon and Schuster.
- Rashid, S. (2004). Sumbangan Rukun Tetangga 21 dalam perpaduan negara dan pembangunan komuniti. In Dani, S. (Ed.), *Pembangunan komuniti: dasar, konsep, strategi dan isu di Malaysia* (pp. 1-3). Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Schwanning, M. (2006). *Intelligent organizations powerful models for systemic management*. Springer.
- Shamsul, A. B., & Anis, Y. Y. (2014). *Perpaduan, kesepaduan, penyatupaduan: Satu negara, satu kata akar, tiga konsep keramat*. Institut Kajian Etnik.
- Shamsul, A. B. (Ed.). (2012). *Modul hubungan etnik* (2nd ed.). Institut Kajian Etnik.
- Shamsul, A. B. (2009). *Managing a 'stable tension' ethnic relationship in Malaysia: Re-examined*. Institut Kajian Etnik.
- Shamsul, A. B. (2014). *Perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan: satu negara, satu kata akar, tiga konsep keramat*. Paper presented at the Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan: Perkongsian Pengalaman, 19-21 Januari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ufen, A. (2020). Opposition in transition: pre-electoral coalitions and the 2018 electoral breakthrough in Malaysia. *Democratization*, 27(2), 167-184.
- Vision Humanity. (2019). *Global Peace Index 2019*. Institute for Economics and Peace.
- Wan Zumaiza, W.M., Gill, S.S., & Ismi Arif Ismail. (2016). Penglibatan jiran muda dalam aktiviti Rukun Tetangga di daerah Hulu Langat, Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 14(6), 261–276.

***STRUKTUR SOSIAL  
MASYARAKAT KAWASAN  
RUKUN TETANGGA:  
DINAMIKA, CABARAN, DAN  
STRATEGI MEMPERKUKUH  
PERPADUAN DI MALAYSIA***

***PENULIS:***

**MOHD SOBHI ISHAK, AZIZAH SARKOWI,  
MOHD MAHADEE ISMAIL,  
SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN,  
AHMAD ZUL HAKIMI HASSIM**

# STRUKTUR SOSIAL MASYARAKAT KAWASAN RUKUN TETANGGA: DINAMIKA, CABARAN, DAN STRATEGI MEMPERKUKUH PERPADUAN DI MALAYSIA

**MOHD SOBHI ISHAK<sup>1\*</sup>, AZIZAH SARKOWI<sup>3</sup>, MOHD MAHADEE ISMAIL<sup>2</sup>,  
SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN<sup>1</sup>, AHMAD ZUL HAKIMI HASSIM<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia

<sup>3</sup>Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Darulaman

Penulis Penghubung: msobhi@ukm.edu.my

## ABSTRAK

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah diperkenalkan pada tahun 1975 sebagai institusi sosial akar umbi untuk memperkukuh integrasi komuniti dan kesepaduan sosial di Malaysia. Sehingga Februari 2024, sebanyak 8,438 KRT telah ditubuhkan di seluruh negara sebagai mekanisme interaksi sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai latar belakang. Kajian ini meneliti struktur sosial dalam KRT dengan memberi tumpuan kepada tiga dimensi utama: institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial. Ketiga-tiga dimensi ini membentuk dinamika komuniti dan mempengaruhi corak keterangkuman sosial serta penyertaan komuniti. Reka bentuk penyelidikan campuran telah digunakan, melibatkan tinjauan nasional terhadap 4,264 responden dan perbincangan kumpulan berfokus di 32 KRT terpilih. Dapatan menunjukkan institusi keluarga dan agama kekal sebagai teras interaksi kejiwaan. Namun begitu, stratifikasi sosioekonomi yang dicirikan oleh kadar tidak bekerja dan pendapatan rendah yang tinggi telah menghadkan penyertaan komuniti secara seimbang. Norma sosial tradisional seperti gotong-royong, memberi salam dan amalan kejiwaan juga semakin pudar, terutamanya dalam komuniti bandar dan berteknologi tinggi. Pemudaran ini mencerminkan gejala anomie mikro yang menjejaskan kohesi dan daya tahan komuniti. Kajian ini merumuskan bahawa pemulihan norma lokal, pemeraksanaan kepimpinan inklusif, serta pembangunan sistem data komuniti merupakan strategi penting untuk memperkukuh peranan KRT sebagai platform integrasi sosial dan perpaduan nasional yang lestari dalam masyarakat majmuk.

**Kata kunci:** Kawasan Rukun Tetangga, Struktur Sosial, Kohesi Sosial, Penyertaan Komuniti, Pembangunan Lokal

## ABSTRACT

*Neighbourhood Watch Areas (Kawasan Rukun Tetangga, KRT) have served as grassroots social institutions for fostering community integration and social cohesion in Malaysia since their establishment in 1975. As of February 2024, a total of 8,438 KRTs have been established nationwide, serving as mechanisms for social interaction across diverse communities. This study examines the social structure of KRTs by focusing on three key dimensions: social institutions, social stratification, and social norms. These dimensions shape community dynamics and influence patterns of social inclusion and participation. A mixed-methods design was employed, involving a national survey of 4,264 respondents and focus group discussions conducted in 32 selected KRTs. The findings reveal that family and religious institutions remain central to neighbourhood interactions. However, socioeconomic stratification characterised by high levels of unemployment and low income limits balanced community participation. Traditional social norms such as mutual aid, neighbourly greetings, and communal rituals are also eroding, particularly in urban and technology-driven environments. This erosion reflects a micro-level anomie that undermines social cohesion and community resilience. The study concludes that revitalising local norms, empowering inclusive leadership, and developing community-based data systems are critical strategies for strengthening KRTs as sustainable platforms for social integration and national unity in a diverse society.*

**Keywords:** *Neighbourhood Watch, Social Structure, Social Cohesion, Community Participation, Local Development*

## PENGENALAN

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah diwujudkan sejak 1975 sebagai inisiatif kerajaan untuk membentuk perpaduan dan keselamatan komuniti di Malaysia (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2024). Pada peringkat awal, KRT berfungsi sebagai mekanisme rondaan sukarela bagi membanteras jenayah setempat (Cole, 2019). Namun, peranan ini berkembang sejajar perubahan sosio-politik negara, menjadikan KRT sebagai platform utama integrasi antara etnik (Hassan, 2015) dan pengukuhan jaringan sosial komuniti (Kaspin et al., 2023).

Sebagai organisasi berasaskan penyertaan sukarela, KRT kini turut menyumbang kepada pembangunan modal sosial (Chong, 2012), pembudayaan norma kejiwaan, dan pemerksaan komuniti rentas etnik (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2024). Sehingga Februari 2024, sebanyak 8,438 KRT telah ditubuhkan, menjadikannya antara model interaksi sosial dan perpaduan terbesar dalam masyarakat majmuk Malaysia (Parlimen Malaysia, 2024). Dalam konteks perpaduan nasional, KRT berperanan strategik dalam menginstitusikan nilai kebersamaan,

menyokong penyelesaian konflik komuniti, serta mempromosi norma sosial yang memperkukuh keharmonian etnik (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2024; Kaspin et al., 2023; Abdullah, et al., 2003; Abdullah et al., 2016; Abdullah, et al., 2022).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Struktur sosial sesebuah komuniti merupakan asas kepada kestabilan hubungan sosial dan keberkesanan institusi dalam memupuk perpaduan. Dalam konteks Malaysia, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah berperanan sebagai institusi sosial akar umbi yang signifikan dalam membina keterangkuman sosial sejak penubuhannya pada 1975. Namun, dalam era urbanisasi pesat, globalisasi digital, dan perubahan gaya hidup masyarakat, keberkesanan KRT dalam memperkukuh perpaduan komuniti semakin teruji. Kajian empirikal mendapati bahawa penyertaan belia semakin menurun, kepimpinan komuniti tertumpu kepada kelompok lama, dan jurang stratifikasi sosioekonomi menghalang penyertaan seimbang dalam kegiatan KRT (Bakar, 2014; JPNIN, 2024; Embong et al., 2021). Pada masa sama, norma sosial kejiranan seperti gotong-royong, toleransi, dan kesalingan semakin pudar, terutama dalam komuniti bandar yang berorientasikan individualisme dan teknologi (Yaakob et al., 2023; Hedayati et al., 2021). Kesan gabungan faktor ini menjejaskan peranan KRT sebagai ejen perpaduan sosial di peringkat akar umbi (How & Hun, 2021).

Walaupun terdapat pelbagai kajian mengenai fungsi dan program KRT, masih terdapat ruang kajian untuk memahami bagaimana kelemahan struktur sosial dalaman KRT merangkumi institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial memberi kesan langsung terhadap kestabilan hubungan komuniti dan pembentukan perpaduan jangka panjang. Kajian terdahulu (JPNIN, 2024; Embong et al., 2021; Beh et al., 2021) juga kurang memberi tumpuan kepada dampak perbezaan latar belakang sosioekonomi terhadap pembahagian peranan dan manfaat dalam KRT, serta bagaimana perubahan nilai dan budaya mempengaruhi dinamika sosial di peringkat komuniti.

Dalam konteks ini, penilaian mendalam terhadap struktur sosial masyarakat dalam KRT adalah kritikal bagi mencapai tiga matlamat utama. Pertama, untuk memahami dinamika dan cabaran sebenar perpaduan komuniti dalam pelbagai jenis lokaliti. Kedua, bagi mengenal pasti potensi dan batasan institusi sosial dalam memacu kesepaduan sosial. Ketiga, untuk merumuskan strategi berasaskan komuniti yang dapat memperkukuh peranan KRT sebagai

landasan integrasi sosial yang responsif terhadap cabaran semasa.

Oleh itu, kajian ini akan memberikan sumbangan baharu dengan menganalisis struktur sosial masyarakat dalam KRT, memahami cabaran dan keperluan komuniti secara menyeluruh serta mencadangkan strategi kontekstual yang dapat memperkukuh keberkesanan KRT dalam mendukung agenda perpaduan nasional secara lestari. Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui bentuk institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial dalam KRT;
2. Mengetahui isu dan cabaran sosioekonomi serta keperluan komuniti dalam KRT; dan
3. Mencadangkan strategi efektif untuk memperkukuh peranan KRT dalam memantapkan perpaduan komuniti di Malaysia.

### **Teori Solidariti Sosial Durkheim**

Kajian ini berasaskan kerangka teori struktur sosial takrifan harian yang menekankan bagaimana hubungan sosial berulang antara individu, keluarga dan komuniti membentuk asas kepada norma, nilai dan peranan dalam kehidupan bermasyarakat (Giddens, 1979; Coleman, 2004; Spillman, 2002). Struktur sosial dianalisis melalui tiga dimensi utama iaitu institusi sosial, stratifikasi sosial, dan norma sosial (Haas et al., 2020; Kurtenbach, 2024). Pendekatan ini membolehkan penilaian terhadap dinamika sosial mikro dalam komuniti, yang menjadi asas kepada kesepaduan dan ketahanan sosial.

Sebagai teras analisis, kajian ini mengaplikasikan Teori Solidariti Sosial Durkheim, yang membezakan antara solidariti mekanik berdasarkan persamaan nilai dan budaya dalam komuniti tradisional dan solidariti organik yang terbentuk melalui pembahagian peranan dan kerjasama dalam komuniti kompleks (Durkheim, 2016). Dalam konteks Kawasan Rukun Tetangga (KRT), solidariti mekanik lebih lazim di lokaliti homogen, manakala solidariti organik diperlukan di kawasan bandar untuk mengekalkan integrasi sosial dalam kepelbagaian. Teori ini turut menjelaskan risiko anomie, iaitu kelompangan norma akibat kegagalan institusi sosial dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sosial (Durkheim, 2016). Oleh itu, pemulihan norma kejiwaan seperti gotong-royong dan adab berjiran melalui sosialisasi komuniti dan kepimpinan inklusif menjadi strategi utama memperkukuh perpaduan sosial (Shamsul, 2001; Shamsul, 2012; Morris et al., 2015). Melalui integrasi teori

klasik dan kontemporari, kajian ini menilai bagaimana KRT sebagai institusi sosial akar umbi berperanan dalam menghidupkan semua norma dan nilai kejiranan yang mampu menangani cabaran urbanisasi, stratifikasi dan individualisme digital.

## SOROTAN LITERATUR

### Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai Institusi Sosial Komuniti

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ditubuhkan pada tahun 1975 sebagai respons kepada keperluan perpaduan dan keselamatan komuniti selepas rusuhan kaum 1969. KRT diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak Hussein sebagai mekanisme rondaan sukarela yang berasaskan penyertaan komuniti dalam menjaga keselamatan setempat (JPNIN, 2024). Menyedari peranan KRT sebagai agen perpaduan yang lebih meluas, kerajaan menyusun semula fungsi KRT pada 1983 dan memperkenalkan Model Transformasi KRT pada 2010, dengan lima teras utama: perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup. Peranan KRT tidak lagi terhad kepada kawalan keselamatan, tetapi telah berkembang menjadi institusi sosial akar umbi yang memainkan peranan strategik dalam membina jaringan sosial rentas etnik, menyemai nilai kebersamaan, dan membentuk identiti komuniti setempat. Sehingga tahun 2024, lebih 8,400 KRT telah ditubuhkan dengan anggaran populasi melebihi 12 juta orang mencerminkan keterangkuman institusi ini dalam landskap sosial negara (JPNIN, 2024). Justeru, keberkesanan KRT perlu dinilai bukan sekadar dari sudut fungsi pelaksanaan program, tetapi melalui pemahaman mendalam terhadap struktur sosial yang melandasi komuniti KRT.

### Struktur Sosial: Konsep dan Kepentingan dalam Dinamika Komuniti

Struktur sosial merujuk kepada susunan hubungan sosial yang berulang antara individu, keluarga, dan komuniti dalam sesuatu masyarakat (Giddens, 1979; Coleman, 2004). Ia berfungsi sebagai kerangka asas yang membentuk peranan sosial, norma, nilai, serta mempengaruhi kestabilan atau perubahan sosial dalam komuniti (Spillman, 2002; Porpora, 2013). Dalam konteks KRT, pemahaman terhadap struktur sosial membolehkan analisis terhadap dinamika penyertaan, interaksi rentas etnik dan tahap kesepaduan sosial. Tiga dimensi struktur sosial yang menjadi asas penilaian dalam kajian ini ialah institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial. Ketiga-tiga komponen ini saling berkait dalam menentukan keberkesanan sesuatu komuniti dalam

membina kesepaduan dan ketahanan sosial (Haas et al., 2020; Kurtenbach, 2024).

### **Institusi Sosial: Peranan Keluarga, Komuniti dan Agama dalam KRT**

Institusi sosial ialah sistem norma dan peranan yang mengatur hubungan sosial dalam komuniti (Giddens, 2013). Institusi seperti keluarga, organisasi komuniti dan tempat ibadat menjadi asas kepada pembinaan modal sosial, identiti komuniti dan kestabilan sosial (Tseng & Seidman, 2007; Fonseca et al., 2019). Dalam konteks KRT, institusi ini memainkan peranan penting dalam menyemai nilai kejiwaan, budaya gotong-royong dan semangat kesalingan. Keluarga merupakan unit asas dalam sosialisasi nilai dan pembentukan identiti komuniti. Bentuk keluarga dalam KRT adalah pelbagai termasuk keluarga asas, keluarga luas dan jagaan oleh datuk-nenek yang memberi kesan terhadap tahap keterlibatan sosial (Bubolz, 2001; Books, 2021). Institusi agama pula bukan sahaja memainkan peranan moral, tetapi juga sebagai penghubung sosial dalam komuniti majmuk, membantu mengekalkan kestabilan dan kesepaduan sosial (Marshall, 2002; Arbi et al., 2023).

### **Stratifikasi Sosial: Hierarki Sosioekonomi dan Keterlibatan Komuniti**

Stratifikasi sosial merujuk kepada susunan hierarki dalam masyarakat berdasarkan faktor seperti pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan kuasa (Grusky, 2019, Campbell et al., 2022). Dalam komuniti KRT, stratifikasi ini memberi kesan kepada akses kepada sumber, peranan dalam organisasi dan tahap penyertaan sosial. Kajian mendapati bahawa individu dari kelas pertengahan lebih aktif dalam kegiatan KRT, manakala kelas atasan lebih cenderung menyumbang secara tidak langsung (Embong et al., 2021; Van Tubergen, 2020). Fenomena kejeleketan sosial iaitu kecenderungan berinteraksi sesama kelas sosial yang sama, menjejaskan integrasi rentas strata sosial (McPherson et al., 2001). Ini mengakibatkan jurang penglibatan dalam KRT, di mana kelompok tertentu menjadi penerima pasif dan kelompok lain menguasai pengambilan keputusan. Stratifikasi yang ketara boleh melemahkan fungsi KRT sebagai ruang interaksi inklusif, terutamanya dalam kawasan bandar (Leo et al., 2016; Umanailo et al., 2021).

## Norma Sosial: Budaya Kejiranan dan Dinamika Sosial

Norma sosial ialah peraturan tidak formal dalam masyarakat yang terbentuk melalui nilai, budaya dan amalan harian (Burke & Young, 2011; Van Tubergen, 2020). Dalam komuniti KRT, norma seperti gotong-royong, adab berjiran dan budaya kesalingan menjadi asas harmoni sosial dan pemeraksanaan komuniti (Shamsul, 2001; Fields, 2022). Walau bagaimanapun, norma sosial ini semakin terhakis dalam komuniti bandar dan berteknologi tinggi akibat perubahan gaya hidup, urbanisasi dan peningkatan individualisme (Yaakob et al. 2023; Hedayati et al., 2021). Kajian mendapati bahawa norma boleh dibentuk semula melalui sosialisasi, kepimpinan komuniti dan penguatkuasaan dasar bersama (Bakar, 2014; Morris et al., 2015). Namun, kajian khusus tentang pemulihan norma dalam komuniti KRT masih belum menyeluruh.

Hasil penelitian sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian terdahulu lebih menumpukan kepada fungsi dan program KRT secara deskriptif, tanpa penilaian mendalam terhadap hubungan struktur sosial dan dinamika perpaduan komuniti. Kajian tentang institusi sosial dalam KRT masih bersifat umum dan kurang meneliti interaksi antara institusi dengan jaringan sosial lokaliti. Kajian stratifikasi sosial pula belum mengupas kesan langsung terhadap keterangkuman sosial dan pengagihan peranan dalam organisasi KRT. Norma sosial, walaupun diakui penting, kurang dikaji dari aspek pemudaran nilai dan strategi pemulihannya dalam komuniti moden. Selain itu, strategi pembangunan KRT kebanyakannya berasaskan pendekatan pelaksanaan program secara takrifan autoriti, tanpa model yang berpaksikan analisis sosial mikro dalam komuniti. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang dengan meneliti struktur sosial dalaman KRT secara komprehensif, dan mencadangkan strategi pemeraksanaan komuniti berasaskan konteks lokaliti, demi memperkukuh peranan KRT sebagai ejen perpaduan nasional yang inklusif dan lestari.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan campuran yang menggabungkan pendekatan kuantitatif melalui kajian tinjauan keratan rentas (*cross-sectional*) dan pendekatan kualitatif melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus (*Focus Group Discussion*, FGD). Gabungan pendekatan ini membolehkan pemahaman yang menyeluruh mengenai struktur sosial masyarakat dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT), termasuk dinamika institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial yang mempengaruhi tahap perpaduan komuniti. Kajian ini telah dijalankan selama enam bulan, bermula dari 7 Disember 2023 hingga 6 Jun 2024.

## Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kuantitatif dilaksanakan melalui pengumpulan data sekali sahaja (*single wave*) menggunakan instrumen soal selidik yang direka khusus untuk mendapatkan maklumat demografi, sosioekonomi, penglibatan sosial serta amalan norma dalam komuniti KRT. Reka bentuk ini membolehkan pengukuran langsung terhadap pelbagai ciri struktur sosial yang wujud dalam komuniti KRT pada satu titik masa tertentu. Pendekatan kualitatif melalui FGD digunakan secara strategik untuk mendalami pemahaman terhadap isu dan cabaran perpaduan yang tidak dapat dihuraikan sepenuhnya melalui soal selidik. FGD turut membolehkan triangulasi dapatan kuantitatif dengan pandangan pihak berkepentingan seperti pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), ahli jawatankuasa KRT dan agensi berkaitan.

## Populasi, Sampel dan Teknik Pensampelan

Populasi kajian terdiri daripada penduduk yang menetap dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) terpilih di seluruh negara. Sebanyak 32 KRT progresif telah dipilih secara bertujuan daripada 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan, berdasarkan cadangan rasmi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) melalui Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan (BPMK) serta Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN). Pemilihan ini bertujuan mewakili variasi lokaliti dari segi geografi (bandar dan luar bandar), komposisi etnik, tahap sosioekonomi, serta kedinamikan sosial dalam KRT.

Dalam setiap KRT, sebanyak 50 buah rumah dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Setiap rumah melibatkan seorang Ketua Isi Rumah (KIR) dan dua Ahli Isi Rumah (AIR). Oleh itu, saiz sampel yang disasarkan ialah 4,800 responden (32 KRT × 50 rumah × 3 responden). Walau bagaimanapun, hasil kutipan data di lapangan mendapati jumlah sebenar responden lengkap ialah 4,264 orang, bersamaan kadar respons 88.8% daripada jumlah sasaran. Saiz sampel seramai 4,264 responden dianggap mencukupi dan mewakili populasi sasaran berdasarkan liputan penuh terhadap semua 32 KRT yang ditetapkan, merangkumi pelbagai latar belakang demografi, etnik dan sosioekonomi. Saiz sampel ini mematuhi keperluan asas kajian tinjauan berskala komuniti dan membolehkan dapatan yang stabil untuk analisis deskriptif dan eksplorasi struktur sosial. Memandangkan kajian ini bersifat eksploratori terhadap KRT progresif,

margin ralat terhadap populasi nasional tidak diukur. Penilaian terhadap bias tidak respons menunjukkan tiada perbezaan ketara antara rumah yang memberi dan tidak memberi respons, dari segi lokaliti, jantina dan umur ketua isi rumah. Langkah mitigasi seperti pelantikan enumerator tempatan, latihan intensif dan lawatan semula telah dilaksanakan. Justeru, *non-response* bias dapat diminimumkan dan tidak menjejaskan kesahan dapatan kajian.

### Kajian Rintis

Dua kajian rintis telah dilaksanakan bagi menilai tahap kefahaman responden terhadap instrumen kajian serta keberkesanan prosedur kutipan data di lapangan. Kajian rintis pertama dijalankan di KRT Taman Muhibah, Merlimau, Melaka, melibatkan seramai 40 responden daripada pelbagai latar etnik. Kajian kedua dilaksanakan di PPR Kerinchi, Kuala Lumpur, membabitkan 41 responden dalam kalangan komuniti berpendapatan rendah. Hasil daripada kedua-dua kajian rintis tersebut menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk melantik enumerator yang terlatih bagi membantu proses kutipan data, kerana sebahagian besar responden menghadapi kesukaran untuk menjawab soal selidik secara sendiri. Susulan dapatan tersebut, latihan intensif telah diberikan kepada semua enumerator yang terlibat, bagi memastikan kualiti pengumpulan data yang konsisten dan sahih di semua lokasi kajian.

### Kaedah Analisis Data

Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif termasuk kekerapan dan peratusan untuk membina profil asas penduduk KRT serta menilai dimensi struktur sosial yang diteliti. Analisis ini dilaksanakan mengikut tema institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial. Dapatan kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti naratif utama berkaitan cabaran perpaduan dan strategi keberkesanan KRT. Gabungan analisis ini menyokong pembentukan model struktur sosial komuniti KRT yang menjadi asas perancangan program perpaduan masa hadapan.

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Kawasan dan Responden Kajian

Kajian ini melibatkan 32 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) progresif yang dipilih secara bertujuan daripada 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan di Malaysia. Keseluruhan kutipan data melibatkan 4,264 responden (Jadual 1).

**Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Negeri, Daerah dan KRT (n = 4,264)**

Negeri	Daerah	KRT	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
<b>Johor</b>	Batu Pahat	KRT Kg Satey/ Pantai	153	3.6
	Tangkak	KRT Kg Felda Sri Jaya	139	3.3
<b>Kedah</b>	Kota Setar	KRT Taman Seri Marina	138	3.2
	Yan	KRT Kampung Kuala Dulang Kechil	246	5.8
<b>Kelantan</b>	Gua Musang	KRT Batu Papan	149	3.5
	Pasir Mas	KRT Banggol Perdana	132	3.1
<b>Melaka</b>	Alor Gajah	KRT Kg Gadek	148	3.5
	Melaka Tengah	KRT Kg Bukit Nibong	144	3.4
<b>Negeri Sembilan</b>	Gemas	KRT KTMB	147	3.4
	Seremban	KRT Taman Desa Jati	120	2.8
<b>Pahang</b>	Maran	KRT Maran 2	138	3.2
	Rompin	KRT Kg Sg. Meranti	121	2.8
<b>Perak</b>	Kinta	KRT Kg Tersusun Klebang Selatan	109	2.6
	Kuala Kangsar	KRT Taman Chandan Putri	147	3.4
<b>Pulau Pinang</b>	SP Tengah	KRT Pangsapuri Permata A-N	145	3.4
	SP Utara	KRT Kg Baharu Pinang Tunggal	147	3.4
<b>Sabah</b>	Keningau	KRT Kampung Baginda	19	0.4
	Kota Kinabalu	KRT Sembulan Baru	143	3.4

Negeri	Daerah	KRT	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
<b>Sarawak</b>	Kapit	KRT Nanga Sebabu	150	3.5
	Miri	KRT Kampung Kuala Sibuti	52	1.2
<b>Selangor</b>	Klang	KRT Sri Sedeli	117	2.7
	Kuala Langat	KRT Kg Endah	151	3.5
<b>Terengganu</b>	Hulu Terengganu	KRT Kg Gunung	150	3.5
	Kuala Nerus	KRT Kg. Telaga Batin	144	3.4
<b>Perlis</b>	Perlis	KRT Taman Bukit Kayangan	152	3.6
	Perlis	KRT Kg Rama/ Permatang Keriang	148	3.5
<b>W.P.Kuala Lumpur</b>	Brickfields	KRT Taman Pantai Indah Fasa 2	124	2.9
	Dang Wangi	KRT Perumahan Awam Seri Perlis II	133	3.1
<b>W.P. Putrajaya</b>	Putrajaya	KRT Jalan K P11	138	3.2
	Putrajaya	KRT Apartmen Presint 16	119	2.8
<b>W.P. Labuan</b>	Labuan	KRT Kg Lubuk Temiang	51	1.2
	Labuan	KRT Kg Kilan Pulau Akar	150	3.5

### Institusi Sosial Individu

Jadual 2 memaparkan profil institusi sosial individu. Responden kajian terdiri daripada 51.3% perempuan dan 48.7% lelaki. Sebahagian besar individu berada dalam lingkungan umur produktif, dengan kumpulan umur 51 hingga 60 tahun (21.1%) sebagai majoriti diikuti oleh 18 hingga 30 tahun (20.9%). Daripada sejumlah 888 responden yang melaporkan penyakit tidak berjangkit, hipertensi merupakan penyakit paling dominan dengan 52.8% (469 individu), diikuti oleh diabetes sebanyak 33.2% (295 individu). Penyakit lain yang turut dilaporkan ialah asma sebanyak 6.6% (59 individu), penyakit jantung 5.0% (44 individu), dan gout 2.8% (21 individu).

**Jadual 2: Institusi Sosial Individu Berdasarkan Jantina, Umur dan Penyakit**

Kategori	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
<b>Jantina (n = 4,264)</b>		
Lelaki	2,076	48.7
Perempuan	2,188	51.3
<b>Umur (n = 4,264)</b>		
0 hingga 6 tahun	18	0.4
7 hingga 12 tahun	104	2.4
13 hingga 17 tahun	208	4.9
18 hingga 30 tahun	893	20.9
31 hingga 40 tahun	693	16.3
41 hingga 50 tahun	722	16.9
51 hingga 60 tahun	901	21.1
61 hingga 70 tahun	542	12.7
71 hingga 80 tahun	151	3.5
81 tahun ke atas	32	0.8
<b>Penyakit Tidak Berjangkit (n = 888)</b>		
Hipertensi	469	52.8
Diabetes	295	33.2
Asma	59	6.6
Jantung	44	5.0
Gout	21	2.8

**Nota.** Majoriti responden berada dalam lingkungan umur produktif dan menunjukkan dominasi dua penyakit utama (hipertensi dan diabetes), menandakan keperluan kepada intervensi kesihatan komuniti secara proaktif.

## Institusi Sosial Keluarga

Majoriti keluarga dalam KRT adalah keluarga asas (71%), manakala 17.5% ialah keluarga luas dan 7.5% keluarga induk tunggal. Struktur keluarga ini memberi implikasi kepada tahap sokongan sosial dalaman komuniti. Keluarga dengan 3 hingga 5 orang ahli adalah paling dominan (66%), mencerminkan pola keluarga bersaiz sederhana dalam komuniti KRT. Perincian seperti dalam jadual 3.

**Jadual 3: Institusi Sosial Keluarga Berdasarkan Jenis Keluarga dan Bilangan Ahli Isi Rumah yang Masih Tinggal Bersama (n = 4,264)**

Kategori	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
<b>Jenis Keluarga</b>		
Keluarga Asas	3028	71.0
Keluarga Luas	746	17.5
Keluarga Induk Tunggal	318	7.5
Keluarga Tanpa Anak	78	1.8
Keluarga Anak Tidak Lagi Tinggal	41	1.0
Keluarga Gabungan	24	0.6
Keluarga Jagaan Datuk-Nenek	15	0.4
Keluarga Tidak Konvensional (Poligami)	11	0.3
<b>Bilangan Ahli Keluarga Tinggal Bersama</b>		
Tiada	8	0.2
Seorang	37	0.9
Dua orang	211	4.9
Tiga orang	1237	29.0
Empat orang	840	19.7
Lima orang	775	18.2
Enam orang	534	12.5
Tujuh orang	306	7.2
Lapan orang	187	4.4
Sembilan orang	129	3.0

## Institusi Sosial Komuniti

Komposisi agama dan etnik mencerminkan komuniti KRT adalah heterogen (Jadual 4). Sebanyak 95% responden beragama Islam, manakala selebihnya terdiri daripada Kristian, Hindu, Buddha dan lain-lain. Etnik Melayu mendominasi (85%), namun kepelbagaian etnik seperti Iban, Kadazan Dusun dan Cina jelas wujud dalam KRT di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Keadaan ini menunjukkan perlunya pendekatan pembangunan komuniti yang sensitif budaya dan bersifat inklusif.

**Jadual 4: Institusi Sosial Komuniti Berdasarkan Agama dan Etnik (n = 4,264)**

Kategori	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
<b>Agama</b>		
Islam	4050	95.0
Kristian	157	3.7
Hindu	37	0.9
Buddha	15	0.4
Agama Lain	5	0.1
<b>Etnik</b>		
Melayu	3633	85.2
Bumiputera Sabah	309	7.2
Bumiputera Sarawak	265	6.2
India	39	0.9
Cina	18	0.4

## Stratifikasi Sosial

Analisis terhadap stratifikasi sosial komuniti KRT memperlihatkan wujudnya ketidaksamarataan yang ketara dari segi pendidikan, pekerjaan dan pendapatan isi rumah, yang memberi implikasi langsung terhadap penyertaan sosial dan keterangkuman komuniti (Jadual 5). Dari aspek pendidikan (n=4,014), majoriti responden (52.4%) mempunyai kelulusan di peringkat menengah atas, manakala 23.6% berada pada tahap pendidikan rendah hingga menengah bawah. Sebaliknya, hanya 14.1% memiliki kelulusan ijazah

tinggi, mencerminkan keterbatasan akses kepada modal pendidikan lanjutan dalam kalangan komuniti KRT.

Dari segi pekerjaan (n=3,413), kategori tidak bekerja yang merangkumi pelajar, suri rumah dan pesara merupakan kumpulan terbesar dengan 40.0%, diikuti oleh pekerja sektor swasta bukan eksekutif sebanyak 27.4%. Kategori profesional, iaitu pegawai awam dan eksekutif swasta, hanya mewakili gabungan 12%, menunjukkan dominasi pekerjaan berintensifkan tenaga kerja dalam struktur ekonomi komuniti ini.

Sementara itu, data pendapatan isi rumah (n=4,264) menunjukkan bahawa 80.5% isi rumah tergolong dalam kategori berpendapatan rendah atau tiada pendapatan, dengan kurang daripada 1% mencapai tahap pendapatan tinggi. Dapatan ini menggambarkan kedudukan sosioekonomi komuniti KRT yang cenderung rentan, yang boleh membataskan penglibatan dalam kegiatan komuniti serta akses kepada sumber sosial. Secara keseluruhan, pola stratifikasi sosial ini menandakan keperluan kepada intervensi bersasar bagi menjamin penyertaan komuniti yang lebih seimbang dan inklusif.

**Jadual 5: Institusi Sosial Komuniti Berdasarkan Tahap Pendidikan, Pekerjaan dan Pendapatan Isi Rumah (n = 4,264)**

Kategori	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
<b>Tahap Pendidikan (n=4014)</b>		
Pendidikan Rendah	513	12.8
Pendidikan Menengah Bawah (Tingkatan 1-3)	435	10.8
Pendidikan Menengah Bawah (Tingkatan 4-5)	2105	52.4
Pra Universiti	397	9.9
Ijazah (Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah)	564	14.1
<b>Pekerjaan (n=3413)</b>		
Kakitangan Awam (Pegawai)	158	4.6
Kakitangan Awam (Sokongan)	356	10.4
Kakitangan Swasta (Eksekutif)	253	7.4

<b>Kakitangan Swasta (Bukan Eksekutif)</b>	936	27.4
<b>Bekerja Sendiri/Peniaga</b>	346	10.2
<b>Tidak Bekerja (termasuk Pelajar, Suri Rumah, Pesara)</b>	1364	40.0
<b>Pendapatan Isi Rumah (n=4264)</b>		
<b>Tiada Pendapatan</b>	1730	40.5
<b>Kurang daripada RM2,500</b>	1708	40.0
<b>RM2,501 - RM3,170</b>	315	7.4
<b>RM3,171 - RM3,970</b>	109	2.6
<b>RM3,971 - RM4,850</b>	140	3.3
<b>RM4,851 - RM5,880</b>	99	2.3
<b>RM5,881 - RM7,100</b>	80	1.9
<b>RM7,101 - RM8,700</b>	46	1.1
<b>RM8,701 - RM10,970</b>	27	0.6
<b>RM10,971 - RM15,040</b>	7	0.2
<b>RM15,041 dan lebih</b>	3	0.1

## Norma Sosial

Kajian ini mengenal pasti sepuluh norma sosial tertinggi yang diamalkan dalam komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), berdasarkan pelaporan responden terhadap nilai budaya, amalan keagamaan dan interaksi kejiwaan (Jadual 6). Dapatan menunjukkan bahawa majlis perkahwinan berasaskan adat tradisi merupakan norma sosial paling dominan, dengan 49.0% responden melaporkan penglibatan, diikuti amalan bersedekah, derma dan wakaf (35.0%). Kedua-dua norma ini mencerminkan kekuatan nilai budaya dan keagamaan dalam memacu hubungan sosial bersifat kolektif.

Walau bagaimanapun, norma sosial harian yang menjadi teras kepada hubungan kejiwaan menunjukkan tahap amalan yang rendah. Sebagai contoh, hanya 22.1% responden melaporkan amalan memberi salam, manakala ziarah menziarahi dan menziarahi jiran ketika kematian masing-

masing mencatat 17.3% dan 16.2%. Ini diikuti oleh norma mentaati ajaran agama masing-masing (12.1%), meraikan tetamu (11.8%), mengunjungi rumah ibadah (11.1%), dan penggunaan bahasa sopan dalam pertuturan (9.8%).

**Jadual 6: Nilai dan Budaya Dalam KRT (n = 4,264)**

Bil	Nilai dan Budaya Dalam KRT	Frekuensi (n)	Peratusan (%)
1	Majlis perkahwinan mengikut adat tradisi	2090	49.0
2	Bersedekah, derma, wakaf	1494	35.0
3	Acara rasmi KRT mengikut protokol majlis	1004	23.5
4	Memberi salam	941	22.1
5	Ziarah Menziarahi	744	17.3
6	Menziarahi jiran sekiranya ada kematian	693	16.2
7	Mentaati ajaran agama masing-masing	522	12.1
8	Meraikan tetamu	504	11.8
9	Mengunjungi rumah ibadah masing-masing	474	11.1
10	Menggunakan bahasa sopan dalam pertuturan	418	9.8

## PERBINCANGAN

### Struktur Sosial KRT: Dinamika Sosial dalam Komuniti Majmuk Malaysia

Dapatan kajian mengesahkan bahawa struktur sosial dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan hasil interaksi kompleks antara institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial, yang membentuk asas perpaduan komuniti. Struktur ini mencerminkan kehidupan seharian masyarakat Malaysia dalam skala mikro, namun memberi kesan signifikan terhadap kelestarian perpaduan nasional.

Institusi sosial dalam KRT masih berfungsi sebagai mekanisme penting sosialisasi dan pemupukan nilai kejiwaan. Dominasi struktur keluarga asal (71%) menzahirkan pengaruh urbanisasi moden, namun kehadiran keluarga luas (17.5%) dan keluarga jagaan datuk-nenek menunjukkan kesinambungan struktur kekeluargaan tradisional sebagai teras ketahanan sosial (Bubolz, 2001; Books, 2021). Dalam komuniti majmuk, institusi agama berfungsi bukan hanya secara moral tetapi sebagai pemangkin hubungan sosial (Tseng & Seidman, 2007), memperkukuh solidariti rentas etnik terutamanya di kawasan heterogen seperti Sabah, Sarawak dan Labuan (Tamring et al., 2020). Walau bagaimanapun, majoriti KRT di Semenanjung menunjukkan komposisi agama dan etnik homogen (95% Islam; 85% Melayu), yang mungkin menghadkan potensi interaksi rentas budaya secara meluas, sekaligus menuntut strategi pembangunan komuniti yang lebih sensitif budaya dan kontekstual (Fonseca et al., 2019).

### **Cabaran Stratifikasi Sosial: Ketidaksamarataan Akses dan Peranan Komuniti**

StratifikasisosialdalamKRTmemberikesanlangsungterhadapketerangkuman sosial dan penyertaan komuniti. Analisis mendapati bahawa 80.5% isi rumah tergolong dalam kategori berpendapatan rendah atau sifar pendapatan, manakala hanya 14.1% responden memiliki ijazah tinggi. Ketidaksamarataan ini diperkuat oleh dominasi kelompok tidak bekerja (40.0%) dalam struktur pekerjaan. Pola ini menggambarkan komuniti KRT sebagai kelompok rentan yang berhadapan kekangan sumber dan masa untuk penyertaan sosial aktif.

Dapatan ini menyokong penemuan Embong et al. (2021) bahawa kelas menengah lebih aktif dalam kegiatan KRT, manakala kelas atasan menyumbang secara tidak langsung. Fenomena kejeleketan sosial (McPherson et al., 2001) atau kesepaduan sosial (Shamsul Amri, 2012) memperkuat kecenderungan interaksi dalam kelompok strata yang sama, yang boleh membawa kepada struktur kepimpinan tertutup (Bakar, 2014; Leo et al., 2016), di mana segelintir individu mendominasi pengambilan keputusan. Ini merencatkan keterangkuman sosial dan berisiko memperdalam jurang sosial, justeru memerlukan pemerksaan komuniti rentas strata agar KRT dapat berfungsi secara adil dan berkesan sebagai wahana perpaduan nasional.

## Norma Sosial dan Pemudaran Nilai Kejiranan

Kajian ini mengenal pasti sepuluh norma sosial tertinggi dalam KRT kajian. Tumpuan norma sosial adalah kepada amalan budaya dan keagamaan seperti majlis perkahwinan berasaskan adat (49.0%) dan bersedekah/wakaf (35.0%). Namun, norma harian kejiranan seperti memberi salam (22.1%), ziarah menziarahi (17.3%), dan penggunaan bahasa sopan (9.8%) menunjukkan kadar amalan yang rendah. Ini mencerminkan pemudaran norma tidak formal, selari dengan penurunan interaksi sosial harian di komuniti bandar dan berteknologi tinggi (Yaakob et al., 2023; Hedayati et al., 2021).

Kelemahan norma sosial ini menunjukkan gejala anomie mikro dalam komuniti, iaitu kelompangan nilai dan panduan tingkah laku akibat kegagalan institusi menyesuaikan diri dengan perubahan sosial (Durkheim, 2016). Namun, norma bukan bersifat statik; ia boleh dihidupkan semula melalui sosialisasi komuniti, kepimpinan inklusif, dan intervensi berasaskan lokaliti (Morris et al., 2015). Program seperti “RT4ALL”, “Rewang se-KRT” dan “Santuni Jiran Sekomuniti” berpotensi membentuk norma kolektif baharu dengan menyesuaikan nilai tradisional kepada konteks semasa.

## Strategi Kontekstual: Ke Arah Keterangkuman Sosial Berasaskan Lokaliti

Kewujudan pelbagai jenis lokaliti dalam KRT bandar dan luar bandar menuntut strategi pembangunan bersifat kontekstual, bukan seragam. Penglibatan belia yang rendah, dominasi kepimpinan lama dan beban ekonomi keluarga memerlukan strategi sosial bersasar berasaskan data komuniti (Paulsen & Bartkowski, 1997; Bakar, 2014; Gunay et al., 2022). Pembinaan pangkalan data profil komuniti menjadi asas kepada perancangan program inklusif, pemantauan kesan dasar dan intervensi sosial bersifat responsif terhadap cabaran lokaliti.

## Solidariti Mekanik dan Organik: Kerangka Teoretikal Durkheim dalam KRT

Kajian ini mendapati bahawa KRT di lokaliti homogen masih berasaskan solidariti mekanik, manakala KRT bandar yang kompleks memerlukan pembinaan solidariti organik melalui pembahagian peranan dan kolaborasi. Tanpa sokongan institusi sosial dan norma yang kukuh, risiko *anomie* akan melemahkan integrasi sosial. Program berbentuk kolaboratif seperti “Jejak

Bertapak” dan “*Guyub Selawase*” berpotensi membentuk solidariti organik yang bersifat lestari, memperkuat kohesi sosial dan ketahanan komuniti dalam menghadapi tekanan sosial moden.

## KESIMPULAN/ IMPLIKASI/ CADANGAN

### Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa struktur sosial dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) memainkan peranan strategik dalam membina dan mengekalkan perpaduan sosial di Malaysia. Tiga dimensi utama institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial dikenal pasti sebagai tunjang kepada dinamika komuniti. Walaupun institusi keluarga dan agama berperanan menyemai nilai kejiranan dan kebersamaan, perubahan demografi dan gaya hidup telah menjejaskan fungsi tradisional institusi ini. Stratifikasi sosial yang ketara menghalang penyertaan seimbang dalam kegiatan KRT, manakala norma sosial kejiranan semakin terhakis di kawasan bandar akibat individualisme dan digitalisasi. Secara keseluruhan, KRT masih berfungsi sebagai wadah sosial penting, namun keberkesannya sebagai ejen perpaduan nasional menuntut penyesuaian kepada konteks lokaliti. Strategi bersifat inklusif, berasaskan data komuniti, serta dipacu kepimpinan rentas generasi diperlukan bagi memulihkan norma sosial dan menjamin keterangkuman sosial yang lestari.

### Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan implikasi yang signifikan dalam tiga aspek utama: teori, dasar, dan sosial. Dari sudut implikasi teoretikal, dapatan kajian memperkuat konsep struktur sosial takrifan harian dalam masyarakat majmuk Malaysia, yang menekankan peranan interaksi seharian dalam membentuk perpaduan sosial. Selain itu, kajian ini turut mengaplikasikan semula teori solidariti sosial Durkheim dalam konteks kontemporari, khususnya dalam memahami keseimbangan antara solidariti mekanik dan organik dalam komuniti KRT. Penemuan empirikal ini memperkaya wacana sosiologi dengan memperlihatkan bagaimana institusi sosial dan norma komuniti bukan sahaja dibentuk dan diubah, tetapi juga dihidupkan semula melalui pemeraksanaan sosial akar umbi.

Dari sudut implikasi dasar, kajian ini memberikan asas kukuh kepada agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

untuk merangka intervensi pembangunan berasaskan lokaliti. Ini termasuk keperluan mewujudkan pangkalan data profil komuniti KRT secara sistematik bagi menyokong pelaksanaan program bersasar dan menilai keberkesanan dasar perpaduan di peringkat mikro. Penekanan juga perlu diberikan kepada pengurangan jurang penyertaan dalam KRT melalui dasar-dasar yang mendorong penglibatan rentas strata sosioekonomi, khususnya dalam komuniti bandar dan berpendapatan rendah.

Dari aspek implikasi sosial, kajian ini menekankan pentingnya memulihkan dan memperkukuh semula nilai gotong-royong, adab berjiran dan budaya kesalingan dalam komuniti, yang kini semakin terhakis. Komuniti harus digalakkan untuk membina identiti lokaliti tersendiri, contohnya melalui slogan atau tema perpaduan seperti “*Guyub Selawase*” yang mampu mengukuhkan rasa kebersamaan. Selain itu, program-program berasaskan penglibatan menyeluruh yang memberi ruang kepada penyertaan belia dan kumpulan terpinggir harus diperkasakan bagi memastikan perpaduan sosial dalam KRT bersifat inklusif dan lestari.

## Cadangan

Berdasarkan dapatan dan implikasi kajian, beberapa cadangan strategik disarankan kepada pelbagai pihak berkepentingan untuk memperkukuh peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai instrumen perpaduan komuniti yang mampan. Pertama, kepada golongan penyelidik, disyorkan agar kajian lanjutan bersifat *longitudinal* dan perbandingan antara lokaliti dilaksanakan bagi menilai impak jangka panjang intervensi struktur sosial dalam KRT. Kajian ini harus turut meneroka aspek adaptasi digital dalam menghidupkan semula norma kejiranan, terutama dalam komuniti bandar dan berteknologi tinggi.

Kedua, kepada agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), pembangunan pangkalan data komuniti KRT secara sistematik adalah keperluan mendesak bagi menyokong perancangan program bersasar serta penilaian keberkesanan dasar perpaduan nasional. Di samping itu, latihan kepimpinan komuniti rentas generasi perlu diberi keutamaan bagi memastikan kesinambungan dan keterangkuman dalam pengurusan KRT.

Ketiga, kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta, kerjasama rentas sektor perlu diperkukuh dalam menyokong pembangunan

sosial KRT, khususnya dalam bidang pemerksaan ekonomi mikro, kesihatan komuniti, dan kebajikan sosial. Penyediaan sumber dan sokongan teknikal oleh sektor ini mampu meningkatkan keberkesanan program komuniti secara holistik.

Akhir sekali, kepada komuniti KRT sendiri, amalan kepimpinan terbuka dan struktur penyertaan yang inklusif wajar digalakkan bagi menjamin keadilan sosial dan penglibatan menyeluruh. Pada masa sama, norma sosial perlu diperkukuh melalui program berlandaskan nilai lokaliti dan partisipasi aktif masyarakat.

## **PENGHARGAAN**

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perpaduan Negara atas sokongan dana perundingan yang telah diberikan kepada UUM LEADS bagi melaksanakan Kajian Pembangunan Struktur Sosial Masyarakat dalam Kawasan Rukun Tetangga. Sokongan ini telah memungkinkan penyelidikan ini dilaksanakan dengan jayanya.

## RUJUKAN

- Abdullah, A., & Pedersen, P. B. (2003). *Understanding multicultural Malaysia: Delights, puzzles and irritations*. Pearson Malaysia.
- Abdullah, M. S., Ismail, M. M., & Mohd Noor, M. (2016). Kesepaduan sosial dan kejiranan di Kawasan Rukun Tetangga. *Jurnal Kinabalu*, 19. <https://doi.org/10.51200/ejk.v19i.503>
- Abdullah, M. S., Sagar, S. S. A. Y. S., & Razali, N. A. (2022). Keberkesanan strategi Rukun Tetangga (RT) dalam memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Tanjung Malim Perak. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 3(1), 143-154.
- Arbi, R., Syahid, A., Ismail, N., & Rahman, H. A. (2023). The role of religious institutions in community social cohesion. *Journal of Social Development Studies*, 10(1), 75–89.
- Bakar, H. A. (2014). *Kepimpinan Rukun Tetangga: Satu kajian kes di Kawasan Rukun Tetangga Kampung Malaysia Raya, Cheras, Kuala Lumpur* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Beh, S. H., Pue, G. H., Ishak, M. S., & Mohd Noor, M. (2021). Kesepaduan nasional penduduk Kawasan Rukun Tetangga di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 6(7), 40–53. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.821>
- Books, C. (2021). Family structures and social participation. *Journal of Community Development*, 35(2), 125–139.
- Bubolz, M. M. (2001). Family as source, user, and builder of social capital. *Journal of Socio-Economics*, 30(2), 129–131.
- Burke, P. J., & Young, H. P. (2011). The norms of society. *Annual Review of Sociology*, 37, 15–36.
- Campbell, C., Pearlman, J., Verdery, A. M., & England, K. (2022). Community lost? Changes and stratification in perceived neighborhood social cohesion among families with children. *Socius*, 8, 23780231221079997.
- Chong, W. Y. (2012). The role of social capital in the development of community-based organizations in Malaysia. *Journal of Asian Public Policy*, 5(3), 296–312.
- Cole, S. J. (2019). Social and physical neighbourhood effects and crime: Bringing domains together through collective efficacy theory. *Social Sciences*, 8(5), 147.
- Coleman, J. S. (2004). *Social theory, social research, and a theory of action*. In J. H. Turner (Ed.), *Theoretical sociology* (pp. 25–40). Sage.
- Durkheim, E. (2016). The division of labor in society. In S. J. McDonald (Ed.), *Social theory re-wired* (pp. 16–39). Routledge.
- Embong, Z., Musa, N. Y., Nawi, N. H. M., & Noor, A. L. M. (2021). Kesan aktiviti ekonomi dan taraf sosioekonomi masyarakat Kawasan Rukun Tetangga di Kelantan. *International Journal of Social Policy and Society* (IJSPPS), 17, 87–102.
- Fields, S. E. (2022). *Neighborhood watch*. Cambridge University Press.
- Fonseca, X., Lukosch, S., & Brazier, F. (2019). Social cohesion revisited: A new definition and how to characterize it. *Innovation: The European Journal of Social Science Research*, 32(2), 231–253.

- Giddens, A. (1979). *Central problems in social theory: Action, structure, and contradiction in social analysis* (Vol. 241). Univ of California Press.
- Giddens, A. (2013). *Politics, sociology and social theory: Encounters with classical and contemporary social thought*. John Wiley & Sons.
- Grusky, D. B. (2019). *Social stratification: Class, race, and gender in sociological perspective* (4th ed.). Routledge.
- Gunay, S., Aras, S., & Uzun, S. (2022). Community-based resilience in urban neighborhoods. *Community Development Journal*, 57(1), 15–34.
- Haas, H. D., Fransen, S., Natter, K., Schewel, K., & Vezzoli, S. (2020). Social transformation. *International Migration Institute Working Papers, Paper*, 166.
- Hassan, N., & Noor, N. M. (2015). Social cohesion in Malaysia: Comparing the attitudes of the dominant and minority ethnic groups. *Asian Ethnicity*, 16(2), 179–193.
- Hedayati Marzbali, M., Abdullah, A., & Sadatmousavi, H. (2021). Social disorganization and crime in gated communities: Investigating the mediating role of social cohesion and social control. *Crime Prevention and Community Safety*, 23(3), 210–229. <https://doi.org/10.1057/s41300-021-00112-3>
- How, B. S., & Hun, P. G. (2021). Kawasan Rukun Tetangga: Pemangkin perpaduan peringkat akar umbi masyarakat Malaysia. *Geografia*, 17(3), 246–259.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). (2024, Mac 25). *Kawasan Rukun Tetangga*. <https://www.jpnin.gov.my/web/kawasan-rukun-tetangga>
- Kaspin, K. G., Kamaruzaman, S. A., Abdullah, M. S., Umar, K., Huda, M., Zan, U. M. S. M., & Ibrahim, N. (2023). Kawasan Rukun Tetangga (KRT) activities & Rukun Negara: A Malaysia's neighborhood watch model in building nation-state. *Journal of Malaysian Nation-Building Studies*, 2(1), 45–58.
- Kurtenbach, S. (2024). Neighbourhoods and Social Cohesion: Why Neighbourhoods Still Matter. *Built Environment*, 50(1), 73-94.
- Leo, Y., Rahman, R. A., & Lee, Y. J. (2016). Power and participation in Malaysian neighborhood associations. *Urban Studies*, 53(14), 3067–3084.
- Marshall, G. (2002). *Repositioning religion in social theory*. Oxford University Press.
- McPherson, M., Smith-Lovin, L., & Cook, J. M. (2001). Birds of a feather: Homophily in social networks. *Annual Review of Sociology*, 27, 415–444.
- Morris, M. W., Hong, Y., Chiu, C., & Liu, Z. (2015). Norms, identities, and social practices across cultures. *Current Opinion in Psychology*, 8, 54–58.
- Parlimen Malaysia. (2024, Jun 24). Peningkatan kualiti Kawasan Rukun Tetangga dalam Parlimen Kuala Kedah. *Bil. 2. Seksyen Penyata Rasmi Parlimen Malaysia*.
- Porpora, D. V. (2013). *Reconstructing sociology: The critical realist approach*. Cambridge University Press.
- Paulsen, R., & Bartkowski, J. (1997). *Gender and perceptions of success among neighborhood activists*. *Social Science Quarterly*, 78(1), 198–208.
- Shamsul, A. B. (2001). *Adat and Islam: An examination of Malay social norms*. Institute of Malay World and Civilization.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul hubungan etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Spillman, L. (2002). *Cultural sociology*. Blackwell.
- Tamring, B. A. M., Esa, M. S., & Ibrahim, M. A. (2020). Hubungan kaum dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Pantai Barat Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 147–158.
- Tseng, V., & Seidman, E. (2007). A systems framework for understanding social settings. *American Journal of Community Psychology*, 39(3-4), 217–228.
- Umanilo, M. C. B., Salim, S. K., & Arafah, W. (2021). Stratification and social change in community organization. *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 31(5), 561–576.
- Van Tubergen, F. (2020). The role of social norms in neighborhood effects. *Annual Review of Sociology*, 46, 295–314.
- Yaakob, F., Ismail, M., & Brahim, M. (2023). Kesepaduan dalam kepelbagaian: Integrasi dan perpaduan antara etnik Melayu dan Siam di Kelantan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(7), e002402.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2402>

**TINJAUAN LITERATUR  
SISTEMATIK (SLR)  
KENYATAAN BERBAUR  
KEBENCIAN DI MALAYSIA**

***PENULIS:***

**MOHD MAHADEE ISMAIL, KU HASNITA KU SAMSU,  
LEE YOK FEE, RATNA ROSHIDA AB RAZAK,  
MOHD SABRI MD. NOR, ARFAH AB MAJID,  
ZATUL HIMMAH ADNAN**

## TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK (SLR) KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN DI MALAYSIA

MOHD MAHADEE ISMAIL,\* KU HASNITA KU SAMSU, LEE YOK FEE,  
RATNA ROSHIDA AB RAZAK, MOHD SABRI MD. NOR, ARFAH AB  
MAJID & ZATUL HIMMAH ADNAN

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

Penulis Penghubung: mahadee@upm.edu.my

### ABSTRAK

Mutakhir ini persoalan tentang hak asasi manusia di Malaysia semakin hangat diperkatakan khususnya dalam konteks “*freedom of speech*” apabila pihak pemerintah sendiri memberi jaminan bahawa kebebasan bersuara setiap warganegara Malaysia tidak akan disekat. Malah pihak pemerintah menegaskan bahawa setiap warganegara Malaysia bebas untuk mengemukakan pandangan, perbezaan pendapat termasuklah mengkritik pihak pemerintah dengan syarat tidak menyentuh isu yang berkaitan 3R (*Royal, Race dan Religion*). Akan tetapi keluwesan tersebut menjadi imbauan ngeri memandangkan wujud undang-undang dan senario yang berkaitan rapat dengan “*hate speech*” atau kenyataan berbau kebencian. Tatkala itu sebahagian masyarakat Malaysia menjadi keliru antara dilema “*freedom of speech*” dan “*hate speech*”. Maka dengan itu, sebagai perbahasan awal, makalah ini meninjau secara spesifik tentang kajian yang berkait rapat dengan kenyataan berbau kebencian khususnya dalam konteks Malaysia termasuklah di peringkat global. Pendekatan yang digunakan sebagai perbahasan awal ini ialah melalui kajian tinjauan literatur sistematik (SLR). Data dikumpulkan melalui pelbagai kaedah pencarian di pangkalan data *Scopus, PUBMED, PsycArticles dan Science Direct* serta 40 dokumen yang berjaya diekstrak daripada *Gray Literature*. Kemudian, analisis dijalankan melalui strategi pencarian sistematik (SSS) bagi mendapatkan artikel yang tepat dalam konteks korpus ilmu yang dikaji. Hasilnya, sebanyak 429 dokumen berjaya dikumpulkan dari jumlah tersebut dan 41 dokumen telah disemak serta dinilai dengan teliti mengenai kenyataan berbau kebencian di seluruh dunia. Dalam konteks kajian mengenai kenyataan berbau kebencian sejak dari tahun 2018 sehingga 2024, terdapat lima domain utama telah dikenal pasti iaitu; (i) kefahaman; (ii) pengaruh; (iii) kesan terhadap hubungan etnik; (iv) kesan terhadap agama dan (v) strategi dalam menangani isu berkaitan kenyataan berbau kebencian. Ironinya, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada paradigma baharu yang lebih spesifik dalam mengkaji prospektif kenyataan berbau kebencian di Malaysia.

**Kata kunci:** Kajian Literatur Sistematik (SLR), Kenyataan Berbau Kebencian, 3R (*Royal, Race & Religion*)

## ABSTRACT

Recently, human rights issues in Malaysia have become increasingly prominent, particularly regarding freedom of speech. The government has assured that every Malaysian citizen's right to express their views will not be restricted. Moreover, the government has emphasized that citizens are free to voice their opinions, express disagreements, and criticize the government, provided they do not touch on issues related to the 3Rs (Royalty, Race, and Religion). However, this flexibility has become a concern, as existing laws and situations are closely related to hate speech. Consequently, some Malaysian society remains confused about the dilemma between freedom of speech and hate speech. Thus, as an initial discussion, this manuscript explicitly examines studies related to hate speech, particularly in the Malaysian context and on a global scale. The approach used in this preliminary discussion is a systematic literature review (SLR). Data were collected through various search methods in databases such as Scopus, PUBMED, PsycArticles, and Science Direct, along with 40 documents extracted from Gray Literature. The analysis used a systematic search strategy (SSS) to obtain the most relevant articles in the studied knowledge corpus. As a result, 429 documents were gathered, and 41 papers were carefully reviewed and assessed regarding hate speech worldwide. In the context of studies on hate speech from 2018 to 2024, five key domains have been identified: (i) understanding, (ii) influence, (iii) impact on religion, (iv) impact on ethnicity, and (v) strategies for addressing hate speech-related issues. Ironically, the findings of this study contribute to a more specific new paradigm in examining the prospects of hate speech in Malaysia.

**Keywords:** Systematic Literature Review (SLR), Hate Speech, 3R (Royalty, Race & Religion).

## PENGENALAN

Realiti kehidupan “individu berubah, masyarakat berubah dan negara berubah berkesinambungan dengan perubahan yang berlaku di peringkat dunia”. Perubahan yang berlaku ini adalah kesan langsung daripada modenisasi, industrialisasi, urbanisasi, migrasi, globalisasi, demokratisasi, liberalisasi, sekularisasi, automasi, digitalisasi serta perkembangan teknologi maklumat dan informasi yang pesat berkembang mutakhir ini. Perkembangan serta perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan negara bukan sahaja mempengaruhi cara gaya hidup (lifestyle) tetapi turut merubah persepsi serta pandangan hidup setiap warganegara. Cara gaya hidup tradisional yang berpaksikan kepada elemen kesederhanaan, kemasyarakatan dan kemanusiaan telah diwarnai dengan cara gaya hidup moden yang lebih bersifat mewah, inklusif dan eksklusif. Apa yang nyata, senario tersebut adalah impak langsung daripada perkembangan teknologi maklumat dan informasi terkini, yang memuncakkan era digitalisasi, Internet of Things (IoT), peningkatan aplikasi kecerdasan buatan (artificial intelligence - AI), pembelajaran robot

dan mesin, kecanggihan Teknologi Augmented Reality (AR) serta Virtual Reality (VR). Penggunaan AI misalnya telah meletakkan kebolehan mesin untuk berfikir sama seperti manusia (Chandra & Prihastomo, 2012) dan seterusnya mengurangkan bebanan manusia untuk berfikir.

Kebergantungan kepada kecanggihan AI sememangnya banyak memudahkan urusan manusia tetapi secara langsung mahupun tidak langsung turut membawa bahana yang luar jangka, terus mengubah cara gaya hidup manusia. Contohnya nyata, dalam konteks ekonomi digital, transaksi tanpa tunai, e-dagang dan sistem perbankan digital semakin meluas, menjadikan ekonomi dan pasaran lebih pantas berkembang tetapi turut menyebabkan cabaran dan ancaman baharu terhadap perniagaan konvensional. Malah, penggunaan AI dalam bidang pendidikan boleh menyebabkan kurangnya daya kreativiti dan pemikiran kritis pelajar sekiranya tidak diimbangi dengan kaedah pembelajaran konvensional, ada guru pembimbing dan bersifat interaksi bersemuka. Begitu juga penggunaan AI untuk pemantauan dan analisis data peribadi boleh menjejaskan kebebasan serta privasi individu (Caccavale et al., 2022).

Perkembangan teknologi maklumat dan informasi juga telah merubah cara gaya manusia berhubung dan berinteraksi. Dengan kecanggihan teknologi ini, manusia bukan sahaja dapat merealisasikan interpretasi 'dunia tanpa sempadan', boleh berhubung, berkomunikasi dan mendapatkan apa jua maklumat walau di mana berada, tetapi manusia dengan mudah boleh merekod video, mencipta konten, mereka bentuk, menterjemah ilustrasi, menjalankan perniagaan, melaksanakan tugas dan pelbagai lagi. Perkembangan ini juga mewujudkan media sosial sebagai 'Media Baharu' yang menjadi media interaktif atau multimedia yang tidak menghadapi sebarang sekatan ke atas transmisi walaupun menjangkau jarak dan waktu (Muhammad Adil Fikri, 2023). Ironinya, media sosial telah menjadi saluran utama untuk perkongsian maklumat dan pandangan, malah turut membawa suatu cabaran baharu dalam konteks hubungan dan interaksi sesama manusia di mana wujud keadaan *anonymity* atau ketanpanamaan yang mendorong seseorang individu untuk berperilaku dengan cara yang berbeza di alam siber berbanding dengan dunia nyata (Basmin, 2023). Malah, media sosial bukan sahaja telah menjadi platform utama bagi tujuan komunikasi dan interaksi sosial, malah ia juga telah menjadi medium untuk penyebaran dan penularan kenyataan berbau kebencian.

Hal ini menggambarkan pengguna siber lebih berani untuk bertingkah laku dengan cara kurang berhemah (Basmin, 2023), mengeluarkan pandangan dan kata-kata yang boleh mencetuskan kontroversi dalam masyarakat. Persepsi bahawa tidak ada keperluan untuk pengguna media sosial menjaga etika dan kesantunan dalam komunikasi digital serta '*anonymity*', antara faktor menjadi pencetus kepada kenyataan berbaur kebencian (Basmin, 2023). Hakikatnya, ramai individu atau perkumpulan orang, berani dengan fakta bahawa mereka boleh menggunakan identiti palsu, dan dalam kebanyakan kes, tiada siapa yang akan dipertanggungjawabkan apabila mengeluarkan sesuatu retorik yang agresif (Neshkovska & Trajkova, 2018). Dalam pada itu, intensiti penyebaran sesuatu kenyataan berbaur kebencian menjadi lebih tinggi adalah kerana media sosial menyediakan saluran yang bukan sahaja percuma tetapi akses yang cukup meluas tanpa had di seluruh pelusuk dunia. Kenyataan berbaur kebencian dan propaganda yang tersebar dengan meluas boleh mengakibatkan ketegangan dalam masyarakat.

Wujudnya kenyataan berbaur kebencian sering kali timbul daripada ketidakpuasan hati individu terhadap sesuatu isu, tindakan pemimpin atau pihak berkepentingan, emosi yang tidak terkawal atau tekanan kehidupan. Berdasarkan kepada rekod Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), isu berkaitan 3R (kaum, agama dan raja) menguasai aduan utama mutakhir ini. Dilaporkan terdapat sebanyak 1,454 kandungan yang menyentuh isu kaum, agama dan raja (3R) antara Januari hingga Mac tahun 2024 (Bernama, 2024). Timbalan Menteri Komunikasi, YB Puan Teo Nie Ching berkata, daripada jumlah itu ucapan kebencian berkaitan agama merupakan isu yang tertinggi dengan 727 kandungan, diikuti dengan isu berkaitan kaum sebanyak 588 kes dan institusi diraja sebanyak 139 kes (Bernama, 2024). Pecahan statistik kandungan berkaitan 3R yang paling tinggi dikesan adalah menerusi *Facebook* dengan 731 kes, diikuti aplikasi *TikTok* sebanyak 705 kes, *Aplikasi X* (sebelum ini dikenali sebagai *Twitter*) sembilan (9) kes, *YouTube* lima (5) kes dan *Telegram* empat (4) kes (Bernama, 2024). Tambahan lagi, algoritma AI dalam media sosial boleh mempercepatkan penyebaran berita palsu atau propaganda yang mempengaruhi pendapat umum. Dari itu, implikasi negatif dalam isu-isu seperti ini perlu diambil perhatian serius oleh pihak pemerintah.

Sehubungan dengan itu, sebagai perbincangan awal, makalah ini bertujuan untuk membuat tinjauan literatur secara spesifik tentang kajian yang berkait rapat dengan kenyataan berbaur kebencian khususnya dalam konteks

Malaysia termasuklah di peringkat global. Pendekatan yang digunakan sebagai perbahasan awal ini ialah melalui kajian tinjauan literatur sistematik (SLR).

### Kontekstual Kenyataan Berbau Kebencian

Secara umumnya, kenyataan berbau kebencian boleh ditakrifkan sebagai sesuatu ucapan yang cuba memperlekeh, menyinggung, menyindir, mengkritik, mengutuk, memaki hamun, menghina, mengeji, memfitnah mahupun cuba menjatuhkan imej pihak lain, yang biasanya dilakukan dengan sengaja atau dengan niat terkhusus. Tujuan seseorang mengeluarkan kenyataan berbau kebencian adalah untuk melahirkan rasa sakit hati dan mengguris perasaan individu atau perkumpulan individu yang ditujukan tersebut. Oleh sebab itu, kenyataan berbau kebencian seringkali dilihat sebagai komunikasi yang bersifat diskriminatif atau pejoratif terhadap individu atau kumpulan tertentu, berkait rapat dengan ciri-ciri seperti agama, etnik, warna kulit, jantina, kewarganegaraan, bangsa atau orientasi seksual (Tontodimamma et al., 2021). Menurut Ali et al., (2021), kenyataan berbau kebencian adalah fenomena emosi negatif yang ciri-cirinya adalah kemarahan, penghinaan atau rasa jijik dan sikap emosi ini kadangkala menjurus ke arah membalas dendam dalam bentuk perbuatan jenayah.

Sementara itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mentakrifkan ucapan atau kenyataan berbau kebencian sebagai “sebarang jenis komunikasi dalam pertuturan, penulisan atau tingkah laku, yang menyerang atau menggunakan bahasa yang merendahkan atau mendiskriminasi dengan merujuk kepada seseorang atau kumpulan berdasarkan siapa mereka, dengan kata lain, berdasarkan agama, etnik, kewarganegaraan, bangsa, warna kulit, keturunan, jantina, atau faktor identiti mereka” (APHR, 2023). Terdapat tiga ciri penting dalam memahami kenyataan berbau kebencian:

1. Ucapan kebencian termasuk ungkapan lisan dan bukan lisan, dan ia boleh disebarkan di luar talian atau dalam talian.
2. Ucapan kebencian ialah “diskriminatif” (sebagai contoh, berat sebelah, taasub, tidak bertolak ansur), atau “pejoratif” (sebagai contoh prejudis, menghina, merendahkan maruah) individu atau sekumpulan orang.

3. Pertuturan kebencian merujuk kepada “faktor identiti” sebenar, dikatakan atau dipersalahkan bagi individu atau sekumpulan orang dalam erti kata yang luas, termasuk agama, etnik, kewarganegaraan, bangsa, warna kulit, keturunan, jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan, sosial atau asal ekonomi dan sebagainya (APHR, 2023).

Di bawah undang-undang antarabangsa, kenyataan berbaur kebencian boleh dikategorikan kepada tiga kategori utama melibatkan aspek berikut;

#### 1. Ucapan yang mesti dilarang:

Ucapan kebencian yang sama dengan hasutan diskriminasi, permusuhan atau keganasan mesti dilarang di bawah Perkara 20(2) Konvensyen Antarabangsa mengenai Hak Politik dan Sivil (ICCPR) yang menyatakan bahawa “sebarang advokasi kebencian negara, ras (kaum) atau agama yang merupakan hasutan kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan hendaklah dilarang oleh undang-undang” (Artikel 19, 2023).

Pelan Tindakan Rabat mengenai larangan advokasi kebencian negara, ras (kaum) atau agama yang membentuk hasutan kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan telah diterima pakai pada tahun 2012 dan termasuk dalam kesimpulan serta cadangan untuk memerangi ucapan yang melanggar Perkara 20 ICCPR (Artikel 19, 2023). Ujian enam (6) faktor Pelan Tindakan Rabat tersebut telah menentukan sama ada sesuatu kenyataan itu berada di bawah kategori pertama ini atau tidak berdasarkan elemen berikut;

- Sama ada konteks sosial dan politik yang kondusif kepada keganasan.
- Pengaruh penutur.
- Niat penutur untuk menghasut keganasan.
- Isi dan bentuk ekspresi.
- Tahap keseriusan sesuatu ekspresi.
- Kemungkinan berlakunya keganasan, diskriminasi atau permusuhan sebagai akibat langsung daripada ekspresi tersebut (Artikel 19, 2023).

Sekatan ke atas sesuatu ekspresi di bawah Perkara 20(2) ICCPR juga mesti mematuhi undang-undang, mempunyai matlamat yang sah, dan perlu di bawah Perkara 19(3) ICCPR.

## 2. Ucapan yang mungkin dilarang:

Bentuk ucapan kebencian lain, termasuk ancaman keganasan, gangguan dan serangan mungkin dilarang selagi sekatan yang melarangnya memenuhi ujian tiga (3) bahagian di bawah Perkara 19(3) ICCPR. Ucapan tersebut mestilah:

- Diperuntukkan oleh undang-undang.
- Dalam usaha mencapai matlamat yang sah.
- Mesti perlu dan seimbang dalam masyarakat demokratik (Artikel 19, 2023).

## 3. Ucapan sah yang mesti dilindungi daripada sekatan:

Semua bentuk ekspresi atau ungkapan selain yang disebutkan dalam dua kategori di atas harus dilindungi. Ekspresi atau ucapan kebencian yang mungkin menyinggung perasaan tetapi tidak memenuhi kriteria di atas tidak boleh dihadkan di bawah undang-undang antarabangsa. Ini termasuklah menghujah; ekspresi menentang negara dan pegawai awam; dan fitnah (Artikel 19, 2023).

Berdasarkan kepada tiga kriteria utama Artikel 19 yang dinyatakan dalam ICCPR, ternyata sudah wujud garis panduan umum di bawah undang-undang antarabangsa tentang sesuatu kenyataan yang boleh dikaitkan dengan kebencian. Namun begitu, dalam konteks Malaysia masih terdapat kelompangan ketara tafsiran tentang fasal (iii) Artikel 19 di mana terdapat ucapan sah yang mungkin menyinggung perasaan tetapi tidak tertakluk di bawah undang-undang antarabangsa tersebut. Kekeliruan tersebut menyebabkan berlaku salah tanggapan antara “*freedom of speech*” atau “*hate speech*”. Perkara ini cukup signifikan memandangkan masih belum terdapat undang-undang khusus dalam membendung sesuatu kenyataan berbaur kebencian di Malaysia.

Lantaran itu, persoalan tentang hak asasi manusia di Malaysia semakin hangat diperkatakan akhir-akhir ini khususnya dalam konteks “*freedom of speech*” apabila pihak pemerintah sendiri memberi jaminan bahawa kebebasan bersuara setiap warganegara Malaysia tidak akan disekat. Malah pihak

pemerintah menegaskan bahawa setiap warganegara Malaysia bebas untuk mengemukakan pandangan, perbezaan pendapat termasuklah mengkritik pihak pemerintah dengan syarat tidak menyentuh isu yang berkaitan 3R (Royal, Race dan Religion). Akan tetapi keluwesan tersebut menjadi imbauan ngeri memandangkan wujud pelbagai undang-undang dan senario yang boleh dikaitkan dengan “hate speech” atau kenyataan berbaur kebencian. Tatkala itu sebahagian masyarakat Malaysia menjadi keliru antara dilema “*freedom of speech*” dan “*hate speech*”.

Perlembagaan Persekutuan Perkara 10 mengiktiraf kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan sebagai asas kepada kewujudan demokrasi dan menghormati hak asasi manusia. Pada masa yang sama, wujud Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang boleh dikaitkan dengan kenyataan berbaur kebencian.

Ini adalah cabaran utama dalam memahami dan membendung sesuatu kenyataan yang boleh dikategorikan sebagai berbaur kebencian. Kadangkala amat sukar untuk pihak pemerintah menentukan sama ada sesuatu paparan media sosial mengandungi kenyataan berbaur kebencian atau sebaliknya. Terdapat kemungkinan sesuatu isu kecil paparan media sosial tetapi cukup berpengaruh bagi penularan kenyataan berbaur kebencian sehingga berjaya merasuk pemikiran, mengganggu emosi pihak lain dan mengacau jiwa masyarakat. Kadangkala terdapat isu besar yang difikirkan boleh membawa impak besar dalam konteks penularan kenyataan berbaur kebencian tetapi tidak berlaku seperti mana yang diduga. Dalam banyak keadaan, terdapat kenyataan berbaur kebencian yang berkisar terhadap penghinaan dan fitnah, yang agak menyinggung pihak-pihak tertentu, tetapi secara relatifnya tidak merbahaya, tidak menjadi hasutan terang-terangan kepada keganasan, serangan keganasan atau boleh menyebabkan berlakunya pembunuhan (Neshkovska & Trajkova, 2018).


Akibatnya masyarakat sering kali berdepan dengan pertarungan antara realiti dan persepsi yang dibentuk oleh media sosial. Apa yang perlu diberikan perhatian, kenyataan berbaur kebencian yang biasanya bermula dalam talian boleh mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu dan akhirnya boleh membawa kepada permusuhan atau jenayah kemanusiaan yang tidak terkawal perlu dibendung dengan serius. Maka, tindakan segera dan efektif dalam memantau dan menguruskan sesuatu isu yang menyentuh sensitiviti awam di media sosial perlu ditangani dengan bijaksana dan

berhemah ibarat “menarik rambut dalam tepung supaya rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak”.

### Pendekatan Kajian

Kajian ini mengaplikasi pendekatan tinjauan literatur sistematik (SLR) melalui pendekatan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). Berdasarkan pendekatan PRISMA, beberapa prosedur perlu diikuti:

- i. Menetapkan persoalan penyelidikan yang jelas bagi membolehkan semakan literatur dilakukan secara sistematik;
- ii. Menapis artikel dengan menggunakan kriteria kemasukan;
- iii. Pengecualian untuk menyusun artikel mengikut persoalan kajian; dan
- iv. Menilai pangkalan data yang digunakan.



Rajah 1: Kerangka PRISMA

Rajah 1 menunjukkan kerangka PRISMA. Dengan menggunakan kerangka PRISMA, analisis ini membolehkan ulasan menyeluruh terhadap komponen yang berkaitan dengan kenyataan berbau kebencian bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Strategi carian telah direka dengan menggabungkan kata kunci yang menggunakan operator *Boolean seperti AND, OR, NOT*. Kata kunci yang digunakan merangkumi; “kefahaman masyarakat berkaitan kenyataan berbau kebencian di media sosial, pengaruh kenyataan berbau kebencian di media sosial terhadap tingkah laku masyarakat, kesan kenyataan berbau kebencian di media sosial kepada hubungan dan ketegangan etnik-agama dalam masyarakat, strategi dan langkah yang efektif bagi menangani isu berkaitan kenyataan berbau kebencian”. Pangkalan data yang digunakan adalah *Scopus, PUBMED, PsycArticles dan Science Direct*. Carian dilakukan pada bulan Januari 2024 hingga April 2024. Gray Literature juga dicari dan dimasukkan dalam rujukan termasuklah laporan dari media, kertas kerja penyelidikan, dokumen kerajaan, ucapan individu (pemimpin) dan sebagainya telah diambil kira untuk memperkaya hasil tinjauan literatur penerbitan.

Sebanyak 389 artikel telah dimuat turun dari pangkalan *Scopus, PUBMED, PsycArticles dan Science Direct* serta 40 dokumen yang berjaya diekstrak daripada *Gray Literature*. Daripada jumlah 429 dokumen, sebanyak 76 dokumen didapati bertindih dan dikeluarkan. Sejumlah 353 dokumen kemudiannya telah disaring. Hanya 152 dokumen yang direkodkan selepas saringan dibuat dan 201 dokumen dikecualikan kerana tidak menepati dan membincangkan mengenai kandungan berbau kebencian yang terdiri dari kefahaman, pengaruh, kesan dan juga strategi berkenaan kenyataan berbau kebencian. Sebanyak 41 artikel yang telah disemak dan dinilai dengan teliti. Jadual 1 menunjukkan senarai sebanyak 41 artikel yang dimasukkan dalam kajian SLR ini mengenai kenyataan berbau kebencian di seluruh dunia, termasuklah di Malaysia.

**Jadual 1: Senarai Artikel Yang Dimasukkan Dalam Kajian**

Bil	Artikel	Tahun	Negara	Tajuk
1	[55]	2024	Australia	<i>The Effects of Civil Hate Speech Laws: Lessons from Australia.</i>
2	[12]	2024	Amerika Syarikat	<i>Hate Speech Against Asian American Youth: Pre-Pandemic Trends and The Role of School Factors.</i>

Bil	Artikel	Tahun	Negara	Tajuk
3	[2]	2024	Jerman	<i>How Social Media Users Perceive Different Forms of Online Hate Speech: A Qualitative Multi-Method Study.</i>
4	[6]	2024	Malaysia	<i>The Influence of 3R (Race, Religion, Royalty) on the Harmony of Society in the Digital Era.</i>
5	[47]	2024	Jerman	<i>The Virality of Hate Speech on Social Media.</i>
6	[4]	2024	India	<i>Hate Speech Detection in Social Media: Techniques, Recent Trends, and Future Challenges.</i>
7	[8]	2024	Arab Saudi	<i>A Systematic Literature Review of Hate Speech Identification on Arabic Twitter Data: Research Challenges and Future Directions.</i>
8	[58]	2024	India	<i>EnsMulHateCyb: Multilingual Hate Speech and Cyberbully Detection in Online Social Media.</i>
9	[14]	2024	Malaysia	<i>Exploring the Social and Cultural Implications of Hate Speech on Facebook in Malaysia.</i>
10	[9]	2024	Malaysia	<i>Disinformation and Hate Speech: Ethnoreligious Rhetoric on TikTok during Malaysia's 15th General Election (GE15) 2022.</i>
11	[52]	2024	Pakistan	<i>Constructing Ideology through Hate: A Discourse Analysis of Pakistani Politics.</i>
12	[51]	2024	Singapura	<i>Regulating Online Hate Speech: The Singapore Experiment.</i>
13	[54]	2024	Vietnam	<i>Exploiting Hatred by Targets for Hate Speech Detection on Vietnamese Social Media Texts.</i>
14	[35]	2024	Pakistan	<i>Hate Speech on Social Media: A Study of User's Perspective.</i>
15	[7]	2024	Nigeria	<i>Fake News and Hate Speech in Nigeria's Development and Security Trajectory: A Qualitative Assessment.</i>

Bil	Artikel	Tahun	Negara	Tajuk
16	[34]	2024	India	<i>Does Centralization of Online Content Regulation Affect Political Hate Speech in A Country? A Public Choice Perspective.</i>
17	[40]	2024	Jepun	<i>The Impact of Politicians' Behaviors on Hate Speech Spread Hate Speech Adoption Threshold on Twitter in Japan</i>
18	[5]	2024	Pakistan	<i>Exploring Ethnic Discrimination and Hate Speech in Online Political Discourses: A Comprehensive Analysis from the Pakistani Context.</i>
19	[16]	2023	Amerika Syarikat	<i>Countering and Addressing Online Hate Speech: A Guide for Policy Makers and Practitioners.</i>
20	[30]	2023	Malaysia	Pelanggaran Hak Kebebasan Bersuara Melalui Penghinaan Terhadap Agama: Penilaian Kritis dari Perspektif Islam dan Undang Undang di Malaysia.
21	[36]	2023	Malaysia	Hantaran Politik Kebencian di Media Sosial: Satu Analisis ke atas Belia.
22	[45]	2022	Malaysia	Etika dan Peraturan Media Sosial: Kajian Sekatan Facebook Terhadap Media di Malaysia.
23	[39]	2021	Amerika Syarikat	<i>Trumping Hate on Twitter? Online Hate Speech in the 2016 US Election Campaign and its Aftermath.</i>
24	[19]	2021	Amerika Syarikat	<i>Racism, Hate Speech, and Social Media: A Systematic Review and Critique.</i>
25	[28]	2021	Malaysia	<i>Freedom of Speech and Expression in Malaysia: Protection Under the Federal Constitution.</i>
26	[29]	2021	Amerika Syarikat	<i>Thirty Years of Research into Hate Speech: Topics of Interest and Their Evolution.</i>
27	[38]	2021	Eropah	<i>Internet, Social Media and Online Hate Speech. Systematic Review.</i>
28	[32]	2020	Amerika Syarikat	<i>Source Magnification of Cyberhate: Affective and Cognitive Effects of Multiple-Source Hate Messages on Target Group Members.</i>

Bil	Artikel	Tahun	Negara	Tajuk
29	[48]	2020	Amerika Syarikat	<i>Online Hate Speech: Introduction into Motivational Causes, Effects and Regulatory Contexts.</i>
30	[12]	2019	Amerika Syarikat	<i>Cyberhate: A Review and Content Analysis of Intervention Strategies.</i>
31	[20]	2019	Ethiopia	<i>Extreme Speech - A Comparative Approach to Social Media Extreme Speech: Online Hate Speech as Media Commentary.</i>
32	[43]	2019	Sepanyol	<i>Online Hate Speech Against Women: Automatic Identification of Misogyny and Sexism on Twitter.</i>
33	[18]	2019	India	<i>Thou Shalt Not Hate: Countering Online Hate Speech.</i>
34	[16]	2019	Amerika Syarikat	<i>Prevalence and Psychological Effects of Hateful Speech in Online College Communities.</i>
35	[42]	2019	Amerika Syarikat	<i>Men Are Scum: Self-Regulation, Hate Speech, and Gender-Based Censorship on Facebook.</i>
36	[36]	2019	Finland	<i>Countering Hate Speech Through Arts and Arts Education: Addressing Intersections and Policy Implications.</i>
37	[52]	2018	Perancis	<i>Race, Religion, or Culture? Framing Islam Between Racism and Neo-Racism in the Online Network of the France Far Right.</i>
38	[12]	2018	Amerika Syarikat	<i>A Web of Hate: Tackling Hateful Speech in Online Social Spaces.</i>
39	[27]	2018	United Kingdom	<i>What is so Special about Online (as Compared to Offline) Hate Speech?</i>
40	[25]	2018	Amerika Syarikat	<i>Exposure to Hate Speech Increases Prejudice Through Desensitization.</i>
41	[50]	2018	Jerman	<i>Perceiving Threat and Feeling Responsible. How Severity of Hate Speech, Number of Bystanders, and Prior Reactions of Others Affect Bystanders' Intention to Counterargue Against Hate Speech on Facebook.</i>

Dalam kajian mengenai kenyataan berbaur kebencian yang terkini dari tahun 2018 sehingga 2024, pengkaji telah mengenal pasti lima domain utama, iaitu (i) kefahaman berkaitan kenyataan berbaur kebencian di media sosial; (ii) pengaruh kenyataan berbaur kebencian di media sosial terhadap tingkah laku masyarakat; (iii) kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial kepada hubungan etnik; (iv) kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial kepada agama; dan (v) strategi menangani isu berkaitan kenyataan berbaur kebencian.

Artikel bernombor (48), iaitu kajian mengenai "*Online hate speech: Introduction into motivational causes, effects and regulatory contexts*" yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2018 hampir menyamai kajian yang sedang dijalankan ini. Walaupun Malaysia terkenal dengan cabarannya yang berkaitan dengan 3R, terdapat negara lain wujudnya isu yang sama. India bergelut dengan ketegangan agama, terutamanya antara Hindu dan Islam. Selain itu, diskriminasi terhadap kasta kekal sebagai isu utama di negara tersebut. Dalam pada itu, bagi United Kingdom pula, negara tersebut mengadaptasi sistem monarki berperlembagaan, dan isu kenyataan berbaur kebencian juga sering dikaitkan dengan bangsa dan agama di negara tersebut sama seperti yang berlaku di Malaysia.


Jadual 2 adalah analisis tematik hasil kajian mengenai kenyataan berbaur kebencian berdasarkan 41 kajian yang telah dijalankan dari tahun 2018 sehingga 2024. Kefahaman berkaitan kenyataan berbaur kebencian di media sosial adalah sebanyak 19.5 peratus, pengaruh kenyataan berbaur kebencian di media sosial terhadap tingkah laku masyarakat adalah sebanyak 34.1 peratus, kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial kepada hubungan etnik adalah sebanyak 34.1 peratus, kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial kepada agama adalah sebanyak 46.3 peratus dan strategi menangani isu berkaitan kenyataan berbaur kebencian pula adalah sebanyak 78.0 peratus.

**Jadual 2: Analisis Tematik Hasil Kajian Mengenai  
Kenyataan Berbaur Kebencian**

Bil	Artikel	Tahun	Negara	Kefahaman	Pengaruh	Kesan Hubungan Etnik	Kesan Agama	Strategi
1	[55]	2024	Australia		✓			✓
2	[12]	2024	Amerika Syarikat	✓		✓	✓	
3	[2]	2024	Jerman			✓	✓	✓
4	[6]	2024	Malaysia		✓	✓	✓	
5	[47]	2024	Jerman	✓	✓			
6	[4]	2024	India			✓	✓	✓
7	[8]	2024	Arab Saudi	✓				✓
8	[58]	2024	India					✓
9	[14]	2024	Malaysia					✓
10	[9]	2024	Malaysia					✓
11	[52]	2024	Pakistan		✓			✓
12	[51]	2024	Singapura	✓				✓
13	[54]	2024	Vietnam		✓	✓	✓	
14	[35]	2024	Pakistan				✓	✓
15	[7]	2024	Nigeria			✓	✓	✓
16	[34]	2024	India		✓		✓	✓
17	[40]	2024	Jepun					✓
18	[5]	2022	Pakistan				✓	✓
19	[16]	2023	Amerika Syarikat	✓		✓	✓	
20	[30]	2023	Malaysia		✓			✓
21	[36]	2023	Malaysia		✓		✓	✓
22	[45]	2022	Malaysia		✓			✓
23	[39]	2021	Amerika Syarikat		✓	✓	✓	✓
24	[19]	2021	Amerika Syarikat		✓		✓	✓


Bil	Artikel	Tahun	Negara	Kefahaman	Pengaruh	Kesan Hubungan Etnik	Kesan Agama	Strategi
25	[28]	2021	Malaysia			✓	✓	✓
26	[29]	2021	Amerika Syarikat		✓			✓
27	[38]	2020	Eropah			✓	✓	✓
28	[32]	2020	Amerika Syarikat			✓		✓
29	[48]	2020	Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓
30	[12]	2019	Amerika Syarikat		✓	✓	✓	✓
31	[20]	2019	Ethiopia		✓			
32	[43]	2019	Sepanyol	✓				✓
33	[18]	2019	India	✓				✓
34	[16]	2019	Amerika Syarikat	✓				✓
35	[42]	2019	Amerika Syarikat				✓	✓
36	[36]	2019	Finland					✓
37	[52]	2018	Perancis					✓
38	[12]	2018	Amerika Syarikat				✓	
39	[27]	2018	United Kingdom			✓		
40	[25]	2018	Amerika Syarikat				✓	
41	[50]	2018	Jerman			✓	✓	✓

Rajah 2 menunjukkan bilangan penerbitan mengenai kenyataan berbau kebencian di beberapa negara di seluruh dunia. Berdasarkan rajah tersebut, sebanyak 17 buah negara telah menerbitkan artikel kajian mengenai kenyataan berbau kebencian. Amerika Syarikat adalah negara yang paling dominan dan menyumbang 12 artikel iaitu 29.3 peratus, diikuti oleh Malaysia sebanyak 17.1 peratus daripada jumlah artikel yang diterbitkan. India Jerman masing-masing menyumbang 4 artikel iaitu 9.8 peratus, diikuti dengan Pakistan sebanyak 7.3 peratus, serta Arab Saudi, Finland, Sepanyol, Perancis, Nigeria, Singapura, Ethiopia, United Kingdom, Vietnam, Eropah, Australia, Jepun, dengan masing-masing menyumbang sebanyak 2.4 peratus daripada jumlah keseluruhan artikel yang diterbitkan.



Rajah 2: Jumlah Penerbitan Mengikuti Negara

Rajah 3 menunjukkan tahun penerbitan mengenai kenyataan berbaur kebencian di beberapa negara di seluruh dunia. Rajah ini menunjukkan bahawa dari tahun 2018 hingga tahun 2024, terdapat banyak artikel mengenai kenyataan berbaur kebencian yang telah diterbitkan. Hanya 41 artikel telah diterbitkan dalam pangkalan data *Scopus*, *PUBMED*, *PsycArticles*, dan *Science Direct* sepanjang tempoh tahun 2018 hingga tahun 2024, dan bilangan penerbitan dalam tempoh ini adalah tidak konsisten. Ini kerana pada awal dua tahun (2018-2019) penerbitan kajian secara konsisten meningkat tetapi telah menurun dari 2020 hingga 2023, dan meningkat secara drastik pada tahun 2024.



**Rajah 3: Jumlah Penerbitan Mengikut Tahun**

**Perbincangan Kajian mengenai Kenyataan Berbau Kebencian**

Penularan, penyebaran mahupun perkongsian sesuatu kenyataan berbau kebencian di media sosial bukanlah suatu perkara baharu, malah sudah menjadi suatu kebiasaan dalam ketaksuban masyarakat di era kecanggihan teknologi maklumat dan informasi hari ini. Perkara ini turut membawa dampak terhadap perubahan masyarakat dunia umumnya dan masyarakat Malaysia spesifiknya. Hal ini seiring dengan masyarakat multietnik Malaysia yang telah melalui pelbagai paradigma perubahan melalui proses modenisasi, industrialisasi, urbanisasi, migrasi, globalisasi, demokratisasi, liberalisasi, sekularisasi, automasi dan digitalisasi, serta pelbagai lagi perkembangan canggih kontemporari. Perubahan masyarakat ini bukan sahaja membawa

pelbagai cabaran baharu dalam kelestarian realiti kehidupan tetapi turut membawa impak langsung terhadap hubungan antara masyarakat terutamanya perbezaan dari segi etnik dan agama (Esa et al., 2021). Cabaran ketara yang bersifat kontemporari khususnya menerusi penggunaan media sosial secara berleluasa ialah menularnya sesuatu kenyataan berbaur kebencian dengan begitu mudah sekali (Fernández & Johan Farkas, 2021). Penularan, penyebaran dan perkongsian sesuatu kenyataan berbaur kebencian di media sosial sekiranya tidak diberikan perhatian tuntas, sudah pasti boleh mengundang pelbagai permasalahan, membawa bahana luar jangka yang akan menjejaskan keharmonian masyarakat.

Berdasarkan kepada tinjauan literatur sistematik yang dilaksanakan ini, ternyata isu berkaitan kenyataan berbaur kebencian bukan sahaja menjadi perhatian serius di Malaysia, tetapi turut menjadi tumpuan utama di peringkat global tidak kira di mana jua sekalipun. Ironinya, wacana mengenai kenyataan berbaur kebencian berkembang secara multidimensi, meliputi aspek konseptual, empirik, perundangan, politik dan teknologi. Dari sudut takrif dan kerangka teori, beberapa karya awal menekankan persoalan normatif dan perbezaan antara kenyataan berbaur kebencian dalam talian dan luar talian, termasuk perbincangan tentang ciri khas ruang digital (Brown, 2018) serta pendekatan perbandingan terhadap “*extreme speech*” (Pohjonen, 2019). Kajian sistematik pula memetakan evolusi topik dan trend penyelidikan selama tiga dekad (Tontodimamma et al., 2021), termasuk ulasan komprehensif tentang media sosial dan kebencian dalam talian (Castaño Pulgarín et al., 2021; Matamoros Fernández & Farkas, 2021). Secara keseluruhan, persamaan utama dalam kelompok ini ialah penegasan bahawa media sosial mempercepat penyebaran kenyataan berbaur kebencian melalui logik algoritma, jaringan sosial dan anonimitas digital; namun perbezaannya terletak pada penekanan sama ada terhadap dimensi normatif (kebebasan bersuara), dimensi sosiopolitik, atau dimensi psikologi serta teknologi.

Dari perspektif kesan psikososial dan tingkah laku, banyak kajian empirikal menunjukkan bahawa pendedahan kepada kenyataan berbaur kebencian meningkatkan prejudis melalui proses penyahpekaan (Soral et al., 2018), menimbulkan kesan afektif dan kognitif terhadap kumpulan sasaran (Lee Won et al., 2020), serta memberi implikasi psikologi dalam komuniti kolej (Saha et al., 2019). Kajian terhadap remaja Asia Amerika sebelum pandemik turut menekankan faktor sekolah sebagai pemboleh ubah pelindung atau risiko (Gee et al., 2024). Dalam konteks gender dan misogini, analisis automatik

terhadap kebencian terhadap wanita memperlihatkan pola seksisme digital (Frenda et al., 2019), manakala perbincangan tentang penapisan berasaskan gender di platform seperti *Facebook* menonjolkan isu kawal selia sendiri (Nurik, 2019). Kajian pengguna pula menilai persepsi khalayak terhadap bentuk kenyataan berbaur kebencian berbeza (Schmid et al., 2024; Batool et al., 2024). Persamaannya ialah pengakuan terhadap kesan psikologi dan sosial yang nyata; perbezaannya pula terletak pada unit analisis individu, komuniti, atau platform, serta metodologi yang digunakan (eksperimen, kualitatif, analisis kandungan atau tinjauan).

Dari sudut politik dan ideologi, beberapa karya mengaitkan kenyataan berbaur kebencian dengan mobilisasi politik, nasionalisme dan retorik *etnoreligius*. Analisis kempen pilihan raya Amerika Syarikat 2016 menunjukkan dinamika kebencian di *Twitter* pasca pilihan raya (Siegel et al., 2021), manakala kajian di Jepun meneliti ambang adaptasi kenyataan berbaur kebencian berdasarkan tingkah laku ahli politik (Kim & Ogawa, 2024). Dalam konteks Perancis, pembersihan Islam antara rasisme dan neo-rasisme dianalisis dalam jaringan utama (Froio, 2018). Kajian di Pakistan dan Nigeria pula memperlihatkan pembinaan ideologi melalui kebencian dan implikasinya terhadap keselamatan negara (Akbar & Safdar, 2024; Munir & Ahmed, 2024; Liadi et al., 2024). Dalam konteks Malaysia, wacana 3R - *Race, Religion, Royalty* dilihat mempengaruhi keharmonian digital (Meerangani et al., 2024), manakala analisis terhadap GE15 menonjolkan retorik *etnoreligius* di *TikTok* (Jalli, 2024) serta kecenderungan belia terhadap hantaran politik kebencian (Basir et al., 2023). Keseluruhannya, persamaan kajian politik ini ialah pengiktirafan bahawa kenyataan berbaur kebencian menjadi instrumen kuasa; perbezaannya terletak pada struktur sistem politik, budaya dan tahap polarisasi setiap negara.

Dimensi perundangan dan dasar awam pula memperlihatkan ketegangan antara kebebasan bersuara dan keperluan kawal selia. Analisis terhadap undang-undang kebencian sivil di Australia menunjukkan kesan normatif dan praktikal perundangan (Gelber & McNamara, 2024), manakala eksperimen di Singapura menonjolkan model kawal selia yang lebih berpusat (Chen, 2024). Kajian tentang pemusatan regulasi kandungan dalam talian turut menilai kesannya terhadap kenyataan berbaur kebencian politik (Arayankalam et al., 2024). Dalam konteks Malaysia, perbincangan perlindungan kebebasan bersuara di bawah Perlembagaan Persekutuan (Mia et al., 2021), isu penghinaan agama dari perspektif Islam dan undang-undang (Ahmad, 2023),

serta sekatan *Facebook* terhadap media (Kasim et al., 2022) menunjukkan kerangka normatif yang kompleks. Di peringkat antarabangsa, panduan dasar oleh *United Nations Office on Genocide Prevention and the Responsibility to Protect* dan *Economic and Social Research Council Human Rights, Big Data and Technology Project* (2023) menggariskan pendekatan pencegahan berasaskan hak asasi. Persamaan utama ialah keperluan imbalan antara hak dan keselamatan; perbezaannya pula berkisar pada tahap intervensi negara dan model tadbir urus platform.

Literatur teknikal dan pemprosesan data menumpukan kepada pengesanan automatik serta dinamika penyebaran kenyataan berbaur kebencian. Kajian tentang “*virality*” menunjukkan bahawa kandungan kebencian memiliki ciri penyebaran tersendiri dalam jaringan sosial (Maarouf et al., 2024). Sorotan teknik pengesanan dan cabaran masa hadapan menegaskan isu bias data dan konteks budaya (Rawat et al., 2024), termasuk kajian khusus terhadap data Arab (Alhazmi et al., 2024), Vietnam (Vo et al., 2024) dan model pelbagai bahasa (Mahajan et al., 2024). Usaha awal membangunkan strategi melawan kenyataan berbaur kebencian dalam talian (Saleem et al., 2017; Mathew et al., 2019) serta intervensi pendidikan seni (Jääskeläinen, 2019) dan strategi intervensi umum (Blaya, 2019) menunjukkan pendekatan pelbagai disiplin. Kajian eksperimen tentang niat membalas hujah di *Facebook* pula menekankan faktor buruknya mesej dan tanggungjawab pemerhati (Leonhard et al., 2018). Secara keseluruhan, persamaan rentas semua artikel SLR ini ialah pengiktirafan bahawa kenyataan berbaur kebencian ialah fenomena kompleks yang memerlukan pendekatan undang-undang, sosial, politik dan teknologi secara serentak; perbezaannya pula mencerminkan variasi konteks negara, sasaran kumpulan, metodologi dan orientasi normatif terhadap kebebasan bersuara serta keselamatan sosial.

Apa yang nyata, penularan sesuatu kenyataan berbaur kebencian boleh membawa implikasi negatif yang akan menjejaskan keutuhan keselamatan negara, kestabilan politik dan akan mengeruhkan suasana kehidupan harmoni dalam sesebuah masyarakat (Mohd Mahadee, 2020; Zamri et al., 2023). Ini kerana, tinjauan literatur sistematik telah membuktikan bahawa terlalu banyak implikasi negatif berkait rapat dengan penularan kenyataan berbaur kebencian yang bakal mengundang rasa marah, tidak puas hati, benci dan dendam satu pihak terhadap pihak yang lain, ‘ibarat mencurahkan petrol ke atas api yang sedang membakar’. Dunia telah memaparkan, impak langsung sesuatu kenyataan berbaur kebencian yang tidak terkawal telah

meningkatkan ekstremisme dan keganasan seperti kes tembakan rambang di El Paso (U.S. Department of Justice, 2023), dan Buffalo di Amerika Syarikat (Nakamura, 2023), kes tembakan rambang ke atas jemaah masjid di Christchurch, New Zealand (Macklin, 2019), pengeboman gereja di Sri Lanka (WordPress, 2019) dan di Bali, Indonesia (Rahim et al., 2022), tembakan rambang rumah ibadat Yahudi Sinagog di Eropah dan pelbagai lagi kejadian yang boleh dikaitkan dengan kenyataan berbaur kebencian. Maka dengan itu, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memberikan perhatian serius dengan merangka *Strategy and Plan of Action on Hate Speech* dengan tujuan menangani permasalahan ini supaya tidak menjejaskan keselamatan global, keamanan dan kesejahteraan bersama.

Dalam konteks Malaysia, persoalan tentang hak asasi manusia semakin mendapat tempat khususnya selepas berlakunya pertukaran kerajaan pada tahun 2018 dan 2022. Banyak pihak mula bercakap tentang “*freedom of speech*” khususnya apabila pihak pemerintah memberi jaminan terhadap aspek kebebasan bersuara bagi setiap warganegara yang akan sentiasa menjadi keutamaan. Pihak pemerintah secara terbuka menegaskan bahawa setiap warganegara Malaysia bebas untuk mengemukakan pandangan, perbezaan pendapat termasuklah bebas mengkritik pihak pemerintah dengan syarat tidak menyentuh isu sensitif berkaitan 3R (*Royal, Race dan Religion*). Namun begitu, pengiktirafan tersebut menjadi suatu ‘kekeliruan’ memandangkan wujud undang-undang dan senario yang berkaitan rapat dengan “*hate speech*” atau kenyataan berbaur kebencian. Oleh sebab itu, sebahagian masyarakat Malaysia terkhalaf antara dilema “*freedom of speech*” dan “*hate speech*”.

Ada sesetengah kenyataan mahupun ucapan yang dianggap sebagai “*freedom of speech*” tetapi sebenarnya telah termasuk dalam kategori “*hate speech*” sepertimana takrifan yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kekhilafan tersebut menjadi salah satu faktor mengapa isu berkaitan dengan kenyataan berbaur kebencian semakin lama semakin sukar untuk dikawal. Perkara ini terbukti dengan apa yang ditegaskan oleh Jalli (2024), platform pemantauan kenyataan berbaur kebencian iaitu *The Centre of Independence Journalism* (CIJ) telah merekodkan terdapat sebanyak 45,404 kandungan media sosial yang berbaur kebencian semasa Pilihan Raya Umum ke-15 (Mokhtar, 2023). Keadaan ini jelas memberikan gambaran bahawa, pada musim pilihan raya, kes berkaitan kenyataan berbaur kebencian telah memuncak oleh kerana terdapat pihak yang tidak

bertanggungjawab sengaja memainkan isu ini untuk mendapatkan sokongan dan *political mileage*. Perkembangan sedemikian sekiranya tidak dikawal dengan tuntas pasti akan menimbulkan pelbagai permasalahan dan bahaya kepada kestabilan negara. Seperti mana yang diketengahkan oleh Walker (2023), sekiranya keadaan ini tidak ditangani dengan holistik, ia boleh menjejaskan kestabilan sosial dan keselamatan negara. Tambah-tambah lagi dalam konteks masyarakat multietnik Malaysia yang banyak berbeza dari segi pegangan dan pemahaman terhadap isu sensitif, terutamanya dari perspektif pendekatan dan aplikasi sesebuah parti politik yang lebih berpaksikan kepentingan etnik dan agama masing-masing.

Fenomena ini juga berkait rapat dengan penggunaan strategi politik berdasarkan ketakutan (*politics of fear*) yang telah digunakan oleh sesetengah ahli politik dan pengikut mereka untuk mempengaruhi pengundi belia khususnya menerusi platform media sosial (Jalli, 2024). Ucapan atau kenyataan yang bertujuan untuk melahirkan rasa takut, benci dan tergugat ini akan membuka jurang perbezaan yang lebih besar, boleh menimbulkan salah faham dan mewujudkan persepsi negatif dalam masyarakat multietnik (Hoi & Joh, 2023). Sebagai contoh, penularan kandungan berkaitan kejadian 13 Mei 1969 telah mencetuskan ketakutan dalam kalangan masyarakat sehingga platform *TikTok* memberi jaminan untuk melindungi netizen daripada kesan buruk akibat daripada kenyataan berbau kebencian tersebut (Zamri et al., 2023; The Centre, 2019). Ironinya, masyarakat multietnik Malaysia perlu lebih bijaksana dan menilai dengan matang sesuatu penularan isu berkaitan dengan kenyataan berbau kebencian, ada perkara yang boleh dipercayai dan banyak juga perkara yang meragukan. Pendekatan 'tak pasti jangan kongsi' yang diwar-warkan oleh pihak pemerintah seharusnya menjadi panduan bermakna dalam menelusuri era media sosial yang semakin mencengkam kehidupan masyarakat hari ini.

Sehubungan dengan itu, mekanisme kawalan holistik terus diperkasa oleh pihak pemerintah Malaysia melalui pelbagai aplikasi undang-undang sama ada secara langsung mahupun tidak. Ariffin et al., (2021) menegaskan bahawa kesalahan yang berkaitan dengan pengucapan kenyataan berbau kebencian diletakkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan Akta Hasutan 1948 (Akta 15). Kedua-dua akta sedia ada ini pada dasarnya adalah tidak spesifik dalam membendung sebarang kenyataan berbau kebencian, bersifat agak umum dan kurang difahami oleh orang awam secara holistik. Perkara ini telah menyukarkan pihak berkuasa untuk

mengambil tindakan sewajarnya dalam membendung kenyataan berbau kebencian. Maka dengan itu, dalam usaha untuk memastikan keharmonian dan ketenteraman negara sentiasa terjamin, akta atau undang-undang yang lebih spesifik atau bersasar perlu digubal dengan segera oleh pihak pemerintah bagi menangani sebarang isu berkaitan kenyataan berbau kebencian (Hakim, 2023; Teresa, 2023; Hoi & Joh, 2023).

Berdasarkan kepada sorotan literatur sistematik yang telah dilaksanakan ini juga, hasil kajian mendapati masih belum terdapat kajian terkhusus untuk mengenal pasti tahap kefahaman, pengaruh dan kesan permasalahan kenyataan berbau kebencian di media sosial dalam konteks masyarakat multietnik Malaysia. Lantaran itu, kajian ini bertepatan dilaksanakan secara komprehensif bagi tujuan untuk mengisi kelompangan tersebut. Tuntasnya, kajian sorotan literatur sistematik ini hanya memfokuskan kepada kenyataan berbau kebencian yang berlaku di Malaysia tanpa melibatkan isu berkaitan kebebasan bersuara yang lain. Kenyataan berbau kebencian dan kebebasan bersuara adalah dua perkara yang berbeza. Siregar et al. (2024) menegaskan, kenyataan berbau kebencian biasanya merujuk kepada sebarang bentuk komunikasi, sama ada lisan, tulisan atau tingkah laku, yang menghina, mencaci serta mengecam individu atau perkumpulan tertentu berdasarkan ciri-ciri seperti bangsa, etnik, agama, jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan dan ciri-ciri lain. Manakala kebebasan bersuara pula merujuk kepada prinsip yang menyokong kebebasan individu atau komuniti untuk menyuarakan pendapat dan idea mereka tanpa rasa takut akan tindakan atau sekatan oleh kerajaan (Tontodimamma et al., 2021). Lestarnya, masyarakat multietnik Malaysia perlu diberikan kefahaman yang menyeluruh tentang hak individu dalam konteks kebebasan bersuara dan pada masa yang sama jelas apakah perkara yang boleh dikaitkan dengan sesuatu kenyataan berbau kebencian, khususnya berkaitan dengan isu 3R.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur sistematik (SLR) ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis arah aliran, set data, kaedah dan ciri yang digunakan dalam kajian mengenai pengesanan kenyataan berbau kebencian dari tahun 2018 hingga 2024, bertitik tolak di peringkat global dan difokuskan dalam konteks Malaysia. Kajian ini telah memberikan pemahaman yang mendalam mengenai kenyataan berbau kebencian dalam aplikasi media sosial. Melalui kajian SLR ini, lima domain utama telah diberikan perhatian

utama, iaitu kefahaman, pengaruh, kesan terhadap hubungan etnik, kesan terhadap agama, di samping strategi untuk menangani permasalahan ini secara komprehensif. Ironinya, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada para pengkaji dan pembuat dasar, dalam usaha untuk memahami isu berkaitan dengan kenyataan berbau kebencian di era digitalisasi ini. Dengan pemahaman yang lebih mendalam terhadap elemen yang terlibat, langkah dan mekanisme strategik yang lebih efektif dapat direncana untuk menangani penyebaran kenyataan berbau kebencian di media sosial. Oleh yang demikian, hasil kajian SLR ini bukan hanya telah menyumbang kepada pengetahuan akademik, tetapi turut mengembangkan korpus ilmu sains sosial serta menyediakan landasan atau garis panduan yang kukuh kepada pihak pemerintah khususnya untuk lebih memahami dan mengambil tindakan praktikal bagi mengenal pasti punca serta mengambil pendekatan sistematik untuk menangani isu berkaitan dengan kenyataan berbau kebencian dalam masyarakat multietnik secara holistik dan efektif. Kajian ini juga mencadangkan agar pihak pemerintah mengkaji semula konteks '*freedom of speech*' dan '*hate speech*', supaya masyarakat lebih faham serta tidak terkeliru antara kedua-dua elemen tersebut, bertepatan dengan konotasi dan aplikasi undang-undang di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Artikel ini ditulis berdasarkan kepada dapatan kajian peringkat nasional yang bertajuk: Kajian Mengenai Kenyataan Berbau Kebencian di Malaysia. Penyelidikan ini dijalankan bersama Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Justeru barisan penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada IKLIN, JPNIN, KPN dan pembiaya kajian ini iaitu Kementerian Ekonomi, di bawah peruntukan Rolling Plan Keempat Tahun 2024 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Penyelidikan ini dijalankan dalam tempoh enam (6) bulan bermula 7 Disember 2023 sehingga 6 Jun 2024.

## RUJUKAN

- Ahmad, N. M. (2023). Pelanggaran hak kebebasan bersuara melalui penghinaan terhadap agama: Penilaian kritis dari perspektif Islam dan undang-undang di Malaysia. *Sains Insani*, 8(2), 257–267. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no2.497>
- Akbar, M., & Safdar, A. (2024). Exploring ethnic discrimination and hate speech in online political discourses: A comprehensive analysis from the Pakistani context. *Annals of Human and Social Sciences*, 5(1), 271–283. [https://doi.org/10.35484/ahss.2024\(5 1\)25](https://doi.org/10.35484/ahss.2024(5 1)25)
- Alhazmi, A., Mahmud, R., Idris, N., Mohamed Abo, M. E., & Eke, C. (2024). A systematic literature review of hate speech identification on Arabic Twitter data: Research challenges and future directions. *PeerJ Computer Science*, 10, e1966. <https://doi.org/10.7717/peerj-cs.1966>
- Ali, S., Jamil, M., & Urooj, A. H. (2021). In Circulation of Hatred Speeches in Educational Institutes: A Review from the Literature about the Role of Social Media. *Review of Applied Management and Social Sciences*, 4(2), 605-611. <https://doi.org/10.47067/ramss.v4i2.166>
- APHR. (2023). *Mempromosikan Naratif Positif Keatas Ungkapan Pertuturan Kebencian Terhadap Migran dan Pelarian di Malaysia*. ASEAN Parliamentarians for Human Rights.
- Arayankalam, J., Soral, P., Khan, A., Krishnan, S., & Bose, I. (2024). Does centralization of online content regulation affect political hate speech in a country? A public choice perspective. *Information & Management*, 61(2), 103919. <https://doi.org/10.1016/j.im.2024.103919>
- Ariffin, M. A. M., Nor, M. W. M., & Razak, A. A. (2021). Cyberbullying, Its Psychological Impact and the Malaysian Legal Framework: An Analysis. *Indonesian Journal of International and Comparative Law*, 8(2), 197-214
- Article 19. (2023). Countering Hate Speech Policy Note – Malaysia. <https://www.article19.org/resources/malaysia-countering-hate-speech/>
- Article 19. (February 2017). Implementing UN HRC Res 16/18 – A Framework For Inclusivity, Pluralism And Diversity. [https://www.article19.org/data/files/16\\_18\\_briefing\\_ONLINE.pdf](https://www.article19.org/data/files/16_18_briefing_ONLINE.pdf)
- Basir, S. N. M., Affandy, H. B., Khairi, M. L., Mohamed Ibrahim, S. B., Jannah Fital, S. N., & Ismail, F. (2023). Hantaran politik kebencian di media sosial: Satu analisis ke atas belia. Dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke 2 (hal. 125–139). Universiti Malaysia Perlis.
- Basmin Maarof. (2023). Impak Ucapan Kebencian: Apa Langkah Membendungnya? <https://ikram.org.my/impak-ucapan-kebencian-apa-langkah-membendungnya/>
- Batool, S., Aslam, M., & Elahi, E. (2024). Hate speech on social media: A study of user's perspective. *Journal of Development and Social Sciences*, 5(2), 303–314. [https://doi.org/10.47205/jdss.2024\(5-II-S\)30](https://doi.org/10.47205/jdss.2024(5-II-S)30)
- Bernama (07 April 2024). 1,454 Kandungan 3R dalam Media Sosial Diturunkan Setakat Ini – Teo. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2286494>
- Blaya, C. (2019). Cyberhate: A review and content analysis of intervention strategies.

- Aggression and Violent Behavior, 45, 163–172.  
<https://doi.org/10.1016/j.avb.2018.05.006>
- Brown, A. (2018). What is so special about online (as compared to offline) hate speech? *Ethnicities*, 18(3), 297–326. <https://doi.org/10.1177/1468796817709846>
- Caccavale, F., Gargalo, C. L., Gernaey, K. V. & Krühne, U. (2022). To be fair: Ethical and fair application of artificial intelligence in virtual laboratories. SEFI 2022 - 50th Annual Conference of the European Society for Engineering Education, Proceedings. European Society for Engineering Education (SEFI).
- Castaño Pulgarín, S. A., Suárez Betancur, N., Tilano Vega, L. M., & Herrera López, H. M. (2021). Internet, social media and online hate speech: Systematic review. *Aggression and Violent Behavior*, 58, Article 101608. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2021.101608>
- Chandra, R. & Y. Prihastomo, Y. (2012). *Artificial Intelligence Definition: A Review*. Master of Computer Science, University of Budi, 1–3.
- Chen, S. (2024). Regulating online hate speech: The Singapore experiment. *International Review of Law, Computers and Technology*, 38(2), 119–139. <https://doi.org/10.1080/13600869.2023.2295091>
- Esa, M. S., Muis, A. M. R. A., Ationg, R., Tamring, B. A. M., Othman, I. W. & Mokhtar, S. (2021). Kaedah dan cabaran dalam mengurus hubungan etnik di Malaysia. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 6(23), 115-124.
- Fernández, A.M. & Johan Farkas, J. (2021). Racism, hate speech, and social media: A systematic review and critique. *Television & New Media*, 22(2), 205-224.
- Frenda, S., Ghanem, B., Montes Y Gómez, M., & Rosso, P. (2019). Online hate speech against women: Automatic identification of misogyny and sexism on Twitter. *Journal of Intelligent & Fuzzy Systems*, 36(5), 4743–4752. <https://doi.org/10.3233/JIFS 179023>
- Froio, C. (2018). Race, religion, or culture? Framing Islam between racism and neo racism in the online network of the French far right. *Perspectives on Politics*, 16(3), 696–709. <https://doi.org/10.1017/S1537592718001573>
- Gee, K. A., Cooc, N., & Yu, P. (2024). Hate speech against Asian American youth: Pre-pandemic trends and the role of school factors. *Journal of Youth and Adolescence*, 53(9), 1941–1952. <https://doi.org/10.1007/s10964-024-01987-8>
- Gelber, K., & McNamara, L. J. (2024). The effects of civil hate speech laws: Lessons from Australia. *Law & Society Review*, 49(3), 631–664. <https://doi.org/10.1111/lasr.12152>
- Hakim, L. (21 September 2023). Anti-hate speech law must be balanced with right to speech, say lawyers. NST Online. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/958045/anti-hate-speech-law-must-be-balanced-right-speech-say-lawyers>
- Hoi, N. K. & Joh, T. S. (2023). Exploring the social and cultural implications of hate speech on Facebook in Malaysia. *Sains Humanika*, 16(1), 19–31.
- Jääskeläinen, T. (2019). Countering hate speech through arts and arts education: Addressing intersections and policy implications. *Policy Futures in Education*, 18(3), 344–357. <https://doi.org/10.1177/1478210319848953>

- Jalli, N. (2024). Disinformation and hate speech: Ethnoreligious rhetoric on TikTok during Malaysia's 15th general election (GE15) 2022 (Unpublished manuscript). Oklahoma State University. <https://hdl.handle.net/20.500.14446/340152>
- Kasim, A., Ismail, A., & Wiraya, C. (2022). Etika dan peraturan media sosial: Kajian sekatan Facebook terhadap media di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28), 296–315. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.728023>
- Kim, T., & Ogawa, Y. (2024). The impact of politicians' behaviors on hate speech spread: Hate speech adoption threshold on Twitter in Japan. *Journal of Computational Social Science*, 7(2), 1161–1186. <https://doi.org/10.1007/s42001-024-00268-5>
- Kuwi Hoi, N., & Shi Joh, T. (2024). Exploring the social and cultural implications of hate speech on Facebook in Malaysia. *Sains Humanika*, 16(1), 19–31. <https://doi.org/10.11113/sh.v16n1.2069>
- Lee Won, R. J., White, T. N., Song, H., Lee, J. Y., & Smith, M. R. (2020). Source magnification of cyberhate: Affective and cognitive effects of multiple source hate messages on target group members. *Media Psychology*, 23(5), 603–624. <https://doi.org/10.1080/15213269.2019.1612760>
- Leonhard, L., Rueß, C., Obermaier, M., & Reinemann, C. (2018). Perceiving threat and feeling responsible: How severity of hate speech, number of bystanders, and prior reactions of others affect bystanders' intention to counterargue against hate speech on Facebook. *Studies in Communication and Media*, 7(4), 555–579. <https://doi.org/10.5771/2192-4007-2018-4-555>
- Liadi, O. F., Lawal, M. O., & Akinrinde, O. O. (2024). Fake news and hate speech in Nigeria's development and security trajectory: A qualitative assessment. *Jurnal Pertahanan: Media Informasi tentang Kajian dan Strategi Pertahanan yang Mengedepankan Identitas, Nasionalisme dan Integritas*, 10(1), 28–38. <https://doi.org/10.33172/jp.v10i1.19369>
- Maarouf, A., Pröllochs, N., & Feuerriegel, S. (2024). The virality of hate speech on social media. *Proceedings of the ACM on Human-Computer Interaction*, 8(CSCW1), 1–22. <https://doi.org/10.1145/3641025>
- Macklin, G. (2019). The Christchurch Attacks: Livestream Terror in the Viral Video Age. *Combating Terrorism Center*. <https://ctc.westpoint.edu/christchurch-attacks-livestream-terror-viral-video-age/>.
- Mahajan, E., Mahajan, H., & Kumar, S. (2024). EnsMulHateCyb: Multilingual hate speech and cyberbully detection in online social media. *Expert Systems with Applications*, 236, 121228. <https://doi.org/10.1016/j.eswa.2023.121228>
- Matamoros Fernández, A., & Farkas, J. (2021). Racism, hate speech, and social media: A systematic review and critique. *Television & New Media*, 22(2), 205–224. <https://doi.org/10.1177/1527476420982230>
- Mathew, B., Saha, P., Tharad, H., Rajgaria, S., Singhanian, P., Maity, S. K., Goyal, P., & Mukherjee, A. (2019). Thou shalt not hate: Countering online hate speech. In *Proceedings of the 13th International Conference on Web and Social Media (ICWSM 2019)* (pp. 369–380). Association for the Advancement of Artificial Intelligence. <https://doi.org/10.1609/icwsm.v13i01.3237>

- Meerangani, K. A., Abdul Hamid, M. F., Abd Wahab, N., & Satar, A. (2024). The influence of 3R (Race, Religion, Royalty) on the harmony of society in the digital era. *International Journal of Research in Social Sciences and Humanities (IJRISS)*, 14(6), 2076–2083.
- Mia, M. T., Islam, M. Z., & Norullah, M. (2021). Freedom of speech and expression in Malaysia: Protection under the Federal Constitution. *SARJANA*, 36(2), 48–62.
- Mohd Mahadee Ismail (2020). Dinamika integrasi politik melalui kerjasama politik di Malaysia: Teras kepada tapak integrasi masyarakat multietnik. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 47(3), 332-358.
- Mokhtar, N. A. (29 Julai 2023). Ucapan berbaur kebencian, berita palsu dijangka terus 'panaskan' PRN - CIJ. *Berita Harian*. Retrieved February 1, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1132790/ucapan-berbaur-kebencian-berita-palsu-dijangka-terus-panaskan-prn>
- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi. (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, Jil. 15 (Special Issue), 24-37.
- Munir, M., & Ahmed, H. N. (2024). Constructing ideology through hate: A discourse analysis of Pakistani politics. *Annals of Human and Social Sciences*, 5(1), 660–674. [https://doi.org/10.35484/ahss.2024\(5-1\)59](https://doi.org/10.35484/ahss.2024(5-1)59)
- Nakamura, D. (2023). Gunman sentenced to life in prison for Buffalo massacre of black victims. *The Washington Post*. <https://www.washingtonpost.com/national-security/2023/02/15/buffalo-shooting-gendron-sentencing/>
- Neshkovska, S. & Trajkova, Z. (2018). The essential of hate speech. *The International Journal of Education*, 16(1), 71-80.
- Nurik, C. (2019). “Men Are Scum”: Self regulation, hate speech, and gender based censorship on Facebook. *International Journal of Communication*, 13, 2878–2898.
- Pohjonen, M. (2019). A comparative approach to social media extreme speech: Online hate speech as media commentary. *International Journal of Communication*, 13, 3088–3103.
- Rahim, R. A., Razak, M. I. A. & Pawi, A. A. (2022). Hujah perbincangan peristiwa bom Bali dalam sorotan: Satu analisis dari perspektif Islam. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 33(2), 1–20. <https://doi.org/10.51200/manu.v33i2.4116>
- Rawat, A., Kumar, S., & Samant, S. S. (2024). Hate speech detection in social media: Techniques, recent trends, and future challenges. *Wiley Interdisciplinary Reviews: Computational Statistics*, 16(2), e1648. <https://doi.org/10.1002/wics.1648>
- Saha, K., Chandrasekharan, E., & De Choudhury, M. (2019). Prevalence and psychological effects of hateful speech in online college communities. In *Proceedings of the 11th ACM Conference on Web Science (WebSci '19)* (pp. 255–264). Association for Computing Machinery. <https://doi.org/10.1145/3292522.3326032>
- Saleem, H. M., Dillon, K. P., Benesch, S., & Ruths, D. (2018). A web of hate: Tackling hateful speech in online social spaces. Dalam *Proceedings of the LREC 2016 Workshop on Text Analytics for Cybersecurity and Online Safety (TA COS 2016)* (hal. 1–9). European Language Resources Association (ELRA).

- Schmid, U. K., Kümpel, A. S., & Rieger, D. (2024). How social media users perceive different forms of online hate speech: A qualitative multi-method study. *New Media & Society*, 26(5), 2614–2632. <https://doi.org/10.1177/14614448221091185>
- Siegel, A. A., Nikitin, E., Barberá, P., Sterling, J., Pullen, B., Bonneau, R., Nagler, J., & Tucker, J. A. (2021). Trumping hate on Twitter? Online hate speech in the 2016 U.S. election campaign and its aftermath. *Quarterly Journal of Political Science*, 16(1), 71–104. <https://doi.org/10.1561/100.00019045>
- Siregar, F. S., Suprayetno, E. & Erlindawaty, E. (2024). Hate speech acts on Anies Baswedan in digital media. *Indonesian EFL Journal*, 10(1), 8-15.
- Soral, W., Bilewicz, M., & Winiewski, M. (2018). Exposure to hate speech increases prejudice through desensitization. *Aggressive Behavior*, 44(2), 136–146. <https://doi.org/10.1002/ab.21737>
- Teresa Kok. (21 Jun 2023). Fight hate speech: Need for strong laws, education. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/columns/669481>
- The Centre (2019). Malaysia Perlu Pendekatan Baru Untuk Tangani Masalah Ucapan Kebencian. (2019, November 25). Retrieved February 1, 2024, from <https://www.centre.my/post/pendekatan-baru-tangani-ucapan-kebencian>.
- Tontodimamma, A., Nissi, E., Sarra, A. (2021). Thirty years of research into hate speech: Topics of interest and their evolution. *Scientometrics*, 126, 157–179. <https://doi.org/10.1007/s11192-020-03737-6>
- U. S. Department of Justice (2023, July 7). Texas Man Sentenced to 90 Consecutive Life Sentences for 2019 Mass Shooting at Walmart in El Paso, Texas, Killing 23 People and Injuring 22 Others. Retrieved February 1, 2024, from <https://www.justice.gov/opa/pr/texas-man-sentenced-90-consecutive-life-sentences-2019-mass-shooting-walmart-el-paso-texas>
- United Nations Office on Genocide Prevention and the Responsibility to Protect, & Economic and Social Research Council Human Rights, Big Data and Technology Project. (2023). Countering and addressing online hate speech: A guide for policy makers and practitioners (Policy Paper). United Nations.
- Vo, C. N., Huynh, K. B., Luu, S. T., & Do, T.-H. (2024). ViTHSD: Exploiting hatred by targets for hate speech detection on Vietnamese social media texts (preprint). arXiv. <https://arxiv.org/abs/2404.19252>
- Walker, T. (30 Ogos 2023). Analysts: Hate speech normalized during Malaysia elections. Voice of America. <https://www.voanews.com/a/analysts-hate-speech-normalized-during-malaysia-elections-/7247592.html>
- WordPress (22 April 2019). Serangan Bom di Sri Lanka dan Kesannya terhadap Keselamatan Negara. WordPress. <https://seribuombak.wordpress.com/2019/04/22/serangan-bom-di-sri-lanka-dan-kesannya-terhadap-keselamatan-negara/>
- Zamri, N. A. K., Mohamad Nasir, N. A., Hassim, M. N. & Ramli, S. M. (2023). Digital hate speech and othering: The construction of hate speech from Malaysian perspectives. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1), 1-20. <https://doi.org/10.1080/23311983.2023.2229089> & 257

***MEDIA SOSIAL SEBAGAI  
AGEN PENGUKUHAN  
PERPADUAN: ANALISIS  
KAJIAN LEPAS***

***PENULIS:***

JAMMALUDDIN ABDUL RAHMAN,  
INTAN SOLIHA IBRAHIM

## MEDIA SOSIAL SEBAGAI AGEN PENGUKUHAN PERPADUAN: ANALISIS KAJIAN LEPAS

**JAMMALUDDIN ABDUL RAHMAN, INTAN SOLIHA IBRAHIM\***

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
jammaluddin\_abdul\_ma22@iluv.ums.edu.my

### ABSTRAK

Media sosial muncul sebagai sebuah medium alternatif paling popular berbanding televisyen dan radio. Populariti tersebut telah menyebabkan media sosial disalahguna oleh segelintir masyarakat sehingga boleh memberi impak kepada perpaduan dan keharmonian negara. Dari tragedi 13 Mei 1969 dan konfrontasi Malaysia-Indonesia, sejarah telah membuktikan bahawa media seperti radio, televisyen dan akhbar adalah penting dalam menyuntik doktrin perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan masyarakat. Namun, apabila media sosial wujud dan digunakan secara meluas oleh masyarakat dunia, isu seperti kes kematian Muhammad Adib seorang pegawai Bomba, penghinaan terhadap institusi Diraja Malaysia dan ucapan berbaur kebencian muncul dan dimanipulasi dengan rancak oleh segelintir masyarakat. Analisis terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa media sosial juga boleh digunakan bagi menyebarkan isu yang tidak tepat atau secara sengaja memutarbelit fakta mengenai agama, politik dan etnik sehingga menggugat perpaduan antara etnik. Walaupun begitu, setiap lokaliti komuniti menunjukkan kewujudan Rukun Tetangga (RT). RT mempunyai fungsi yang jelas sebagai tonggak perpaduan komuniti. Namun, dengan adanya media sosial, bagaimana RT menggunakan medium tersebut bagi tujuan meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiwaan, perpaduan dan kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup masyarakat setempat? Untuk itu, makalah ini menggunakan kaedah kualitatif dengan meneliti kajian lepas bagi memperlihatkan penggunaan media sosial dalam kalangan RT. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan media sosial dalam kalangan RT adalah penting, bagaimanapun, di Sabah kajian lepas mengenai isu ini adalah terbatas. Untuk itu, pengkaji menggariskan strategi dan cabaran yang telah dikenal pasti dalam menggunakan media sosial dalam kalangan RT bagi tujuan perpaduan.

**Kata kunci:** Media Sosial, Rukun Tetangga, Perpaduan Kaum

### ABSTRACT

*Social media has emerged as the most popular alternative medium compared to television and radio. This popularity has led to the misuse of social media by specific segments of society to the point where it can impact national unity and harmony. From the tragedy of May 13, 1969, to the Malaysia-Indonesia confrontation, history has shown that media such as radio, television, and newspapers are vital in instilling the doctrine of unity and patriotism among the people. However, with the emergence and widespread use of social media globally, issues such as the death of firefighter Muhammad Adib, insults towards the*

*Malaysian Royal Institution, and hate speech have arisen and been actively manipulated by certain groups. Analysis of previous studies shows that social media can also spread inaccurate issues or deliberately distort facts related to religion, politics, and ethnicity, thereby threatening interethnic unity. Nevertheless, in every local community, the presence of Rukun Tetangga (RT) (Neighbourhood Watch) is evident. RT clearly functions as a pillar of community unity. However, with the existence of social media, how can RT utilize this medium to enhance and strengthen neighbourhood spirit, unity, economic well-being, and quality of life of the local community? To address this, the paper adopts a qualitative method by reviewing previous studies to explore the use of social media among RT. The findings show that the use of social media among RT is important; however, in Sabah, past studies on this issue are limited. Thus, the researchers outline strategies and challenges identified in using social media among RT to foster unity.*

**Keywords:** Social Media, Rukun Tetangga, Ethnic Unity

## PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan keterhubungan digital, media sosial merupakan platform utama dalam penyaluran maklumat, membentuk wacana awam serta berupaya mempengaruhi dinamika perpaduan sosial bukan sahaja di peringkat antarabangsa, malah di Malaysia. Penggunaan media sosial yang meluas memungkinkan berlakunya pertukaran nilai serta interaksi antara komuniti global dan komuniti setempat secara lebih pantas dan terbuka. Namun, dalam keterbukaan tersebut, penggunaan media sosial boleh memberi implikasi negatif sekiranya ia dimanipulasi untuk menyebarkan ujaran kebencian, diskriminasi atau maklumat yang bersifat provokatif sehingga mencetuskan ketegangan antara kelompok masyarakat.

Media sosial merujuk kepada platform dalam talian yang membolehkan pengguna berinteraksi, berkongsi maklumat dan membina rangkaian sosial. Sejak kemunculannya, media sosial telah berkembang pesat dan menjadi elemen penting dalam kehidupan seharian serta memainkan peranan besar dalam komunikasi global. Media sosial bermula pada awal tahun 2000-an dengan pelancaran laman web seperti Friendster pada tahun 2002, MySpace pada tahun 2003 dan Facebook pada tahun 2004. Platform ini memberikan peluang kepada pengguna untuk membina profil, berhubung dengan rakan dan berkongsi maklumat. Sejak itu, media sosial terus berkembang dengan pesat. Platform baharu muncul, teknologi semakin canggih dan penggunaannya semakin meluas di seluruh dunia. Kemajuan seperti aplikasi mudah alih, algoritma pintar dan realiti maya (VR) telah menambah dimensi baharu kepada pengalaman media sosial.

Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan budaya, menunjukkan bahawa penggunaan media sosial yang tidak terkawal boleh memberi kesan yang signifikan terhadap hubungan antara etnik (Castells, 2012; UNESCO, 2017; Ahmad Ishak & Nain, 2020). Meskipun media sosial menyediakan ruang untuk memperkukuh pemahaman antara komuniti, kajian oleh Castells (2012), UNESCO (2017) serta Ahmad Ishak dan Nain (2020) menunjukkan bahawa media sosial juga berpotensi mencetuskan polarisasi dan konflik sekiranya kandungan yang disebar tidak ditapis atau menyentuh sensitiviti identiti tertentu. Oleh itu, pendekatan strategik dalam penggunaan media sosial amat penting bagi menyokong agenda perpaduan nasional. Menurut penyelidik, institusi komuniti seperti Rukun Tetangga (RT) mempunyai potensi besar untuk memanfaatkan media sosial sebagai medium komunikasi dan kolaborasi yang dapat memperkukuh jaringan sosial, semangat kejiiran serta kesejahteraan bersama di peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, makalah ini menyorot kajian lepas tentang peranan Rukun Tetangga dan penggunaan media sosial dalam pengukuhan perpaduan. Dengan kewujudan media sosial, persoalannya ialah bagaimana RT menggunakan medium tersebut bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiiran, perpaduan serta kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup masyarakat setempat.

### **Perspektif Penggunaan Media Sosial dan Perpaduan**

Pembentukan persefahaman dalam mengukuhkan perpaduan masyarakat dalam sesebuah negara bukan mudah. Pakistan, Indonesia dan Malaysia adalah contoh negara-negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum yang pada akhirnya perpaduan ini membawa kepada pembentukan ideologi dan falsafah yang boleh mempengaruhi kestabilan politik dan ekonomi. Isu ini telah dibincangkan oleh ramai sarjana seperti Misnati dan Sunarso, 2020; Siddiqi, 2022; serta Anthony, Mustafa dan Patras, 2022.

Perpaduan kaum adalah elemen penting dalam menjamin kestabilan negara dan mengekalkan keharmonian masyarakat yang berbilang etnik, seperti Malaysia. Persoalannya, kenapa ia penting dalam menjamin kestabilan negara? Menurut Majlis Keselamatan Negara (2024), apabila kestabilan politik terbentuk, ia memberi isyarat kepada pelabur dan pengusaha bahawa perniagaan tidak akan terganggu oleh konflik politik. Apabila keselamatan politik kukuh terbentuk hasil daripada perpaduan yang kukuh, ia akan mendorong pelaburan asing dan domestik. Impaknya ia akan membantu

meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Keluaran Negara Kasar (KNK). Kedua-dua indeks KDNK dan KNK adalah penting dalam memacu pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Antara tokoh atau pengkaji yang mengkaji berkaitan media sosial dan perpaduan adalah Howard Rheingold dalam karyanya *The Virtual Community* (1993) dan *Smart Mobs: The Next Social Revolution* (2002). Rheingold adalah seorang pengkaji awal yang mempelajari fenomena komuniti dalam talian dan peranan media sosial dalam menghubungkan individu di seluruh dunia. Beliau meneroka bagaimana teknologi membentuk interaksi sosial dan masyarakat. Selain itu, *Sherry Turkle* (2011) juga dalam karyanya bertajuk *Alone Together: Why We Expect More from Technology and Less from Each Other* (2011) yang meneliti impak teknologi, termasuk media sosial, terhadap hubungan manusia dan kehidupan sosial. Kajian tersebut memberi fokus kepada bagaimana media sosial mempengaruhi komunikasi dan kesejahteraan mental.


Di Malaysia, antara tokoh yang mengkaji berkaitan penggunaan media iaitu Shamsul Amri Baharuddin. Shamsul mengkaji impak media sosial terhadap budaya dan politik di Malaysia. Banyak menerbitkan kajian tentang peranan media sosial dalam mobilisasi sosial dan aktivisme dalam kalangan belia Malaysia. Selain itu, kajian juga telah dilakukan oleh Azizan Mohd Zain (2020) dari UiTM yang menjalankan kajian mengenai bagaimana media sosial mempengaruhi hubungan antara kumpulan etnik di Malaysia. Kajian tersebut meneliti peranan media sosial dalam mempromosikan perpaduan kaum dan mengurangkan ketegangan etnik.

Menurut laporan penyelidikan oleh Azizuddin, M. S. (2011), media sosial telah berkembang pesat di Malaysia sejak kemunculannya pada awal tahun 2000-an. Media sosial mula memasuki Malaysia dengan pelancaran platform-platform awal seperti Friendster (2002) dan MySpace (2003). Platform-platform ini membolehkan pengguna Malaysia mula berhubung dalam talian, berkongsi profil, dan berinteraksi dengan rakan-rakan. Seterusnya, pada tahun 2004, pelancaran Facebook oleh Mark Zuckerberg memberikan alternatif baru dan lebih menarik untuk pengguna Malaysia, yang kemudiannya menjadi salah satu platform media sosial paling popular di negara ini (Azizuddin, M. S., 2011).

Penggunaan media sosial semakin meluas, dengan ramai pengguna Malaysia mula menggunakan platform-platform ini untuk tujuan peribadi dan profesional. Kemudiannya, Facebook dan Twitter menjadi pilihan utama untuk berkongsi maklumat dan berhubung dengan orang lain (Mustafa et al., 2011). Pada tahun 2009, pelancaran YouTube dan Instagram membolehkan pengguna Malaysia memulakan aktiviti berkongsi video dan gambar, menambah dimensi baru kepada penggunaan media sosial di negara ini. Instagram dilancarkan pada tahun 2011 dan dengan cepat menjadi popular dalam kalangan pengguna Malaysia yang ingin berkongsi gambar dan video dengan cara yang lebih visual (David & Kee, 2013). Pada tahun 2013, WhatsApp merupakan aplikasi pesanan segera dan menjadi pilihan utama bagi ramai pengguna Malaysia untuk komunikasi secara peribadi mahupun berkumpulan (Ahmad & Abd. Hamid, 2013). Kelebihan seperti penghantaran mesej teks, panggilan suara, dan video secara percuma memudahkan interaksi antara pengguna. Seterusnya, pada tahun 2014, aplikasi TikTok yang merupakan platform video pendek, telah memasuki pasaran Malaysia dan telah menarik minat generasi muda dengan ciri-ciri kreatif dan mudah digunakan (Fadillah & Ibrahim, 2014).

Sejak kemunculannya, media sosial telah berkembang menjadi elemen penting dalam kehidupan harian di Malaysia, mempengaruhi pelbagai aspek komunikasi, sosial, dan politik. Dengan pertumbuhan pesat dan evolusi teknologi, media sosial terus memainkan peranan utama dalam membentuk cara rakyat Malaysia berinteraksi, mendapatkan maklumat, dan terlibat dalam masyarakat.

Berbalik kepada perpaduan, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang sering berlegar dalam masyarakat tetapi dikaitkan sebagai masalah perpaduan dalam konteks yang kurang tepat. Merujuk kepada buku Indeks Perpaduan Negara (IPNas) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (2022), melalui beberapa sesi konsultasi yang menyeluruh, pelbagai isu dan cabaran telah dibangkitkan oleh rakyat Malaysia yang dapat dikategorikan kepada 10 perkara di bawah Defisit Sosial seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah;



**Rajah 1: Defisit Sosial**

(Dipetik dan diubah suai daripada: Laporan Akhir IPNas 2022, m/s: 20)

Untuk itu, pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam mengukuhkan perpaduan negara. Antaranya adalah menerusi penggunaan media sosial oleh Rukun Tetangga (RT) iaitu suatu inisiatif di bawah Kementerian Perpaduan Negara. RT berperanan dalam memastikan keselamatan dan keharmonian di sesebuah kawasan kejiranan. Maka, media sosial dilihat sebagai sebuah alat atau agen yang berkesan untuk mempromosikan perpaduan kaum.

Artikel ini akan mengkaji bagaimana RT menggunakan media sosial untuk tujuan pengukuhan perpaduan di peringkat akar umbi, serta menilai keberkesanan dan cabaran yang dihadapi dalam mencapai usaha tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan kaedah sorotan literatur sebagai metodologi kajian untuk mengenal pasti penggunaan media sosial oleh Rukun Tetangga bagi memupuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat. Kaedah ini juga sebenarnya telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Zainuddin, M., & Nor, N. M. (2021) dalam kajian yang bertajuk Penggunaan Media Sosial dalam Rukun Tetangga: Sorotan Literatur tentang Perpaduan Kaum di Malaysia. Kajian ini menyelidik bagaimana media sosial digunakan oleh Rukun Tetangga untuk mempromosikan perpaduan kaum, serta

mengkaji hasil kajian lepas yang relevan. Selain itu, Rahim, S., & Fauziah, S. (2020) juga membuat kajian menggunakan kaedah ini. Tajuk kajian adalah Media Sosial dan Perpaduan Kaum: Analisis Sorotan Literatur Mengenai Rukun Tetangga. Pengkaji yang lainnya adalah Mohamad, N. H., & Ahmad, A. (2018) dalam kajiannya yang bertajuk Rukun Tetangga dan Media Sosial: Tinjauan Literatur tentang Interaksi Kaum di Malaysia. Seterusnya adalah kajian yang dilakukan oleh Siti Aishah, M., & Yusof, M. (2019) yang bertajuk Peranan Media Sosial dalam Mewujudkan Kesejahteraan Kaum melalui Rukun Tetangga: Satu Tinjauan Literatur.

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah tinjauan literatur iaitu menyorot kajian-kajian lepas. Tujuannya adalah untuk mengumpul, menganalisis dan mensintesis dapatan kajian terdahulu yang berkaitan tentang peranan media sosial dalam mengukuhkan perpaduan kaum. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji memahami secara mendalam berkaitan tema, trend, dan hasil kajian terdahulu yang berkaitan.

Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data dalam kajian ini yang merangkumi langkah-langkah berikut:

### 1. **Carian Sumber:**

Pengkaji mengenal pasti dan memilih sumber akademik yang berkaitan seperti artikel, jurnal, buku, persidangan dan laporan penyelidikan tentang hubungan antara media sosial, Rukun Tetangga dan perpaduan kaum.

### 2. **Kriteria Pemilihan:**

Sumber yang akan dipilih mesti memenuhi kriteria tertentu, termasuk diterbitkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, contohnya, mulai tahun 2010 sehingga tahun 2023 untuk menghasilkan perbandingan kajian yang masih relevan dan mempunyai kandungan empirikal, teori atau analitikal berkaitan media sosial, Rukun Tetangga dan perpaduan kaum.

### 3. **Pengumpulan Data:**

Pengkaji mengumpul data daripada sumber yang dikenal pasti. Ini melibatkan penggunaan petikan penting, meringkaskan penemuan kajian dan catatan tentang metodologi yang digunakan dalam kajian-kajian lepas.

Pengkaji akan menganalisis data yang diperolehi secara tematik yang melibatkan langkah-langkah berikut:

### 1. Pengkategorian:

Data yang diperoleh daripada kajian terdahulu akan dikategorikan berdasarkan tema tertentu, termasuk, sebagai contoh kesan media sosial terhadap komunikasi antara etnik, peranan media sosial dalam memupuk perpaduan kaum serta cabaran dan halangan dalam menggunakan media sosial untuk perpaduan kaum.

### 2. Sintesis:

Hasil daripada kategori ini kemudiannya disintesis untuk mencari corak dan trend yang muncul dalam literatur, serta mengenal pasti jurang penyelidikan yang akan ditentukan dalam penyelidikan masa depan.

Secara kesimpulannya, penggunaan metodologi tinjauan literatur iaitu analisis terhadap pelbagai kajian lepas untuk meneliti peranan media sosial dalam kalangan Rukun Tetangga sebagai agen pengukuhan perpaduan kaum menunjukkan bahawa media sosial bukan sahaja berfungsi sebagai platform komunikasi, tetapi juga sebagai alat yang berpotensi untuk memupuk interaksi dan pemahaman antara pelbagai kaum.

Pertama, hasil tinjauan menunjukkan bahawa penggunaan media sosial dalam konteks Rukun Tetangga membolehkan anggota komuniti berinteraksi dengan lebih cepat dan mudah. Melalui platform seperti Facebook, WhatsApp, dan Instagram, Rukun Tetangga dapat menyebarkan maklumat, mengadakan aktiviti bersama, dan meningkatkan kesedaran tentang isu-isu perpaduan kaum.

Namun, walaupun terdapat juga potensi negatif yang besar boleh berlaku dan kajian juga telah mengenal pasti beberapa cabaran. Antara isu utama yang timbul adalah literasi digital yang rendah dalam kalangan sesetengah anggota Rukun Tetangga dan penduduk. Hal ini menjadi halangan dalam memanfaatkan sepenuhnya kelebihan media sosial. Selain itu, terdapat juga risiko penyebaran maklumat palsu dan ketegangan yang mungkin timbul akibat perbezaan pandangan dalam kalangan masyarakat melalui media sosial.

Selain itu, tinjauan literatur ini juga menggariskan keperluan untuk strategi yang lebih holistik dalam menggunakan media sosial. Ini termasuk latihan literasi digital untuk anggota Rukun Tetangga dan penduduk, serta penglibatan aktif dalam menyemak dan mengesahkan maklumat sebelum disebar. Dengan pendekatan yang lebih berstruktur, media sosial dapat digunakan sebagai alat yang lebih efektif dalam mengukuhkan perpaduan antara kaum.

Secara keseluruhannya, metodologi tinjauan literatur telah membolehkan pengkaji memahami secara mendalam tentang dinamik penggunaan media sosial dalam Rukun Tetangga. Kajian ini memberi cadangan untuk penyelidikan lebih lanjut mengenai keberkesanan inisiatif yang telah dijalankan dan perlunya kajian lapangan untuk menyokong penemuan literatur. Dengan penekanan kepada kolaborasi antara pihak berkuasa, jawatankuasa Rukun Tetangga, dan masyarakat, media sosial dapat dimanfaatkan sebagai alat yang berupaya untuk memperkukuh perpaduan kaum di negara ini. Justeru, dapat dilihat bagaimana kaedah kajian menggunakan tinjauan literatur ini juga adalah relevan dalam pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data kajian berkaitan penggunaan media sosial oleh Rukun Tetangga dalam mengukuhkan perpaduan kaum kerana pengkaji-pengkaji terdahulu juga telah menggunakan kaedah ini sebagai pengumpulan data.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan media sosial oleh RT mempunyai potensi besar dalam meningkatkan keharmonian etnik, semangat kejiranan serta penglibatan masyarakat rentas budaya.

### Penggunaan Media Sosial dan Perpaduan

Kajian mengenai penggunaan media sosial dalam kalangan Rukun Tetangga (RT) sebagai agen untuk mengukuhkan perpaduan kaum telah menarik perhatian ramai penyelidik. Menurut Hudson et al. (2015), media sosial menjadi platform utama yang disenangi pengguna kerana kemampuannya untuk mempercepatkan proses komunikasi dan penyebaran maklumat. Media sosial dianggap lebih interaktif berbanding media tradisional seperti radio dan televisyen (Leonard, 2016). Ini jelas menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Namun, kajian lain yang dijalankan oleh Natasha & Zuliskandar (2020) menekankan bahawa penggunaan media sosial juga harus dipantau secara berhati-hati. Sarjana tersebut mendapati bahawa penyalahgunaan media sosial boleh menjejaskan perpaduan dan mengakibatkan salah faham dalam kalangan kaum, terutama apabila berita palsu dan ucapan kebencian tersebar dengan mudah. Ini selaras dengan pandangan Chang Peng Kee (2015), yang menggariskan sifat-sifat media sosial seperti “interactivity” dan “ubiquity”, yang memudahkan komunikasi tetapi juga berpotensi menyebarkan maklumat yang salah jika tidak dikawal dengan baik.

Kajian Mohd Syariefudin et al. (2013) di Malaysia pula menunjukkan bahawa Rukun Tetangga telah menggunakan media sosial untuk menyelaraskan aktiviti komuniti dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perpaduan kaum. Mohd Syariefudin dan rakan-rakannya (2013) mendapati bahawa media sosial berfungsi sebagai ruang awam yang membolehkan pelbagai komuniti berinteraksi, berkongsi pandangan, dan merancang aktiviti yang memupuk perpaduan. Namun, kajian ini kurang membincangkan aspek cabaran yang dihadapi oleh RT dalam mengawal selia kandungan dan memastikan interaksi yang berlaku tidak mencetuskan pertelingkahan kaum.

Sebaliknya, Fan dan Gordon (2014) berpendapat bahawa media sosial mempunyai kuasa besar dalam membentuk pendapat umum, dan ini perlu digunakan dengan bijak untuk memperkukuhkan perpaduan sosial. Mereka mencadangkan bahawa penggunaan media sosial oleh Rukun Tetangga seharusnya difokuskan kepada inisiatif positif yang mempromosikan kesefahaman antara kaum. Pandangan ini disokong oleh Gorman dan McLean (2003), yang menyatakan bahawa teknologi komunikasi memainkan peranan penting dalam pembentukan sosial, ekonomi, dan politik sesebuah negara. Oleh itu, media sosial harus digunakan secara strategik untuk membina hubungan antara masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Walaupun kebanyakan kajian bersetuju bahawa media sosial boleh menjadi alat yang berkuasa dalam memperkukuhkan perpaduan, terdapat perbezaan pandangan mengenai keberkesanannya. Kajian oleh Sohana (2016) menyatakan bahawa perkembangan teknologi telah menyumbang kepada masalah struktural dalam masyarakat yang mana kebergantungan kepada media sosial mungkin menyebabkan kurangnya interaksi fizikal antara kaum, yang penting dalam membina perpaduan jangka panjang. Ini berbeza dengan pandangan yang lebih optimistik oleh Leonard (2016) yang melihat media sosial sebagai agen yang berpotensi mempermudah dialog antara kaum.

Penggunaan media sosial dalam kalangan Rukun Tetangga (RT) sebagai agen untuk mengukuhkan perpaduan kaum semakin menjadi perhatian dalam kalangan pengkaji. Menerusi kajian Natasha dan Zuliskandar (2020), media sosial memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran perpaduan melalui interaksi yang lebih cepat dan mudah. Kedua-dua pengkaji tersebut mendapati bahawa media sosial memberi ruang kepada komuniti pelbagai kaum untuk berkomunikasi secara langsung tanpa batasan geografi, yang membantu memperkukuhkan hubungan antara kaum.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Syariefudin et al. (2013) juga menyokong pandangan ini. Mereka menekankan bahawa penggunaan media sosial oleh RT membantu dalam merancang aktiviti-aktiviti komuniti yang inklusif, sekaligus menggalakkan penglibatan aktif dari semua lapisan masyarakat. Penyelidikan ini turut menyarankan bahawa platform seperti Facebook dan WhatsApp digunakan secara meluas untuk menyebarkan maklumat mengenai program RT, yang akhirnya memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Namun, kajian oleh Siti Haslina et al. (2021) menggariskan beberapa cabaran dalam penggunaan media sosial oleh RT. Menurut kajian mereka, walaupun media sosial boleh menjadi alat yang kuat dalam meningkatkan perpaduan, terdapat risiko penyalahgunaan, terutama melalui penyebaran maklumat palsu yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum. Mereka menyarankan perlunya kawalan yang lebih ketat dan pendidikan media dalam kalangan ahli komuniti RT untuk memastikan maklumat yang disebar adalah sahih dan bermanfaat.

Perbandingan antara kajian ini dengan kajian oleh Ahmad Zaki et al., (2022) menunjukkan pandangan yang sedikit berbeza. Ahmad Zaki et al., (2022) mendapati bahawa kesan media sosial terhadap perpaduan kaum melalui RT tidak selalu positif. Dalam kajian mereka, terdapat contoh di mana perbincangan dalam kumpulan media sosial RT telah membawa kepada salah faham dan konflik kecil antara komuniti. Mereka berpendapat bahawa komunikasi secara bersemuka masih merupakan kaedah yang lebih berkesan dalam menyelesaikan masalah dan memperkukuhkan hubungan antara kaum.

Sementara itu, kajian yang lebih terkini oleh Rahim dan Fauziah (2023) memberikan pandangan yang lebih optimistik terhadap penggunaan media sosial oleh RT. Rahim dan Fauziah mendapati bahawa dengan pemantauan

yang berkesan dan garis panduan yang jelas, media sosial boleh menjadi alat yang sangat berkesan untuk meningkatkan perpaduan. Menurut kajian ini, inisiatif seperti penggunaan media sosial untuk mempromosikan nilai-nilai perpaduan dan kesefahaman antara kaum melalui video, artikel, dan perbincangan dalam talian yang positif dapat memberi impak besar dalam mengekalkan keharmonian masyarakat.

Sebagai perbandingan, kajian yang dijalankan oleh Zulkifli dan Nurul Ain (2024) menyarankan penggunaan teknologi media sosial yang lebih canggih seperti aplikasi AI dan chatbot dalam mengendalikan interaksi antara komuniti RT. Kedua-duanya menyatakan bahawa teknologi ini boleh digunakan untuk memberikan maklumat yang tepat dan memantau perbincangan yang mungkin mencetuskan perbalahan antara kaum. Teknologi tersebut juga boleh membantu dalam mengesan dan menghapuskan berita palsu yang disebarkan melalui media sosial.

Melalui perbandingan kajian-kajian ini, dapat dilihat bahawa penggunaan media sosial dalam kalangan Rukun Tetangga untuk memupuk perpaduan kaum mempunyai pelbagai manfaat, tetapi wujud cabaran yang perlu dihadapi. Walaupun Natasha dan Zuliskandar (2020) dan Mohd Syarifudin et al. (2013) berpendapat bahawa media sosial sebagai agen yang berpotensi besar dalam memperkukuhkan perpaduan kaum, kajian Siti Haslina et al. (2021) dan Ahmad Zaki et al. (2022) menunjukkan sisi negatifnya, khususnya berkaitan dengan risiko penyebaran maklumat yang tidak tepat dan konflik yang timbul akibat salah faham. Sebaliknya, Rahim dan Fauziah (2023) serta Zulkifli dan Nurul Ain (2024) memberi cadangan yang lebih strategik dengan menekankan pentingnya kawalan dan teknologi terkini untuk menangani cabaran yang dihadapi.

Kajian-kajian lepas di Malaysia, sebagai contoh, kajian oleh Nor dan Salleh (2020) mendapati bahawa media sosial membantu meningkatkan kesedaran tentang pentingnya perpaduan kaum, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Kajian Nor dan Salleh (2020) menekankan bahawa media sosial adalah alat yang berpotensi besar dalam mempromosikan perpaduan kaum, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Dengan pendekatan yang betul, media sosial boleh menjadi medium yang efektif untuk menyebarkan mesej perpaduan, menggalakkan dialog antara kaum, dan mengubah sikap negatif terhadap kepelbagaian etnik. Namun, kajian ini juga menggariskan keperluan untuk pendekatan yang lebih berstruktur dan pengawalan kandungan bagi memastikan bahawa media sosial terus menjadi platform yang memupuk

perpaduan, bukan sebaliknya. Pendidikan digital dan kesedaran kritikal tentang penggunaan media sosial juga perlu ditingkatkan dalam kalangan generasi muda.

Kajian oleh Yunus dan Ibrahim (2022) bertujuan untuk menilai bagaimana RT yang aktif menggunakan media sosial berjaya mengurangkan ketegangan etnik dan meningkatkan rasa saling hormat dalam kalangan komuniti. Kajian ini meneliti peranan media sosial sebagai platform komunikasi dan penyebaran maklumat yang boleh mempengaruhi hubungan etnik di peringkat kejrangan. Kajian menunjukkan bahawa RT yang aktif menggunakan media sosial untuk berinteraksi dengan penduduk berjaya mengurangkan ketegangan etnik dan meningkatkan rasa saling hormat dalam kalangan komuniti. Justeru, kajian Yunus dan Ibrahim (2022) menunjukkan bahawa media sosial merupakan alat yang berkesan untuk RT dalam mengurangkan ketegangan etnik dan meningkatkan rasa saling hormat dalam kalangan komuniti. Penggunaan media sosial membolehkan RT untuk mencapai komuniti dengan lebih cepat dan menyebarkan mesej perpaduan dengan lebih berkesan. Namun, kejayaan ini memerlukan kepimpinan yang berkesan, kandungan yang relevan, dan perhatian terhadap cabaran yang dihadapi. Kajian ini mencadangkan bahawa RT perlu terus memanfaatkan media sosial untuk mempromosikan perpaduan, dengan sokongan daripada latihan literasi digital dan pengurusan kandungan yang lebih baik bagi memastikan impak yang positif dan berpanjangan.

Walaupun keberkesanan ini diakui, kajian juga menunjukkan bahawa media sosial harus dilihat sebagai agen pelengkap, bukan sebagai satu-satunya strategi untuk mempromosikan perpaduan kaum. Aktiviti fizikal seperti perjumpaan komuniti, dialog antara etnik, dan program-program kesedaran harus terus menjadi fokus utama, dengan media sosial berfungsi sebagai sokongan untuk memperluas jangkauan dan meningkatkan penglibatan.

Kesimpulannya, kajian mengenai penggunaan media sosial dalam kalangan Rukun Tetangga untuk mengukuhkan perpaduan kaum memperlihatkan manfaat dan cabarannya. Walaupun terdapat kesepakatan mengenai potensi media sosial sebagai alat komunikasi yang berkesan, terdapat juga kebimbangan mengenai penggunaannya yang tidak terkawal yang boleh menjejaskan perpaduan. Kajian masa depan perlu memberi perhatian lebih kepada strategi kawal selia dan pendidikan media untuk memaksimumkan manfaat media sosial dalam konteks perpaduan kaum di Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian mengenai penggunaan media sosial dalam kalangan Rukun Tetangga untuk mengukuhkan perpaduan kaum

menunjukkan kepentingan penggunaan platform ini dengan strategi yang betul dan pemantauan yang berkesan. Walaupun terdapat potensi untuk menyemarakkan perpaduan, cabaran dalam bentuk penyebaran maklumat palsu dan konflik perlu ditangani dengan pendekatan yang lebih berhati-hati dan teknologi yang canggih.

Secara global, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa media sosial boleh menjadi alat yang berkesan dalam mengukuhkan perpaduan kaum jika digunakan dengan betul. Contohnya kajian yang telah dilakukan oleh Gagliardone et al. (2019) bertujuan untuk memahami bagaimana media sosial digunakan untuk membina naratif bersama yang dapat mempromosikan perpaduan dalam masyarakat berbilang etnik di negara-negara Afrika. Kajian ini meneliti peranan media sosial dalam membentuk identiti kolektif dan menyebarkan mesej perpaduan dalam kalangan komuniti yang pelbagai. Kajian Gagliardone et al. (2019) menunjukkan bahawa media sosial mempunyai potensi besar untuk membina naratif bersama yang dapat menyatukan masyarakat berbilang etnik di negara-negara Afrika. Namun, keberkesanan inisiatif ini bergantung kepada strategi yang digunakan, termasuk keupayaan untuk menggunakan simbol dan bahasa yang inklusif, serta peranan aktif dari influencer dan aktivis yang berpengaruh. Kajian ini mencadangkan bahawa untuk memaksimumkan potensi media sosial dalam mempromosikan perpaduan, usaha perlu ditumpukan kepada meningkatkan literasi digital, mengawal penyebaran maklumat palsu, dan memastikan akses teknologi yang lebih meluas dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Pada masa kini, media sosial telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan seharian, termasuk dalam kalangan komuniti RT. Platform seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, dan TikTok sering digunakan oleh RT untuk menyebarkan maklumat, mengatur aktiviti komuniti, dan menggalakkan interaksi antara penduduk dari pelbagai etnik. Media sosial membolehkan RT untuk berkomunikasi secara lebih cepat dan meluas, serta menjangkau pelbagai lapisan masyarakat dengan mudah. Penggunaan media sosial oleh RT membawa beberapa kesan positif dalam usaha mengukuhkan perpaduan kaum. Pertama, ia mempercepatkan penyebaran maklumat tentang aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh RT, seperti gotong-royong, sukaneka, dan sambutan perayaan yang melibatkan semua etnik. Aktiviti-aktiviti ini menjadi platform untuk penduduk berinteraksi dan memahami budaya antara satu sama lain, seterusnya mengurangkan prasangka dan stereotaip. Media sosial memudahkan penyertaan golongan muda dalam aktiviti RT. Dengan

adanya platform yang mesra pengguna dan interaktif, golongan muda lebih tertarik untuk menyertai program-program RT, yang secara tidak langsung meningkatkan kesedaran mereka tentang pentingnya perpaduan kaum. Selain itu, media sosial juga memberikan ruang kepada RT untuk mempromosikan nilai-nilai positif, seperti tolong-menolong dan menghormati kepelbagaian budaya, melalui kempen-kempen yang kreatif dan inovatif.

### **Cabaran dalam Penggunaan Media Sosial**

Berpandukan kepada analisis kajian lepas, pengkaji mendapati wujudnya cabaran-cabaran RT dalam penggunaan media sosial terhadap isu perpaduan. Salah satu cabaran utama ialah risiko penyebaran maklumat palsu atau tidak tepat yang boleh mencetuskan salah faham dan ketegangan antara kaum. Dalam sesetengah kes, media sosial boleh menjadi platform untuk menyebarkan ucapan kebencian atau provokasi yang boleh menjejaskan keharmonian kaum.

Selain itu, literasi digital yang rendah dalam kalangan sesetengah anggota RT dan penduduk juga boleh menjadi halangan dalam memanfaatkan sepenuhnya media sosial (Mustafa & Zainuddin, 2021). Tanpa kefahaman yang mencukupi tentang cara menggunakan media sosial dengan bijak, terdapat risiko bahawa platform ini boleh disalahgunakan, yang akhirnya boleh menjejaskan matlamat perpaduan yang ingin dicapai.

Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, RT perlu mengambil beberapa langkah proaktif. Pertama, penyelidik mencadangkan latihan literasi digital harus diberikan kepada semua anggota RT dan penduduk, khususnya golongan dewasa dan warga emas, untuk memastikan mereka memahami cara menggunakan media sosial secara beretika dan bertanggungjawab. RT juga boleh bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan NGO untuk menganjurkan bengkel atau seminar tentang penggunaan media sosial yang positif.

Kedua, penyelidik yakin RT perlu membangunkan garis panduan atau kod etika dalam penggunaan media sosial, yang menjelaskan peraturan dan tatacara berkongsi maklumat di platform tersebut. Garis panduan ini penting untuk memastikan bahawa semua anggota RT dan penduduk mematuhi standard yang ditetapkan, serta mengelakkan penyebaran kandungan yang boleh menyinggung sensitiviti kaum.

Ketiga, kajian ini berpandangan bahawa RT boleh memanfaatkan teknologi seperti alat pengurusan media sosial yang membolehkan mereka memantau kandungan yang dikongsi di platform-platform mereka. Ini akan membantu RT mengesan dan menghapuskan sebarang kandungan yang tidak sesuai sebelum ia menjadi isu yang lebih besar.

## RT di Malaysia

Rukun Tetangga (RT) adalah sebuah inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia untuk memupuk perpaduan, keharmonian, dan kerjasama antara penduduk di peringkat kejuruan. Rukun Tetangga bertujuan untuk membina dan memperkukuhkan hubungan antara individu dari pelbagai latar belakang etnik, budaya, dan agama dalam komuniti tempatan. Konsep ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menangani isu-isu sosial dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan masyarakat. RT mula diperkenal dan dilancarkan pada 29 Ogos 1975 di Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur di bawah Peraturan-peraturan Perlu 1975 (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2015).

Setelah 51 tahun penubuhannya, kejayaan RT bukan sahaja dalam aspek penyatuan masyarakat, malah telah mengorak langkah untuk memperkukuhkan kewujudan serta sumbangannya dalam pembangunan komuniti. RT telah berjaya menganjak peranannya sebagai pengurus, pemimpin, pemacu dan penggerak yang efektif dalam komuniti setempat. Bagi memperkukuhkan lagi peranan KRT dalam komuniti di Malaysia, Kementerian telah memperkenalkan inisiatif terbaharu iaitu Pemerksaan KRT sebagai Penggerak Masyarakat Progresif (Kementerian Perpaduan Negara, 2022).

Melalui Belanjawan 2024, sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk memperkasa peranan KRT sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti (Perbendaharaan Malaysia, 2023). Kementerian turut memberi fokus kepada lapan (8) inisiatif bagi memastikan RT berfungsi sebagai entiti penting dan inklusif serta berupaya membangun masyarakat mampan dan progresif. Inisiatif tersebut ialah keselamatan komuniti, pendidikan sepanjang hayat, ekonomi dan sara hidup, daya cipta, alam sekitar, kepimpinan, kesejahteraan hidup serta warisan dan budaya. Usaha Kementerian Perpaduan Negara dalam menggunakan media sosial untuk mengukuhkan

perpaduan menunjukkan pendekatan yang moden dan responsif terhadap cabaran perpaduan dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai (Kementerian Perpaduan Negara, 2022).

Dengan memanfaatkan media sosial, kementerian dapat menyebarkan mesej perpaduan, meningkatkan interaksi antara rakyat, dan menangani isu-isu perpaduan dengan lebih berkesan. Namun, kejayaan usaha ini memerlukan strategi yang berterusan dan penyelarasan yang baik untuk memastikan impak yang positif dan berpanjangan.

Sehingga kini, data yang diperolehi daripada Kementerian Perpaduan Negara (KPN), jumlah penubuhan RT di seluruh negara adalah hampir mencecah 8,500 RT setakat ini (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2023). Peranan RT sehingga kini masih relevan dalam penglibatan masyarakat akar umbi untuk membantu kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan dan keharmonian kaum.

### Indeks Perpaduan Negara (IPNas)

Malaysia memerlukan satu model komprehensif untuk mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara ini. Menyedari kepentingan ini, Kementerian Perpaduan Negara telah melantik pasukan penyelidik dari Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui UKM Pakarunding Sdn. Bhd. untuk melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022. Kajian IPNas 2022 ini penting dan bertepatan dengan matlamat yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 di bawah Teras Strategik 7: Modal Sosial, untuk meningkatkan persefahaman dan mewujudkan keharmonian yang berkekalan antara masyarakat berbilang kumpulan etnik dan agama di Malaysia.

Dalam usaha memperkukuh modal sosial dan perpaduan nasional untuk kemakmuran negara, Indeks Perpaduan Nasional juga merupakan salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) peringkat nasional di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12). Ia juga selaras dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. IPNas 2022 dimasukkan dalam dokumen DPN sebagai satu pengukuran kemakmuran Malaysia di peringkat nasional dengan menggunakan kaedah empirikal dan sistematik bagi memahami dan menjelaskan kedinamikan masyarakat. IPNas merupakan indeks yang

menjadi penanda aras dalam mengukur tahap pencapaian Kesepaduan Sosial dan perpaduan nasional di Malaysia.

Merujuk kepada buku laporan Indeks Perpaduan Negara (IPNas) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN), 2022, dua indeks antarabangsa yang mempunyai aspek berkaitan perpaduan diteliti dalam usaha membangunkan IPNas. Indeks berkenaan ialah Global Peace Index (GPI) dan Scanlon-Monash Index of Social Cohesion. Global Peace Index (GPI) merupakan indeks antarabangsa yang dikeluarkan oleh Institute for Economics and Peace (IEP). Fokus indeks ini terarah kepada memahami aspek keselamatan, ketenteraman dan konflik yang berlaku di dalam negara dan di peringkat antarabangsa berdasarkan penelitian terhadap 163 buah negara.

Tahap keamanan di Malaysia direkodkan mengukuh pada kedudukan ke-25 pada tahun 2018 dan menokok pada tahun 2019 pada kedudukan ke-16. Namun kedudukan ini menjunam semula ke kedudukan ke-20 dalam tahun 2020 dan kedudukan ke-23 dalam tahun 2021. Kekuatan indeks ini ialah kemampuannya untuk menggunakan pengukuran yang stabil dan sama daripada semua negara yang dikaji. Namun indeks ini terbatas kepada penggunaan maklumat berbentuk peruntukan sebagai perlambangan tahap keamanan yang dikemukakan oleh negara-negara terlibat. Malaysia kini direkodkan pada kedudukan ke-18 daripada 163 negara dalam tahun 2022 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Kedudukan Malaysia berdasarkan Global Peace Index (GPI) 2015-2022**

Tahun Penilaian	Jumlah Negara	Kedudukan Malaysia	Nilai Indeks Malaysia
2015	162	28	1.561
2016	163	30	1.648
2017	163	29	1.637
2018	163	25	1.619
2019	163	26	1.529
2020	163	20	1.525
2021	163	23	1.515
2022	163	18	1.471

(Sumber: [www.visionofhumanity.org/maps/#/](http://www.visionofhumanity.org/maps/#/))

Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion adalah indeks yang dibandingkan untuk menilai tahap Kesepaduan Sosial dalam kalangan masyarakat di Australia sejak tahun 2007 sehingga kini (2021). Kajian yang diusahakan selama 14 tahun ini menunjukkan secara purata kesemua domain Kesepaduan Sosial telah melalui proses naik dan turun beberapa mata dari tahun ke tahun. Penemuan ini mempunyai kaitan rapat dengan asas penilaian indeks yang memberi fokus kepada isu peningkatan kemasukan imigran ke negara Australia (Lihat Jadual 2). Kekuatan indeks ini ialah ia berupaya menunjukkan tahap Kesepaduan Sosial dalam pelbagai aspek yang dapat disesuaikan dengan situasi tahun semasa kajian. Indeks ini semakin berkembang pesat dalam meneroka corak kehidupan keseluruhan masyarakat di negara tersebut.

Tahap Perpaduan Rakyat Malaysia 2022 Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 mencatat skor 0.629 pada skala tahap perpaduan di antara 0.0 hingga 1.0. Skala ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu tahap perpaduan lemah (0.0–0.24), tahap perpaduan rendah (0.25–0.49), tahap perpaduan sederhana (0.50–0.74) dan tahap perpaduan tinggi (0.750–1.0). IPNas 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.062 berbanding nilai IPNas 2018 iaitu 0.567. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah sederhana dan terkawal. Peningkatan dalam nilai indeks ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia masih mampu mengukuhkan tahap perpaduan yang erat walaupun telah melalui kehidupan mencabar semasa pandemik COVID-19. Inilah bukti bahawa rakyat Malaysia mampu hidup bersama secara aman, damai dan harmoni dalam kepelbagaian masyarakat.


Kesimpulannya, IPNas 2022 telah mencapai objektif sebagai kayu pengukur tahap perpaduan penting dalam kalangan rakyat Malaysia. Usaha seterusnya adalah untuk meneliti dengan lebih berfokus komponen dan elemen dalam faktor-faktor kajian yang perlu diuruskan supaya nilai IPNas dapat ditingkatkan ke tahap lebih baik.

Jadual 2: Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion 2007–2021

Domain	2007	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Belonging	100	96.6	95.0	95.0	96.6	91.0	92.6	93.4	93.5	92.0	92.0	88.9	87.5	84.2
Worth	100	97.7	96.7	96.7	96.5	93.8	96.8	97.2	95.9	94.7	94.4	90.9	83.0	82.0
Social Justice & Equity	100	112.4	91.9	91.9	94.4	98.0	93.7	90.6	91.7	87.5	92.4	93.1	110.5	97.4
Participation	100	105.3	98.0	98.0	106.6	90.8	93.6	99.7	98.8	104.2	100.6	102.9	93.8	95.0
Acceptance & Rejection, Legitimacy	100	94.4	81.5	78.6	68.8	70.9	81.6	66.6	64.1	69.3	72.1	86.6	86.6	81.4
Average	100	101.2	92.6	92.6	94.4	88.5	89.5	92.5	89.3	88.5	89.7	89.6	92.3	88.0


(Dipetik dan diubah suai daripada: Laporan Akhir IPNas 2022, m/s: 27)

## Kesepaduan Sosial



**Rajah 2: Skor Tahap Kesepaduan Sosial di Malaysia**  
 (Dipetik dan diubah suai daripada: Laporan Akhir IPNas 2022, m/s: 9)

**Jadual 3: Skala Tahap Perpaduan**



(Dipetik dan diubah suai daripada: Laporan Akhir IPNas 2022, m/s: 9)

## KESIMPULAN

Penggunaan media sosial oleh Rukun Tetangga dalam usaha mengukuhkan perpaduan kaum menunjukkan potensi besar, namun ia juga disertai dengan cabaran-cabaran yang memerlukan perhatian. Dengan strategi yang betul, termasuk peningkatan literasi digital, pematuhan kepada garis panduan yang jelas, dan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, media sosial boleh menjadi alat yang sangat berkesan dalam mempromosikan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Namun, kejayaan ini bergantung kepada kesediaan RT dan penduduk untuk memanfaatkan media sosial secara bijak dan bertanggungjawab.

Penggunaan media sosial dalam kalangan Rukun Tetangga (RT) telah menunjukkan potensi yang signifikan dalam mempromosikan perpaduan kaum di Malaysia, namun ia juga menghadapi beberapa cabaran dan kekangan yang perlu diatasi. Media sosial, sebagai alat komunikasi yang cepat dan meluas, menawarkan platform yang efektif untuk meningkatkan interaksi antara komuniti berbilang etnik dan mempromosikan nilai-nilai perpaduan.

Pertama, media sosial menyediakan saluran yang berkesan untuk RT menyebarkan maklumat dan menganjurkan aktiviti yang melibatkan pelbagai kumpulan etnik. Melalui platform seperti Facebook, WhatsApp dan TikTok, RT dapat mempromosikan acara-acara yang menggalakkan integrasi sosial, seperti majlis perayaan bersama, program kebudayaan dan aktiviti komuniti. Ini tidak hanya meningkatkan penglibatan, tetapi juga menggalakkan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dalam kalangan ahli komuniti.

Kedua, media sosial memudahkan komunikasi dua hala yang lebih terbuka dan interaktif. Kumpulan-kumpulan dalam RT dapat menggunakan media sosial untuk berbincang tentang isu-isu sensitif, mengatasi prasangka, dan membina pemahaman yang lebih baik antara etnik. Platform ini membolehkan perbincangan yang lebih inklusif dan membina, serta memberikan ruang untuk menangani isu-isu yang mungkin timbul dalam interaksi seharian.

Namun, terdapat beberapa cabaran utama yang perlu diperhatikan. Salah satu cabaran utama adalah risiko penyebaran maklumat palsu atau bias yang boleh mewujudkan ketegangan kaum. Media sosial boleh menjadi medan bagi berita palsu dan propaganda yang menyebarkan stereotaip negatif dan menggalakkan ketegangan antara etnik. Oleh itu, RT perlu memastikan

bahawa maklumat yang dikongsi adalah tepat dan berdasarkan fakta, serta menyediakan panduan untuk menguruskan isu-isu tersebut secara berkesan.

Selain itu, cabaran lain termasuk ketidakmampuan segelintir anggota komuniti untuk mengakses atau menggunakan media sosial dengan berkesan. Ini boleh menyebabkan jurang digital yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti RT. Usaha perlu diambil untuk memastikan aksesibiliti dan literasi digital dalam kalangan semua ahli komuniti.

Secara keseluruhan, media sosial mempunyai potensi yang besar untuk menyokong dan mengukuhkan perpaduan kaum melalui Rukun Tetangga, tetapi kejayaannya bergantung pada penggunaan yang bijak dan strategik. RT perlu melaksanakan pendekatan yang teliti dalam menggunakan media sosial untuk mempromosikan perpaduan, memastikan penglibatan yang inklusif, dan menangani cabaran-cabaran yang mungkin timbul. Dengan pelaksanaan strategi yang berkesan dan pemantauan yang berterusan, media sosial boleh menjadi alat yang berkuasa dalam membina komuniti yang lebih harmoni dan bersatu.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. (2004). Majlis Gerakan Negara (MAGERAN): Sejarah dan peranan dalam menangani Peristiwa 13 Mei. *Jurnal Sejarah dan Kebudayaan*, 15, 23–34.
- Abdul Rahman, S., & Tan, E. J. (2023). Penggunaan media sosial yang berkesan untuk keharmonian etnik: Pendekatan dan pengajaran Rukun Tetangga. *Jurnal Hal Ehwal Awam*, 25(3), 140–157.
- Ahmad, N., & Ab Hamid, M. R. (2013). The use of WhatsApp in Malaysia: A study of the usage and attitude among young adults. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Ahmad Zaki, S., Nur Izzati, R., & Fauziah, M. (2022). Social media and community cohesion: A study on Rukun Tetangga in urban areas. *Journal of Community Studies*, 17(1), 34–48.
- Anthony, N., Mustafa, G., & Patras, S. (2022). National unity and cohesion in Pakistan: A critical assessment of the Constitution 1973. *Journal of South Asian Studies*, 309–322.
- Azizan, M. Z. (2020). Effect of social media on the tolerance of multicultural society in Malaysia. *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*.
- Aziz, R., & Chai, S. Y. (2020). Strategi komunikasi digital dalam mempromosikan multikulturalisme: Kajian kes inisiatif Rukun Tetangga. *Jurnal Antarabangsa Hubungan Interkultur*, 14(2), 93–111.
- Azizuddin, M. S. (2011). *Media and social change in Malaysia* (Laporan penyelidikan). Universiti Utara Malaysia.

- Baharuddin, S. A. (2020). The impact of social media on culture and politics in Malaysia. *Journal of Asian Studies*, 22(4), 567–589.
- Castells, M. (2012). *Networks of outrage and hope: Social movements in the Internet age*. Polity Press.
- Chang, P. K. (2015). Ciri-ciri media sosial seperti interactivity, ubiquity, asynchronous, demassification, digitisation dan convergence yang menyumbang kepada peningkatan penggunaan media sosial. *Journal of Social Media Studies*, 10(4), 45–62.
- David, M. K., & Kee, C. P. (2013). Instagram and the Malaysian youth: A preliminary study on motivations and gratifications. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 99–114.
- Fadillah, N. M., & Ibrahim, N. (2014). The rise of TikTok: A study on the impact of short-video apps on Malaysian youth. *Journal of Media and Communication Studies*.
- Fan, D., & Gordon, W. (2014). Media power in the digital age: Social media as a tool for social unity. *Journal of Digital Media and Society*, 12(3), 123–145.
- Gagliardone, I., Strelau, N., & Aynekulu, G. (2019). A tale of two publics? Online politics in Ethiopia's elections. *Journal of Eastern African Studies*, 13(1), 192–213.
- Gorman, M., & McLean, R. (2003). Technological change and social impacts: How media shapes society. *Sociology and Technology Review*, 5(2), 56–70.
- Hudson, S., Roth, M., Madden, T. J., & Hudson, R. (2015). The impact of social media on society: A comparative analysis. *Media and Society Journal*, 21(1), 78–99.
- Ibrahim, S. A. (2023). Social media as a tool for promoting ethnic harmony in Malaysia. *Journal of Social Media Studies*, 18(2), 123–145.
- Ismail, M., & Hassan, S. (2018). Peranan media sosial dalam pembinaan komuniti dan integrasi etnik. *Jurnal Kajian Media Sosial*, 10(2), 45–67.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2015). *Sejarah penubuhan Rukun Tetangga*. Kuala Lumpur: JPNIN.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2023). *Statistik penubuhan Rukun Tetangga di Malaysia*. Kuala Lumpur: JPNIN.
- Kamaruddin, A., & Jamil, N. (2021). Meningkatkan kohesi sosial melalui platform digital. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, 13(3), 102–121.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2022). *Pemeriksaan Kawasan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Masyarakat Progresif*. Kuala Lumpur: Kementerian Perpaduan Negara.
- Leonard, A. (2016). Social media as a catalyst for public discourse and social change. *Journal of Communication and Society*, 18(2), 90–105.
- Mohd Noor, N. (2010). Peristiwa 13 Mei 1969 dan kewujudan Rukun Tetangga. *Jurnal Sejarah*, 19, 45–58.
- Mohd Syarifudin, A., Abdul Rahman, R., & Zakaria, Z. (2013). The role of neighbourhood committees in promoting social cohesion. *Malaysian Journal of Social Policy*, 7(1), 45–65.
- Mustaffa, N., Ibrahim, F., Ahmad, F., Kee, C. P., & Mahmud, W. A. W. (2011). Diffusion of innovations: The adoption of Facebook among youth in Malaysia. *The Public Sector Innovation Journal*, 16(3), 1–15.

- Natasha, M. A., & Zuliskandar, M. A. (2020). Peranan media sosial dalam meningkatkan kesedaran perpaduan. *Asian Journal of Social Science*, 10(9), 517–525.
- Nor, H. M., & Salleh, S. (2020). Strategi penglibatan digital Rukun Tetangga. *Jurnal Pembangunan Komuniti Antarabangsa*, 12(3), 112–130.
- Rahim, S., & Fauziah, S. (2023). Peranan media sosial dalam memupuk perpaduan kaum. *Jurnal Penyelidikan Komunikasi*, 19(2), 76–90.
- Rheingold, H. (1993). *The virtual community*. Addison-Wesley.
- Turkle, S. (2011). *Alone together: Why we expect more from technology and less from each other*. Basic Books.
- UNESCO. (2017). Youth and violent extremism on social media: Mapping the research. UNESCO Publishing.
- Yunus, A. R., & Ibrahim, F. (2022). Memanfaatkan media sosial untuk penglibatan belia. *Jurnal Belia dan Masyarakat*, 18(2), 55–72.
- Zain, A. M. (2021). The impact of social media on ethnic relations in Malaysia. *Journal of Malaysian Studies*, 16(3), 234–250.
- Zulkifli, H., & Nurul Ain, S. (2024). Masa depan media sosial dalam mempromosikan kesejahteraan komuniti. *Jurnal Teknologi dan Masyarakat*, 15(1), 65–83.

**AMALAN TERBAIK  
(BEST PRACTICES)  
PEMANGKIN FAKTOR  
KESEPADUAN SOSIAL DI  
SABAH DAN SARAWAK**

***PENULIS:***

SURAYA SINTANG, ASSIS KAMU,  
AWANG AZMAN AWANG PAWI,  
NOVEL LYNDON, LUCY SEBLI,  
EKO PRAYITNO JOKO,  
BUDI ANTO MOHD. TAMRING,  
ESTHER JAWING, BUDI ANTO MOHD.  
BILLY ANAK VALENTINE JIHIR,  
HARU RAMA THEVER A/L SUPPIAH,  
MUHAMMAD ISMAIL AMINUDDIN

## AMALAN TERBAIK (BEST PRACTICES) PEMANGKIN FAKTOR KESEPADUAN SOSIAL DI SABAH DAN SARAWAK

**Suraya Sintang<sup>1</sup>, Assis Kamu<sup>2</sup>, Awang Azman Awang Pawi<sup>3</sup>, Novel Lyndon<sup>4</sup>, Lucy Sebli<sup>5</sup>, Eko Prayitno Joko<sup>6</sup>, Budi Anto Mohd. Tamring<sup>7</sup>, Esther Jawing<sup>8</sup>, Billy Anak Valentine Jehir<sup>9</sup>, Haru Rama Thever A/L Suppiah<sup>10</sup>, Muhammad Ismail Aminuddin<sup>11</sup>**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah<sup>1</sup>, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sabah<sup>2</sup>, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya<sup>3</sup>, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>4</sup>, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak<sup>5</sup>, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah<sup>6</sup>, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah<sup>7,8</sup>, Bahagian Perhubungan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara<sup>9,10,11</sup>

Penulis Penghubung: suraya@ums.edu.my

### ABSTRAK

Malaysia terbentuk melalui gabungan wilayah Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dengan keadaan corak masyarakatnya yang pelbagai etnik merentasi kedudukan geografi dan budaya. Kepelbagaian etnik dengan budaya yang rencam merupakan antara cabaran Malaysia dalam membentuk kesepaduan sosial dan melahirkan masyarakat majmuk yang harmoni. Namun begitu, masyarakat Sabah dan Sarawak digambarkan sebagai model perpaduan negara kerana berupaya meraikan kepelbagaian dalam struktur sosial masyarakat yang rencam. Persoalan pokok yang ingin dibincangkan ialah apakah faktor pemangkin kesepaduan sosial di Sabah dan Sarawak sehingga kedua-dua negeri ini begitu menonjol dalam mempamerkan kesatuan dalam kepelbagaian. Makalah ini bertujuan membincangkan amalan terbaik (best practices) yang menjadi pemangkin kepada faktor kesepaduan sosial di Sabah dan Sarawak. Pengumpulan data kualitatif dilakukan menggunakan teknik temu bual mendalam dan Perbincangan Kumpulan Berfokus (Focus Group Discussion/FGD) daripada pelbagai agensi kerajaan dan pemimpin masyarakat. Hasil daripada kutipan data, selanjutnya ditranskripsikan dan dianalisis secara tematik menggunakan perisian ATLAS.ti. Dapatan kualitatif menunjukkan tema tertinggi amalan terbaik yang menjadi faktor pemangkin kesepaduan sosial ialah saling menerima di samping amalan lain seperti saling menghormati, toleransi, saling memahami, saling bersatu, bersikap terbuka, saling merayakan dan saling berinteraksi. Kajian merumuskan sikap penerimaan terhadap perbezaan yang wujud antara masyarakat yang berbeza agama dan budaya di Sabah dan Sarawak merupakan kekuatan dan faktor penyumbang yang memangkinkan kesepaduan sosial terus kukuh dan bertahan sebagai satu cara hidup masyarakat di kedua-dua negeri ini. Impak kajian ini mampu memberi sumbangan penting dalam mengetengahkan nilai amalan terbaik masyarakat Sabah dan Sarawak yang boleh diteladani masyarakat majmuk di Malaysia agar kesepaduan dan keharmonian dapat terus terpelihara dan dikekalkan sebagai imej negara.

**Kata kunci:** Amalan terbaik, Kesepaduan Sosial, Sabah, Sarawak, Saling Menerima

## ABSTRACT

*Malaysia was formed through the amalgamation of Peninsular Malaya, Sabah, and Sarawak, each with diverse multi-ethnic communities across different geographical and cultural settings. This ethnic diversity with its complex cultural patterns is one of Malaysia's key challenges in building social cohesion and fostering a harmonious plural society. Nevertheless, the communities of Sabah and Sarawak are often portrayed as national models of unity for their ability to embrace diversity within their intricate social structures. The central question addressed in this paper is: what are the catalyst factors that strengthen social cohesion in Sabah and Sarawak, enabling these two states to stand out in demonstrating unity in diversity? This article aims to discuss the best practices that serve as catalysts for social cohesion in Sabah and Sarawak. Qualitative data were collected using in-depth interview techniques and Focus Group Discussions (FGDs) involving various government agencies and community leaders. The collected data were subsequently transcribed and thematically analysed using ATLAS.ti software. The qualitative findings indicate that the most prominent theme of best practices contributing to social cohesion is mutual acceptance, alongside other practices such as mutual respect, tolerance, mutual understanding, unity, openness, mutual celebration, and interaction. The study concludes that the attitude of accepting differences among communities of various religions and cultures in Sabah and Sarawak is a key strength and a contributing factor that continues to reinforce social cohesion as a way of life in both states. The implications of this study highlight the importance of showcasing the best practices of Sabah and Sarawak communities as exemplary values for Malaysia's plural society, helping to preserve and sustain unity and harmony as part of the nation's identity.*

**Keywords:** Best Practices, Social Cohesion, Sabah, Sarawak, Mutual Acceptance

## PENGENALAN

Kesepaduan sosial merupakan salah satu indikator yang menggambarkan hubungan harmoni dalam masyarakat majmuk. Kesepaduan sosial dalam konteks Malaysia menjelaskan wujudnya ikatan sosial dan kedekatan hubungan yang terjalin melalui interaksi positif dan penyertaan masyarakat dalam pelbagai aktiviti dalam suasana aman dan harmoni. Sesungguhnya kesepaduan sosial telah dicapai dan kini dinikmati sebagai satu cara hidup masyarakat Malaysia, namun secara umumnya masyarakat kita dikatakan bercampur, tetapi tidak bergabung. Andaian ini mungkin tepat sekiranya dilihat dalam konteks masyarakat majmuk di Semenanjung, namun mungkin boleh diperhalusi perbincangannya sekiranya dilihat dalam konteks masyarakat Sabah dan Sarawak yang berupaya mempamerkan kesatuan dalam kepelbagaian.

Situasi ini secara umumnya boleh dibuktikan melalui sikap toleransi yang diamalkan secara berleluasa dan boleh dikatakan agak tinggi, serta amalan perkahwinan campur sehingga membentuk keluarga yang berbeza etnik dan agama, tinggal sebumbung dan makan bersama. Amalan seumpama ini merupakan antara amalan terbaik yang dikenal pasti sebagai faktor pemangkin kepada kesepaduan sosial di Sabah dan Sarawak. Makalah ini bertujuan membincangkan dapatan empirikal secara kualitatif mengenai amalan terbaik yang dipraktikkan oleh masyarakat Sabah dan Sarawak sehingga masyarakat ini sering dijadikan model perpaduan di Malaysia.

## **LATAR BELAKANG MASYARAKAT SABAH DAN SARAWAK**

Sabah dan Sarawak atau Malaysia Timur terletak di kepulauan Borneo yang merupakan kepulauan ketiga terbesar di dunia dan terpisah dari Semenanjung oleh Laut China Selatan. Berbanding Semenanjung, kedua-dua negeri ini mempunyai kurang penduduk dan kurang aktiviti perindustrian, tetapi tanahnya lebih luas dan mempunyai lebih banyak sumber semula jadi terutamanya kayu balak, minyak dan gas. Sarawak menawarkan kepelbagaian sejarah, budaya dan tarikan semula jadi, manakala Sabah menggamit pengunjungnya dengan kepelbagaian hidupan liar, pulau dan pantai yang indah. Sarawak dan Sabah merupakan negeri terbesar dan negeri kedua terbesar di Malaysia, masing-masing dengan keluasan 124,450 km persegi dan 73,620 km persegi berbanding Semenanjung dengan jumlah keluasan 130,590 km persegi (iaitu 40 peratus daripada jumlah keluasan tanah di Malaysia) (Laman Sesawang MAVCOM). Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), penduduk Sarawak berjumlah 2.51 juta dan Sabah 3.59 juta orang.

Pembentukan negeri Sabah dan Sarawak, dan latar belakang penduduknya mempunyai sejarah dan keunikannya tersendiri sebelum bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 (Siti Aidah et al., 2022). Pembentukan Malaysia tidak menyebabkan identiti kepelbagaian etnik yang wujud di Sabah dan Sarawak sejak zaman pra-kolonial terhapus, tetapi ciri kepelbagaian etnik masyarakat peribumi Sabah-Sarawak memberikan dimensi tambahan yang agak unik kepada ciri kepelbagaian etnik di Malaysia (Kntayya dan Paul, 2012). Identiti peribumi atau Orang Asal merupakan keunikan yang membentuk struktur masyarakat Sabah-Sarawak dan nilai yang diamalkan berbeza jika dibandingkan dengan masyarakat di Semenanjung Malaysia.

Sabah sebagai salah satu daripada unit politik yang membentuk Malaysia mempunyai sejarah ketamadunan yang tersendiri, sekali gus mempunyai pengalaman sejarah yang berbeza dengan Semenanjung. Genealogi sejarah memperlihatkan Sabah suatu ketika dahulu pernah berada di bawah penguasaan Kesultanan Brunei, Kesultanan Sulu dan Kesultanan Bulungan serta mengamalkan sistem pembesar bebas dan politik kesukuan. Melalui pengaruh Kesultanan Brunei membolehkan ajaran Islam disebarkan melalui pantai Barat Sabah manakala, Kesultanan Sulu dan Bulungan pula mengembangkannya di pantai Timur Sabah. Sementara itu, politik kesukuan yang diamalkan di kawasan pedalaman Sabah membolehkan kepercayaan tradisi mereka dikekalkan sehingga kedatangan penjajah Barat yang kemudiannya menyebarkan ajaran Kristian. Pengaruh agama Islam hanya berlegar di sekitar kawasan pesisir sahaja, sedangkan penganut Kristian pula mendominasi kawasan pedalaman dan berlanjutan sehingga kini.

Keadaan ini secara tidak langsung membentuk sejarah kebudayaan yang berbeza antara masyarakat pesisir dan pedalaman, lalu diidentifikasi sebagai Bumiputera Islam dan Bumiputera Bukan Islam. Meskipun perkembangan sebegini memperlihatkan berlakunya sempadan etnik antara kumpulan etnik di Sabah berdasarkan perbezaan budaya dan kepercayaan, namun secara realitinya perkara tersebut tidak berlaku. Keadaan ini disebabkan keterhubungan antara masyarakat Sabah sentiasa terjalin serta bersifat simbiosis akibat tuntutan ekonomi dan diperlihatkan sejak era Kesultanan dan berlanjutan sehingga Malaysia dibentuk. Keterhubungan antara masyarakat pesisir dengan pedalaman Sabah turut didokumentasikan dalam catatan Barat dengan menyatakan peranan Tamu yang bukan sahaja sebagai pusat ekonomi, tetapi juga pusat silang budaya antara masyarakat Bumiputera Islam dan Bukan Islam. Justeru, kewujudan Tamu antaranya di Kota Belud, Tamparuli, Tenom dan Kota Kinabalu menjadi pusat pertemuan antara kumpulan etnik Brunei, Bajau dan Jawa dengan kumpulan etnik Murutik dan Dusunik (Laporan Interim Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial di Sabah dan Sarawak, 2024).

Pengalaman dalam perhubungan yang baik antara masyarakat majmuk di Sabah ini turut dipengaruhi oleh kewujudan Bandar Estet yang menempatkan buruh Indonesia sebagai pekerjaannya. Syarikat Borneo Utara British (SBUB) cenderung mengambil etnik Jawa untuk dijadikan buruh di estet getah di bahagian pantai Barat dan Pedalaman Sabah manakala di bahagian pantai timur Sabah pula didominasi oleh masyarakat Bugis dari Sulawesi dan orang

Timor dari Nusa Tenggara, Indonesia. Pada kebiasaannya, di estet getah ini bukan hanya menempatkan pekerja dari Indonesia, tetapi juga masyarakat tempatan seperti Dusun dan Bajau yang menjadikan Bandar Estet sebagai sumber perekonomian baharu mereka. Keadaan ini secara tidak langsung membolehkan wujudnya perhubungan antara masyarakat Bumiputera Islam dengan Bukan Islam dan antara orang asal dengan orang luar, sekaligus mengurangkan sentimen perkauman dan keagamaan antara masyarakat majmuk sehingga kini.

Keterhubungan antara kumpulan etnik berlainan budaya dan agama bukanlah suatu fenomena baharu di Sabah, sebaliknya merupakan lanjutan daripada era pemerintahan sebelumnya. Pengalaman ini kemudiannya terus diamalkan selepas Malaysia dibentuk sehingga membolehkan keharmonian dalam kalangan masyarakatnya terus berjalan dan dianggap bersesuaian dengan karakter etos bangsa yang berusaha diwujudkan melalui Bangsa Malaysia. Justeru, dapat disimpulkan bahawa pengalaman sejarah sedemikian yang membolehkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Sabah lebih terserlah sifatnya serta memberikan nilai tambah yang agak unik kepada ciri kepelbagaian etnik di Malaysia. Sabah mempunyai demografi penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama serta kaya dengan warisan budaya yang unik. Jadual 1 menunjukkan senarai kumpulan etnik peribumi Sabah.

Jadual 1: Kumpulan Etnik Peribumi Sabah

72 kumpulan Etnik dan Sub-Etnik Peribumi di Sabah			
1. Abai	19. Kolod	37. Pingas	55. Tangara
2. Alumbia	20. Dkoior	38. Rumunan	56. Tatana
3. Baukan	21. Kwijau	39. Rungus	57. Tidung
4. Bisaya	22. Lingkabau	40. Selungkai	58. Timugon
5. Binggi	23. Liwan	41. Sembakung	59. Tinagas
6. Bundu	24. Lobu	42. Serudung	60. Tindal
7. Dumpas	25. Lotud	43. Sinambu	61. Tobilung
8. Dusun	26. Liba	44. Sinandapak	62. Tolinting
9. Gana	27. Lundayo	45. Sinoprupu	63. Tombonuo
10. Garo	28. Makiang	46. Sonsogon	64. Tuhawan
11. Gonsomon	29. Malapi	47. Sukang	65. Tutung
12. Idahan	30. Begahak	48. Sukpan	66. Brunies
13. Kadazan	31. Minokok	49. Sudayo	67. Bajau
14. Kalabakan	32. Murut	50. Sungai	68. Belangingi / Balanguingui
15. Kavananan	33. Naaboi	51. Tagahas	69. Cocos
16. Kedayan	34. Nulu	52. Tagalong	70. Iranuns
17. Kimaragang	35. Paitan	53. Tagol	71. Cagayan
18. Kolobuan	36. Paluan	54. Talantang	72. Suluk

Sumber: Budi Anto (2021) dan Laporan Interim Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial di Sabah dan Sarawak (2024)

Sarawak merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian barat laut pulau Borneo-Kalimantan. Catatan awal mengenai Brunei pada abad ke-16 menyebut tentang sebuah kerajaan yang kuat dan kaya meliputi kawasan Sarawak di barat hingga ke Manila di sebelah utara. Menjelang abad ke-19, Brunei menjadi lemah akibat daripada pertelingkahan sesama sendiri. Sejarah kolonial negeri Sarawak bermula dengan ketibaan James Brooke di Kuching dalam tahun 1839. Pada masa itu Sarawak masih di bawah pentadbiran

Kesultanan Brunei. Bermula tahun 1841, keluarga Brooke memperoleh kuasa pentadbiran di negeri Sarawak daripada kesultanan Brunei dan membayar baginda sejumlah \$2500 setahun, dengan mengasaskan Dinasti Brooke. Pentadbiran Brookes di Negeri Sarawak berlanjutan sehingga 1941 apabila Raja Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946, iaitu selepas Jepun menyerah kalah. Justeru, negeri Sarawak telah menjadi tanah jajahan kerajaan British mulai dari 1 Julai 1946 sehingga Sarawak menyertai persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 (Ling, 2009).

Sarawak memiliki landskap semula jadi yang dihuni oleh masyarakat majmuk yang memiliki latar belakang etnik, adat resam, kepercayaan dan agama yang pelbagai. Jadual 2 menunjukkan etnik peribumi Sarawak.

**Jadual 2: Kumpulan Etnik Peribumi Sarawak**

1. Melayu Sarawak	16. Bakong	31. Jagoi	46. Jamok	61. Tutong
2. Melanau	17. Miriek	32. Lakiput	47. Sebop	62. Tanjong
3. Kedayan	18. Dali	33. Kajang	48. Seduan	63. Tatau
4. Iban atau Sea Dayak	19. Segan	34. Kejaman	49. Sekapan	64. Taup
5. Bidayuh atau Land Dayak	20. Bisaya	35. Kanowit	50. Segalang	65. Ukit
6. Kayan	21. Berawan	36. Lirong	51. Sihan	66. Unkop
7. Kenyah	22. Belot	37. Lemanak	52. Seping	67. Ulu Ai
8. Murut atau Lun Bawang	23. Bhuket atau Ukit	38. Lahanan	53. Saribas	68. Toraja
9. Kelabit	24. Balau	39. Lisum atau Lugum	54. Sebuyau	69. Timor
10. Punan	25. Batang Ai	40. Matu	55. Skrang	70. Menado
11. Penan	26. Batu Elah	41. Memaloh	56. Saban	71. Manura
12. Tring	27. Baketan	42. Melikin	57. Selakan	72. Batak
13. Logat	28. Bintulu	43. Melaing	58. Selako	73. Pathan
14. Bah Mali	29. Badeng	44. Ngorik atau Murek	59. Tagal	74. Tongans
15. Narom	30. Dusun	45. Memondo	60. Tabun	-

Sumber: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (2023) diubah suai daripada Rousseau (1974) dan Laporan Interim Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial di Sabah dan Sarawak (2024)

Pembentukan masyarakat Sarawak berkembang dalam empat fasa utama yang saling berkaitan. Fasa pertama iaitu fasa sosio-budaya yang mencerminkan perubahan dalam gaya hidup, budaya dan nilai-nilai masyarakat seiring dengan pengaruh asing dan perubahan sosial yang diperkenalkan oleh pemerintahan Brookes (Stephen, 2020). Fasa seterusnya adalah fasa agama yang menyebarkan ajaran agama seperti Islam dan Kristian yang telah mempengaruhi pandang dunia dan nilai-nilai keagamaan dalam masyarakat sosial-budaya, agama dan identiti sosial masyarakat. Fasa berikutnya adalah fasa kekayaan budaya kumpulan etnik di Sarawak yang merangkumi aspek bahasa, adat istiadat dan warisan budaya tradisional yang tetap menjadi ciri penting dalam kehidupan mereka (Sarah, 2018). Kekayaan budaya ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan jati diri dan keunikan etnik masing-masing di Sarawak. Namun begitu, cabaran yang dihadapi adalah konflik antara identiti sosial tradisional yang dijunjung tinggi dan identiti moden yang cenderung dipengaruhi oleh agama dan faktor-faktor lain (Tsosie, 2003). Fasa keempat, fasa perubahan apabila wujud perbezaan yang memerlukan perubahan dalam masyarakat Sarawak seiring dengan urbanisasi, globalisasi dan pengaruh luar yang semakin meluas. Pada masa ini, kepercayaan animisme masih lagi diamalkan oleh beberapa masyarakat tempatan, tetapi amalannya tidak selalu konsisten dan bergantung pada situasi sosial individu.

Secara umumnya, penduduk Sarawak boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang terbesar, iaitu golongan Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Golongan bumiputera di Sarawak boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu Bumiputera Melayu (Melayu Sarawak) dan Bumiputera Bukan Melayu (Melanau, Iban, Bidayuh, Kedayan, Kelabit, Punan, Penan, Lun Bawang, Orang Ulu, Bukitan dan lain-lain) Etnik Iban merupakan penduduk majoriti di negeri Sarawak. Golongan Bukan Bumiputera pula terdiri daripada kaum Cina, warga keturunan orang Eropah dan lain-lain.

Boleh dikatakan kedua-dua negeri ini memperlihatkan persamaan ciri kepelbagaian etnik yang tersendiri yang masih terikat dengan cara hidup budaya tradisional. Kepelbagaian ini tidak memisahkan mereka, sebaliknya mewujudkan ikatan keterangkuman antara mereka sehingga terbentuknya kesepaduan untuk hidup bersama secara aman dan harmoni.

## ANALISIS KONSEPTUAL KESEPADUAN SOSIAL

Kesepaduan sosial merupakan aspek penting dalam memastikan kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi dan pembinaan negara bangsa. Kajian literatur di Eropah mendapati tahap kesepaduan sosial yang tinggi memberi nilai tambah dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menyediakan persekitaran tadbir urus yang kondusif, membantu memperkasakan perkhidmatan kesihatan dan keselamatan sosial (Berger-Schmitt, 2022; Chan, 2006; Jenson, 1998). Kesepaduan sosial mempunyai sejarah perbincangan yang panjang berfokus kepada persoalan berkenaan persetujuan pendapat dan konflik dalam kehidupan seharian masyarakat (IPNas, 2018). Hasil penelitian (Bottoni, 2018) daripada beberapa pengkaji awal menyatakan belum ada definisi yang sepadu dan kaedah pengukuran kesepaduan sosial yang boleh diterima pakai secara meluas. Pendefinisian konsep kesepaduan sosial agak kompleks atas dasar perbezaan masyarakat yang mempunyai perbezaan geografi, politik, ekonomi dan permasalahan.

Secara khusus, Schiefer dan Van Der Noll (2017) menyatakan tiga (3) dimensi penting kesepaduan sosial iaitu hubungan sosial, pengenalan unit geografi atau kawasan dan orientasi ke arah kebaikan bersama. Maxwell (2001) melihat kesepaduan sosial dalam dimensi perkembangan ekonomi dan menjelaskan ia adalah proses membina dan mengekalkan perasaan kekitaan (*sense of belonging*). Maxwell menekankan bahawa masyarakat yang bersatu padu bukanlah suatu yang ideal atau sempurna dan ditandai oleh keamanan dan ketenangan yang berterusan. Sebaliknya sebuah masyarakat yang menerima kepelbagaian dan mengendalikan konflik dengan berkesan sebelum ia berubah menjadi konfrontasi serius.

Yasmin Yaacob et al. (2023) menukilkan pendapat beberapa sarjana mengenai kesepaduan sosial yang menjelaskan bahawa kesepaduan sosial dalam penggunaan konvensional melambangkan ikatan antara individu dan kumpulan yang mengikat individu dan masyarakat dalam satu hubungan yang positif. Hubungan ini dijelaskan melalui kualiti interaksi dalam konteks hubungan sosial atau keadaan yang perlu diberi keutamaan dalam situasi di mana individu, kumpulan atau masyarakat berbahagi ruang untuk saling berinteraksi bersama. Promosi kesepaduan sosial berlangsung melalui hubungan masyarakat yang positif, inklusif dan penyertaan kerana keduanya adalah input dan output yang diinginkan untuk menangani sikap prejudis, pengecualian sosial dan diskriminasi. Kesepaduan sosial dapat difahami sebagai kualiti yang mengikat suatu negara bersama-sama, di

mana setiap bangsa atau kelompok merasa bangga dengan identiti nasional mereka. Selanjutnya, kesepaduan sosial adalah konsep normatif yang pada dasarnya merujuk pada konsep yang mendorong tindakan bermatlamat (Yasmin Yaacob et al., 2023). Proses sosialisasi yang berlaku melalui praktis kesepaduan sosial dalam aktiviti yang dilaksanakan mendorong berlakunya perkongsian pengetahuan dan kemahiran.

Di Malaysia, konsep kesepaduan sosial mula dipopularkan oleh Shamsul Amri Baharuddin (2011) sebagai formula mengurus masyarakat majmuk yang bercampur, tetapi tidak bergabung kesan daripada pelaksanaan dasar “*divide and rule*”. Beliau mengkritik penggunaan konsep perpaduan dalam kepelbagaian kerana dalam konteks Malaysia pada masa kini menyaksikan perpaduan disifatkan hanya sekadar harapan, bukannya pencapaian. Sungguhpun begitu, Shamsul menjelaskan usaha merealisasikan konsep perpaduan tetap wujud namun dalam bentuk kesepaduan yang diterjemahkan melalui tiga (3) keadaan, iaitu positif, konflik dan idaman. Kesemua keadaan ini dialami secara serentak oleh pelbagai golongan dan lapisan masyarakat dalam lingkungan hubungan saling berkaitan antara masyarakat, negeri dan pasaran. Kepelbagaian keadaan ini menyebabkan masyarakat majmuk di Malaysia tidak mudah untuk diurus kerana hubungan antara etnik disifatkan tidak stabil dan pasang surut. Penyelesaian setiap kontradiksi atau pertentangan dan perbezaan ini digerakkan melalui proses penyatupaduan berasaskan formula “runding dan tolak ansur”. Berdasarkan kepercayaan dan andaian sebegini, formula mengurus kepelbagaian Shamsul diterjemahkan melalui konsep “perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan” sebagai imaginasi sosiologi (*sociological imagination*) yang mengikat kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Justeru, ikatan sosial (*social bonding*) yang kuat dan sudah terbina sejak sekian lama berasaskan interaksi aktif dan pertukaran hubungan positif, serta usaha ke arah penglibatan semua pihak dalam kegiatan arus perdana.

Perspektif pengukuran, elemen atau konstruk kesepaduan sosial adalah berbeza-beza daripada kebanyakan pengkaji sehingga menyebabkan kurangnya konsensus mengenai pemaknaan konsep, teori dan konstruk. Bersesuaian dengan konteks sosial, ekonomi, politik dan pendidikan di Sabah dan Sarawak yang dilihat berbeza dengan Semenanjung, maka konstruk pengukuran kesepaduan sosial dibina berasaskan enam (6) komponen. Enam (6) komponen tersebut ialah Rasa Kekitaan (RK), Kesamaan (KM), Penyertaan (PT), Keterangkuman (KT) (Jenson, 1998; Bernard 1999; IPNas,

2022), Keterhubungan (KH) (Stiftung, 2018 dan 2022; Jolene dan Vishalini, 2022) serta Keterbukaan (KB) (Bottoni, 2018). Jenson (1998) mendefinisikan Rasa Kekitaan (RK) sebagai perkongsian nilai sepunya dan kewujudan identiti bersama dan bertentangan dengan pemencilan dan pengasingan. Keterangkuman (KT) merujuk kepada kesaksamaan dan peluang dalam kalangan warga. Penyertaan (PT) merujuk kepada penglibatan masyarakat dalam politik dan persatuan. Kesamaan (KM) pula merujuk kepada persamaan dan peluang yang sama dalam masyarakat tanpa mengira sebarang perbezaan latar belakang. Keterhubungan (KH) melibatkan hubungan antara individu bertujuan menilai sama ada individu mempunyai keterikatan kuat dengan kumpulan sosial (Stiftung, 2018) dan Keterbukaan (KB) merujuk kepada kesediaan menerima kepelbagaian budaya yang berbeza daripada budaya dan cara hidupnya (Bottoni, 2018).

Konsep kesepaduan sosial di Malaysia sering kali dilihat dan dirungkai menurut naratif masyarakat dan ahli komuniti di Semenanjung. Justeru, konsep kesepaduan sosial ini dilihat tidak bersifat keterangkuman dan tidak melambangkan semangat kekitaan disebabkan pembentukan Malaysia adalah berdasarkan tiga (3) wilayah iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang bergabung di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Secara sosiologikalnya, pembentukan tema kesepaduan sosial harus melambangkan ketiga-tiga wilayah yang membentuk negara Malaysia di bawah payung federalisme. Pada masa yang sama, kesepaduan sosial yang dibicarakan dalam negara kita secara literalnya menunjukkan hegemoni etnik Melayu, hubungan antara etnik Melayu-Cina-India dan sering kali mengabaikan kepelbagaian etnik Bumiputera lain di Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu, konsep kesepaduan sosial juga harus dilihat daripada pandangan dunia masyarakat Sabah dan Sarawak yang mempunyai latar budaya, landskap geopolitik, adat dan persekitaran sosial yang bersifat kepelbagaian. Sudut pandangan masyarakat Sabah dan Sarawak tentang kesepaduan sosial harus diberi perhatian agar pembentukan konsep itu bersifat keterangkuman dan mempunyai semangat kebersamaan.

Secara umumnya, kesepaduan sosial yang diperlihatkan melalui hubungan antara kumpulan etnik di Sabah dan Sarawak bukan dibentuk melalui tindakan politik, sebaliknya bersifat semula jadi dan organik. Hakikat ini terbukti apabila sepanjang proses kemenjadian masyarakat majmuk di Sabah-Sarawak menyaksikan nilai keterbukaan dan keterhubungan interaksi sosial rentas etnik dan agama berlangsung secara meluas tanpa batas sempadan

masa dan tempat. Dalam sejarah ketamadunan masyarakat di kedua-dua negeri ini, tidak banyak catatan berkaitan konflik etnik yang disebabkan oleh perbezaan budaya dan kepercayaan. Sebaliknya kebanyakan pembangunan sejarahnya ditandai dengan semangat bersatu padu dan bekerjasama dalam merealisasikan pembentukan sebuah negara dan bangsa merdeka. Walhal, keberadaan masyarakatnya adalah lebih beragam dan rencam berbanding di Semenanjung memandangkan Sabah terdiri daripada 72 subetnik (Budi Anto, 2021) dan Sarawak pula memiliki 74 subetnik (Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, 2023). Sekiranya semangat meraikan kepelbagaian tidak dijelmakan dalam hubungan bermasyarakat di kedua-dua negeri ini, tentunya kemajmukan tersebut berpotensi mencetuskan konflik etnik seperti peristiwa 13 Mei 1969 di Semenanjung. Justeru, memahami faktor pemangkin terbentuknya kesepaduan sosial di kedua-dua negeri ini yang bertahan kukuh penting dibincangkan agar amalan yang dipraktikkan oleh masyarakat di negeri ini boleh diteladani dan diaplikasikan oleh masyarakat Malaysia di mana pun mereka berada.

## METODOLOGI

Kajian ini dibina berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif. Reka bentuk kajian melalui pendekatan kualitatif memfokuskan kepada struktur dan intipati pengalaman serta melibatkan pemahaman mendalam terhadap kesedaran individu. Pengumpulan data kualitatif dilakukan menggunakan dua pendekatan iaitu temu bual mendalam dengan informan utama (*key informants*) dalam kalangan pemimpin masyarakat dan Perbincangan Kumpulan Berfokus (*Focus Group Discussion/FGD*). Temu bual mendalam dikendalikan oleh penyelidik yang menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dan melibatkan bilangan informan yang lebih kecil berbanding Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD). Kedua-dua temu bual ini memfokus kepada perbincangan elemen amalan terbaik sebagai faktor yang menyumbang kepada kesepaduan sosial di kedua-dua negeri ini. Informan temu bual dipilih berdasarkan pengalaman kepimpinan dan kesediaan mereka untuk terlibat dalam kajian ini (Laporan Interim Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial di Sabah dan Sarawak, 2024).

Hasil daripada kutipan data daripada temu bual mendalam, selanjutnya ditranskripsikan bagi membolehkan penyelidik mendalami pandangan, pengalaman dan perspektif informan yang sejajar dengan kajian ini. Proses analisis tema ini melibatkan rekod dan pemprosesan data transkripsi temu bual menggunakan perisian *ATLAS.ti* versi 8. Analisis data secara tematik

menggunakan perisian *ATLAS.ti*. Dengan mengintegrasikan temu bual mendalam dan analisis tema *ATLAS.ti*, dapatan ini bertujuan menyediakan analisis terperinci mengenai amalan terbaik yang mempengaruhi faktor kesepaduan sosial Sabah dan Sarawak sebagaimana yang dijelaskan oleh informan.


Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) yang merupakan kaedah yang turut diguna pakai dalam kajian ini dianalisis menggunakan perisian *ATLAS.ti* versi 8 untuk merumuskan dapatan tematik secara lebih sistematik. Proses FGD melibatkan pengumpulan maklum balas dan pandangan daripada kumpulan peserta yang mewakili agensi kerajaan dalam kalangan Pegawai Jabatan Perpaduan Negeri dan Integrasi Nasional, Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (PADUNEGERI) Sabah dan Sarawak, pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT), NGO dan beberapa agensi lain. Analisis tema dilakukan dengan mengenal pasti corak tematik utama yang muncul daripada perbincangan kumpulan berfokus.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penemuan hasil kajian kualitatif daripada kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial di Sabah dan Sarawak yang menjelaskan amalan terbaik dianalisis secara tematik menggunakan perisian *ATLAS.ti* versi 8. Senarai Informan Utama (Key informants) bagi Temu Bual Mendalam ditunjukkan dalam Rajah 1 berdasarkan koding TM-KI01-SBH, TM-KI02-SBH, TM-KI03-SWK, TM-KI04-SBH, TM-KI05-SWK, TM-KI06-SWK dan TM-KI07-SWK. Rajah ini turut menunjukkan pelaksanaan temu bual mendalam yang dijalankan di Sabah dan Sarawak. Proses ini melibatkan sesi temu bual yang berlangsung pada tarikh yang dinyatakan, di mana maklum balas dan pandangan informan daripada kedua-dua negeri ini dikumpul, ditranskripsi dan dianalisis secara sistematik menggunakan *ATLAS.ti*.

Sesi Perbincangan Kumpulan Berfokus atau *Focus Group Discussion* (FGD) dijalankan di Sabah dan Sarawak bagi mengumpul pandangan dan maklum balas daripada peserta yang berpengalaman dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan di kedua-dua negeri ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4. Proses pengumpulan data FGD menjadi asas dalam menjelaskan amalan terbaik masyarakat Sabah dan Sarawak yang merupakan antara faktor yang mempengaruhi kesepaduan sosial di kedua-dua negeri ini.

**Rajah 1: Senarai Informan Utama dan Pelaksanaan Temu Bual Mendalam**



**Sumber:** Ahli Penyelidik Kajian Pembangunan Model Kespadaan Sosial Sabah dan Sarawak (Januari 2024)

Nota: TM=Temubual Mendalam; KI=Key-Informant; SBH=Sabah  
TM=Temubual Mendalam; KI=Key-Informant; SWK=Sarawak

di Sabah dan Sarawak

**Jadual 3: Senarai Peserta Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sabah**

BIL	JAWATAN	INSTITUSI
1	Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah
2	Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah	Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah
3	Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Negeri Sabah	Lambaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Negeri Sabah
4	Timbalan Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia Sabaheria	Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah
5	Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Kota Kinabalu	Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Kota kinabalu
6	Timbalan Pengara Penerangan Malaysia Negeri Sabah	Penerangn Malaysia Negeri Sabah
7	Wakil Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
8	Rektor Kolej Geomatika Keningau	Kolej Geomatika Keningau
9	Ahli Jawatankuasa pusat e-Desa Negeri Sabah	Pusat e-Desa Negeri Sabah
10	Pegawai Perpaduan Zon Pedalaman Atas (Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan)	Perpaduan Zon Pedalaman Atas (Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan)
11	Pengerusi KRT Cenderakasih, Kota Kinabalu	KRT Cenderakasih, Kota Kinabalu
12	Pegawai Perpaduan (Tuaran)	Perpaduan (Tuaran)
13	Setiausaha Am Gabungan Persatuan Cina Sabah (FCAS)	Gabungan Persatuan Cina (FCAS)
14	Ketua Unit Kesepaduan Sosial Integrasi Nasional	Unit Kesepaduan Sosial Integrasi Nasional
15	Ketua Unit Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan Jabatan Perpaduan Negeri Sabah	Unit Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan Jabatan Perpaduan Negeri Sabah

BIL	JAWATAN	INSTITUSI
16	Pengerusi Skuad Anti Dadah Daerah Keningau merangkap Ahli Dewan Belia Sabah N.44 Tulid dan Pengerusi KRT Kg. Sinaron, sook	Skuad Anti Dadah Daerah Keningau merangkap Ahli Dewan Belia Sabah N.44 Tulid dan Pengerusi KRT Kg. Sinaron, sook
17	Ketua Penolong Kanan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
18	Penolong Pengarah Sektor Pembelajaran	Sektor Pembelaja, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Sumber: Ahli Penyelidik Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak (Januari 2024)

**Jadual 4: Senarai Peserta Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sarawak**

BIL	JAWATAN	INSTITUSI
1	Presiden Persatuan Melanau merangkap Setiausaha YAB Premier Sarawak	Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Jabatan Premier Sarawak
2	Presiden <i>Rotary Club of Kuching Unity City</i>	<i>Rotary Club of Kuching Unity Cit</i>
3	Pengarah Persatuan Gereja-Gereja Sarawak	Unit Hal Ehwal Agam-Agam Lain (UNIFOR), Jabatan Premier Sarawak
4	Ketua Masyarakat Ketua Kaum Daerah Asajaya, Samarahan	Jabatan Pentadbiran Samarahan
5	Presiden Persatuan Kraftangan dan Cenderamata Sarawak	Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Jabatan Premier Sarawak
6	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat	Unit Kesejahteraan Sosial, Jabatan Premier Sarawak


Sumber: Ahli Penyelidik Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak (Januari 2024)

AMALAN TERBAIK (46)					
◆ ●	Keprihatinan	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Meletakkan Keperoxyaan Positif	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Membezakan Hidangan Makanan	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Memelihara Nilai Budaya	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Mempamerkan Nilai Positif	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Mempelajari Budaya Sekeliling	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Menerima Akomodasi	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Mengekalkan Identiti	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Menjaga Kestabilan Masyarakat	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Menyeseaikan Secara Baik	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Nilai Budaya Bersama	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Pengiktrifatan	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Bersetuju	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Menyayangi	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Sikap Bersederhana	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Sikap Meneliti Tindakan	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Tidak Iri Hati	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Tidak Mengutuk	1	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Berniaga Bersama	2	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Kesamarataan	2	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Memahami Kehendak Masyarakat	2	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Mementingkan Keamanan Bersama	2	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Menziarahi	2	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Tidak Merendahkan	2	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Membantu	3	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Tidak membezakan	3	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Tidak Taksub	3	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Nilai Kejranaan	4	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Bertanggungjawab	4	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Mengenal	4	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Menyertai	4	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Mempercayai	5	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Menjaga	5	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Tidak Ekstrem	5	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Bekerjasama	6	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Merai Kepelbagaian	7	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Nilai Persahabatan	7	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Berkongsi Nilai Sepunya	9	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Nilai Kekeluargaan	10	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Menghargai	10	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Merayakan	16	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Bersatu	19	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Memahami	22	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Toleransi	26	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Menghormati	32	0	AMALAN TERBAIK	1
◆ ●	Saling Menerima	53	0	AMALAN TERBAIK	1

**Rajah 2: Jumlah Kod Tema Amalan Terbaik dalam Sesi Temu Bual Mendalam Bersama Informan Sabah dan Sarawak**

Sumber: Analisis *At/as.fi* Transkripsi Temu Bual Bersama Informan Sabah dan Sarawak (Disember 2023)

## AMALAN TERBAIK



**Rajah 3: Sepuluh Tema Amalan Terbaik daripada Transkripsi Temu Bual Mendalam Bersama Informan Sabah dan Sarawak**

Sumber: Analisis Transkripsi Temu Bual Mendalam Bersama Informan Sabah dan Sarawak (Disember 2023)

Secara keseluruhannya, analisis data mendapati sepuluh (10) tema yang mempunyai kekerapan yang tertinggi berkaitan amalan terbaik adalah seperti berikut:

- |                            |                                |
|----------------------------|--------------------------------|
| 1. Saling Menerima (53)    | 5. Saling Merayakan (16)       |
| 2. Saling Menghormati (32) | 6. Saling Menghargai (10)      |
| 3. Toleransi (26)          | 7. Nilai Kekeluargaan (10)     |
| 4. Saling Memahami (22)    | 8. Berkongsi Nilai Sepunya (9) |
| 5. Saling Bersatu (19)     | 9. Nilai Persahabatan (7)      |

Antara pernyataan yang dinyatakan oleh informan Sabah dan Sarawak berkaitan lima (5) tema tertinggi amalan kesepaduan sosial seperti Saling Menerima, Saling Menghormati, Toleransi, Saling Memahami dan Saling Bersatu Adalah seperti berikut:

“...Kepelbagaian, toleransi, dan understanding each other. Kita belum lagi pergi bagaimana *different* agama ni. Bersaudara dengan agama lain...”. (TM-KI01-SBH)

“...Toleransi, harmoni. Macam saya cakap tadi banyak keluarga apa juga dia punya bangsa agama dia punya keluarga berbilang bangsa juga bukan dia sendirilah tapi dia punya mentua, dia punya menantu, dia punya sepupu, cousin dia pasal kahwin lain agama dia punya *cousin* sudah tu...”. (TM-KI01-SBH)


Bila perkara ini diamalkan dan dibudayakan, maka perkahwinan campur ini berleluasa. Orang Melanau boleh terima Orang Melayu. Melanau boleh terima Iban, Cina boleh terima Iban. Maka, wujudnya masyarakat yang saling memahami, sebab itu perkahwinan campur itu penting...". (TM-KI03-SWK)

"...Di Sarawak, institusi kekeluargaan sangat kuat. Mereka sangat bersatu dalam keluarga. Tidak kira walaupun ada perkahwinan campur dalam ahli keluarga tersebut. Mereka tetap menghormati antara satu sama lain..."(TM-K105-SWK)

"...Sebagai best practice, saling menghormati juga membentuk landasan untuk amalan toleransi dalam masyarakat. Masyarakat dapat menghadapi cabaran dengan lebih matang dan bersatu padu...". (TM-K106-SWK)


Pernyataan di atas menunjukkan terdapat persetujuan terhadap beberapa elemen amalan terbaik yang dipraktikkan oleh masyarakat Sabah dan Sarawak seperti saling menerima dan saling menghormati perbezaan dalam keluarga beza agama dan ikatan kekeluargaan tidak terputus hanya kerana perbezaan agama. Situasi ini mendorong kepada berlakunya perkahwinan campur secara berleluasa kerana sikap toleransi dan saling memahami telah wujud sejak sekian lama dan diterima pakai sebagai satu budaya sepunya oleh kebanyakan masyarakat di kedua-dua negeri ini. Keutamaan dalam mengamalkan nilai-nilai ini sebagai satu amalan terbaik mendorong masyarakat Sabah dan Sarawak bersatu padu dalam memastikan keharmonian terus subur dan tidak diganggu gugat oleh anasir luar yang memecahbelahkan masyarakat. Kefahaman dan pelaksanaan nilai-nilai ini turut menggambarkan komitmen masyarakat yang hidup secara harmoni tanpa mengira perbezaan budaya, agama dan etnik.

Sementara itu, hasil dapatan kajian daripada Perbincangan Kumpulan Berfokus atau *Focus Group Discussion* (FGD) di Sabah, transkripsi data turut dianalisis menggunakan perisian *ATLAS.ti*. Rajah 4 menunjukkan kod tema amalan terbaik hasil daripada perbincangan kumpulan berfokus (FGD) di Sabah. Melalui analisis data, tema-tema ini dikenal pasti dan dikodkan untuk menjelaskan amalan terbaik daripada pengalaman dan sudut pandang peserta FGD di Sabah. Analisis tersebut berupaya mengenal pasti elemen-elemen positif yang berkaitan dengan kajian kesepaduan sosial di Sabah.



**Rajah 4: Kod Tema Amalan Terbaik Daripada Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sabah**

Sumber: Analisis Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sabah (Disember 2023)




**Rajah 5: Jumlah Kod Tema Amalan Terbaik Kesepaduan Sosial Daripada Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sabah**

Sumber: Analisis Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama JPNIN Sabah (Disember 2023)

Antara pernyataan yang dinyatakan oleh ahli FGD Sabah berkaitan lima (5) tema tertinggi amalan kesepaduan sosial seperti Saling Menerima, Keterbukaan, Saling Menghormati, Toleransi, dan Nilai Kekeluargaan adalah:

“...Macam saya pun ada empat bangsa dalam *blood* saya jadi *meaning to say* saya tidak boleh mengutuk bangsa lain. Contohnya macam Suluk, Pakistan, Bajau pun ada juga jadi bagi saya, saya boleh terima tu semua keterbukaan tu ada semua terlalu luas sebab bukan satu bangsa saja jadi bila terlalu campur bila ada yang datang Sabah tanya apa makanan yang selalu makan bila sudah banyak bangsa ni tercampur kadang-kadang makanan yang kami makan tu macam yang dimakan oleh orang daripada Semenanjung sudah keculi yang makanan yang dari peringkat suku kaum tu itu yang teruskanlah tidak ada masalah jadi orang bilang bila kita kahwin campur tu kita lebih terbuka lebih luas lagi...”. (FGD-P02-SBH)

“...Walaupun berbeza agama dan budaya tapi atas faktor kekeluargaan tetap juga akan hadir apa-apa saja *event* keluarga. Hormat menghormati orang tua, didikan dan ibu bapa sendiri selalu kalau di dapur di meja makan yang akan kena bagi nasihat dan sebagainya..”. (FGD-P08-SBH)



### Rajah 6: Sepuluh (10) Tema Tertinggi Amalan Terbaik Daripada Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sabah

Sumber: Analisis Perbincangan Kumpulan Berfokus Sabah  
(Disember 2023)

Tema dalam Rajah 6 mencerminkan kepentingan nilai-nilai dalam konteks kajian kesepaduan sosial yang dilaksanakan. Tema-tema tersebut dapat dianggap sebagai aspek utama yang menyokong dan memperkukuhkan amalan terbaik dalam masyarakat yang menjadi tumpuan kajian. Dengan menyelaraskan nilai-nilai di dalam rajah tersebut, masyarakat Sabah dapat menjadi satu masyarakat yang bersatu padu dalam memberi sumbangan yang besar kepada kesepaduan sosial di Sabah. Penekanan terhadap amalan-amalan positif ini dapat menjadi pedoman dalam kehidupan seharian yang mendorong ke arah kehidupan harmoni.



**Rajah 7: Kod Tema Amalan Terbaik daripada Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sarawak**  
 Sumber: Analisis *Atlas.ti*. Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sarawak (Januari 2024)

AMALAN TERBAIK (18)				
●	Contoh ikutan	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Mengelakkan Rasisme	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Menjaga Sensitiviti	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Bekerjasama	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Beradaptasi	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Mengenal	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Menghargai	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Tidak Radikal	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Toleransi	1	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Menjaga	2	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Tidak Prejudis	2	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Bersatu	3	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Memahami	3	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Interaksi	4	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Merayakan	6	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Keterbukaan	10	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Menghormati	11	0	AMALAN TERBAIK 1
●	Saling Menerima	12	0	AMALAN TERBAIK 1

**Rajah 8: Jumlah Kod Tema Amalan Terbaik daripada Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sarawak**  
 Sumber: Analisis *Atlas Ti*. Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sarawak (Januari 2024)

Rajah di atas menunjukkan kod tema daripada hasil Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sarawak yang membincangkan amalan terbaik sebagai faktor pemangkin kesepaduan sosial. Melalui proses analisis data ini, tema-tema tersebut dikenal pasti dan dikodkan untuk menggambarkan amalan terbaik yang muncul daripada pengalaman dan pandangan peserta FGD.

Antara pernyataan daripada peserta FGD Sarawak berkaitan tema amalan terbaik sebagai faktor yang mendorong kesepaduan sosial yang berkaitan dengan nilai Saling Menerima, Saling Menghormati, Keterbukaan, Saling Merayakan dan Saling berinteraksi ialah:

*“We should understood everyone punya views dan saya yakin aktiviti-aktiviti ini memberi impak yang besar kepada kita semua. Ini membuat kita untuk sama-sama belajar mengadaptasi budaya dan perayaan orang lain sekaligus dapat menanamkan sifat menghormati antara etnik dan semua lapisan masyarakat...”* (FGD-P01-SWK)

*“In Sarawak, kita belajar mutual respect and mutual acceptance. I terima you as a friend. Walaupun kita berbeza budaya, agama we are still friends. In Sarawak, we always focus building mutual respect and harmony...”* (FGD-P05-SWK)

Hasil dapatan awal daripada data temu bual dan FGD di Sabah dan Sarawak menunjukkan terdapat persamaan amalan terbaik daripada kedua-dua masyarakat di negeri ini. Persamaan ini dapat dilihat daripada sikap penerimaan, saling menghormati dan bertoleransi pada perkara yang melibatkan agama seperti menyesuaikan diri ketika sambutan perayaan dan mematuhi peraturan terhadap makanan yang telah ditetapkan oleh agama tertentu. Perkara ini didorong atas faktor perkahwinan campur yang berleluasa sehingga terbentuknya ahli keluarga yang berbeza agama tinggal sebumbung dan makan bersama mengikut makanan yang ditetapkan oleh agama masing-masing. Manakala, dari sudut perbezaan amalan terbaik di antara masyarakat Sabah dan Sarawak, tidak begitu ketara kerana kedua-dua masyarakat tersebut masih mengamalkan budaya lokal yang terikat dengan tradisi kampung yang mencerminkan nilai-nilai positif dan kehidupan sosial yang saling bergantung antara satu sama lain dalam aktiviti kehidupan seharian sehingga mereka mampu mengekalkan ikatan hidup bermasyarakat melangkaui sempadan agama dan etnik.

Secara keseluruhan, analisis data menunjukkan sepuluh (10) tema dengan kekerapan tertinggi berkaitan amalan terbaik seperti yang ditunjukkan Rajah 9.



**Rajah 9: Sepuluh (10) Tema Tertinggi Amalan Terbaik Kesepaduan Sosial Daripada Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sarawak**  
 Sumber: Analisis Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) Sarawak (Januari 2024)

Dapatan kualitatif di Sabah dan Sarawak menunjukkan tema tertinggi ialah saling menerima. Hasil penemuan ini selari dengan kajian lepas (Suraya et al., 2022) yang menyatakan kesefahaman budaya begitu jelas digambarkan dalam hubungan penganut beza agama di Sabah yang menonjolkan sikap penerimaan terhadap perbezaan yang wujud antara mereka. Sikap penerimaan ini ditonjolkan melalui penyediaan makanan halal, ruang solat dan kesediaan untuk turut serta berpuasa adalah antara sikap positif yang ditonjolkan oleh pihak bukan Islam. Demikian juga sikap menghormati budaya agama lain yang dipamerkan oleh pihak Muslim yang tidak menghalang aktiviti minum beramai-ramai dalam sebarang majlis yang diadakan oleh bukan Islam. Boleh dikatakan agama tidak dilihat sebagai halangan untuk saling berinteraksi atau elemen pemisah yang membataskan hubungan antara mereka. Sebaliknya, agama dilihat daripada aspek positif yang diterima sebagai alat penyatuan dan pencetus semangat solidariti dan situasi ini begitu jelas digambarkan ketika sambutan perayaan. Bertitik tolak daripada sikap penerimaan daripada kedua-dua pihak inilah kesepaduan sosial begitu menonjol tanpa dibatasi sempadan agama dan etnik.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, amalan terbaik yang dipraktikkan oleh masyarakat Sabah dan Sarawak merupakan faktor pemangkin kesepaduan sosial. Amalan ini dibina daripada nilai-nilai murni seperti saling menerima, saling menghormati, saling merayakan, saling berinteraksi, bertoleransi dan bersikap terbuka terhadap perbezaan yang wujud. Amalan terbaik ini didorong oleh perkahwinan campur yang berleluasa sehingga terbentuknya keluarga beza agama yang hidup bersama. Melalui amalan terbaik inilah terbentuknya sebuah masyarakat Sabah dan Sarawak yang bersatu padu (*cohesive society*) dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kepelbagaian dan kemajmukan. Hasil kajian ini sangat penting dalam usaha mengetengahkan domain kesepaduan sosial sebagai satu dasar dan polisi yang perlu diberi perhatian dalam tadbir urus, agenda organisasi dan pembangunan rakyat. Hal ini kerana dalam struktur sosial yang terbuka dan ruang yang luas menyaksikan hubungan antara etnik merentasi perbezaan agama dan budaya penting dalam memastikan pengagihan hasil ekonomi yang seimbang dan lestari berdasarkan enam (6) teras masyarakat MADANI yang diluncurkan oleh kerajaan yang merangkumi istilah kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

## PENGHARGAAN

Ucapan ribuan terima kasih kepada Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Putrajaya yang telah membiayai Pelaksanaan Perkhidmatan Rundingan dan Penyelidikan Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak – No. LTBKS: KPN.BKP(S)400-5/9/18 (11) dan UMS Investment Holding Sdn. Bhd sebagai perunding projek ini.

## RUJUKAN

- Berger-Schmitt, R. (2022). Constructing Social Cohesion in Quality of Life Assessments: Concepts and Measurement. *Social Indicators Research*. Vol. 5(1), 403-428.
- Bernard, P. (1999). *Social cohesion: A critique*. Ottawa: Canadian Policy Research Networks (CPRN).
- Bottoni, G. (2018). A Multilevel Measurement Model of Social Cohesion. *Social Indicators Research*, 136(3), 835-857.
- Budi Anto Mohd. Tamring. (2021). *Pengaruh Sosiologikal dan Amalan Perkahwinan Campur ke Atas Tahap Jarak Sosial dalam Masyarakat Bandar, Sabah: Kajian Kes dalam Kalangan Pelajar Bumiputera di Kota Kinabalu*. (Tesis PhD) Universiti Malaysia Sabah. (Tidak diterbitkan).
- Chan, J., To, H, H.P., & Chan, E. (2006). Reconsidering social cohesion: Developing a definition and analytical framework for empirical research. *Social Indicators Research*, 75, 273-302.
- Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional (IPNas). (2018). Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional (IPNas). (2022). Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2023*. Diperoleh daripada <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/current-population-estimates-malaysia---2023>
- Jenson, J. (1998). Mapping Social Cohesion: *The State of Canadian Research*. SRA-321, Strategic Research and Analysis Directorate, Department of Canadian Heritage, Ottawa.
- Jolene J. & Vishalini Suresh. (2022). *Southeast Asian Social Cohesion Radar: An Adaptation of the Bertelsmann Stiftung Asian Cohesion Radar Regional Through Leaders' Perspectives*. Singapore: Nanyang Technological University.
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. (2023). Diperoleh daripada [https://sahamonline.miti.gov.my/documents/SENARAI\\_RUJUKAN BUMIPUTERA\\_SPSKB.pdf](https://sahamonline.miti.gov.my/documents/SENARAI_RUJUKAN BUMIPUTERA_SPSKB.pdf)
- Kntayya Mariappan dan Paul Porodong. (2012). Kepelbagaian Etnik di Sabah. (dalam) Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (Eds.). *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Laman Sesawang MAVCOM. (2024). Profil Malaysia Timur. <https://www.mavcom.my/bm/industri/obligasi-perkhidmatan-awam>. Diakses pada 22/3/2024.
- Laporan Akhir Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial di Sabah dan Sarawak. (2024). Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Laporan Interim Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial di Sabah dan Sarawak. (2024). Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Ling, H., H. (2009). Pembangunan Sosial di Negeri Sarawak pada zaman pentadbiran kolonial British, 1946-1963. *Pembangunan Sosial di Negeri Sarawak*. *Jurnal Sarjana*,

24(2), 82-104.

- Maxwell, J. (2001). *Social Cohesion and the Welfare State*. Canadian Policy Research Networks.
- Sarah, F., H. (2018). *Becoming Malay: A Sociological Examination of Religion in Malaysia*. Whitman College.
- Schiefer, D. & Van der Noll, J. (2017). *The Essentials of Social Cohesion: A Literature Review*. Soc Indic Res, 132, 579–603. <https://doi.org/10.1007/s11205-016-1314-5>
- Shamsul Amri Baharuddin. (2011). *Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aidah Lukin, Suraya Sintang & Johan Johnes. (2022). Sejarah dan Pengalaman Hubungan Etnik di Sabah: Kesepaduan dalam Kepelbagaian. *e-Bangi: Journal of Sciences and Humanities*, Vol. 19(6), 183-194.
- Stiftung, B. (Eds.), (2022). *What Holds Asian Societies Together? Insights from the Social Cohesion Radar*. Gütersloh: Verlag Bertelsmann Stiftung.
- Stiftung, B. (Eds.), (2018). *What Holds Asian Societies Together? Insights from the Social Cohesion Radar*. Gütersloh: Verlag Bertelsmann Stiftung.
- Suraya Sintang, Khadijah Mohd. Khambali@Hambali Mohd., Nazmi Mohd. Khalli & Mohd. Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. (2022). Solidariti Agama dalam Hubungan Inter-Komuniti di Sabah. *Akademika*, 92(2), 187-205.
- Tsosie, R. (2003). Tribalism, Constitutionalism and Cultural Pluralism. *Journal of Constitutional Law*, 5(2), 357-404.
- Yasmin Yaacob, Ireena Nasiha Ibnu, & Ribka Alan. (2023). *Impak Globalisasi Media Terhadap Kesepaduan Sosial Dalam Kalangan Belia Di Malaysia the Impact of Media Globalization on Social Cohesion Among Youth in Malaysia*. 228–244. <https://doi.org/10.55573/JISED.085919>

***ANALISIS JURANG  
KEFAHAMAN MASYARAKAT  
TERHADAP PELAKSANAAN  
DASAR SOSIAL MALAYSIA:  
SUATU PENELITIAN  
BERASASKAN KAJIAN  
MODEL AL-MUWATANAH***

***PENULIS:***

***KHAIRUL AZHAR MEERANGANI,  
MOHAMMAD FAHMI ABDUL HAMID,  
SYAMSUL AZIZUL MARINSAH, MOHD FARHAN  
MD ARIFFIN, MUHAMMAD SAFWAN HARUN,  
SABARIAH BAHARUN, HANIM SALLEH***

# ANALISIS JURANG KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP PELAKSANAAN DASAR SOSIAL MALAYSIA: SUATU PENELITIAN BERASASKAN KAJIAN MODEL AL-MUWATANAH

**Khairul Azhar Meerangani<sup>1</sup>, Mohammad Fahmi Abdul Hamid<sup>2</sup>, Syamsul Azizul Marinsah<sup>3</sup>, Mohd Farhan Md Ariffin<sup>4</sup>, Muhammad Safwan Harun<sup>5</sup>, Sabariah Baharun<sup>6</sup>, Hanim Salleh<sup>7</sup>**

Akademi Pengajian Islam<sup>1,2</sup>, Universiti Teknologi MARA

Fakulti Pengajian Islam<sup>3</sup>, Universiti Malaysia Sabah

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>4</sup>

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya<sup>5</sup>

Kajian Dasar IKRAM Sdn. Bhd.<sup>6,7</sup>

Penulis Penghubung: [azharmeerangani@uitm.edu.my](mailto:azharmeerangani@uitm.edu.my)

## ABSTRAK

Jurang kefahaman terhadap dasar sosial semakin diakui sebagai cabaran kritikal dalam usaha memperkukuh perpaduan nasional dan pembinaan identiti kebangsaan dalam masyarakat kepelbagaian. Walaupun pelbagai inisiatif seperti Dasar Perpaduan Negara, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030 dan gagasan Malaysia MADANI telah dirangka untuk membentuk masyarakat yang lebih inklusif, keberkesannya bergantung pada sejauh mana nilai dan rasional dasar tersebut difahami serta dimaknai oleh masyarakat. Kajian ini meneliti dinamika jurang kefahaman tersebut melalui pendekatan kaedah campuran berasaskan Kajian Model al-Muwatanah yang melibatkan tinjauan terhadap 108 responden, 12 temu bual pakar dan satu sesi perbincangan kumpulan fokus. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun tahap kesedaran terhadap dasar sosial adalah relatif tinggi, persepsi terhadap keberkesanan pelaksanaannya masih sederhana, mencadangkan wujud ketidaksejajaran antara aspirasi normatif dasar dan pengalaman sosial masyarakat. Analisis regresi selanjutnya mengesahkan bahawa kefahaman dasar dan keberkesanan pelaksanaan merupakan peramal signifikan kepada penerimaan dasar, manakala persepsi terhadap halangan pelaksanaan berpotensi melemahkan sokongan masyarakat. Penemuan kualitatif memperincikan bahawa jurang kefahaman bukan semata-mata berpunca daripada kekurangan maklumat, tetapi berkait dengan kekaburan bahasa nilai, ketidakkonsistenan komunikasi institusi dan pengaruh ekosistem maklumat digital dalam membentuk tafsiran masyarakat terhadap konsep perpaduan dan Malaysia MADANI. Dalam konteks ini, kajian mencadangkan bahawa kerangka nilai al-Muwatanah, yang menekankan prinsip Faham, Adil, Ihsan, Hormat dan Terima, boleh difahami sebagai lensa interpretif yang membantu menjembatani bahasa teknikal dasar dengan pemaknaan sosial masyarakat. Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini memperluas perbincangan tentang penerimaan dasar dengan mengalihkan fokus daripada penilaian struktur institusi kepada proses pemaknaan nilai dalam kalangan warga. Implikasi kajian menegaskan keperluan kepada pendekatan tadbir urus berasaskan nilai dan strategi komunikasi dasar yang lebih sistematik bagi menyokong pembinaan kewarganegaraan inklusif serta memperkukuh perpaduan sosial dalam konteks masyarakat plural.

**Kata kunci:** Dasar Sosial Malaysia; Malaysia MADANI; Kewarganegaraan Inklusif; Perpaduan Nasional<sup>3</sup>

## **ABSTRACT**

*The gap in public understanding of social policy is increasingly recognised as a critical challenge in strengthening national unity and fostering a shared national identity within plural societies. Despite the introduction of major initiatives such as the National Unity Policy, the National Unity Action Plan 2021–2030, and the Malaysia MADANI framework to cultivate a more inclusive society, their effectiveness largely depends on the extent to which policy values and underlying rationales are understood and meaningfully interpreted by citizens. This study examines the dynamics of this understanding gap through a mixed-method approach based on the al-Muwatanah Model Study, involving a survey of 108 respondents, 12 expert interviews, and one focus group discussion. The findings indicate that although public awareness of social policy is relatively high, perceptions of implementation effectiveness remain moderate, suggesting a misalignment between the normative aspirations of policy and citizens' lived social experiences. Multiple regression analysis further confirms that policy understanding and perceived implementation effectiveness are significant predictors of policy acceptance, while perceived implementation barriers may weaken public support. Qualitative findings reveal that the understanding gap is not merely attributable to informational deficits but is closely linked to the ambiguity of value-based language, inconsistencies in institutional communication, and the influence of the digital information ecosystem in shaping public interpretations of concepts such as national unity and Malaysia MADANI. Within this context, the al-Muwatanah value framework, emphasising the principles of understanding, justice, compassion, respect, and acceptance, can be conceptualised as an interpretive lens that helps bridge the divide between the technical language of policy and the social meaning constructed by citizens. From a scholarly perspective, this study extends existing discussions on policy acceptance by shifting the analytical focus from institutional performance toward processes of value-making among citizens. The findings underscore the importance of value-based governance and more systematic policy communication strategies in supporting the development of inclusive citizenship and reinforcing social cohesion within increasingly complex plural societies.*

**Keywords:** Malaysia's Social Policy; Malaysia MADANI; Inclusive Citizenship; National Unity

## PENGENALAN

Dalam masyarakat kepelbagaian, keberkesanan sesuatu dasar sosial tidak hanya diukur melalui keutuhan reka bentuk institusinya, tetapi turut bergantung pada sejauh mana nilai yang mendasarinya dapat difahami, dimaknai dan dijamin oleh warga. Pembinaan negara bangsa yang kukuh memerlukan lebih daripada rangka kerja pentadbiran dan mekanisme perundangan; ia menuntut kewujudan nilai bersama yang berfungsi sebagai asas penyelarasan sosial dalam kalangan komuniti yang berbeza latar etnik, agama dan budaya. Namun demikian, hubungan antara komunikasi nilai dasar dan tahap pemahaman masyarakat masih kurang diterokai secara empirikal dalam konteks Malaysia, walaupun aspek ini semakin diakui sebagai prasyarat penting kepada kestabilan sosial dan legitimasi dasar awam (Hafizan et al., 2025).

Dasar sosial yang berkaitan dengan perpaduan nasional, kesejahteraan masyarakat dan pembinaan identiti kebangsaan memainkan peranan strategik dalam mengurus kepelbagaian serta memupuk kehidupan bersama yang harmoni. Walau bagaimanapun, keberkesanan dasar tidak semata-mata bergantung pada kejelasan dokumen atau ketegasan pelaksanaannya, tetapi turut ditentukan oleh bagaimana masyarakat mentafsir tujuan, nilai dan implikasi dasar tersebut dalam pengalaman sosial mereka (Aizathul & Khairul, 2025). Dalam era komunikasi digital yang pesat serta landskap politik yang semakin kompleks, persoalan jurang kefahaman dasar (*policy understanding gap*) menjadi semakin signifikan kerana ia berpotensi mempengaruhi tahap penerimaan masyarakat dan seterusnya menentukan keberhasilan pelaksanaan sesuatu dasar.

Malaysia telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh perpaduan dan pembangunan sosial, termasuk Dasar Perpaduan Negara (DPN), Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030, serta gagasan Malaysia MADANI yang menekankan nilai seperti ihsan, hormat, keterangkuman dan keadilan dalam kerangka tadbir urus berasaskan nilai (*value-based governance*). Pendekatan ini mencerminkan peralihan penting daripada orientasi pentadbiran yang bersifat prosedural kepada model pembangunan yang menempatkan dimensi moral dan etika sebagai asas hubungan antara institusi dan masyarakat (Sharifah & Shakila, 2025). Namun, tanpa pemahaman yang mencukupi dalam kalangan rakyat, nilai-nilai tersebut berisiko kekal sebagai aspirasi normatif dan tidak diterjemahkan

secara bermakna dalam amalan sosial merentas komuniti (Nurshuhada & Naimah, 2025).

Kajian ini berasaskan dapatan empirikal daripada Kajian Model al-Muwatanah, sebuah penyelidikan kaedah campuran yang meneliti hubungan antara nilai, dasar sosial dan pembinaan kewarganegaraan inklusif di Malaysia. Selain menyediakan gambaran tentang tahap kefahaman, persepsi terhadap pelaksanaan dan orientasi penerimaan masyarakat, kajian ini turut mengetengahkan satu kerangka nilai yang berfungsi sebagai lensa analitik dalam memahami bagaimana warga mentafsir dasar dalam konteks kepelbagaian sosial. Dalam artikel ini, rujukan kepada al-Muwatanah bukan sahaja bersandarkan kepada kedudukannya sebagai sumber data empirikal utama, tetapi juga sebagai pendekatan konseptual pelengkap bagi menilai dinamika kefahaman dasar secara lebih bersepadu.

Dapatan awal menunjukkan bahawa walaupun tahap kesedaran masyarakat terhadap dasar sosial adalah memberangsangkan, persepsi terhadap keberkesanan pelaksanaannya masih belum mencapai tahap yang sepadan. Pemerhatian ini memberi petunjuk bahawa pengetahuan tentang dasar tidak semestinya membawa kepada keyakinan terhadap pelaksanaan, sebaliknya dipengaruhi oleh kualiti komunikasi institusi, konsistensi pentadbiran serta tahap kepercayaan terhadap agensi pelaksana. Di samping itu, kekaburan istilah nilai, kerumitan bahasa dasar dan pengaruh ekosistem maklumat digital turut berpotensi membentuk tafsiran yang berbeza dalam kalangan masyarakat, sekali gus menyumbang kepada jurang pemahaman yang semakin ketara (Khairul et al., 2025).

Dalam konteks pelaksanaan dasar perpaduan, jurang kefahaman ini membawa implikasi penting terhadap keupayaan negara membina kesepaduan sosial. Tafsiran terhadap konsep seperti perpaduan, keterangkuman dan identiti nasional didapati tidak seragam, manakala gagasan Malaysia MADANI masih ditanggapi secara berbeza bergantung pada pengalaman sosial dan kerangka interpretif individu. Keadaan ini menunjukkan bahawa cabaran utama tidak semestinya terletak pada kekurangan dasar, tetapi pada proses pemaknaan nilai yang menentukan bagaimana dasar tersebut difahami dan diterima dalam ruang sosial.

Pendekatan kaedah campuran (*mixed-method*) yang digunakan dalam Kajian Model al-Muwatanah membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap fenomena ini dengan menggabungkan data tinjauan, temu bual

pakar dan perbincangan kumpulan fokus. Melalui integrasi ini, kajian bukan sahaja menilai tahap kefahaman dasar sosial, tetapi turut mengenal pasti dimensi halangan pelaksanaan, corak penerimaan masyarakat serta nilai yang membentuk orientasi warga terhadap dasar. Secara keseluruhannya, pemerhatian empirikal ini mengukuhkan pandangan dalam literatur bahawa *policy comprehension* merupakan komponen kritikal dalam menentukan keberkesanan sesuatu dasar sosial. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menjelaskan jurang kefahaman dalam kalangan segmen masyarakat terhadap pelaksanaan dasar sosial di Malaysia dengan meneliti tahap pemahaman masyarakat, faktor yang mempengaruhinya serta implikasinya terhadap penerimaan dasar. Dengan mengintegrasikan aspirasi Malaysia MADANI dan kerangka nilai al-Muwatanah, artikel ini menawarkan satu pembacaan yang lebih mendalam tentang bagaimana kefahaman dasar dapat diperkukuh melalui pendekatan berasaskan nilai.

Berbeza daripada kajian terdahulu yang cenderung menilai keberkesanan dasar melalui indikator struktur dan prestasi institusi, kajian ini memperluas perbincangan dengan mengalihkan fokus kepada persoalan pemaknaan nilai dan pengalaman pelaksanaan dalam membentuk orientasi masyarakat terhadap dasar sosial. Artikel ini berhujah bahawa jurang kefahaman dasar bukan sekadar isu penyebaran maklumat, tetapi mencerminkan ketidaksejajaran antara aspirasi normatif dasar dan proses pemaknaan sosial warga. Dengan menempatkan dimensi nilai sebagai teras analisis, kajian ini berusaha menyumbang kepada perbahasan tentang kewarganegaraan inklusif serta menawarkan perspektif konseptual yang lebih kontekstual dalam memahami cabaran perpaduan dalam masyarakat plural.

## TINJAUAN LITERATUR

Perbincangan mengenai jurang kefahaman terhadap dasar sosial memerlukan satu pembacaan yang merentas dimensi institusi, kognitif dan normatif. Dalam masyarakat kepelbagaian, sesuatu dasar tidak hanya berfungsi sebagai instrumen pentadbiran, tetapi turut berperanan sebagai kerangka makna yang membentuk orientasi sosial warga. Justeru, memahami bagaimana masyarakat mentafsir dasar menuntut keterlibatan pelbagai tradisi literatur yang menjelaskan hubungan antara nilai, pengalaman institusi dan pembentukan kewarganegaraan. Walaupun pelbagai dasar perpaduan telah dirangka bagi memperkukuh kesepaduan sosial di Malaysia, persoalan tentang bagaimana nilai dasar tersebut difahami dan dimaknai oleh masyarakat

masih belum diterokai secara mendalam dalam wacana akademik tempatan. Sebahagian kajian cenderung menumpukan kepada reka bentuk dasar dan keberkesanan program, manakala dimensi interpretif, iaitu bagaimana warga memberi makna terhadap dasar dalam pengalaman sosial mereka, sering menerima perhatian yang lebih terhad. Kekosongan ini menunjukkan keperluan kepada kerangka analitik yang mampu menghubungkan konteks dasar dengan proses pemahaman masyarakat.

Sehubungan itu, tinjauan literatur ini disusun berasaskan tiga gugusan perbincangan utama. Pertama, perkembangan dasar perpaduan dan kerangka nilai nasional seperti Dasar Perpaduan Negara dan Malaysia MADANI dibincangkan bagi memberikan konteks institusi yang membentuk orientasi dasar sosial negara. Kedua, teori kefahaman dasar (*policy understanding theory*) dihuraikan sebagai asas konseptual untuk menjelaskan bagaimana masyarakat mentafsir, menilai dan memberi makna terhadap dasar awam. Ketiga, literatur mengenai literasi dasar, kewarganegaraan inklusif dan pembentukan nilai sosial diperincikan bagi menelusuri dimensi normatif yang mempengaruhi penerimaan dasar dalam masyarakat plural. Ketiga-tiga gugusan ini tidak beroperasi secara terpisah, sebaliknya saling melengkapi dalam menjelaskan mekanisme pembentukan kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan dasar sosial. Dasar perpaduan menyediakan konteks struktur, teori kefahaman dasar menawarkan lensa analitik, manakala kerangka nilai sosial membantu menafsir orientasi normatif yang mendasari interaksi warga dengan dasar. Dengan mengintegrasikan perspektif dasar, teori dan nilai, bahagian ini berusaha membina asas konseptual yang lebih menyeluruh bagi memahami dinamika kefahaman dasar dalam konteks Malaysia.

### **Dasar Perpaduan, Identiti Nasional dan Malaysia MADANI**

Perpaduan nasional merupakan antara agenda teras dalam pembinaan negara Malaysia, namun pendekatan terhadapnya terus berkembang selari dengan perubahan struktur sosial dan cabaran kontemporari. Dasar Perpaduan Negara (DPN) serta Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030 mencerminkan usaha berterusan negara untuk membina kesepaduan sosial melalui pemupukan identiti nasional, pengukuhan interaksi antara komuniti dan penyemaian nilai saling menghormati. Dalam kerangka ini, perpaduan tidak dilihat sebagai keadaan statik, tetapi sebagai proses sosial yang memerlukan keseimbangan antara penyelarasan institusi

dan keterlibatan warga (Nurshuhada & Naimah, 2025). Perkembangan terkini memperlihatkan kemunculan Malaysia MADANI sebagai kerangka nilai nasional yang bertujuan memperkuat orientasi tersebut. Dengan mengangkat prinsip seperti kemampuan (*sustainability*), ihsan (*care and compassion*), hormat (*respect*), inovasi, kesejahteraan dan kepercayaan, pendekatan ini menandakan peralihan daripada paradigma pembangunan yang berorientasikan material kepada model tadbir urus berasaskan nilai (*value-based governance*).

Peralihan ini mencerminkan pengiktirafan bahawa kestabilan sosial tidak hanya bergantung pada pertumbuhan ekonomi, tetapi turut memerlukan asas etika yang membimbing hubungan antara institusi dan masyarakat. Namun demikian, literatur dasar turut menimbulkan persoalan kritikal tentang sejauh mana nilai-nilai tersebut difahami secara substantif oleh masyarakat. Walaupun konsep seperti ihsan, hormat dan keterangkuman sering dianggap mempunyai resonans universal, pemaknaannya dalam konteks dasar awam tidak semestinya seragam. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa istilah normatif dalam dasar sering ditafsir secara berbeza bergantung pada latar sosial, pengalaman institusi dan kerangka interpretif individu. Dalam hal ini, perpaduan boleh difahami sama ada sebagai toleransi minimum, penerimaan terhadap kepelbagaian, atau komitmen kepada nilai bersama, satu spektrum tafsiran yang memberi implikasi langsung terhadap bagaimana dasar diterjemahkan dalam amalan sosial (Aizathul & Khairul, 2025).

Keadaan ini menunjukkan bahawa keberkesanan sesuatu kerangka nilai bergantung bukan sahaja pada kejelasan prinsip yang digariskan, tetapi juga pada keupayaannya membentuk pemahaman kolektif dalam kalangan warga. Tanpa komunikasi nilai yang konsisten dan bermakna, terdapat risiko bahawa gagasan normatif akan kekal pada tahap retorik tanpa menghasilkan orientasi sosial yang dihasratkan. Dalam konteks ini, beberapa kajian empirikal termasuk Laporan Model al-Muwatanah (2025) menunjukkan bahawa naratif perpaduan dan nilai kenegaraan masih ditafsir secara berlapis dalam masyarakat pelbagai latar. Walaupun sokongan terhadap dasar perpaduan cenderung positif, jurang dalam pemahaman nilai didapati berpotensi mewujudkan ketidaksejajaran antara aspirasi dasar dan interpretasi masyarakat. Pemerhatian ini mencadangkan bahawa dasar berasaskan nilai seperti Malaysia MADANI memerlukan kerangka pemahaman yang lebih operasional agar prinsip yang diketengahkan dapat diterjemahkan ke dalam pengalaman sosial secara lebih konsisten. Justeru, meneliti bagaimana nilai

dasar dimaknai oleh masyarakat menjadi langkah penting dalam memahami dinamika penerimaan dasar serta cabaran pembinaan perpaduan dalam konteks masyarakat kepelbagaian.

### Teori Kefahaman Dasar dan Penilaian Persepsi Masyarakat

Perbincangan mengenai jurang kefahaman dasar tidak dapat dipisahkan daripada kerangka konseptual yang menjelaskan bagaimana masyarakat mentafsir dan memberi makna terhadap dasar awam. *Policy Understanding Theory* menyediakan asas penting dalam hal ini dengan menegaskan bahawa kefahaman dasar bukan sekadar pengetahuan tentang kandungan dokumen rasmi, tetapi melibatkan proses interpretif yang merangkumi dimensi kognitif, afektif dan praktikal (Kraft & Furlong, 2007; Majone, 1989). Dalam kerangka ini, kefahaman kognitif merujuk kepada tahap pengetahuan individu terhadap objektif dan mekanisme dasar; kefahaman afektif berkait dengan sejauh mana nilai dasar dirasakan relevan dan bermakna secara peribadi; manakala kefahaman praktikal merujuk kepada pemahaman tentang implikasi dasar dalam pengalaman seharian. Literatur menunjukkan bahawa ketiga-tiga dimensi ini saling berinteraksi dalam membentuk orientasi masyarakat terhadap dasar. May (1992) berhujah bahawa kefahaman yang jelas terhadap tujuan dasar meningkatkan legitimasi dan keyakinan terhadap institusi, manakala kekaburan atau salah tafsir boleh melemahkan sokongan awam.

Dalam konteks pelaksanaan, Lipsky (1980) melalui teori *street-level bureaucracy* menekankan bahawa pengalaman masyarakat terhadap pelaksana dasar memainkan peranan penting dalam membentuk tafsiran mereka. Apabila komunikasi nilai tidak disampaikan secara konsisten oleh pelaksana di peringkat akar umbi, masyarakat cenderung membina kefahaman alternatif berdasarkan pengalaman peribadi atau sumber maklumat tidak formal. Sehubungan itu, salah faham dasar (*policy misunderstanding*) lazimnya berpunca daripada beberapa faktor utama. Antaranya ialah kompleksiti reka bentuk dasar yang menyukarkan pemahaman awam, kekurangan komunikasi nilai yang menjelaskan rasional normatif di sebalik sesuatu dasar, serta gangguan ekosistem maklumat yang boleh membingkai dasar dalam naratif yang terpisah daripada maksud asalnya. Dalam persekitaran komunikasi digital, proses pembentukan makna ini menjadi lebih dinamik dan terdedah kepada tafsiran yang berlapis.

Kerangka ini relevan dalam konteks kajian semasa kerana ia membantu menjelaskan bagaimana jurang antara kesedaran dasar dan penerimaan dasar boleh berlaku. Kajian empirikal yang berkaitan menunjukkan bahawa tahap kefahaman dasar mempunyai hubungan signifikan dengan orientasi penerimaan masyarakat terhadap dasar awam, menguatkan hujah bahawa *policy comprehension* merupakan komponen kritikal dalam keberkesanan pelaksanaan dasar sosial. Oleh itu, meneliti jurang kefahaman bukan sekadar menilai tahap maklumat yang dimiliki oleh masyarakat, tetapi memahami proses sosial yang membentuk interpretasi nilai dan persepsi terhadap institusi.

### Literasi Perpaduan Sosial Masyarakat Kepelbagaian

Literatur mengenai perpaduan sosial secara konsisten menegaskan bahawa kestabilan dalam masyarakat kepelbagaian bergantung pada kewujudan nilai bersama yang mampu berfungsi sebagai asas kehidupan kolektif. Namun demikian, keberkesanan nilai tersebut tidak hanya ditentukan oleh kehadirannya dalam wacana dasar, tetapi oleh sejauh mana ia difahami, dimaknai dan dikongsi oleh warga. Dalam hal ini, literasi perpaduan sosial merujuk kepada keupayaan masyarakat mentafsir konsep seperti perpaduan, identiti nasional dan keterangkuman secara bermakna dalam konteks pengalaman sosial mereka. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa tafsiran terhadap konsep-konsep ini jarang bersifat homogen. Sebaliknya, wujud kepelbagaian interpretasi yang dipengaruhi oleh latar etnik, generasi dan tahap pendidikan (Zakaria, Yaakob & Zawawi, 2022). Perpaduan, misalnya, boleh difahami sebagai bentuk interaksi sosial harian yang pragmatik, sebagai kerangka politik yang berkait dengan hak dan kedudukan kewarganegaraan, atau sebagai aspirasi normatif yang dibentuk melalui pengalaman digital dan wacana awam (Zuhaili, 2023).

Kepelbagaian pemaknaan ini mencerminkan apa yang sering dirujuk dalam literatur sebagai *interpretive plurality*, iaitu keadaan apabila nilai bersama ditafsir melalui pelbagai kerangka pengalaman sosial. Walaupun kepelbagaian tafsiran merupakan ciri semula jadi masyarakat plural, jurang pemahaman yang terlalu luas berpotensi menjejaskan keupayaan dasar perpaduan untuk berfungsi sebagai mekanisme penyelarasan sosial. Tanpa makna bersama (*shared meaning*), nilai dasar berisiko diterjemahkan secara tidak konsisten, sekali gus melemahkan pembentukan orientasi kolektif yang diperlukan bagi menyokong kestabilan sosial jangka panjang (Lina & Zaleha, 2021). Justeru,

literasi nilai tidak boleh difahami sekadar sebagai tahap kesedaran terhadap dasar, tetapi sebagai proses sosial yang melibatkan internalisasi makna dan pengiktirafan terhadap kepentingan hidup bersama. Pemerhatian ini selari dengan dapatan beberapa kajian empirikal yang menunjukkan bahawa kekeliruan terhadap konsep dasar sering berpunca daripada jurang antara bahasa normatif dasar dan pengalaman sosial masyarakat (Sabri & Aziz, 2025).

### Kerangka Muwatanah Sebagai Pelengkap Kefahaman Dasar

Perbincangan literatur terdahulu menunjukkan bahawa jurang kefahaman dasar sering berpunca daripada ketidaksepadanan antara bahasa teknikal dasar dan cara masyarakat mentafsir nilai yang mendasarinya. Dalam konteks ini, kehadiran satu kerangka nilai yang mampu menjembatani dimensi institusi dan pengalaman sosial menjadi semakin penting. Kerangka al-Muwatanah, yang menekankan prinsip Faham, Adil, Ihsan, Hormat dan Terima, diketengahkan dalam Kajian Model al-Muwatanah sebagai pendekatan nilai yang berorientasikan pembinaan kewarganegaraan inklusif. Nilai-nilai ini boleh difahami sebagai sebahagian daripada apa yang dirujuk dalam literatur sebagai *bridging values*, iaitu prinsip yang berupaya menghubungkan masyarakat merentas identiti sosial dan orientasi ideologi (Katz, 1981). Dari sudut konseptual, nilai Faham berkait rapat dengan gagasan literasi dasar yang menekankan kejelasan makna; Hormat menyokong pembentukan interaksi sosial yang stabil; Terima selari dengan konsep pengiktirafan (*recognition*) dalam masyarakat plural; Ihsan beresonans dengan kerangka care ethics yang menekankan tanggungjawab sosial; manakala Adil mencerminkan prinsip social equity dalam tadbir urus awam.

Penjajaran ini menunjukkan bahawa walaupun kerangka al-Muwatanah berakar daripada tradisi tertentu, orientasi nilainya mempunyai kesepadanan dengan wacana etika yang lebih luas. Dari perspektif kefahaman dasar, kehadiran bahasa nilai yang dekat dengan pengalaman masyarakat berpotensi membantu menterjemahkan prinsip dasar ke dalam bentuk yang lebih mudah dimaknai. Hal ini penting memandangkan salah satu cabaran utama dalam komunikasi dasar ialah jurang antara rasional normatif pembuat dasar dan tafsiran sosial warga. Tanpa mekanisme pemaknaan yang jelas, nilai dasar berisiko kekal sebagai abstraksi yang sukar dihubungkan dengan realiti kehidupan seharian. Pemerhatian empirikal turut memberikan sokongan awal terhadap andaian ini. Dapatan perbincangan kumpulan fokus dalam Kajian Model al-Muwatanah menunjukkan bahawa nilai-nilai tersebut

ditanggapi secara positif oleh peserta daripada pelbagai latar sosial, sekali gus mencadangkan potensinya sebagai kerangka nilai yang bersifat inklusif dan kontekstual. Namun demikian, potensi ini perlu difahami secara analitik, bukan sebagai penyelesaian normative tetapi sebagai lensa interpretif yang membantu menjelaskan bagaimana masyarakat memberi makna terhadap dasar sosial.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan tadbir urus berasaskan nilai, keperluan untuk memperjelas prinsip moral dasar kepada masyarakat menjadi semakin ketara. Walau bagaimanapun, cabaran sebenar tidak hanya terletak pada perumusan nilai, tetapi pada proses sosial yang menentukan bagaimana nilai tersebut diterjemahkan menjadi makna bersama merentas etnik, generasi dan latar pendidikan. Teori kefahaman dasar menegaskan bahawa tahap pemahaman masyarakat terhadap objektif, rasional dan implikasi sesuatu dasar mempengaruhi tahap penerimaan serta sokongan terhadap pelaksanaannya. Dalam kerangka ini, pendekatan nilai seperti al-Muwatanah boleh difahami sebagai penghubung konseptual yang memadukan bahasa institusi dengan bahasa sosial masyarakat. Oleh itu, literatur secara keseluruhannya menunjukkan keperluan kepada penyelidikan empirikal yang mampu menjelaskan bagaimana jurang kefahaman terbentuk, faktor yang mempengaruhinya, dan sejauh mana kerangka nilai bersama dapat menyumbang kepada pengukuhan kefahaman dasar dalam masyarakat kepelbagaian. Perbincangan ini menegaskan bahawa analisis terhadap jurang kefahaman dasar bukan sahaja penting untuk menilai keberkesanan komunikasi dasar, tetapi juga sebagai prasyarat kepada pembinaan kewarganegaraan inklusif dan perpaduan sosial yang mampan.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk *mixed-method* yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi memperoleh gambaran menyeluruh tentang jurang kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan dasar sosial di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana isu kefahaman dasar bukan sahaja berkaitan dengan tahap pengetahuan atau persepsi yang boleh diukur secara kuantitatif, tetapi juga melibatkan tafsiran nilai, pengalaman sosial dan interaksi institusi yang memerlukan analisis mendalam melalui kaedah kualitatif. Dengan menggabungkan kedua-dua pendekatan, kajian ini dapat menilai bukan sahaja tahap kefahaman dasar dan penerimaan masyarakat, tetapi juga konteks sosial yang mempengaruhi pembentukan kefahaman tersebut.

## Reka Bentuk Penyelidikan

Reka bentuk *mixed-method sequential explanatory* digunakan dalam kajian ini. Dalam reka bentuk ini, kutipan data kuantitatif dilaksanakan terlebih dahulu untuk mengenal pasti pola umum mengenai tahap kefahaman, keberkesanan pelaksanaan dan penerimaan dasar sosial dalam kalangan masyarakat (Abowitz & Toole, 2010). Seterusnya, dapatan kuantitatif diperjelaskan melalui data kualitatif yang diperoleh daripada temu bual pakar dan perbincangan kumpulan fokus (FGD). Reka bentuk ini membolehkan dapatan kuantitatif difahami dengan lebih mendalam melalui naratif dan pengalaman peserta. Kajian ini juga berakar dalam kerangka nilai al-Muwatanah yang dibangunkan dalam penyelidikan induk, yang menyediakan pemahaman konteks normatif terhadap bagaimana masyarakat menilai dan memahami dasar sosial. Penggunaan kerangka ini membantu menganalisis dimensi nilai, persepsi dan pengalaman yang mungkin mempengaruhi tahap kefahaman dasar.

## Komponen Kuantitatif

Komponen kuantitatif melibatkan soal selidik yang dijawab oleh 108 responden daripada pelbagai latar etnik, umur, pendidikan dan wilayah, sebagaimana dilaporkan dalam Laporan Model al-Muwatanah. Profil demografi responden tinjauan diperincikan dalam Bahagian 4.1 bagi memberikan konteks kepada interpretasi dapatan kajian. Instrumen soal selidik dibangunkan berdasarkan konstruk-konstruk berikut:

**Jadual 1: Konstruk Kajian Model al-Muwatanah**

BIL.	Konstruk	Objektif
1.	Kefahaman Dasar Sosial	Meliputi tahap pengetahuan, kesedaran dan pemahaman terhadap objektif dasar seperti Dasar Perpaduan Negara, Malaysia MADANI dan program perpaduan lain.
2.	Keberkesanan Pelaksanaan Dasar	Menilai pengalaman responden terhadap pelaksanaan dasar di peringkat komuniti, termasuk aspek penyampaian, ketelusan dan konsistensi agensi.
3.	Penerimaan Dasar Sosial	Mengukur tahap sokongan, kesediaan dan keyakinan masyarakat terhadap dasar kerajaan.
4.	Halangan Pelaksanaan	Menilai persepsi masyarakat terhadap faktor yang menghalang keberkesanan dasar seperti kekangan institusi, salah faham nilai, atau wacana negatif di media sosial.

Konstruk-konstruk ini menggunakan skala Likert 1–5 bagi membolehkan analisis deskriptif dan inferensi. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan analisis regresi berganda untuk mengenal pasti hubungan antara kefahaman dasar, keberkesanan pelaksanaan dan penerimaan dasar. Analisis regresi menunjukkan bahawa kefahaman dan keberkesanan pelaksanaan merupakan ramalan signifikan kepada penerimaan dasar, manakala halangan pelaksanaan memberi kesan negatif terhadap penerimaan. Ini sejajar dengan literatur mengenai *policy comprehension* yang menekankan bahawa kefahaman dasar berkait rapat dengan kesediaan masyarakat untuk menyokong sesuatu dasar (Sabatier, 1991).

Walaupun komponen kuantitatif kajian ini melibatkan 108 responden, saiz sampel tersebut perlu difahami dalam konteks reka bentuk kajian yang bersifat eksploratori dan bertujuan mengenal pasti pola awal berkaitan kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan dasar sosial. Kajian ini tidak bertujuan menghasilkan generalisasi statistik terhadap keseluruhan populasi Malaysia yang bersifat kompleks dan heterogen, sebaliknya berfungsi sebagai asas empirikal awal bagi memahami kecenderungan persepsi masyarakat serta mengenal pasti dimensi kritikal yang memerlukan penelitian lanjut. Selain itu, penggunaan pendekatan *mixed-method* yang menggabungkan data tinjauan dengan temu bual pakar dan perbincangan kumpulan fokus membantu memperkukuh tafsiran dapatan melalui triangulasi data. Pendekatan ini selaras dengan tradisi penyelidikan sosial yang menekankan kedalaman analisis berbanding representasi numerik semata-mata, khususnya dalam kajian yang meneliti konstruk nilai, persepsi dan kefahaman sosial. Justeru, dapatan kuantitatif dalam kajian ini harus ditafsir sebagai indikatif dan kontekstual, serta membuka ruang kepada penyelidikan berskala lebih besar pada masa hadapan.

### Komponen Kualitatif

Bagi memperkukuh dapatan kuantitatif, kajian ini melibatkan dua bentuk pengumpulan data kualitatif: temu bual pakar dan FGD. Sebanyak 6 temu bual separa berstruktur dijalankan dengan pakar dalam bidang dasar sosial, perpaduan, agama, sosiologi dan pentadbiran awam. Temu bual ini bertujuan mendapatkan pandangan mendalam tentang cabaran pelaksanaan dasar perpaduan, persepsi masyarakat terhadap dasar sosial dan mekanisme pembentukan kefahaman dasar. Selain itu, satu sesi FGD melibatkan 15

peserta daripada latar etnik dan agama berbeza turut dilaksanakan bagi menilai bagaimana masyarakat memahami nilai dasar dan bagaimana jurang kefahaman terbentuk. FGD ini memberi gambaran jelas tentang variasi persepsi antara kelompok masyarakat dan menyoroti isu seperti salah tafsir terhadap konsep perpaduan, keaburan makna Malaysia MADANI, serta kebergantungan kepada maklumat media sosial sebagai sumber kefahaman dasar.

Analisis kualitatif dilaksanakan menggunakan pendekatan *thematic analysis* yang mengenal pasti tema-tema utama seperti “salah faham nilai dasar”, “ketidakkonsistenan komunikasi dasar”, “peranan agensi pelaksana” dan “kepentingan nilai dalam memahami dasar”. Tema-tema ini membantu memperjelas dapatan kuantitatif, khususnya mengenai mengapa tahap kefahaman dasar tinggi tetapi keberkesanan pelaksanaan masih sederhana. Penggunaan kaedah campuran membolehkan kajian ini meneliti jurang kefahaman dasar secara holistik. Data kuantitatif memberikan ukuran empirikal terhadap tahap kefahaman, keberkesanan dan penerimaan dasar, manakala data kualitatif menyediakan konteks dan maksud yang lebih mendalam kepada angka-angka tersebut. Pendekatan ini selaras dengan keperluan untuk memahami fenomena sosial yang kompleks dalam masyarakat kepelbagaian, di mana isu kefahaman dasar tidak hanya bergantung kepada maklumat rasmi yang diterima masyarakat, tetapi juga kepada nilai, pengalaman dan interaksi sosial mereka.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan kerangka nilai al-Muwatanah, metodologi gabungan ini membantu menunjukkan bagaimana nilai, persepsi dan struktur institusi membentuk kefahaman dasar dalam masyarakat. Penggunaan pendekatan ini juga bersesuaian dengan amalan penyelidikan dasar moden yang menekankan triangulasi data sebagai kaedah untuk meningkatkan ketepatan dapatan dan kebolehpercayaan analisis.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kuantitatif dan kualitatif kajian serta menghuraikan implikasi teori dan dasar berdasarkan kerangka kefahaman dasar, nilai Malaysia MADANI dan model al-Muwatanah. Gabungan data ini membantu menjelaskan bagaimana jurang kefahaman dasar terbentuk, mengapa ia mempengaruhi penerimaan dasar, dan bagaimana nilai bersama boleh berperanan dalam merapatkan jurang tersebut.

### Profil Demografi Responden

Bahagian ini membentangkan analisis deskriptif terhadap profil demografi responden yang terlibat dalam kajian berkaitan jurang pelaksanaan dasar sosial di Malaysia. Analisis ini merangkumi beberapa pemboleh ubah utama seperti jantina, umur, etnik, agama, tahap pendidikan, bidang pekerjaan, negeri tempat tinggal, lokasi penempatan serta tahap penglibatan dalam aktiviti komuniti atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pelaporan maklumat demografi ini penting bagi menyediakan konteks sosial kepada dapatan kajian, di samping membantu menilai bagaimana latar belakang responden berpotensi mempengaruhi persepsi mereka terhadap pelaksanaan dasar sosial. Perlu ditegaskan bahawa analisis demografi ini tidak bertujuan mencapai representasi statistik populasi nasional, sebaliknya memberikan gambaran kontekstual mengenai komposisi sampel yang menyumbang kepada kefahaman awal tentang dinamika persepsi masyarakat terhadap dasar sosial.

**Jadual 2: Profil Demografi Responden (n = 108)**

Kategori	Item	Bilangan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	58	53.7
	Perempuan	50	46.3
<b>Julat Umur</b>	18–25 tahun	44	40.74
	26–35 tahun	23	21.30
	36–45 tahun	20	18.52
	46 tahun ke atas	21	19.44

Kategori	Item	Bilangan	Peratus (%)
<b>Etnik</b>	Melayu	63	58.33
	India	16	14.81
	Peribumi Sabah	16	14.81
	Cina	8	7.41
	Peribumi Sarawak	5	4.63
<b>Agama</b>	Islam	81	75.00
	Hindu	14	12.96
	Buddha	7	6.48
	Kristian	6	5.56
<b>Tahap Pendidikan</b>	SPM/STPM/Sijil/Diploma	56	51.85
	Sarjana Muda	42	38.89
	Sarjana/PhD	10	9.26
<b>Jenis Kerjaya</b>	Pelajar	41	37.96
	Sektor Kerajaan	27	25.00
	Sektor Swasta	25	23.15
	Bekerja Sendiri	9	8.33
	Tidak Bekerja	6	5.56
<b>Negeri</b>	Negeri Sembilan	37	34.26
	Selangor	21	19.44
	Sabah	20	18.52
	Melaka	10	9.26
	Sarawak	6	5.56
	Wilayah Persekutuan	5	4.63
	Perak	4	3.70
	Johor	3	2.78
	Kelantan	1	0.93
	Pulau Pinang	1	0.93
<b>Kategori</b>	Bandar	76	70.37
	Luar Bandar	32	29.63

Kategori	Item	Bilangan	Peratus (%)
<b>Tahap Penglibatan</b>	Jarang	62	57.41
	Kerap	33	30.56
	Tidak Pernah	13	12.04
<b>Penglibatan Aktiviti Komuniti/ NGO</b>	Kebajikan	74	74.00
	Kesihatan	16	16.00
	Sukan	30	30.00
	Pendidikan	29	29.00
	Keselamatan	14	14.00
	Keagamaan	45	45.00
	Kesenian	7	7.00

Secara keseluruhan, taburan jantina responden adalah relatif seimbang dengan 53.7% lelaki dan 46.3% perempuan. Keseimbangan ini menyokong keterangkuman perspektif gender dalam menilai pelaksanaan dasar sosial, memandangkan pengalaman sosial dan keperluan dasar sering berbeza merentas jantina. Dari sudut umur, majoriti responden terdiri daripada golongan dewasa muda berumur 18–25 tahun (40.7%), diikuti oleh kumpulan 26–35 tahun (21.3%). Corak ini menunjukkan dominasi generasi muda dalam sampel kajian, iaitu kelompok yang lazimnya lebih terdedah kepada perubahan sosial serta aktif dalam pendidikan, pasaran kerja dan jaringan komuniti. Walaupun taburan ini berpotensi mempengaruhi orientasi persepsi terhadap dasar sosial, penglibatan kumpulan umur yang lebih matang turut menyediakan variasi pengalaman yang memperkayakan tafsiran dapatan.

Komposisi etnik memperlihatkan bahawa responden Melayu merupakan majoriti (58.3%), diikuti oleh India dan peribumi Sabah (masing-masing 14.8%), Cina (7.4%) dan peribumi Sarawak (4.6%). Walaupun taburan ini tidak mencerminkan keseimbangan demografi nasional secara tepat, kepelbagaian etnik yang wujud membolehkan kajian ini menangkap spektrum pandangan daripada masyarakat kepelbagaian. Oleh itu, interpretasi dapatan perlu difahami dalam konteks struktur sampel ini. Selaras dengan komposisi etnik, majoriti responden beragama Islam (75%), diikuti Hindu, Buddha dan Kristian. Kepelbagaian agama ini signifikan kerana dimensi kepercayaan sering mempengaruhi orientasi nilai, pertimbangan moral dan penerimaan terhadap dasar sosial.

Dari segi pendidikan, sebahagian besar responden memiliki kelayakan menengah dan diploma (51.8%), manakala 38.9% berkelulusan sarjana muda dan 9.3% memiliki ijazah pascasiswazah. Profil ini menunjukkan bahawa responden secara umumnya mempunyai tahap literasi yang memadai untuk menilai isu dasar awam, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan pandangan yang dikemukakan. Taburan kerjaya menunjukkan keterlibatan pelbagai segmen sosioekonomi, dengan pelajar membentuk kumpulan terbesar (37.9%), diikuti sektor kerajaan dan swasta. Kehadiran responden daripada sektor awam dan swasta adalah penting kerana kedua-duanya berinteraksi secara langsung dengan pelaksanaan dasar sosial, sama ada sebagai pelaksana, penerima manfaat atau pemerhati institusi.

Dari perspektif geografi, responden tertumpu di Negeri Sembilan, Selangor dan Sabah, namun penyertaan daripada beberapa negeri lain tetap menyumbang kepada kepelbagaian konteks wilayah. Majoriti responden menetap di kawasan bandar (70.4%), suatu corak yang selari dengan proses urbanisasi Malaysia. Walaupun begitu, penglibatan hampir satu pertiga responden dari luar bandar membantu mengekalkan sensitiviti terhadap perbezaan cabaran pelaksanaan dasar antara konteks urban dan rural. Tahap penglibatan komuniti pula menunjukkan bahawa lebih separuh responden jarang terlibat dalam aktiviti sosial, manakala sekitar satu pertiga melaporkan penglibatan aktif. Corak ini memberikan petunjuk awal tentang tahap partisipasi sivik yang sederhana dalam kalangan responden, satu faktor yang berpotensi mempengaruhi kesedaran serta kefahaman terhadap dasar sosial.

Penglibatan dalam NGO dan aktiviti komuniti didominasi oleh bidang kebajikan, keagamaan dan pendidikan. Kecenderungan ini mencerminkan orientasi sosial responden yang memberi penekanan kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan modal insan, selari dengan aspirasi dasar sosial negara. Secara keseluruhannya, profil demografi menunjukkan bahawa sampel kajian merangkumi responden daripada latar sosial yang pelbagai. Walaupun komposisi ini tidak bertujuan mewakili keseluruhan populasi Malaysia, heterogeniti pengalaman responden menyediakan asas analitik yang penting untuk memahami bagaimana dasar sosial ditafsir dan dinilai dalam konteks masyarakat kepelbagaian.

## Tahap Kefahaman Terhadap Dasar Sosial

Dapatan kuantitatif menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap dasar sosial berada pada paras yang tinggi (min = 3.76) berdasarkan skala Likert lima mata. Corak ini memberikan indikasi bahawa responden secara umumnya mempunyai kesedaran asas terhadap kewujudan serta tujuan dasar-dasar utama berkaitan perpaduan dan pembangunan sosial, termasuk Dasar Perpaduan Negara, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021–2030 dan gagasan Malaysia MADANI. Walau bagaimanapun, dapatan ini perlu ditafsir secara berhati-hati sebagai gambaran kecenderungan dalam kalangan responden kajian, dan bukan sebagai representasi menyeluruh terhadap populasi masyarakat. Bagi memberikan konteks perbandingan, Jadual 3 merumuskan nilai min bagi tiga konstruk utama yang dianalisis dalam kajian ini.

**Jadual 3: Ringkasan Analisis Deskriptif Konstruk Utama**

Konstruk	Min	Interpretasi
Kefahaman dasar sosial	3.76	Tinggi
Keberkesanan pelaksanaan dasar	3.59	Sederhana
Penerimaan dasar	4.16	Tinggi

Walaupun skor min menunjukkan tahap kefahaman yang positif, triangulasi dengan data kualitatif memperlihatkan gambaran yang lebih bernuansa. Analisis temu bual dan FGD menunjukkan bahawa kefahaman responden cenderung bersifat umum dan tidak semestinya mencerminkan pemahaman mendalam terhadap rasional, nilai dan mekanisme pelaksanaan dasar. Sebagai contoh, sebahagian peserta dapat mengenal pasti slogan Malaysia MADANI, namun menghadapi kesukaran menjelaskan makna nilai terasnya atau mengaitkannya dengan pengalaman sosial harian dan pelaksanaan dasar di peringkat komuniti. Perbezaan antara kesedaran dasar dan pemahaman substantif ini sejajar dengan kerangka *policy understanding theory*, yang membezakan antara *surface-level comprehension* dan *deep-level comprehension* (Kraft & Furlong, 2007; Majone, 1989). Dalam konteks ini, dapatan mencadangkan bahawa pendedahan kepada naratif dasar mungkin telah meningkatkan tahap pengenalan responden terhadap dasar sosial, namun proses internalisasi nilai dan pemahaman terhadap implikasi dasar masih belum berlaku secara menyeluruh.

Kekeliruan dalam mentafsir istilah seperti “perpaduan”, “keterangkuman” dan “identiti nasional” turut menunjukkan bahawa makna dasar tidak sentiasa dibentuk melalui saluran komunikasi institusi, tetapi sering ditapis melalui pengalaman peribadi, wacana media sosial dan persekitaran sosial responden. Keadaan ini berpotensi mewujudkan jurang antara aspirasi normatif dasar dan pemahaman praktikal masyarakat terhadap pelaksanaannya. Dapatan ini membawa implikasi penting bahawa tahap kesedaran terhadap dasar tidak semestinya menjamin kefahaman yang bersifat reflektif atau berorientasikan nilai. Dalam kajian yang meneliti konstruk persepsi sosial, perbezaan antara mengetahui sesuatu dasar dan memahami maknanya merupakan indikator kritikal kepada keberkesanan komunikasi dasar. Justeru, hasil kajian ini memberi petunjuk awal tentang keperluan memperkukuh strategi penyampaian dasar agar tidak hanya meningkatkan keterlihatan dasar, tetapi turut memudahkan pemaknaan nilai dalam kalangan masyarakat.

### **Penerimaan Dasar dan Faktor Penentunya**

Bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penerimaan terhadap dasar sosial, analisis regresi linear berganda telah dijalankan dengan memasukkan kefahaman dasar, keberkesanan pelaksanaan dan halangan pelaksanaan sebagai pemboleh ubah peramal. Secara keseluruhan, model regresi yang dibangunkan didapati signifikan ( $F(3,104) = 59.82, p < 0.001$ ) dan menunjukkan tahap keupayaan penjelasan yang tinggi, dengan nilai  $R^2 = 0.628$ . Ini bermakna sekitar 62.8% variasi dalam penerimaan dasar dapat diterangkan oleh gabungan ketiga-tiga faktor tersebut, manakala selebihnya berkemungkinan dipengaruhi oleh pemboleh ubah lain yang tidak dimasukkan dalam model. Tahap penjelasan ini boleh dianggap substantif dalam kajian sosial yang meneliti konstruk persepsi dan nilai, sekali gus menunjukkan bahawa model yang dibangunkan mempunyai kekuatan ramalan yang memadai dalam memahami dinamika penerimaan dasar.

Jadual 4: Laporan Analisis Regresi Berganda

Pemboleh Ubah	Beta Tak Ternormal (B)	Beta Ternormal ( $\beta$ )	$t$	Sig. (p)	Tafsiran
(Konstan)	1.132	–	4.187	0.000	–
Kefahaman ( $X_1$ )	0.286	0.324	3.792	0.000	Signifikan
Keberkesanan ( $X_2$ )	0.371	0.402	4.661	0.000	Signifikan
Halangan ( $X_3$ )	-0.184	-0.215	-2.943	0.004	Signifikan (negatif)

Antara ketiga-tiga pemboleh ubah, keberkesanan pelaksanaan muncul sebagai peramal paling dominan terhadap penerimaan dasar ( $\beta = 0.402$ ,  $t = 4.661$ ,  $p < 0.001$ ). Dapatan ini memberikan indikasi bahawa pengalaman nyata masyarakat terhadap hasil pelaksanaan dasar memainkan peranan lebih besar berbanding kesedaran normatif semata-mata. Dalam konteks dasar awam, legitimasi sering terbina melalui apa yang dialami oleh masyarakat, bukan hanya melalui apa yang diumumkan oleh institusi. Kefahaman dasar turut menunjukkan hubungan positif yang signifikan ( $\beta = 0.324$ ,  $t = 3.792$ ,  $p < 0.001$ ), menandakan bahawa tahap literasi dasar berupaya menyumbang kepada pembentukan kepercayaan terhadap dasar sosial. Walau bagaimanapun, kekuatan kesan yang lebih sederhana berbanding keberkesanan pelaksanaan mencadangkan bahawa mengetahui sesuatu dasar tidak semestinya mencukupi untuk menjamin penerimaan tanpa disertai pengalaman pelaksanaan yang meyakinkan.

Sebaliknya, halangan pelaksanaan didapati mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan penerimaan dasar ( $\beta = -0.215$ ,  $t = -2.943$ ,  $p = 0.004$ ). Corak ini menunjukkan bahawa persepsi terhadap kekangan institusi, birokrasi atau kelemahan koordinasi berpotensi menghakis keyakinan masyarakat terhadap dasar. Dalam erti kata lain, walaupun dasar dirangka dengan baik, hambatan pada peringkat pelaksanaan boleh menjejaskan sokongan awam. Secara interpretif, dapatan ini menegaskan bahawa penerimaan dasar sosial tidak terbentuk melalui satu dimensi tunggal, tetapi melalui interaksi antara faktor kognitif (kefahaman), pengalaman institusi (keberkesanan pelaksanaan) dan konteks pelaksanaan (halangan). Corak hubungan ini selari dengan literatur penerimaan dasar yang menekankan bahawa sokongan

masyarakat sering bergantung kepada keupayaan institusi menterjemahkan aspirasi dasar ke dalam hasil yang dapat dirasakan.

Dapatan ini turut memberikan sokongan empirikal kepada kerangka Model al-Muwatanah, khususnya dalam menegaskan bahawa penerimaan dasar berkait rapat dengan keselarasan antara nilai yang dikomunikasikan dan realiti pelaksanaan. Justeru, penerimaan terhadap dasar sosial boleh difahami bukan sekadar sebagai reaksi terhadap naratif perpaduan, tetapi sebagai hasil daripada pengalaman sosial yang membentuk tahap kepercayaan terhadap institusi. Walau bagaimanapun, interpretasi dapatan ini perlu difahami dalam konteks reka bentuk kajian yang bersifat eksploratori. Meskipun model menunjukkan kuasa penjelasan yang tinggi, kajian lanjutan dengan sampel yang lebih besar disarankan bagi menguji kestabilan hubungan ini dalam konteks populasi yang lebih luas.

### **Keberkesanan Pelaksanaan Dasar**

Walaupun tahap kefahaman terhadap dasar sosial menunjukkan kecenderungan yang positif, persepsi responden terhadap keberkesanan pelaksanaan dasar hanya berada pada tahap sederhana (min = 3.59). Jurang antara kesedaran dasar dan pengalaman pelaksanaan ini memberikan petunjuk awal bahawa keterlihatan dasar tidak semestinya diterjemahkan kepada keberkesanan di peringkat pelaksanaan. Triangulasi data kualitatif membantu menjelaskan dinamika ini dengan lebih mendalam. Analisis temu bual dan FGD mengenal pasti beberapa faktor utama yang berpotensi menyumbang kepada persepsi sederhana tersebut. Pertama, wujud ketidakseragaman dalam pelaksanaan dasar merentas negeri dan agensi, yang menyebabkan pengalaman masyarakat terhadap dasar tidak homogen. Variasi ini bukan sahaja mempengaruhi tahap akses kepada program sosial, tetapi turut membentuk persepsi tentang kecekapan institusi pelaksana.

Kedua, kekurangan komunikasi nilai dilihat menjadikan dasar sosial lebih bersifat teknikal berbanding transformatif. Apabila objektif moral dan rasional sosial sesuatu dasar tidak diterjemahkan dengan jelas, masyarakat cenderung melihat dasar sebagai prosedur pentadbiran semata-mata, bukan sebagai instrumen pembinaan kesejahteraan sosial. Ketiga, kejelasan peranan institusi pelaksana didapati masih terhad. Sebahagian responden menyatakan ketidakpastian tentang agensi yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program tertentu, sekali gus menimbulkan persepsi fragmentasi dalam tadbir urus sosial. Dalam konteks dasar awam, kekaburan struktur

tanggungjawab boleh melemahkan kepercayaan terhadap keupayaan institusi untuk menyampaikan manfaat dasar secara efektif. Keempat, ketidakkonsistenan sumber maklumat turut dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi pengalaman pelaksanaan. Pergantungan yang semakin meningkat terhadap media sosial sebagai saluran maklumat berpotensi mewujudkan jurang interpretasi apabila naratif tidak diselaraskan dengan komunikasi rasmi kerajaan.

Secara konseptual, dapatan ini mencerminkan kewujudan jurang antara *policy intent* dan *policy experience*, iaitu keadaan apabila aspirasi normatif dasar tidak sepenuhnya dizahirkan dalam realiti pelaksanaan. Kerangka *street-level bureaucracy* (Lipsky, 1980) memberikan penjelasan yang relevan dalam hal ini, dengan menegaskan bahawa pelaksana dasar di barisan hadapan memainkan peranan penting dalam membentuk bagaimana dasar difahami dan dialami oleh masyarakat. Tanpa kefahaman nilai yang mencukupi serta latihan komunikasi yang bersesuaian, pelaksanaan berisiko menjadi mekanikal dan berorientasikan prosedur, sekali gus mengurangkan keupayaannya untuk mencerminkan roh dasar yang ingin dipupuk.

Dapatan FGD turut memberikan sokongan empirikal kepada pemerhatian ini. Walaupun responden secara umumnya menunjukkan keterbukaan terhadap nilai perpaduan, sebahagian mereka tidak melihat nilai tersebut diterjemahkan secara konsisten dalam program atau intervensi kerajaan. Ketidaksepadanan antara naratif dasar dan pengalaman sosial ini berpotensi menjejaskan pembentukan persepsi positif terhadap keberkesanan dasar. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencadangkan bahawa peningkatan kefahaman dasar sahaja tidak mencukupi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan. Sebaliknya, keberkesanan dasar sosial turut bergantung kepada tahap koordinasi institusi, kejelasan komunikasi nilai dan konsistensi pengalaman masyarakat dalam berinteraksi dengan program dasar. Dalam kajian yang meneliti hubungan antara persepsi dan pelaksanaan, faktor-faktor ini merupakan indikator penting kepada keupayaan dasar untuk berfungsi secara bermakna dalam konteks sosial.

### Analisis Faktor Jurang Kefahaman

Analisis data kualitatif menunjukkan bahawa jurang kefahaman terhadap dasar sosial tidak berlaku secara rawak, sebaliknya terbentuk melalui beberapa dimensi struktur dan interpretif yang saling berkait. Dapatan kajian mengenal pasti tiga faktor utama yang berpotensi menyumbang kepada

pembentukan jurang tersebut, iaitu kekaburan bahasa nilai dasar, pengaruh wacana media sosial, dan ketidakkonsistenan komunikasi institusi. Pertama, kekaburan dalam bahasa nilai dasar didapati menghadkan keupayaan dasar untuk berfungsi sebagai rujukan normatif bersama. Istilah seperti “perpaduan”, “keterangkuman”, “hormat” dan “Malaysia MADANI” sering difahami pada tahap konseptual yang umum, namun tidak semestinya diterjemahkan kepada makna operasional yang jelas dalam pengalaman sosial masyarakat. Analisis FGD menunjukkan bahawa sebahagian peserta mentafsir nilai MADANI melalui kerangka keagamaan, manakala yang lain melihatnya sebagai naratif politik. Variasi tafsiran ini mencerminkan ketiadaan pemaknaan kolektif terhadap bahasa dasar, sekali gus berpotensi melemahkan fungsi nilai sebagai asas penyelarasan sosial.

Kedua, peningkatan pergantungan terhadap media sosial sebagai sumber maklumat turut membentuk cara dasar ditafsirkan. Dapatan FGD memberikan gambaran yang lebih spesifik mengenai bagaimana naratif digital mempengaruhi tafsiran dasar. Sebahagian peserta menyatakan kekeliruan antara konsep “hak sama rata” dan “kesaksamaan” setelah terdedah kepada kandungan ringkas di platform media sosial yang mbingkai dasar perpaduan sebagai usaha menyeragamkan identiti budaya. Dalam beberapa perbincangan, responden memetik video pendek atau infografik yang menafsir konsep keterangkuman sebagai ancaman kepada keistimewaan kumpulan tertentu, walaupun tafsiran tersebut tidak selaras dengan dokumen dasar rasmi. Selain itu, terdapat juga persepsi bahawa istilah seperti “Malaysia MADANI” dikaitkan secara sempit dengan agenda politik semasa, hasil daripada wacana partisan yang tular dalam talian. Naratif berbentuk simplifikasi atau sloganik ini cenderung memisahkan nilai dasar daripada konteks institusi sebenar, sekali gus membentuk pemahaman yang bersifat reaktif dan bukan reflektif. Keadaan ini menunjukkan bahawa dalam ekosistem maklumat digital, proses pembentukan makna dasar sering berlaku melalui pengulangan visual dan emosi, bukan melalui pembacaan teks dasar yang menyeluruh

Ketiga, dapatan temu bual pakar mencadangkan bahawa komunikasi nilai antara agensi pelaksana masih belum konsisten. Penekanan yang berlebihan terhadap prosedur teknikal berbanding rasional normatif dasar berisiko menjadikan pelaksanaan bersifat administratif semata-mata. Apabila nilai tidak dikomunikasikan secara jelas, masyarakat cenderung menilai dasar berdasarkan pengalaman birokratik, bukan aspirasi sosial yang ingin dicapai.

Ketidaksejajaran ini berpotensi mewujudkan jarak antara dasar sebagai gagasan normatif dan dasar sebagai realiti institusi. Jadual 5 merumuskan faktor-faktor utama yang dikenal pasti dalam pembentukan jurang kefahaman dasar.

**Jadual 5: Faktor Pembentukan Jurang Kefahaman Dasar**

Faktor	Penjelasan Ringkas
Kekaburan konsep dasar	Nilai dasar ditafsir berbeza antara etnik, umur dan pendidikan.
Wacana media sosial	Informasi bercelaru mewujudkan salah faham dan persepsi negatif.
Ketidakkonsistenan pelaksana	Agensi pelaksana tidak menerangkan nilai dasar secara seragam.
Kekurangan maklumat rasmi	Maklumat dasar sukar diakses atau terlalu teknikal.


Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun Malaysia MADANI menawarkan kerangka nilai nasional yang komprehensif, masih wujud ketidaksepadanan antara aspirasi nilai dan tahap pemaknaan masyarakat. Nilai seperti ihsan, hormat dan keterangkuman secara umumnya diterima sebagai prinsip sosial yang positif, namun sebahagian peserta menghadapi kesukaran untuk mengaitkannya dengan pelaksanaan dasar atau program kerajaan. Fenomena ini boleh dihuraikan melalui konsep *value-implementation gap*, iaitu keadaan apabila nilai dipromosikan pada peringkat dasar tetapi tidak diterjemahkan secara konsisten dalam pengalaman pelaksanaan.

Dari sudut teori kefahaman dasar, dapatan ini turut mencadangkan bahawa dimensi *affective understanding*, yang merujuk kepada internalisasi nilai, masih belum berkembang seiring dengan *cognitive understanding* yang berasaskan pengetahuan. Ketidakseimbangan ini berpotensi mengehadkan keupayaan dasar untuk membentuk orientasi sosial yang lebih kohesif. Implikasinya, usaha memperkukuh kefahaman dasar tidak boleh bergantung kepada penyebaran maklumat semata-mata, tetapi perlu memberi perhatian kepada bagaimana bahasa nilai dirumus, dikomunikasikan dan dialami dalam ruang sosial masyarakat. Dalam konteks ini, jurang kefahaman boleh difahami bukan sekadar sebagai defisit pengetahuan, tetapi sebagai cabaran pemaknaan yang melibatkan interaksi antara naratif institusi, ekologi maklumat dan pengalaman sosial.

## Kerangka Muwatanah Sebagai Penyelesai Jurang Kefahaman

Walaupun istilah al-Muwatanah berasal daripada tradisi intelektual Arab-Islam yang menekankan tanggungjawab kewarganegaraan dan keadilan sosial, nilai-nilai yang mendasari kerangka ini pada asasnya bersifat universal serta merentas sempadan agama dan budaya. Prinsip seperti kefahaman (*understanding*), keadilan (*justice*), ihsan (*compassion*), hormat (*respect*) dan penerimaan (*acceptance*) merupakan nilai manusiawi yang turut mendasari pelbagai kerangka etika global dan wacana kewarganegaraan kontemporari. Dalam konteks masyarakat kepelbagaian, universaliti sesuatu kerangka nilai tidak bergantung kepada asal-usul terminologinya, tetapi kepada keupayaannya merumus prinsip bersama yang boleh difahami, dikongsi dan diamalkan oleh pelbagai komuniti. Dari sudut normatif, orientasi nilai ini menunjukkan kesepadanan yang jelas dengan aspirasi Rukun Negara, khususnya dalam menegaskan kepentingan kesopanan, keadilan sosial, kepercayaan dan keharmonian antara warga.

Keselarasan ini mencadangkan bahawa al-Muwatanah tidak bertujuan menggantikan kerangka perpaduan nasional sedia ada, sebaliknya boleh difahami sebagai pendekatan pelengkap yang membantu memperincikan dimensi nilai dalam pelaksanaan dasar sosial. Nilai al-Muwatanah menawarkan pendekatan nilai yang lebih konkrit dan mudah difahami oleh masyarakat. Kajian mendapati nilai-nilai ini diterima secara meluas oleh peserta pelbagai latar, dan mereka melihatnya sebagai nilai sosial yang benar-benar diperlukan dalam kehidupan seharian. Rajah 1 menggambarkan kerangka konseptual yang dicadangkan dalam kajian ini, iaitu bagaimana nilai nasional yang digariskan melalui Malaysia MADANI dapat diterjemahkan kepada masyarakat melalui lensa interpretif al-Muwatanah. Kerangka ini mencadangkan bahawa jurang kefahaman dasar boleh dirapatkan apabila nilai dasar tidak hanya dikomunikasikan pada tahap normatif, tetapi turut dimaknai melalui prinsip kewarganegaraan yang lebih mudah difahami dan dialami dalam konteks sosial masyarakat.



**Rajah 1: Kerangka Konseptual Nilai MADANI dan al-Muwatanah**

Rajah 1 ini tidak bertujuan membentuk hubungan kausal yang kaku, sebaliknya menawarkan abstraksi konseptual bagi memahami proses pemaknaan nilai dalam pelaksanaan dasar sosial. Penjajaran antara nilai MADANI dan Muwatanah ini menunjukkan bahawa kedua-duanya berkongsi asas etika yang serupa, sekali gus mengukuhkan kedudukan Muwatanah sebagai kerangka nilai yang serasi dengan agenda perpaduan nasional. Dapatan menunjukkan bahawa jurang kefahaman dasar bukan berpunca daripada kekurangan maklumat semata-mata, tetapi daripada kelemahan komunikasi nilai, ketidakseragaman pelaksanaan dan pengaruh wacana sosial yang tidak terkawal. Malaysia MADANI menyediakan kerangka nilai nasional yang kukuh, namun pelaksanaannya memerlukan pendekatan komunikasi yang lebih sistematik agar nilai dasar diterjemah secara konsisten. Kerangka al-Muwatanah pula berpotensi berfungsi sebagai instrumen konseptual terhadap nilai dasar melalui pendekatan nilai yang lebih mudah difahami dan dekat dengan pengalaman sosial. Oleh itu, dapatan ini menegaskan bahawa pemerkasaan kefahaman dasar memerlukan integrasi analitik, nilai dan komunikasi strategik dalam pelaksanaan dasar sosial.

Dalam banyak tradisi pemikiran, meskipun konsep kewarganegaraan sering dirumus melalui bahasa budaya yang berbeza, namun masih berkongsi aspirasi etika yang serupa, iaitu membina kehidupan bersama yang adil, stabil dan saling menghormati.

## SINTESIS DAPATAN DAN IMPLIKASI TEORITIKAL

Kajian ini memperlihatkan bahawa jurang kefahaman terhadap pelaksanaan dasar sosial tidak boleh difahami semata-mata sebagai defisit maklumat, tetapi lebih tepat ditafsir sebagai cabaran pemaknaan nilai dalam masyarakat kepelbagaian. Walaupun responden menunjukkan tahap kesedaran dasar yang relatif tinggi, keberkesanan pelaksanaan yang hanya sederhana mencadangkan bahawa pengetahuan tentang dasar tidak semestinya diterjemahkan kepada keyakinan terhadap pelaksanaannya. Hubungan empirikal yang dikenal pasti melalui analisis regresi mengukuhkan pemerhatian ini apabila kefahaman dasar dan keberkesanan pelaksanaan muncul sebagai peramal signifikan kepada penerimaan dasar, manakala persepsi terhadap halangan institusi berfungsi sebagai faktor yang melemahkan sokongan masyarakat. Corak ini selari dengan literatur tadbir urus awam yang menegaskan bahawa legitimasi dasar sering terbina melalui pengalaman institusi yang konsisten dan dapat dirasai, bukan semata-mata melalui naratif normatif yang dikomunikasikan oleh pembuat dasar (Sharifah & Shakila, 2025).

Dapatan kualitatif seterusnya menunjukkan bahawa jurang kefahaman banyak berpunca daripada ketidaksepadanan antara bahasa nilai dasar dan tafsiran sosial masyarakat. Kekaburan istilah seperti perpaduan, keterangkuman dan MADANI membuka ruang kepada pelbagai pemaknaan, khususnya dalam persekitaran maklumat digital yang bersifat fragmentari. Dalam keadaan ini, masyarakat tidak hanya mentafsir dasar berdasarkan dokumen rasmi, tetapi juga melalui pengalaman sosial dan wacana awam yang membentuk orientasi nilai mereka. Secara konseptual, pemerhatian ini mencadangkan bahawa cabaran utama dasar sosial kontemporari mungkin tidak terletak pada kekurangan kerangka nilai, tetapi pada jurang antara aspirasi normatif dasar dan realiti pelaksanaannya. Ketidaksejajaran antara “dasar sebagai teks” dan “dasar sebagai pengalaman sosial” berpotensi menghadkan keupayaan dasar untuk berfungsi sebagai mekanisme penyelarasan dalam masyarakat plural (Aizathul & Khairol, 2025).

Artikel ini berhujah bahawa keberkesanan dasar sosial dalam masyarakat kepelbagaian bergantung bukan sahaja kepada kejelasan reka bentuk dasar, tetapi kepada sejauh mana nilai tersebut dapat dimaknai secara kolektif dalam pengalaman sosial warga. Sehubungan itu, kerangka al-Muwatanah yang diketengahkan dalam kajian ini boleh difahami sebagai satu abstraksi konseptual yang membantu menjelaskan bagaimana nilai dasar dapat diterjemahkan ke dalam bentuk yang lebih bermakna kepada masyarakat. Dengan menekankan pemaknaan bersama, tanggungjawab kewarganegaraan dan penghormatan terhadap kepelbagaian, kerangka ini berpotensi melengkapi pendekatan perpaduan sedia ada serta menyumbang kepada pengukuhan kewarganegaraan inklusif.

Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini menawarkan beberapa dimensi kebaruan kepada wacana dasar sosial tempatan. Pertama, kajian ini mengalihkan fokus perbincangan daripada penilaian struktur dasar semata-mata kepada persoalan pemaknaan nilai dalam kalangan masyarakat, sekali gus memperluas kerangka analisis penerimaan dasar. Kedua, dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif, kajian ini memperlihatkan bagaimana interaksi antara kefahaman, pengalaman pelaksanaan dan konteks sosial membentuk orientasi masyarakat terhadap dasar perpaduan. Ketiga, pengenalan kerangka al-Muwatanah sebagai lensa interpretif menyumbang kepada usaha merumus pendekatan kewarganegaraan yang lebih inklusif dan kontekstual dalam memahami cabaran perpaduan sosial di Malaysia.

Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja mengenal pasti kewujudan jurang kefahaman, tetapi turut menawarkan asas konseptual bagi memahami bagaimana nilai dasar dapat diterjemahkan secara lebih bermakna dalam masyarakat plural. Dalam konteks literatur tempatan yang masih terhad dalam menghubungkan dimensi nilai dengan penerimaan dasar secara empirikal, kajian ini menyediakan perspektif yang lebih segar dan berorientasikan konteks.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Aspirasi Malaysia MADANI menyediakan kerangka nilai yang signifikan dalam memperkuat orientasi kenegaraan, namun dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman terhadap nilai tersebut masih cenderung bersifat permukaan dan belum diterjemahkan secara konsisten dalam pelaksanaan dasar mahupun interaksi institusi. Keadaan ini menandakan kewujudan jurang antara artikulasi normatif dasar dan proses pemaknaan sosial dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks ini, kerangka nilai al-Muwatanah, yang menekankan prinsip Faham, Adil, Ihsan, Hormat dan Terima, boleh difahami sebagai pendekatan interpretif yang membantu menjelaskan nilai dasar dalam bahasa yang lebih dekat dengan pengalaman warga. Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini memperluas perbincangan mengenai penerimaan dasar sosial dengan menegaskan bahawa pengukuhan perpaduan tidak hanya bergantung pada kejelasan struktur dasar, tetapi turut ditentukan oleh sejauh mana nilai dasar dimaknai secara kolektif.

Penemuan ini mengalihkan fokus analisis daripada penilaian institusi semata-mata kepada proses pembentukan makna dalam masyarakat kepelbagaian, sekali gus menyorot kepentingan dimensi nilai dalam memahami keberkesanan dasar sosial. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak bertujuan membuat tuntutan representasi populasi, sebaliknya memberi penekanan kepada pemahaman mendalam terhadap dinamika kefahaman dasar dalam konteks sosial tertentu. Saiz sampel kuantitatif yang relatif kecil mengehadkan generalisasi statistik terhadap populasi nasional; namun demikian, sifat eksploratori kajian ini membolehkan pengenalan pola awal serta pembinaan asas konseptual bagi memahami hubungan antara nilai dan penerimaan dasar. Kajian lanjutan dengan sampel yang lebih besar serta reka bentuk kebarangkalian disarankan bagi menguji kebolegunaan dapatan secara lebih meluas.

Berdasarkan dapatan empirikal dan sintesis literatur, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkuat kefahaman dasar sosial selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Pertama, pembangunan kerangka komunikasi nilai nasional yang lebih sistematik diperlukan bagi memastikan objektif dan rasional dasar disampaikan dalam bahasa yang bermakna kepada masyarakat. Kedua, usaha memperkasa literasi dasar wajar diperkukuh melalui institusi pendidikan dan program komuniti agar warga bukan sahaja mengetahui dasar, tetapi memahami implikasinya terhadap kehidupan

bersama. Ketiga, latihan komunikasi dasar yang lebih terselaras perlu diberikan kepada agensi pelaksana bagi mengurangkan ketidakkonsistenan dalam penyampaian nilai. Keempat, penilaian berkala terhadap tahap penerimaan dan kefahaman masyarakat wajar diinstitusikan sebagai sebahagian daripada pendekatan *evidence-based policymaking*. Akhir sekali, penglibatan organisasi masyarakat sivil dan NGO sebagai rakan strategik boleh membantu memperluas penyampaian nilai melalui ruang sosial yang lebih dekat dengan komuniti.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menegaskan bahawa jurang kefahaman dasar bukan sekadar isu komunikasi, tetapi mencerminkan cabaran yang lebih mendasar dalam membina makna bersama dalam masyarakat kepelbagaian. Tanpa pemahaman nilai yang jelas, dasar sosial berisiko kekal sebagai aspirasi normatif yang tidak sepenuhnya diterjemahkan dalam realiti sosial. Oleh itu, memperkukuh kefahaman dasar melalui integrasi nilai, komunikasi strategik dan kejelasan institusi merupakan prasyarat penting bagi memastikan agenda perpaduan dan pembangunan sosial dapat direalisasikan secara lebih mampan. Dalam erti kata lain, kekuatan sesuatu dasar tidak hanya terletak pada bagaimana ia dirangka, tetapi pada bagaimana ia difahami, dimaknai dan dikongsi oleh masyarakat yang menjadi teras kepada keberhasilannya.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian output daripada Geran Kajian Polisi Jangka Pendek oleh Kajian Dasar IKRAM bertemakan 'Kajian Model AI-Muwatanah Sebagai Kerangka Negara Bangsa dan Dasar Sosial Inklusif Malaysia'. Pihak penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IKRAM dan UiTM yang telah memberikan dana dan sokongan untuk melaksanakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Abowitz, D. A., & Toole, T. M. (2010). "Mixed Method Research: Fundamental Issues of Design, Validity, and Reliability in Construction Research". *Journal of Construction Engineering and Management*, Vol. 136 No. 1: 108-116.
- Aizathul Hani, A. H. and Khairol Anuar, K. (2025). "Managing Ethnic Relations in Malaysia: Policies, Practices, and Prospects for National Cohesion." *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, Vol. 9 No. 11: 4333-4340.
- Jazimin, Z., Ahmad Faiz, Y. and Hussain, Y. Z. (2022). "Social Cohesion for Community Development in Malaysia: Impact to National Integration." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 12 No. 11: 1293-1305.
- Katz, J. (1981). "Bridging Values". *Childhood Education*, Vol. 57 No. 3: 130-137.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2021). *Dasar Perpaduan Negara*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2021). *Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara
- Kementerian Perpaduan Negara. (2023). *Perpaduan Malaysia Madani: Kerangka Membangun Malaysia Melalui Konsep Perpaduan dalam Kepelbagaian*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Khairul Azhar, M., Mohammad Fahmi, A. H., Syamsul, A. M., Mohd Farhan, M. A., Muhammad Safwan, H., Sabariah, B. dan Hanim, S. (2025). *Laporan Akhir Kajian Model Al-Muwatanah Sebagai Kerangka Negara Bangsa dan Dasar Sosial Inklusif Malaysia*. Bangi: KADRI.
- Kraft, M. E., and Furlong, S. R. (2007). *Public Policy: Politics, Analysis, and Alternatives (2nd ed.)*. Washington, D.C.: CQ Press.
- Lina, M. F. dan Zaleha, H. (2021). "Kesepaduan Sosial sebagai Kunci Perpaduan Nasional di Malaysia," *Jurnal Integrasi Nasional*, Vol. 12 No. 1: 22-36.
- Lipsky, M. (1980). *Street-level Bureaucracy: Dilemmas of the Individual in Public Services*. Russell Sage Foundation, New York.
- Majone, G. (1989). *Evidence, Argument, & Persuasion in the Policy Process*. New Haven, CT: Yale University Press.
- May, P. J. (1992). "Policy Learning and Failure". *Journal of Public Policy*, Vol. 12 No. 4: 331-354.
- Mohd Sabree, N. and Abd Aziz, A. (2025). "Confronting 3R (Race, Religion, Royalty) Sentiments in the Malaysia Madani Era: Revitalising the Rukun Negara for National Harmony." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 15 No. 7: 1743-1758.
- Muhamad Zuhaili, A. R. (2023). "Asimilasi dan Penyatupaduan di Malaysia: Satu Tinjauan." *Jurnal Sejarah dan Integrasi*, Vol. 9 No. 1: 55-68.
- Nor Hafizan, H. S., Siti Norayu, M. B., Siti Balkis, M. I. and Mohd Arsad, J. (2025). "Ethnic Unity and the Malaysia Madani Concept: A Social Assessment." *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, Vol. 40 No. 1: 150-162.
- Nurshuhada, M. and Nur Naimah, M. (2025). "Building a Consensus and Social

- Cohesion Model in Governance: Insights from Malaysia's Madani Approach." *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, Vol. 9 No. 30: 133-143.
- Sabatier, P. A. (1991). "Toward Better Theories of the Policy Process". *Political Science and Politics*, Vol. 24 No. 2: 147–156.
- Sharifah, M. and Shakila Y. (2025). *Public Policy in Malaysia*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Sivakumar, N. (2009). "Values-based Corporate Governance and Organization Behavior – Guidelines from Manusmriti for Ethical and Social Responsibility". *Corporate Governance*, Vol. 9 No. 5: 573–585.

**JURNAL PERPADUAN VOLUME 1, 2026**

**INTEGRASI NASIONAL  
ANTARA SABAH DAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA  
DALAM KONTEKS  
FEDERALISME**

**PENULIS:  
RINA AB HARUN**

# INTEGRASI NASIONAL ANTARA SABAH DAN SEMENANJUNG MALAYSIA DALAM KONTEKS FEDERALISME

**RINA AB HARUN**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sabah  
rinaharun@perpaduan.gov.my

## ABSTRAK

Perjalanan Malaysia dalam membina negara bangsa memerlukan usaha berterusan untuk mengekalkan keharmonian masyarakatnya. Ini menjadikan Malaysia lahir dalam proses penyatuan masyarakat berlandaskan pelaksanaan integrasi nasional. Namun, kerancakan langkah memperkukuhkan pembinaan negara bangsa dibelenggu oleh pertikaian kuasa dan autonomi dengan isu ketidakfahaman mengenai sistem federalisme. Setelah berdekad pembentukan Persekutuan Malaysia, persoalan mengenai agenda tempatan lebih menguasai berbanding agenda nasional. Ini nyata bertentangan dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Artikel ini bertujuan membincangkan pandangan masyarakat terhadap integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia dalam konteks federalisme dan isu-isu federalisme yang mengekang pengukuhan integrasi nasional. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bersandarkan pendekatan fenomenologi. Temu bual mendalam separa struktur dilakukan sehingga ketepuan data diperolehi melibatkan 12 orang penduduk dari etnik Bajau di daerah Semporna yang merupakan salah satu populasi etnik utama di Sabah. Kaedah *Interpretative Phenomenology Analysis* (IPA) digunakan untuk memahami secara mendalam makna kajian dan dapatan kajian diperkukuhkan melalui kaedah analisis analitikal seterusnya data hasil kajian dipersembahkan secara deskriptif. Kajian ini mengguna pakai konsep ketidaksamaan sosial dalam menjelaskan fenomena integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Hasil kajian menunjukkan wujud jurang integrasi nasional yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia serta terdapat isu-isu federalisme mengekang integrasi nasional tersebut. Justeru, kesaksamaan agihan kuasa dalam konteks pelaksanaan sistem federalisme merupakan satu titik penting menentukan keberhasilan pengukuhan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Melalui kajian ini diharap hasrat mengintegrasikan masyarakat dapat direalisasikan berlandaskan pengetahuan yang lebih tepat dan aplikasi tindakan yang lebih wajar.

**Kata kunci:** Integrasi Nasional, Federalisme, Ketidaksamaan Sosial, Jurang Integrasi, Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

## ABSTRACT

*Malaysia's journey in building a nation-state requires continuous efforts to maintain the harmony of its society based on the implementation of national integration. However, the efforts to strengthen the nation-building is fuelled by power and autonomy disputes in line with issues of misunderstanding of the federalism system. After decades of the formation of the federalism, the issues of the local agenda is more dominant than the national agenda. This is clearly contrary to the spirit of the 1963 Malaysia Agreement. Therefore, this study aims to examine the public's view of national integration between Sabah and Peninsular Malaysia in the context of federalism as well as identify federalism issues that constrain the strengthening of national integration. An in-depth study of this phenomenon, it is befitting to use qualitative research methods based on phenomenological design. In-depth semi-structural interviews were conducted with the Bajau ethnic group in Semporna, which is one of the main ethnic populations in Sabah. This study applied the concept of social inequality in explaining the phenomenon of national integration. The Interpretative Phenomenology Analysis (IPA) method was used to deeply understand findings were strengthen through analytical analysis methods and the data form the study were presented descriptively. The results show that there is a significant national integration gap between Sabah and Peninsular Malaysia and that there are issues of federalism restricting national integration. Hence, equality of power distribution in the context of the implementation of federalism system is an important point in determining the success of strengthening national integration among Malaysians. Through this study, it is hoped that the aspiration to integrate society can be realized based on more accurate knowledge and the application of more appropriate actions.*


**Keywords:** *National Integration, Federalism, Social Inequality, Integration Gap, Malaysia Agreement 1963 (MA63).*

## PENGENALAN

Malaysia terbentuk berasaskan negara bangsa sejajar dengan konteks sejarah pembentukan sesebuah negara yang menjadikan perlembagaan sebagai dokumen asas kedaulatan rakyat. Perlembagaan merupakan asas perundangan merangkumi politik, pentadbiran sosial, kebudayaan, agama dan lain-lain aspek. Perlembagaan juga menjadi simbol dokumen tertinggi yang mengikat pelaksanaan kuasa pentadbir dalam sistem negara persekutuan atau federalisme.

Pembentukan Malaysia dimeterai melalui Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai tahun 1963. Situasi tersebut melibatkan implikasi perundangan kepada kemerdekaan Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura. Seterusnya membawa kepada penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 yang melibatkan gabungan Sabah, Sarawak dan Singapura dengan negeri-negeri di Tanah Melayu (A Rahman et al., 2017).

Rentetan sejarah menyaksikan pemisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965 setelah dua tahun menganggotainya. Pemisahan ini dikaitkan dengan pelbagai peristiwa tegang dalam hubungannya dengan kerajaan Persekutuan di Tanah Melayu (Jose, 1997). Wujud perbezaan pandangan politik kedua-dua kerajaan (Ayu et al. 2018) dan turut dizahirkan Tuanku Abdul Rahman semasa persidangan parlimen 1965, yang dipetik seperti berikut:



*“Kadangkala, terdapat perbezaan pendapat antara kerajaan pusat dengan pemimpin-pemimpin kerajaan negeri Singapura, dan perbezaan ini datang dalam pelbagai bentuk, dan sudah banyak kali ianya gagal untuk diselesaikan. Jadi, kami membuat keputusan bahawa kita (Malaysia dan Singapura) perlu berpisah”.*

Malaysia terbentuk melalui gabungan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berlandaskan sistem federalisme ditunjangi sistem demokrasi berparlimen serta raja berperlembagaan. Sungguhpun demikian, terdapat cabaran untuk menyelaraskan kepelbagaian yang wujud antara persekutuan dan negeri-negeri termasuklah aspek pengekalan identiti budaya. Senario ini menjadikan Malaysia lahir dalam proses penyatuan masyarakat berlandaskan pengukuhan integrasi nasional yang berterusan. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan tentang pandangan etnik Bajau terhadap integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia serta mengenal pasti isu-isu federalisme yang mengekang proses integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Artikel ini berasaskan hasil kajian tesis sarjana bertajuk Pandangan Masyarakat Bajau terhadap integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Hasrat penelitian ini, berikutan isu pemahaman yang kurang jelas terhadap integrasi nasional. Hakikat mengenai tahap integrasi nasional yang rendah dan masih gagal ditangani dengan baik disebabkan defisit kepercayaan serta pemahaman dan toleransi dikaitkan dengan sentimen perkauman dan fahaman agama yang sempit.

Namun, persoalan pengukuhan integrasi nasional masih mewarnai canvas perbincangan politik dan sosial di negara ini. Malah setelah melalui proses penjajaran negara bangsa yang panjang, pertikaian tahap atau jurang integrasi nasional masih menjadi persoalan. Ini kerana dalam negara yang melaksanakan sistem federalisme agihan kuasa pentadbir mempengaruhi perancangan dan tindakan mengukuhkan integrasi nasional.

Konflik integrasi nasional melibatkan wilayah dikaitkan dengan faktor kekangan termasuklah perbezaan konteks sejarah pembentukan wilayah, ketamadunan masyarakat serta batas geografi. Fokus mengendalikan integrasi nasional di Semenanjung Malaysia dikaitkan dengan pengurusan hubungan etnik namun, ketidakseimbangan sosio-ekonomi serta tadbir urus kerajaan adalah cabaran utama integrasi nasional di Sabah.

Selain itu, kekhilafan memahami integrasi nasional melibatkan kefahaman dasar mengenai MA63 mencetuskan pandangan berbeza. Perkara ini dikaitkan dengan isu fahaman sempit terhadap konsep dan pelaksanaan sistem federalisme dan pelbagai isu yang masih belum diselesaikan secara tuntas. Isu ini menjadi asas utama hala tuju kerajaan pusat dan negeri tidak berada di landasan yang sama dalam mengukuhkan integrasi nasional.

Justeru, bagi memahami senario yang berlaku, pandangan akar umbi mengenai asas pemahaman mereka terhadap integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia harus diteliti. Penelitian berkisar dalam mengisi kelompangan aspek federalisme termasuklah meneliti faktor kekangan yang menghambat pengukuhan integrasi nasional tersebut.

## **SOROTAN KARYA**

Landskap perbezaan etnik serta pembangunan ekonomi dan wilayah berkait kuasa dan autonomi sistem federalisme berperanan penting merealisasikan integrasi nasional. Oleh itu, penelitian kajian-kajian lepas dikelompokkan kepada tiga tema penting iaitu:

### **Integrasi Nasional dalam Pembinaan Negara Bangsa**

Konsep integrasi nasional merujuk kepada satu proses mewujudkan identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi budaya, sosial dan lokasi dalam sebuah unit politik. Mereka dipupuk menerusi integrasi politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, pendidikan dan wilayah (Ahmad, 1987. Dalam Shamsul, 2012). Dalam proses integrasi, identiti budaya tidak

dihapuskan tetapi disuburkan (Shamsul, 2007). Definisi integrasi ini menjadi asas pentafsiran (Mohd Ridhuan Tee, 2010) dan alat analisis mengupas isu hubungan etnik di Malaysia (Shamsul, 2007). Shamsul (2007) dalam karya suntingannya bertajuk Modul Hubungan Etnik mengupas perpaduan dan integrasi nasional dalam aspek wilayah, ekonomi, budaya, sosial, pendidikan dan politik. Manakala Mohd Ridhuan Tee (2010) pula menilai kesan integrasi terhadap hubungan antara kaum melalui pengaruh agen sosio politik. Kemudian Dzuhaulmi et al. (2015) meneliti keadilan polisi integrasi nasional dari persepsi generasi baharu dan Jazimin et. Al.(2018) mengkaji tahap integrasi nasional dalam konteks demokrasi.

Dalam mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional, sistem federalisme juga harus diteliti kerana di dalamnya tersulam faktor yang boleh menimbulkan ketegangan hubungan antara kaum yang dikaitkan dengan sentiment etnosentrisme, prejudis dan ketidakseimbangan sosio ekonomi. Walaupun pelbagai strategi dilaksanakan tetapi masih terdapat permasalahan dalam mengintegrasikan wilayah khususnya Putrajaya-Kota Kinabalu dan dikaitkan dengan isu kepincangan pelaksanaan federalisme (Jayum et. al., 2003). Selepas PRU ke-14, isu-isu MA63 serta perbezaan tafsiran mengenai status quo Sabah dan Sarawak dalam Perlembagaan Persekutuan tercetus dan menarik minat ramai pihak untuk meneliti semula perjanjian tersebut (ARahman et. al.2017; ARahman Tang, Bilcher & Pandikar Amin 2018; ARahman & Azharudin 2012; Bilcher 2018; Pejabat Perdana Menteri, 20182018; Jayum & Agus 2003; Nurhafilah 2019).

Berdasarkan analisis didapati hampir semua isu yang dibangkitkan adalah berkait dengan pelaksanaan sistem federalisme yang menyentuh hubungan kuasa antara negeri dan persekutuan. Menariknya hubungan dua hala ini berperanan penting mengawal integrasi nasional antara wilayah selaras dengan kajian Hapiz (2018) dalam menjelaskan isu-isu kontemporari federalisme di Malaysia. Senario ini diperincikan oleh Jayum et. al.,(2003) dalam huraian status kedudukan Sabah dan Sarawak yang masih sama walaupun setelah 40 tahun menganggotai Malaysia.

### **Sistem Federalisme, Konsep dan Amalannya di Malaysia**

Perpaduan Malaysia terbina kerana rakyatnya yang pelbagai kaum bersedia menjalin kerjasama, berkongsi kuasa dan bermuafakat dari segi politik (Shamsul, 2012). Asasnya, pelaksanaan sistem federalisme dengan agihan kuasa dan autonomi antara kerajaan pusat-negeri yang termaktub dalam

perlembagaan persekutuan Malaysia.

Sistem federalisme adalah percantuman beberapa wilayah atau negeri yang bersetuju membentuk negara bersekutu di bawah satu struktur perlembagaan pusat. Ia membabitkan pembahagian kuasa berdasarkan persetujuan janji setia antara wilayah (Nurhafilah, 2019). Dua ciri utama federalisme, iaitu kewujudan sekumpulan negeri atau wilayah berhubung melalui faktor geografi, sejarah atau bangsa dan perkongsian sentimen bersama oleh penduduk (Dicey, 1885; dalam Nurhafilah, 2019). Prinsip penting federalisme adalah wujudnya dua peringkat kerajaan iaitu pusat dan negeri yang mempunyai had bidang kuasa dan bebas daripada campur tangan (Shaik, 1984; Herman dalam Shaik, 1984). Ini menunjukkan terdapat doktrin pengasingan kuasa bagi setiap entiti pemerintah.

Namun dalam konteks federalisme di Malaysia, agihan kuasa menimbulkan pelbagai isu (Nurhafilah, 2019). Masalah utama adalah hampir semua kuasa utama dan strategik di bawah kawalan kerajaan pusat (Ramli et al. 2018). Francis Loh dalam Azmil et. al. (2018) menyifatkannya sebagai “federalisme berpusat” yakni hubungan pusat-negeri bersifat “memaksa” dan bukan “kerjasama” Situasi ini semakin ketara apabila hubungan politik kerajaan negeri dan pusat tidak sehaluan.

Sejarah Malaysia membuktikan, pengukuhan integrasi nasional dapat diteliti melalui perkembangan sistem federalisme yang bermula dengan perluasan pengaruh British di Tanah Melayu. Kemudian diikuti pembentukan Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) melalui Perjanjian Persekutuan 1895 (Arkib Negara, 2019; A Rahman, et. al., 2018; A Rahman et. al., 2018; Pejabat Perdana Menteri, 2018; Ramli et. al. 2019; A Rahman et. al. 2017; Jayum et. al. 2003; Agus, 2002; 2006; Shaik, 1984; Simandjuntak 1985). Sistem ini semakin meresap melalui pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dengan gabungan kerajaan dianggotai sembilan Negeri Melayu dan dua Negeri Selat. Perkembangan sistem federalisme di Malaysia mencapai kemuncaknya dengan pembentukan Persekutuan Malaysia yang dimeterai pada 9 Julai 1963 di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London dan dimasyhurkan pada 16 September tahun yang sama.

Ironinya, pelaksanaan sistem federalisme adalah disebabkan kelemahan pentadbiran yang memberi kesan kepada ketidaksamaan sosial sekaligus menggugat keharmonian dan perpaduan sejagat. Bermula dari kelemahan

sistem residen 1874, diikuti oleh penentangan terhadap Malayan Union akibat isu kepentingan etnik. Kemudian kegusaran terhadap isu hubungan etnik membawa pembentukan Persekutuan Malaysia 1963. Jelasnya sistem ini diguna pakai sebagai hasrat mengukuhkan keharmonian masyarakat tetapi kelemahan pelaksanaannya juga boleh menyumbang kepada kegagalan integrasi nasional dan perpaduan negara.

### **Isu Federalisme dan Kesannya dalam Pengukuhan Integrasi Nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia**

Hakikat susunan sejarah sistem federalisme di Malaysia menjelaskan, sosio-politik masyarakat Malaysia dibentuk oleh landskap perbezaan etnik dan wilayah yang dipengaruhi oleh hubungan kerajaan pusat dan negeri. Senario ini dicerminkan dalam pelaksanaan tiga fungsi utama kerajaan iaitu fungsi peruntukan, agihan dan kestabilan yang menentukan keberkesanan hubungan kerajaan pusat dan negeri dalam mengemudi pentadbiran negara (Dzuhailmi, et. al. 2017).

Namun, federalisme sebagai sistem tadbir urus dengan susunan kuasa seimbang yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan tidak berlaku dalam amalan sebenar kerana kuasa memihak kepada kerajaan pusat yang dominan (Aznil et. al., 2018). Wujud ketidakseimbangan kuasa dalam pelaksanaannya di Malaysia (Hapiz 2018; Agus 2002 & 2006; Nursyahidah 2018; Nurhafilah, 2019; Ramli, et. al. 2019).

Sejarah membuktikan wujud kerajaan berautonomi dengan amalan tradisi unik dan mengukuhkan kuasa tempatan mereka sendiri di negeri-negeri yang menganggotai Malaysia. Dalam masa yang sama sifat mengekalkan negara secara keseluruhannya serta pelaksanaan dasar menyeimbangi kecenderungan dominasi kerajaan persekutuan dan aspirasi autonomi komponen menjadi hakikat sebenar pelaksanaan sistem federalisme di Malaysia (Aznil et. al.2018).

Shad Faruqi (2008) menggariskan ciri-ciri sistem persekutuan dan membandingkannya dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti dalam Jadual 1 di bawah. Hakikatnya Malaysia tidak mengamalkan sistem federalisme sepenuhnya kerana pembahagian kuasa dan agihan kewangan tidak seimbang menyebabkan negeri-negeri menjadi terlalu bergantung kepada kerajaan persekutuan (Nurhafilah 2019).

**Jadual 1: Perbandingan ciri-ciri Federalisme Moden dengan ciri-ciri Federalisme berasaskan Perlembagaan Persekutuan Malaysia**

Bil.	Ciri-ciri Federalisme Moden	Ciri-ciri Federalisme berasaskan Perlembagaan Persekutuan Malaysia
1	Beberapa buah negeri / wilayah	Pembahagian kuasa antara beberapa peringkat kerajaan
2	Kerajaan berlapis	
3	Kerajaan negeri/wilayah dan separa autonomi dan tidak lebih rendah daripada kerajaan pusat	Setiap negeri mempunyai kakitangan awam tersendiri melainkan Melaka, negeri Sembilan, Perlis dan Pulau Pinang
4	Pembahagian kuasa antara kerajaan-kerajaan	
5	Ketuanan Perlembagaan	Pemerintahan setiap negeri adalah berdaulat dan mempunyai Dewan Undangan Negeri dan perlembagaan sendiri
6	Kuasa semakan kehakiman oleh mahkamah tertinggi persekutuan apabila berlaku konflik antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri	Perkara dalam bidang kuasa antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri termaktub dalam Jadual Kesembilan
7	Pindaan perlembagaan – dalam persekutuan sebenar, negeri/wilayah mempunyai pengaruh yang besar dalam proses pindaan perlembagaan	Perkara dalam bidang kuasa Persekutuan dikendalikan oleh mahkamah persekutuan, manakala perkara syariah dikendalikan oleh mahkamah syariah pada peringkat negeri.
8	Status sama rata antara negara dan wilayah	

**Sumber: Ubah suai ciri-ciri federalisme daripada Shad Faruqi (2008)**

Menurut Ramli et al. (2019), hubungan persekutuan-negeri, prospek isu dan cabaran menghujahkan isu penting menghambat hubungan pusat-negeri dalam merapatkan jurang antara wilayah adalah aspek pembangunan dan kesejahteraan masyarakat. Antaranya isu devolusi 20% royalti minyak (FMT, 13 Ogos 2018 dan DE 14 Ogos 2018), isu ekonomi dan pembangunan berkait

sumber pendapatan dan infrastruktur, isu pembangunan sosial dalam aspek pendidikan, kesihatan, keselamatan serta isu perlembagaan persekutuan khususnya berkait Perkara 20 Perjanjian Malaysia 1963.

Justeru, bagi merapatkan jurang wilayah serta survival dan kestabilan pembinaan negara bangsa, konsep integrasi nasional diketengahkan dalam semua aspek pembangunan di Malaysia. Perbezaan etnik bukan penyebab berlakunya konflik antara etnik, tetapi melibatkan masalah kemunduran, ketidaksamarataan dan kemiskinan yang melanda rakyat. Prinsip perkongsian kuasa, permuafakatan serta akomodasi antara kaum dan parti politik merupakan tonggak keutuhan dan survival negara (Shamsul 2012;142). Tetapi kepincangan pelaksanaannya menimbulkan ketidaksamaan sosial sekali gus menjejaskan keberhasilan proses integrasi nasional.

## METODOLOGI KAJIAN

### Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan bersandarkan reka bentuk fenomenologi. Teknik temu bual mendalam diguna pakai bagi mendapatkan pandangan, kepercayaan, dan motivasi informan berdasarkan pengalaman yang dibezakan oleh latar belakang pendidikan, persekitaran kerja, tempat tinggal, kematangan umur dan ideologi pemikiran mengikut jantina. Penggunaan bahasa Bajau semasa temu bual bagi menghasilkan penceritaan saintifik adalah aplikasi strategi abduktif pengkaji untuk memasuki dunia aktor sosial bagi menemui persepsi dan tanggapan serta cara mereka mengkonstruksi realiti dunia dan kehidupan.

#### 1. Lokasi Kajian

Daerah Semporna dipilih sebagai lokasi kajian bertepatan dengan pemilihan subjek kajian iaitu etnik Bajau. Walaupun taburan penempatan etnik Bajau berselerak di seluruh Sabah namun kesesuaian lokasi kajian ditentukan oleh populasi dan kependudukan etnik Bajau di Sabah yang tertumpu di daerah Semporna.

**Jadual 2: Populasi Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim di Sabah**

Bil.	Daerah	Bilangan Penduduk Bajau (2000)	Bilangan Penduduk Bajau (2010)
1	Tawau	27,984	30,558
2	Lahad Datu	31,589	38,807
3	Semporna	63,008	75,889
4	Sandakan	37,705	38,897
5	Kinabatangan	1,228	1,861
6	Beluran	3,654	4,668
7	Kota Kinabalu	60,857	72,931
8	Ranau	765	1,089
9	Kota Belud	26,054	31,506
10	Tuaran	25,238	34,637
11	Penampang	11,810	9,133
12	Papar	14,274	19,060
13	Kudat	7,266	17,695
14	Kota Marudu	8,425	10,139
15	Pitas	3,391	3,972
16	Beaufort	1,873	3,346
17	Kuala Penyu	1,675	1,882
18	Sipitang	858	942
19	Tenom	891	1,255
20	Nabawan	90	295
21	Keningau	3,903	5,403
22	Tambunan	226	429
23	Kunak	10,254	13,123
24	Tongod	160	826

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Banci penduduk dan perumahan tahun 2020)

## 2. Kaedah Pensampelan dan Analisis Kajian

Teknik pensampelan bukan kebarangkalian, iaitu pensampelan bertujuan dan pensampelan *snowball* diguna pakai. Penggunaan lebih dari satu teknik pensampelan bertujuan mendapatkan data yang kaya dan mendalam. Ukuran sampel bersandarkan kriteria ketepuan data sehingga tiada maklumat substantif baru diperolehi.

Kaedah *Interpretative Phenomenology Analysis* (IPA) digunakan untuk memahami secara mendalam makna kajian dari sudut pandangan informan sehingga kognisi iaitu gugusan proses mental merangkumi perhatian, ingatan, penghasilan dan pemahaman bahasa, pembelajaran, penaakulan, penyelesaian masalah serta pembuatan keputusan menjadi analisis pusat. Dapatan kajian diperkukuhkan melalui kaedah analisis analitikal dan data hasil kajian dipersembahkan secara deskriptif.

## KONSEP DAN TEORI KETIDAKSAMAAN SOSIAL

Kajian ini mengguna pakai konsep ketidaksetaraan sosial sebagai asas perbincangan dalam menjelaskan fenomena integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Konsep ketidaksetaraan sosial disandarkan kepada teori fungsionalisme dan teori konflik yang menghujahkan kewujudan ketidaksetaraan sosial serta usaha untuk menghapuskan mahupun mengekalkannya dalam masyarakat demi kepentingan tertentu. Aplikasi kedua-dua teori tersebut membuktikan teori-teori ini mampu memahami fenomena ketidaksetaraan sosial antara masyarakat di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

## DAPATAN KAJIAN

### Pandangan Masyarakat Terhadap Integrasi Nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia

Kajian mendapati tumpuan pandangan masyarakat berkisar kepada cabaran dalam pelaksanaan integrasi nasional. Perkara ini disentuh dari sudut perbezaan atau batas nilai sosial, ketidakseimbangan sosio-ekonomi antara wilayah dan juga cabaran sosialisasi politik negara. Kesannya kepada ketidaksetaraan sosial antara kedua-dua masyarakat yang dijelaskan melalui pengukuran ketidaksetaraan sosial dari konteks kuasa, kelas dan status yang ketara berbeza antara masyarakat di Semenanjung Malaysia dan Sabah sekali gus mempengaruhi pandangan mereka.

Kajian ini mendapati 83% informan memahami dengan jelas mengenai konsep integrasi nasional. Manakala 17% informan tidak memahami ketepatan istilah integrasi nasional namun masih memahami maksud asas integrasi nasional. Rumusnya, integrasi nasional pada pandangan masyarakat adalah satu proses penyatuan yang diusahakan untuk mengukuhkan perpaduan dan merapatkan jurang antara wilayah khususnya Sabah dan Semenanjung Malaysia. Ini menjelaskan terdapat kesedaran masyarakat mengenai usaha integrasi nasional sebagai inisiatif pengukuhan perpaduan dan pembentukan identiti nasional masyarakat Malaysia.

Hasil kajian juga mendapati elemen asas integrasi nasional seperti perbezaan nilai sosial iaitu kepelbagaian kaum, budaya, agama dan bahasa masih merupakan batas nilai sosial terbesar yang wujud dalam masyarakat. Pola hubungan kerajaan negeri dan pusat yang tidak menentu menjadikan pelbagai dasar sebagai inisiatif integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia tidak diberi keutamaan berbanding survival kuasa politik masing-masing. Implikasinya berlaku ketidaksamaan sosial di peringkat masyarakat, sekali gus menambahkan lagi ketebalan batas nilai sosial tersebut.

Sungguhpun demikian, dari sudut yang lain perbezaan diketengahkan sebagai keunikan masyarakat mencerminkan identiti Malaysia yang pelbagai. Perkara ini menjadi pegangan dan membentuk ikatan kesepaduan sosial masyarakat. Hakikatnya, perkara ini juga menyuburkan semangat perkauman dan kenegerian serta meningkatkan pembezaan stratifikasi sosial. Keadaan ini akan merencanakan tindakan ke arah mempertahankan status sosial masing-masing yang boleh menyebabkan jurang ketidaksamaan sosial dalam masyarakat semakin meningkat.

Dapatan kajian juga menunjukkan ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Kemajmukan masyarakat Malaysia membuka ruang kepada penguasaan dan dominasi sesetengah etnik dalam ekonomi ditambah dengan pemisahan wilayah antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Perkara ini membuka jurang sosio ekonomi yang besar dan membentuk prejudis kepada etnik yang lebih tinggi taraf hidupnya. Ini berlaku disebabkan kegagalan pengagihan sumber kekayaan secara adil dan saksama memberi kesan kepada taraf kemiskinan dan menjadikan etnik di bawah garis kemiskinan khususnya di Sabah cenderung berkonflik kerana tekanan hidup dan mobiliti sosial yang terhad.

Selain itu, kajian ini mendapati sosialisasi politik berteraskan perkauman dan kenegerian merupakan salah satu cabaran pengukuhan integrasi nasional. Sosialisasi politik Malaysia diwarnai ciri-ciri etnopolitik bermatlamatkan perjuangan kepentingan kaum dan negeri sering kali dieksploitasi dalam meraih undi sokongan. Malah usaha hegemoni parti politik untuk mengekalkan kuasa pemerintahan juga dilaksanakan. Aspek pengukur kejayaan pentadbiran politik di Sabah adalah pembangunan. Maka pembangunan yang tidak memberangsangkan membawa kepada perjuangan parti politik berteraskan tuntutan kepentingan wilayah yang turut mempengaruhi emosi masyarakat di Sabah.

Hasil kajian menunjukkan pergolakan hubungan kuasa dan autonomi antara kerajaan pusat dan negeri yang tidak menentu masih disandarkan kepada asas pembentukan Persekutuan Malaysia iaitu mengenai MA63. Keadaan ini membawa kepada wujudnya sentimen rasa tidak puas hati masyarakat. Ketidakadilan agihan kuasa membawa kepada ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang menjadi pertikaian umum di Sabah.

### **Isu-isu Federalisme yang mengekang Pelaksanaan Integrasi Nasional**

Kajian mendapati terdapat isu-isu federalisme mengekang integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Isu-isu federalisme adalah berkait dengan kuasa dan hubungan pentadbiran antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat yang terikat kepada amalan sistem federalisme di Malaysia. Isu-isu ini dikelompokkan kepada tiga kluster iaitu berkisar Perjanjian Malaysia 1963, isu pembangunan sosio-ekonomi dan isu pembangunan sosial.

Perbincangan isu MA63 bertitik tolak daripada pelaksanaan sistem federalisme di Malaysia yang tidak mencerminkan hasrat sebenar perjanjian tersebut. Isu timbul apabila keistimewaan dijanjikan semasa kemasukan Sabah dalam Persekutuan Malaysia tidak ditunaikan sepenuhnya. Ini dianggap sebagai layanan tidak adil daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri yang membawa kepada desakan penelitian semula MA63.

Selain itu, isu tuntutan royalti minyak 20% yang tidak ditunaikan kerajaan pusat turut dibangkitkan. Isu ini berlanjutan agak lama sehingga menimbulkan pelbagai persepsi negatif terhadap kerajaan pusat yang dikatakan tidak menjaga kebajikan dan tidak menunaikan hak negeri Sabah yang sepatutnya sebagaimana dalam MA63. Masyarakat berpandangan tuntutan ini penting untuk menjana pembangunan di Sabah.

Rentetan itu timbul isu mengenai hubungan kuasa dan autonomi kerajaan negeri dan pusat yang disifatkan sebagai tidak adil kerana sistem federalisme di Malaysia memperuntukkan lebih kuasa kepada kerajaan pusat. Isu mengenai kuasa dan autonomi ini berkisar kepada ketidakseimbangan agihan kuasa tersebut sehingga didakwa kerajaan pusat menyekat keupayaan negeri dalam merancang pembangunan yang memberangsangkan.

Kajian juga mendapati arus sokongan kerajaan negeri kepada kerajaan pusat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pergolakan hubungan antara keduanya. Malah kuasa yang ada pada kerajaan pusat membolehkannya melaksanakan strategi untuk mempengaruhi pemerintah kerajaan negeri mengekalkan sokongan kepada kerajaan pusat. Situasi ini jelas berlaku apabila isu hubungan kuasa ini berlanjutan seawal pemeteraian MA63 sehingga kini yang bergantung kepada arus sokongan tersebut.

Kemuncak pertikaian MA63, menimbulkan sentimen “Sabah untuk Sabah” dan isu Sabah keluar dari Persekutuan Malaysia. Isu ini mengalami pasang surut bergantung sokongan kerajaan negeri kepada kerajaan pusat. Ironinya pertikaian isu ini telah dibangkitkan sejak 1965 iaitu dua tahun selepas penubuhan Persekutuan Malaysia pada 1963. Sentimen ini kekal menjelaskan terdapat jurang yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Isu ini berbangkit ekoran rasa tidak puas hati rakyat Sabah terhadap layanan kerajaan pusat dalam pembangunan negeri Sabah dan dakwaan autonomi Sabah yang terhakis dari semasa ke semasa. Walaupun hasil kajian ini menunjukkan terdapat sebilangan kecil berpandangan Sabah adalah relevan dalam persekutuan namun masih diungkapkan secara bersyarat iaitu perlu melunaskan perjanjian yang dimeterai dalam MA63.

Seterusnya, hasil kajian mendapati ketidakseimbangan pembangunan sosio-ekonomi di Sabah mencetuskan beberapa isu antaranya rasa tidak puas hati terhadap agihan sumber kewangan kepada kerajaan negeri. Formula agihan peruntukan kewangan yang tidak bersesuaian dalam konteks keluasan saiz kawasan dan populasi penduduk di Sabah dijadikan asas menggambarkan ketidakadilan tersebut. Implikasinya kekurangan peluang menjadi penyebab kemiskinan dan kemunduran masyarakat di Sabah yang ketinggalan berbanding negeri lain dalam persekutuan.

Dalam konteks ketidakseimbangan sosio-ekonomi juga, tercetus isu berkait ketidakadilan pembangunan infrastruktur di Sabah. Jurang pembangunan infrastruktur yang ketara berbeza antara Sabah dan Semenanjung Malaysia

menjadi asas pertikaian utama. Janji kerajaan pusat dalam menaik taraf infrastruktur di Sabah seperti lebuh raya Pan Borneo yang belum ditunaikan membangkitkan lagi rasa tidak puas hati masyarakat di Sabah terhadap kerajaan pusat di Semenanjung Malaysia.

Seterusnya keadaan melarat kepada berbangkitnya isu-isu federalisme yang disabitkan dalam aspek pembangunan sosial. Antaranya isu sistem pendidikan, isu borneonisasi dalam perkhidmatan awam serta isu keselamatan. Kekurangan kemudahan pendidikan yang tidak sempurna didapati menjejaskan prestasi pembelajaran dan kualiti pendidikan. Dakwaan pengabaian sistem pendidikan di Sabah disuarakan dalam kajian ini kerana tanggungjawab mengenai pendidikan adalah di bawah kuasa kerajaan pusat.

Demikian juga dengan isu borneonisasi menyentuh keperluan menunaikan Perkara 8 intipati Memorandum 20 berhubung proses borneonisasi dalam perkhidmatan awam. Dalam konteks masa kini dikaitkan dengan Perkara 153: Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu, anak negeri Sabah dan Sarawak. Isu yang dibangkitkan adalah menyentuh ketidakadilan dalam pegangan yang sepatutnya sama dinikmati anak negeri Sabah seperti orang Melayu di Semenanjung Malaysia.

Akhir sekali, isu federalisme yang dibangkitkan adalah isu keselamatan yang menjadi keutamaan negeri dan di bawah tanggungjawab kerajaan pusat. Perkara berbangkit adalah persepsi masyarakat di semenanjung menganggap tahap keselamatan rendah bagi tempat-tempat tertentu di Sabah. Keadaan ini diburukkan lagi apabila pemimpin utama di Semenanjung Malaysia tidak ingin berkunjung ke Sabah menggambarkan persoalan keselamatan di Sabah masih dipertikaikan.

Analisis keseluruhan mendapati semua isu dibangkitkan adalah berkait dengan pelaksanaan sistem federalisme di Malaysia. Walaupun Malaysia meletakkan kepentingan integrasi nasional dalam mewujudkan identiti nasional dan pengukuhan perpaduan masyarakat sebagai agenda utama, namun dalam konteks pelaksanaan kedua-dua kerajaan tidak mencerminkan keutamaan tersebut. Kepincangan hubungan kedua-dua kerajaan diterjemahkan kepada kemunculan isu-isu federalisme yang merupakan isu asas khususnya menyentuh MA63.

Implikasinya ketidaksetaraan sosial yang ketara dirasai di Sabah sekali gus menjelaskan wujud jurang integrasi nasional yang ketara antara Sabah

dan Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, walaupun kesepaduan masyarakat antara wilayah masih terjalin disebabkan sikap toleransi yang tinggi dalam masyarakat. Namun didapati kekangan yang berlaku menyebabkan matlamat ke arah pembinaan identiti negara bangsa Malaysia sukar untuk direalisasikan.

## KESIMPULAN HASIL KAJIAN

Pandangan Etnik Bajau Terhadap Integrasi Nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Kajian ini mendapati pelaksanaan sistem federalisme di Malaysia mempengaruhi pandangan masyarakat Bajau di daerah Semporna terhadap integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Penjelasaannya melalui impak ketidaksamaan sosial yang dialami masyarakat di Sabah ekoran pelaksanaan sistem federalisme ala Malaysia. Kesimpulannya wujud jurang integrasi nasional yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia berdasarkan pandangan masyarakat Bajau di Sabah.

Hasil kajian menunjukkan masyarakat di Sabah faham mengenai integrasi nasional dari sudut konsep, pelaksanaan serta implikasinya kepada Sabah dan Semenanjung Malaysia. Malah jurang integrasi nasional tersebut disedari dan dirasai atas ketidaksamaan sosial yang dialami masyarakat di Sabah berbanding masyarakat Semenanjung Malaysia. Analisis kajian mengenai pandangan etnik Bajau terhadap integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia didapati lebih berkisar kepada perbincangan mengenai cabaran integrasi nasional berbanding membincangkan inisiatif pengukuhan integrasi nasional tersebut.

Kesimpulan kajian, mengenai jurang integrasi nasional yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia adalah selaras dengan beberapa kajian terdahulu mengenai penelitian tahap perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia. (Abdul Rahman Embong 2015; Jazimin et. al. 2018) Justifikasi menunjukkan kewujudan jurang integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia ini adalah dicirikan oleh beberapa perkara yang dianalisis seperti berikut:

## 1. Batas Nilai Sosial Yang Semakin Menebal

Pembentukan batas nilai sosial yang semakin menebal merupakan salah satu ciri asas terdapatnya jurang integrasi nasional yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Kepelbagaian kaum dan budaya, perbezaan amalan kepercayaan beragama dan perbezaan penggunaan bahasa semakin diberikan keutamaan dalam pergaulan masyarakat. Malah ketebalan batas nilai sosial ini ditambah dengan pemisahan wilayah yang turut dijadikan kriteria membataskan pergaulan masyarakat di kedua-dua wilayah.

Perkara ini nyata selari dengan perbincangan mengenai isu tahap integrasi nasional yang rendah dan menjadi polemik sejak dahulu sehingga kini. Menurut Novel Lyndon (2018) pembentukan negara bangsa Malaysia sukar direalisasikan selagi setiap kaum dan etnik gagal mendalami serta menerima nilai kepelbagaian yang wujud di negara ini (Mohd Nasaruddin BH Online 28 Ogos 2019).

Peningkatan batas nilai sosial menjadi trend semasa yang dinyatakan dalam perbincangan ilmiah setiap tahun. Mohd. Ridhuan Tee (2010) menyimpulkan integrasi nasional masih lagi samar, realitinya sentimen perkauman masih kuat mencengkam budaya politik masyarakat dan kepentingan etnik adalah segala-galanya berbanding kepentingan nasional. Shamsul Amri (2012), menjelaskan konflik utama integrasi nasional adalah disebabkan isu kefahaman, kepercayaan dan toleransi yang berkaitan dengan paradigma pemikiran dan pandangan berdasarkan perkauman.

Abdul Rahaman (2015) menyatakan jurang pemisah antara kaum dan agama mula menjarak disebabkan sentimen perkauman yang menebal dan fahaman agama yang sempit. Jazimin et. al. (2018) mengklasifikasikan tahap integrasi nasional masyarakat masih diperingkat sederhana kerana sentimen perkauman yang gagal ditangani dengan baik. Manakala Teo Kok Seong (2019) menghujahkan terdapat defisit kepercayaan antara kaum disebabkan pergaulan yang terhad dan tiada interaksi berkesan sehingga meletakkan status perpaduan dan integrasi nasional di tahap sosial sahaja.

Kini di tahun 2026, perbincangan mengenai perpaduan dan integrasi nasional masih dalam status yang sama, iaitu memperlihatkan

kerapuhan dan kemerosotan selaras dengan dapatan kajian ini yang dilaksanakan pada alaf 2020. Walau pun fokus utama adalah dari sudut antara wilayah dan federalisme, namun dapatan kajian mengukuhkan kenyataan bahawa kerapuhan perpaduan disebabkan ketebalan batas nilai sosial yang semakin ketara dalam masyarakat menjustifikasikan terdapat jurang integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia.

## 2. Ketidaksamaan sosial antara Sabah dan Semenanjung Malaysia

Mansor (2005) menyatakan fokus utama perbincangan integrasi nasional di Sabah adalah ketidaksamaan sosial yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Setelah satu setengah dekad berlalu, keadaan sama masih membelenggu perbincangan mengenai integrasi nasional di Sabah dan selari dengan dapatan kajian ini.

Wujudnya kadar kemiskinan yang tinggi dan prospek pembangunan yang rendah di Sabah menjadi fokus masyarakat dalam memberi pandangan mengenai integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Kajian mendapati perasaan tidak puas hati dibangkitkan dalam pelbagai keadaan apabila kesenjangan taraf sosio-ekonomi Sabah dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Ini selaras dengan kajian oleh A Rahman Tang et. al. (2018), Dzulhailmi, et. al. (2017), dan Shamsul Amri (2012).

Kajian ini membuktikan bahawa agihan sumber kekayaan dan perbandingan antara Sabah dan Semenanjung Malaysia dijadikan ukuran ketidaksamaan sosial. Menurut teori perspektif konflik, tahap ketidaksamaan sosial adalah menekankan persaingan atau perbandingan di antara kumpulan sosial. Dapatan kajian ini bertepatan dengan aliran utama perspektif konflik melalui pendekatan Marxis. Karl Marx dan Friedrich Engels menggunakan andaian konsepsi materialisme masyarakat menegaskan bahawa ekonomi atau kebendaan merupakan faktor asas kehidupan manusia dan membentuk struktur asas masyarakat (*Substructure*). Hakikat sebenar menilai situasi ini dapat dilihat dalam perbezaan status dan kelas yang diandaikan masyarakat di kedua-dua wilayah. Relatifnya perkara ini adalah hasil pelaksanaan sistem federalisme di Malaysia.

Oleh yang demikian dapat dirumuskan asas pembentukan Persekutuan Malaysia adalah sandaran kepada menentukan sejauh mana pelaksanaan

sistem federalisme selari dengan hasrat perjanjian MA63 yang telah dipersetujui bersama suatu ketika dulu. Nyata dapatan kajian lepas mengenai konflik kerajaan pusat dan kerajaan negeri dalam pelaksanaan sistem federalisme adalah berkait dengan isu ketidaksamaan sosial masyarakat. Ukuran kejayaan hubungan pusat-negeri yang dirujuk kepada jurang ketidaksamaan sosial dalam masyarakat ini diguna pakai dalam beberapa kes penilaian pelaksanaan sistem federalisme sama ada di Malaysia mahupun peringkat global (David Mckay 2006; Harihar Bhattacharyya 2010; Mohammad Agus 2002).

### 3. Sosialisasi politik perkauman dan kenegerian

Dapatan kajian menunjukkan aspek politik dan kuasa merupakan perkara utama yang mencorakkan ketidaksamaan sosial yang terbentuk dalam masyarakat dan juga mempengaruhi batas nilai sosial yang semakin menebal, sekali gus menjadi pencetus kepada jurang integrasi nasional yang menjarak antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Keutamaan mengekalkan kuasa dalam arena politik menyebabkan aspek pembangunan sosio-ekonomi masyarakat dikesampingkan.

Sosialisasi politik Malaysia berteraskan perkauman dan kenegerian menegangkan lagi suasana hubungan masyarakat yang sedia tegang oleh batas nilai sosial yang tebal. Matlamat sokongan dan undian untuk mengekalkan kuasa pemerintahan menjadikan parti-parti politik menghalalkan cara untuk menagih simpati perjuangan perkauman dan kenegerian. Situasi ini menyentuh emosi rakyat sekali gus membawa sentimen perjuangan rakyat berdasarkan perkauman dan kenegerian. Mohd Ridhuan Tee (2010), menyatakan sosialisasi politik sama ada secara asuhan atau semula jadi (*nurture atau nature*) telah membawa persepsi dan prejudis yang tidak sihat antara kaum. Dalam konteks pembinaan negara bangsa, Novel Lyndon (2019) menyatakan kesukaran mencapainya memandangkan gerakan politik negara masih berpaksikan kepada kaum (Mohd Nasaruddin BH Online 28 Ogos 2019).

Dapatan kajian yang menunjukkan terdapat sentimen perjuangan Sabah untuk Sabah dan Sabah keluar Persekutuan Malaysia adalah sentimen kenegerian yang merupakan agenda utama dalam perjuangan politik dan jelas telah mengeneipkan agenda nasional penyatuan masyarakat. Ini membuktikan bahawa survival hegemoni kuasa politik kepartian lebih penting berbanding agenda integrasi nasional. Prinsip

ini diulas mendalam oleh Mohammad Agus (2002), yang menggarap kronologi perjuangan parti politik yang ditentukan oleh corak hubungan kerajaan pusat dan negeri bermula pada tahun 1965 iaitu dua tahun selepas pembentukan Persekutuan Malaysia dan sehingga kini modal perjuangan yang sama diguna pakai dinyatakan dalam kajian Nurhafilah (2019) dan Pandikar Amin (2019).

Oleh yang demikian, berdasarkan penelitian mendalam mengenai pandangan etnik Bajau terhadap integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia, kesimpulan utama kajian adalah wujud jurang integrasi nasional yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia yang dinilai melalui batas nilai sosial yang semakin menebal dan jurang ketidaksamaan sosial yang ketara. Perkara ini dipengaruhi oleh sosialisasi politik perkauman, kenegerian dan kewilayahan yang menjadi acuan hubungan kerajaan pusat-negeri dalam pelaksanaan sistem federalisme.

### **Kesimpulan Hasil Kajian Bagi Isu-Isu Federalisme yang Mengekang Pelaksanaan Integrasi Nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia**

Terdapat isu-isu federalisme yang mengekang pelaksanaan integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Hujah ini diperkukuhkan melalui hasil kajian yang mendapati isu-isu federalisme yang telah berlanjutan sepanjang tempoh kewujudan Persekutuan Malaysia dan sering dibahasakan dalam menilai integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia berikut:

#### **1. Kekhilafan Memahami MA63 Adalah Permasalahan Asas Yang Masih Wujud**

Dapatan kajian membuktikan terdapat permasalahan asas mengenai pemahaman MA63 yang belum diselesaikan secara tuntas. Pelaksanaan sistem federalisme ala Malaysia didapati tidak memenuhi hasrat perjanjian MA63 kerana suasana hubungan kerajaan pusat-negeri masih berkisar kepada persoalan melunaskan perjanjian MA63. Situasi ini nyata menunjukkan terdapat permasalahan asas dalam memahami MA63 sehingga menimbulkan pelbagai isu mengekang pelaksanaan integrasi nasional (Ramli, et. al. 2019).

Persoalan semakan semula MA63 sehingga ke peringkat Parlimen menjelaskan terdapat percanggahan tafsiran mengenai hasrat perjanjian itu dimeterai pada tahun 1963. Pelbagai persoalan dalam memahami dan mentafsir MA63 ini membawa kepada perbincangan dan semakan perundangan (A Rahman Tang, et. al.2018; Nurhafila 2019). Kekeliruan pentafsiran timbul di semua peringkat lapisan masyarakat tetapi menyelesaikan kekeliruan tersebut juga merupakan konflik yang kekal sehingga kini.

Menurut perspektif konflik, isu ketidaksamaan sosial merupakan isu sejagat dan berlanjutan kerana kewujudannya memberi kelebihan dan kepentingan kepada sesetengah pihak yang berkuasa dan memiliki sumber kekayaan. Dalam konteks kajian ini, ia jelas diperlihatkan dalam menangani isu MA63 oleh pemimpin-pemimpin negara yang kelihatan tiada penghujung dan tidak kesudahan. Teori perspektif fungsionalisme menyatakan bagi menjamin kelebihan status sosial sekelompok masyarakat, kehendak mengekalkan ketidaksamaan sosial dianggap penting demi kitaran kefungsi dalam masyarakat. Justeru, ini menjelaskan mengapa isu MA63 yang telah dipertikaikan sejak 1963 tidak pernah selesai sehingga kini dan nyata dizahirkan dalam hasil kajian ini.

## **2. Pelaksanaan Sistem Federalisme, Isu Hubungan Kuasa Dan Autonomi Pusat Dan Negeri.**

Kajian ini mengesan bahawa hubungan kuasa dan autonomi antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri tidak ditadbir mengikut semangat sistem federalisme yang sebenar. Terdapat dakwaan pencabulan dan ketidakadilan kuasa dan autonomi yang sering dipertikaikan antara kedua-dua kerajaan pentadbir. Isu hubungan kuasa ini juga mengekang integrasi nasional dan berpotensi melumpuhkan perpaduan masyarakat antara wilayah.

Pertikaian kuasa yang tidak diselesaikan dengan baik sentiasa menjadi pencetus kepada wujudnya isu-isu federalisme yang membelenggu hubungan Sabah dan Semenanjung Malaysia. Pelaksanaan sistem federalisme di Malaysia tidak sepenuhnya mengikut konsep sebenar sistem federalisme dilihat dalam senario pengukuhan kuasa oleh kerajaan pusat yang terus berlaku. Pemusatan kuasa yang terlalu rigid menyukarkan federalisme untuk diamalkan secara adil dan ini

kelas bertentangan dengan apa yang digariskan oleh William Riker (1964) mengenai ruang kuasa tersendiri yang wujud dalam hubungan pusat-negeri. Namun dapatan kajian menjelaskan kesemua isu yang dibangkitkan adalah bertitik tolak daripada pergolakan status kuasa dan autonomi masing-masing. Implikasinya Sabah terus ketinggalan jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia.

Tuntasnya Malaysia masih berhadapan dengan kesukaran pembentukan identiti nasional bangsa Malaysia. Isu-isu federalisme yang dibangkitkan dalam kajian ini merupakan pergolakan semasa yang memberi pengertian besar kepada amalan federalisme di Malaysia. Ianya juga merupakan ujian penting dalam melihat pembinaan hubungan pusat dan negeri yang kukuh berasaskan kepada penghormatan terhadap perjanjian MA63.

Kajian ini juga merupakan petanda penting kepada pentadbir di kedua-dua peringkat untuk melakukan tindakan yang serius dalam menangani isu MA63. Penyelesaian isu MA63 akan diterjemahkan melalui timbal balas hubungan baik kerajaan pusat dan negeri dalam mempamerkan dan melaksanakan pemerintahan yang terbaik. Jika ini berlaku isu-isu federalisme yang mengekang integrasi nasional akan dapat diatasi sekali gus pelaksanaan integrasi nasional bergerak lancar dalam landasannya dan merapatkan jurang integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia seperti yang diharapkan.

## CADANGAN KAJIAN

### Penambahbaikan Dasar dan Polisi Kerajaan

Sepanjang tempoh pembentukan Persekutuan Malaysia nyata banyak tindakan yang dilakukan kerajaan untuk meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional yang diterapkan dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Namun, kajian-kajian yang dilaksanakan menunjukkan masih terdapat jurang integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Ini satu faktor penilaian yang perlu dipertimbangkan pihak pelaksana dasar untuk menilai semula keberkesanan inisiatif integrasi nasional. Oleh itu, dicadangkan pendekatan yang berbeza untuk merapatkan jurang integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia seperti berikut:

1. Perluasan aktiviti pembangunan sosio-ekonomi di Sabah untuk mengatasi ketidaksamaan sosial yang ketara.
2. Perluasan inisiatif memberi pemahaman asas MA63 kerana di situ terselit objektif utama
3. penubuhan Persekutuan Malaysia.
4. Konsep kebajikan dan keadilan ditekankan dalam pelaksanaan setiap dasar berkaitan integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia.
5. Pelaksanaan desentralisasi kuasa dalam aspek kewangan, percukaian dan sumber asli mampu memastikan sistem federalisme lebih berkualiti melalui hubungan pusat-negeri yang dinamik dan bebas sekali gus menyelesaikan isu-isu federalisme yang mengekang pelaksanaan integrasi nasional.

### Percambahan ilmu pengetahuan

Sosiologi menumpukan kepada fenomena sosial, hubungan dan interaksi masyarakat (Waters 1994). Menurut Auguste Comte (1798-1857) dalam *Positive Philosophy* (1852) bermaksud pengetahuan mengenai masyarakat. Demikian selaras dengan pendefinisian oleh Vander Zanden (1996) yang menjelaskan sebagai kajian saintifik interaksi sosial dan organisasi. Manakala, Giddens (1993) menyatakan kajian mengenai kehidupan sosial manusia, kumpulan dan masyarakat. Kajian ini salah satu sumbangan ilmu pengetahuan mengenai bidang sosiologi dengan melihat masyarakat dan interaksinya dari sudut integrasi nasional. Maka, dari sudut percambahan ilmu pengetahuan dicadangkan:

1. Kajian berterusan mengenai integrasi nasional untuk melihat status semasa impak integrasi nasional dalam pembangunan negara bangsa Malaysia.
2. Pelaksanaan kajian dengan sudut pandang yang lain seperti etnik dan lokasi yang berbeza sebagai satu inisiatif pengesahan bersilang dan mengatasi permasalahan integrasi nasional secara lebih komprehensif.
3. umpuan kajian sistem federalisme kepada penilaian sudut pandang penggubal dasar atau tindakan menyesuaikan permasalahan hubungan kuasa dengan penambahbaikan pelaksanaan integrasi nasional.

## PENUTUP

Perpaduan dan integrasi nasional merupakan konsep keramat yang menyulam kemajuan dan kemakmuran masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya di Malaysia. Formula ini diletakkan sebagai tali pengikat keharmonian hidup masyarakat Malaysia yang juga terpisah wilayah. Sama ada diikat ketat mahupun renggang bergantung kepada corak amalan pelaksanaan sistem federalisme yang berkuasa menentukan dasar-dasar berkaitan pengukuhanannya mahupun kerenggangan di sebalik motif kepentingan tertentu. Analogi tersebut menunjukkan hakikat bahawa negara kita Malaysia bergantung tinggi kepada toleransi dan hormat menghormati antara kaum serta hubungan baik kuasa pemerintah di negeri dan pusat untuk menjana keberhasilan integrasi nasional demi perpaduan. Kajian ini menjelaskan pelaksanaan sistem federalisme di Malaysia sememangnya mempengaruhi pandangan masyarakat khususnya di Sabah dalam melihat integrasi nasional sebagai usaha ke arah perpaduan masyarakat di peringkat nasional.

Umum juga mengetahui bahawa kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat sesuatu yang tidak dapat dielakkan malahan berkembang semakin subur. Trend ini menjadikan kerajaan bertindak mengangkat kepelbagaian sebagai suatu budaya identiti masyarakat Malaysia. Namun perkembangan kepelbagaian ini merupakan potensi besar kepada pembentukan stratifikasi sosial masyarakat yang sekali gus membentuk ketidaksamaan sosial dalam masyarakat. Fenomena ini memerlukan satu penyelarasan yang bijaksana pentadbir untuk mencari titik keseimbangan dan keharmonian masyarakatnya dengan mengguna pakai kuasa dalam mengagihkan kekayaan demi mencari keseimbangan status masyarakat sekaligus mengelakkan konflik ketidaksamaan sosial yang boleh menjadi pencetus kepada kegagalan pelaksanaan integrasi nasional.

Justeru, hasil kajian yang menyatakan wujudnya jurang integrasi nasional yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia satu hakikat terdapat permasalahan yang perlu diselesaikan secara tuntas. Kajian menunjukkan isu-isu federalisme mengekang integrasi nasional antara Sabah dan Semenanjung Malaysia perlukan tindakan penyelesaiannya. Dalam konteks federalisme kerjasama baik pentadbir di kedua-dua peringkat penting bagi memastikan integrasi nasional yang dijalankan membuahkan hasil yang diharapkan. Jatuh bangun sesebuah negara bukan sahaja ditentukan oleh kemajuan ekonomi dan politik pentadbirannya tetapi dengan kukuhnya asas untuk membangun iaitu kestabilan sosial dan keharmonian masyarakat

khususnya yang sedia terpisah wilayah antara Sabah dan Semenanjung Malaysia.

## RUJUKAN

- A Rahman Tang Abdullah, A. R., Salleh, A. R., Jaafar, K., & Mulia, P. A. (2017). Perjanjian Malaysia 1963 dan soal perundangan Sabah dan Sarawak: Tinjauan terhadap isu sejarah dalam laman sosial. *Jurnal Komunikasi Borneo* (Edisi Khas Konvokesyen ke-19 UMS).
- A Rahman Tang Abdullah, A. R., Bala, B., & Mulia, P. A. (2018). Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sebagai dokumen sejarah dan kedudukan perundangannya dalam konteks masa kini. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 3(2), 143–184.
- A Rahman Tang Abdullah, A. R., & Mulia, P. A. (2018). Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan hak autonomi Sabah dan Sarawak dalam konteks sejarah dan PRU-14. *Jurnal Kinabalu* (Edisi Khas).
- A Rahman Tang Abdullah, A. R., Bala, B., & Mulia, P. A. (2019). Perjanjian Malaysia 1963: Kerangka perundangan dalam gagasan Malaysia dan proses dekolonialisasi Sabah dan Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 4(1), 117–139.
- A Rahman Tang Abdullah, A. R., & Alih, S. (2017). *Proses kemerdekaan Sabah dan Sarawak (1961–1963): Tinjauan kembali aplikasi perundangan dalam penubuhan Malaysia*. JEBAT: *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 44(1), 24–57.
- Abd Aziz A'zmi, A., Mustafar, F. W., Abdul Karim, A. K., & Suhaini, N. (2017). Realiti kepelbagaian kaum ke arah perpaduan nasional pasca merdeka. *Jurnal Sains Sosial*, 2, 1–24.
- Abdul Rahman Embong. (2015). *Negara-bangsa: Proses dan perbahasan* (Edisi ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ang, K. H. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan satu kajian komprehensif. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 1(4), 42–52.
- Asmady, I., & Mohamad, S. (2014). Kelangsungan dominasi Barisan Nasional di Sabah dalam Pilihan Raya Umum ke-13. *Kajian Malaysia*, 32(Supp. 2), 171–206.
- Aszlan, S., & Safarudin, M. I. (2003). Penilaian faktor-faktor kesenjangan etnik di Malaysia sebagai penghalang perpaduan nasional. *Malaysian Studies: History of Malaysia*.
- Ayu Nor Azilah, M., Haniffa, M. A., & Mohamad, W. N. A. (2018). Impak pemajmukan dalam hubungan Malaysia–Singapura pasca pembentukan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 53–63.
- Azharudin Mohamed Dali. (2012). Perlembagaan Malaysia: Penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia. Dalam *Seminar Perlembagaan Malaysia: Di antara sejarah dan tuntutan semasa*. Arkib Negara Malaysia.
- Azmil Mohd Tayeb, & Annuar, S. N. S. (2018). Federalisme dan pengurusan pendidikan Islam di Kelantan. *Kajian Malaysia*, 36(2), 89–111.

- Beteille, A. (1969). Introduction. Dalam A. Beteille (Ed.), *Social inequality*. England: Penguin Books.
- Bala, B. (2018). Satu daripada tiga belas: Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia, 1961–1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 3(2), 13–52.
- Bala, B., Basrah Bee, B. B., & Dasan, J. (2008). Pengaruh Kesultanan Brunei kepada masyarakat Sabah (Siri 1). *Utusan Borneo*, 13.
- Balasubramaniam, V. (1998). Politik nasionalisme dan federalisme di Malaysia. Selangor: Fajar Bakti.
- Bhattacharyya, H. (2010). *Federalism in Asia: India, Pakistan and Malaysia*. Routledge.
- Chua, A. (2003). *World on fire: How exporting free market democracy breeds ethnic hatred and global instability*. New York: Anchor Books.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Denzin, N., & Lincoln, Y. (2005). Paradigm and perspectives in transition. Dalam N. Denzin & Y. Lincoln (Eds.), *The landscape of qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Dzuhailmi Dahalan, Haslinda Abdullah, & Yasin, S. M. (2017). Keadilan polisi ke arah integrasi nasional di Malaysia: Persepsi generasi baharu. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(6), 78–86.
- Fatimi Hanafi, Zulkanain Abdul Rahman, & Arbaiyah Mohd Noor. (2016). Perpaduan politik asas integrasi nasional di Malaysia. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1.
- Fauziah Ibrahim, Alavi, K., & Hassan, N. (2020). *Penulisan tesis kajian kualitatif dan kuantitatif*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habilah, B. M. H. (2009). *Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif sejarah, keluarga, pendidikan dan agama*.
- Haralambos, M., Holborn, M., Chapman, S., & Moore, S. (2013). *Sociology: Themes and perspectives*. London: Harper Collins.
- Harding, A. J., & Chin, J. (Eds.). (2014). *50 years of Malaysia: Federalism revisited*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Helaluddin. (2018). Mengenal lebih dekat dengan pendekatan fenomenologi: Sebuah penelitian kualitatif.
- Hamidah Abdul Rahman, Ahmad, N., & Abdul Wahab, S. R. (2009). Konsep-konsep asas hubungan etnik. Dalam Hubungan etnik di Malaysia: *Perspektif teori dan praktik* (Bab 1, hlm. 1–15).
- Jasmi, K. A. (2012). *Analisis data dalam penyelidikan kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 3, Felda Residence Tg. Leman, Mersing. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Buletin perangkaan sosial Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas mengikut negeri dan daerah pentadbiran, Sabah 2016*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

- Jazimin Zakaria, & Daud, S. (2018). Menelusuri pendemokasian di Malaysia: Impak terhadap pencapaian integrasi nasional. *E-Academia Journal*, 7(1), 1–14.
- Jawan, J. A., & Yusoff, M. A. (2003). Sabah and Sarawak in Malaysia: Forty years later. *JATI*, 8.
- Jose Tungak. (1997) Hubungan Malaysia Singapura: *Kemungkinan Percantuman Semula*. Universiti Malaysia Sarawak. Pusat Khidmat Maklumat Akademik [Universiti Malaysia Sarawak
- Kamus Dewan. (2017). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Abdullah, M. A. I., Aziz, A. R., & Mohd Noor, M. (2006). *Hubungan etnik di Malaysia*. Pearson Prentice Hall.
- Liu, O. P., & Saibeh, B. (2016). Saexit–Sabah dan Sarawak keluar Malaysia: Tinjauan atas talian pandangan orang Sabah dan Sarawak. Perbincangan Meja Bulat Federalisme dan Isu Hak Negeri, Institut Kajian Etnik.
- Mariappan, K. (2000). *Ketidaksamaan sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mat Kib, M. Z. (2011). Sumbangan Sabah dalam pilihan raya umum ke-12: Relevansi politik pembangunan. *Jurnal Melayu*, (6), 105–120.
- McKay, D. (2006). William Riker on federalism: Sometimes wrong but more right than anyone else. *Regional and Federal Studies*, 14(2).
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis*. London: Sage.
- Mior Jamaluddin, M. K. A. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1).
- Mohammad Hapiz. (2018). *Isu-isu kontemporari federalisme di Malaysia*. ISBN 9780463092729.
- Mohd Izham Unnip Abdullah. (2019, Jun 20). Sabah terima RM88 juta atasi sekolah daif tahun ini. *BH Online*.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasaruddin Parzi. (2019, Ogos 28). Pembentukan bangsa Malaysia sukar direalisasikan. *BH Online*.
- Mohd Taib Osman. (1988). *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3, 61–84.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2015). Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia perspektif media, pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik. *Jurnal Hadhari*, 7(1), 33–60.
- Mohd Syariefudin Abdullah. (2014). MPU3113 *hubungan etnik*. Open University Malaysia.
- Nur Azuki Yusuff, Musa, N. Y., & Sori, W. S. (2012). Faktor utama konflik etnik dan kemampuan gagasan 1Malaysia menurut perspektif mahasiswa.
- Nurhafilah Musa. (2019). Ulasan perundangan pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan. Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pejabat Perdana Menteri. (2018). *Kupasan sejarah Perjanjian Malaysia 1963* (Edisi September 2018). Penerbit Perdana Digital.

- Perlembagaan Persekutuan. (2013). *Perlembagaan Persekutuan*. International Law Book Services.
- Ramli Dollah, Joko, E. P., Sakke, N., Salleh, S., & Rashid, M. F. (2018). Hubungan persekutuan–negeri di Sabah pasca PRU14: Prospek, isu dan cabaran. *Jurnal Kinabalu*.
- Rasyidah Md Khalid, & Jalil, F. (2018). Theories of federal-state relationship. *JUUM*, (Isu Khas), 115–127.
- Ritzer, G. (2003). *Contemporary sociological theory and its classical roots*. Maryland: McGraw-Hill.
- Rohana, Y. (2014). *Asas sains sosial dari perspektif sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusima Sayuti, Lee Abdullah, M. A. I., & Ishak, S. (2004). Kajian hubungan kaum di kalangan pelajar sekolah pembangunan sosial, Universiti Utara Malaysia. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*.
- Saimin Ginsari, & Fernando, J. M. (n.d.). Donald Stephens dan peranannya dalam pembentukan Malaysia. *Jurnal Sejarah*.
- Saldaña, J. (2016). *The coding manual for qualitative researchers (3rd ed.)*. London: Sage.
- Samsudin, M. (2016). Persekutuan Malaysia 1961–1966: *Penubuhan dan cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaiful Bahri Md Radzi. (2016). *Sains sosial dan kemanusiaan: Penyelidikan kualitatif*. Global Media Street Sdn. Bhd.
- Shaikh Mohd Noor Alam Hussain. (1984). *Federalisme di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Modul hubungan etnik*. Kuala Lumpur: UiTM Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul hubungan etnik (Edisi ke-2)*. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). Wawasan 2020: Negara teguh, bangsa terus dibina. Conference paper, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidin, R. (1994). *Pendidikan di Malaysia: Cabaran untuk masa depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Simandjuntak, B. (1985). *Federalisme Tanah Melayu 1945–1963: Satu kajian mengenai masalah-masalah persekutuan di dalam sebuah masyarakat majmuk*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Siti Lailatul Mastura Norazlan, & Amir, A. (2019, September 12). Perpaduan kaum di Malaysia semakin rapuh – Prof. Dato’ Dr. Teo Kok Seong. *UKM Portal Berita*.
- Smith, J. A., & Osborn, M. (2007). *Interpretative phenomenological analysis*.
- Smith, S. C. (1995). *British relations with the Malay rulers from decentralization to Malayan independence 1930–1957*. Oxford University Press.
- Suhana Saad, Lyndon, N., Selvadurai, M. S., Sarmila, M. S., Zaimah, R., & Azima, A. M. (2013). Malay politics and nation state in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(8).

- Suraya Sintang. (2005). Sejarah perkembangan mualaf di Sabah: Peranan dan sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association). *Jurnal Al-Tamaddun*, 1, 51–90.
- Suresh Kumar N. Vellymalay. (2018). Implikasi budaya dan agama ke atas interaksi antara etnik dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. *e-Bangi*, 14(2).
- Suzy Aziziyana Saili, Hussain, R. B. M., & Karim, K. M. (2018). Dialog antara etnik sebagai platform meningkatkan hubungan sosial dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi: Satu tinjauan awal. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 92–103.
- Syamsul Aziziul Marinsah, & Ramli, M. A. (2017). Amalan tradisi Magombo' dalam masyarakat Bajau di Semporna Sabah: Analisis dari perspektif sosiobudaya dan perspektif hukum Islam. *Borneo Research Journal*, 11, 72–86.
- Ting, C. P. (1987). *Hubungan ras dan etnik*. Pustaka Dimensi.
- Usman, H., & Akbar, P. S. (2008). *Metodologi penelitian sosial*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Utusan Borneo Online. (2018, April 24). Zahid akui pembangunan di Sarawak dan Sabah masih jauh ketinggalan.
- Utusan Borneo Sabah. (2016, Ogos 27). Isu Borneonisasi sentiasa dapat tempat di hati PM.
- Vejai Balasubramaniam. (1998). *Politik nasionalisme dan federalisme di Malaysia*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Volden, C. (2004). Origin, operation and significance of the federalism of William H. Riker. *Publius: The Journal of Federalism*, 34(4).
- Yusoff, M. A. (2006). *Malaysian federalism: Conflict or consensus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusoff, M.A. (2002). Politik federalisme di Malaysia: Pengalaman Sabah. *Journal of Southeast Asian Studies*, 7(1).
- Yusoff, M.A, & Austino, L. (2011). Federalisme di Malaysia: Potret hubungan pusat–daerah. *Analisis CSIS*, 40(2).
- Yeap, K. L. (2014). Kajian kualitatif: Satu pengenalan. *Jurnal Keningau*, 3.
- Zarina Othman, Omar, M. K., Jabar, F. A., & Idris, N. A. (2016). Memelihara keselamatan negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(7), 147–159.

**JURNAL PERPADUAN VOLUME 1, 2026**

**PANDUAN PENULISAN  
ARTIKEL  
JURNAL PERPADUAN**

## PANDUAN PENULISAN ARTIKEL JURNAL PERPADUAN

### A. ARAHAN KEPADA PENULIS

#### 1. ARTIKEL

Artikel hendaklah dihantar melalui emel kepada urusetia/sekretariat Jurnal Perpaduan dalam format MS Word (.doc atau .docx) dan disertakan bersama surat iringan (cover letter). Artikel yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan akan ditolak.

#### 2. SKOP

Artikel yang ditulis hendaklah mempunyai skop berikut:

- i. berfokus kepada isu-isu perpaduan.
- ii. mengandungi elemen perpaduan yang jelas dan memberi manfaat kepada perpaduan negara.
- iii. merupakan karya asli penulis dan belum pernah diterbitkan di mana- mana jurnal atau prosiding sebelum ini.
- iv. artikel yang tidak relevan dengan perpaduan akan digugurkan.

#### 3. GAYA PENULISAN

Artikel hendaklah mematuhi format gaya penulisan *American Psychological Association* (APA) style 7th edition (<https://apastyle.apa.org/>).

#### 4. PENGIRIMAN TUNGGAL

Hanya satu artikel sebagai penulis penghubung dibolehkan dalam setiap penerbitan.

## B. KRITERIA PENULISAN ARTIKEL

### 1. BAHASA

Penulisan artikel adalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja.

### 2. HAK CIPTA

Semua artikel yang disumbangkan adalah menjadi hak Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

### 5. PANJANG ARTIKEL

Penulisan artikel adalah antara 5000 hingga 15,000 patah perkataan.

### 6. FORMAT FONT

Font Arial bersaiz 12, jarak langkau 1.15, menggunakan ukuran kertas bersaiz A4.

### 7. SUBTAJUK

Semua huruf besar dan Bold.

### 8. MARGIN

- i. Atas : 2.54 cm
- ii. Bawah : 2.54 cm
- iii. Kiri : 2.54 cm
- iv. Kanan : 2.54 cm

### 9. JARAK LANGKAU

- i. Langkau 1.15 untuk keseluruhan artikel.
- ii. Langkau satu baris antara subtajuk dan baris pertama.
- iii. Langkau satu baris antara subtajuk dan baris terakhir perenggan
- iv. Langkau satu baris antara setiap perenggan.

- v. Perenggan pertama bagi setiap subtajuk perlu rapat ke kiri selari dengan tajuk.
- vi. Langkau satu baris antara perenggan terakhir dengan setiap Diagram/ Jadual/ Carta.
- vii. *Alignment - justified.*

## 10. GAMBAR RAJAH, JADUAL DAN DIAGRAM

Mematuhi format *American Psychological Association (APA) style 7th edition* (<https://apastyle.apa.org/>).

## 11. NOMBOR HALAMAN

Ditempatkan di Kaki Artikel sebelah kanan bawah (*Footer of Article*).

### C. FORMAT ARTIKEL JURNAL

#### 1. TAJUK ARTIKEL

- i. Ringkas dan padat
- ii. *Upper case*
- iii. *Bold*
- iv. *Font bersaiz 14*
- v. *Alignment - centered*

Contoh :

KAJIAN TAHAP PENGETAHUAN TENTANG  
PERANAN MEDIATOR KOMUNITI DI PULAU  
PINANG, SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR DAN JOHOR

#### 2. NAMA PENULIS

- i. Maksimum lima (5) penulis
- ii. *Font bersaiz 12*
- iii. *Upper case*
- iv. *Alignment – centered*
- v. *Bold*

### 3. NAMA INSTITUSI

- i. *Font* bersaiz 10
- ii. *Sentence case*
- iii. *Alignment – centered*

### 4. EMEL PENULIS PENGHUBUNG

- i. *Font* bersaiz 10
- ii. *Sentence case*
- iii. *Alignment - centered*

Contoh :

**\*ERWAN ISMAIL, MARLINA TERMUDI, NORWAHIDAH  
ZINALIBDIN, SYADATUL AMIRA AMINUDIN**

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara  
dan Integrasi Nasional

\*Penulis koresponden : erwan.ismail@utem

### 5. ABSTRAK

- i. Rumusan secara ringkas, padat dan terperinci.
- ii. Antara 150-200 patah perkataan.
- iii. Perlu ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (jika artikel dalam Bahasa Melayu, abstrak dalam Bahasa Melayu diletakkan terlebih dahulu)
- iv. *Alignment - Justified*
- v. *Italic* (untuk bahasa kedua)
- vi. *Font* Arial, bersaiz 10
- vii. Langkau - 1.15
- viii. Mengandungi : Pengenalan, Objektif Kajian, Sorotan Literatur, Metodologi Kajian, Dapatan Kajian, Kesimpulan.

Contoh :

Mediator Komuniti (MK) merupakan individu perantara yang dilantik oleh JPNIN dan mendapat pengiktirafan untuk menjalankan mediasi ke atas pihak-pihak bertelagah dalam kawasan komuniti. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan mengenai peranan sebagai MK dalam kalangan MK dan Bukan MK (BMK) di negeri Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor. Kaedah kajian tinjauan silang-rentas menggunakan borang soal selidik digunakan dalam kajian ini. Populasi kajian terdiri daripada 410 orang MK di empat (4) buah negeri iaitu di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor.

**Kata kunci:** Mediator Komuniti, Peranan, Mediasi, Bukan Mediator Komuniti

## 6. KATA KUNCI

Maksimum kata kunci sebanyak 5 perkataan.

## 7. PENDAHULUAN/ PENGENALAN

- i. Latar belakang kajian
- ii. Pernyataan masalah
- iii. Sorotan literatur
- iv. Kerangka kajian

## 8. SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur daripada kajian dan penulisan lepas.

## 9. METODOLOGI

- i. Pengenalan
- ii. Tempoh kajian
- iii. Rekabentuk kajian
- iv. Sampel kajian
- v. Instrumen kajian
- vi. Kaedah pengukuran
- vii. Kutipan data
- viii. Analisis data

### 10. DAPATAN KAJIAN

Dapatan berdasarkan objektif dan soalan kajian yang dibincangkan. Huraikan dengan jadual dan carta.

### 11. JADUAL, CARTA DAN GAMBAR RAJAH


- i. Tajuk di atas (untuk jadual)
- ii. Tajuk di bawah (untuk carta dan gambar rajah)
- iii. *Bold, title case, alignment – centered*

Contoh :

**Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Negeri Berdasarkan Status MK**


Kategori	Negeri	Frekuensi (N)	Peratusan (%)
MK	Pulau Pinang	35	22.0
	Johor	37	23.3
	Selangor	56	35.2
	W.P. Kuala Lumpur	31	19.5
BMK	Pulau Pinang	31	22.6
	Johor	40	29.2
	Selangor	54	39.4
	W.P. Kuala Lumpur	12	8.8

Contoh :



**Rajah 5.9: Kumpulan Pendapatan Isi Rumah Responden**

Contoh :



**Rajah 6: Kategori Pekerjaan Responden**

**12. PERBINCANGAN**

Penerangan dengan teliti dapatan kajian yang dibincangkan secara kritikal. Ia juga harus disokong dengan rujukan dan justifikasi.

**13. KESIMPULAN/ IMPLIKASI/ CADANGAN**

Kesimpulan mengenai dapatan kajian dan cadangan kepada pihak lain yang berminat dan kepentingan kajian yang dijalankan.

**14. PENGHARGAAN**

Senarai individu atau institusi yang menyumbang.

**15. RUJUKAN**

Mematuhi format *American Psychological Association (APA) style 7th edition* (<https://apastyle.apa.org/>).

## D. PENUTUP

1. Artikel yang berjaya dimuatkan dalam Jurnal Perpaduan akan dimaklumkan oleh pihak IKLIN.
2. Susunan dokumentasi perlu sesuai dengan aturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini.
3. Dengan mengikuti panduan ini, penulis dapat memastikan bahawa artikel yang disumbangkan memiliki struktur yang sesuai dengan standard penulisan ilmiah yang diharapkan oleh Jurnal Perpaduan.
4. Artikel yang lengkap hendaklah dihantar dalam bentuk softcopy beserta surat iringan ke alamat emel urusetia. Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan urusetia seperti berikut :

### **Urusetia Jurnal Perpaduan**

Bahagian Penyelarasan Kajian dan Maklumat

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 **WP PUTRAJAYA**

<p><b>Puan Syahilawani Noordin</b>            Timbalan Pengarah            Tel : 03-88837068            Emel: <a href="mailto:syahilawani@perpaduan.gov.my">syahilawani@perpaduan.gov.my</a></p>	<p><b>Puan Siti Soffiah Muhamad Taib</b>            Penolong Pengarah            Tel : 03-88837000            Emel: <a href="mailto:soffiah.taib@perpaduan.gov.my">soffiah.taib@perpaduan.gov.my</a></p>
--	--

## MAKLUMAT KORPORAT IKLIN

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) merupakan institusi di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang berperanan sebagai pusat penyelidikan dan latihan dalam bidang perpaduan dan integrasi nasional.

Selaras dengan peranan tersebut, fungsi IKLIN adalah seperti berikut:

### 1. Melaksanakan Kajian dan Penyelidikan Perpaduan

IKLIN bertanggungjawab menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan perpaduan dan integrasi nasional bagi menghasilkan dapatan yang boleh dijadikan rujukan dalam pembangunan dasar, program dan inisiatif perpaduan negara.

### 2. Menyediakan Program Latihan dan Pembangunan Kapasiti

IKLIN melaksanakan pelbagai program latihan, kursus dan bengkel kepada pegawai serta pemimpin komuniti bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi dalam bidang perpaduan.

### 3. Menjadi Pusat Perkongsian Ilmu Perpaduan

IKLIN berperanan sebagai platform perkongsian ilmu, idea dan pengalaman dalam bidang perpaduan melalui penganjuran seminar, persidangan, penerbitan serta program ilmiah.

### 4. Menggalakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat

IKLIN menyokong pembangunan modal insan melalui pendekatan pembelajaran berterusan dalam usaha memperkukuh kefahaman dan penghayatan nilai perpaduan dalam masyarakat.

### 5. Menjalinkan Kerjasama Strategik

Menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan organisasi lain di dalam dan luar negara bagi memperluas bidang kajian serta pembangunan kapasiti berkaitan perpaduan.





**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL**